Kertas Bil. 30/2010

SELANGOR

PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
(JPK-ABAS)

1. PENDAHULUAN

1.1. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri telah membentangkan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa sehingga 30 Jun 2010 di dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2010 di Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Persidangan Dewan Negeri Yang Kedua Belas pada 12 Julai 2010 yang lalu.

1.2. Bagi tempoh 1 Julai 2010 hingga 31 Oktober 2010, JPK-ABAS telah mengadakan beberapa sesi mesyuarat dan perbincangan Jawatankuasa pada ketetapan seperti di bawah:

1.2.1. 28 Julai 2010

1.2.2. 4 Ogos 2010

1.2.3. 18 Ogos 2010

2. PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN

2.1. Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Bagi Tahun 2008

2.1.1. JPK-ABAS telah memanggil beberapa Ketua Jabatan yang berkaitan bagi memberi penjelasan terperinci ke atas isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi Tahun 2008. Jawatankuasa turut dibantu oleh Pengarah Audit Negeri Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Bendahari Negeri Selangor, Timbalan Pengarah Jabatan Audit Negeri Selangor dan beberapa pegawai daripada Jabatan Audit Negeri Selangor.

2.1.2. Tiga Agensi dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang dipanggil untuk memberikan penjelasan berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:

i. PKNS Infra Berhad berhubung Pengurusan PKNS Infra Berhad, di panggil pada 5 Mei 2010;

ii. Lembaga Urus Air Selangor Dan Agensi Bekalan Air Negeri berhubung Pengurusan Kualiti Air Minum, di panggil pada 28 Julai 2010;

iii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor berhubung Pengurusan Bangunan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, dipanggil pada 4 Ogos 2010.

2.1.3. Jawatankuasa masih meneliti Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor 2008 dan akan melaporkan kepada Dewan apabila selesai urusan berkenaan dengannya.

2.1. Memorandum dan Aduan

2.1.1. Sebagai sebuah Jawatankuasa yang berfungsi untuk memantau Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, JPK-ABAS telah menerima memorandum dan aduan daripada pelbagai pihak. Sehingga 31 Oktober 2010, Jawatankuasa telah menerima memorandum dan aduan-aduan berikut:

i. Aduan Tunggakan Bil Air RM 815,000 Penduduk Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putra;

- Aduan diterima dan disiasat sejak 7 April 2010.

ii. Memorandum Tuntutan Pampasan Lewat Siap Rumah dan Rumah Kedai di Bandar Armada Putra ke atas Brisdale Holdings Berhad oleh pembeli;

- Aduan diterima pada 18 Ogos 2010

iii. Aduan supaya Siasatan Dilaksanakan ke atas Penjualan 9 Unit Rumah Teres Dua Tingkat di Fasa RT3C, 2 Unit Rumah Teres Satu Tingkat di Fasa RT2A dan 1 Unit Kedai di Fasa RK2B milik SAP Holdings Berhad di Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor;

- Aduan diterima pada 12 Oktober 2010.

iv. Aduan supaya Siasatan Dilaksanakan ke atas Pembangunan Tanah Seluas 9.554 Ekar Milik KDEB/KHSB di HS(D)18264, PT.No.32547, Mukim Dengkil, Daerah Sepang oleh Tetuan Temasik Sehati Sdn Bhd;

- Aduan diterima pada 12 Oktober 2010.

v. Aduan Terhadap Operasi Kuari Haram dalam Tanah Milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad di Bandar Baru Selayang;

- Aduan diterima pada 15 Oktober.

vi. Aduan Terhadap Kesan Sosial kepada Kakitangan kerana Pengecilan Operasi Kumpulan PKPS;

- Aduan diterima pada 17 Oktober 2010.

2.1.2. Semua memorandum dan aduan yang diterima akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa bagi dibincangkan sebelum diputuskan sebarang tindakan Jawatankuasa selanjutnya.

2.2. Isu-isu Penelitian JPK-ABAS

2.2.1. Operasi Pemotongan Air di Pangsapuri Armada Putra, Pulau Indah, Klang;

Jawatankuasa telah menerima aduan Tunggakan Bil Air RM 815,000 Penduduk Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putra pada 7 April 2010. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa telah bersetuju untuk memanggil Agensi yang terlibat dalam dua sesi Pendengaran Tertutup berhubung perkara di atas yang diadakan pada 19 April 2010 dan 29 April, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor.

Pendengaran Tertutup ini di pengerusi oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib dan di hadiri oleh beberapa Ahli Jawatankuasa iaitu Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay, Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz dan Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan.

Agensi yang terlibat telah dipanggil untuk memberikan penjelasan dan wakil Agensi hadir pada 19 April 2010 adalah seperti berikut:

i) Encik Mohammad bin Raffie, Ketua Unit Pembangunan Perniagaan, SAP Urus Harta Sdn. Bhd.

ii) Encik Mohd Zamri bin Omar, Property Management Executive, SAP Urus Harta Sdn. Bhd.

iii) Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Syariff, Presiden INPENS International College

iv) Encik Shahruddin bin Ab Rahman, Pengurus Besar, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)

Manakala bagi sesi kedua pada 29 April 2010, wakil Agensi yang hadir adalah seperti berikut:

i) Puan Anita binti Hamzah, Salient Wizard Sdn. Bhd.

ii) Encik Zulkeply bin Mohamed Nor, Salient Wizard Sdn. Bhd.

iii) Encik Hairul Azman bin Zainal Abidin, Pengarah ADSB Services Sdn. Bhd.

iv) Encik Hairul Aznan bin Zainal Abidin, Pengarah ADSB Services Sdn. Bhd.

Susulan daripada Pendengaran Tertutup tersebut, Jawatankuasa telah melakukan 2 sesi lawatan ke Pangsapuri Armada Putra, Pulau Indah, Klang pada 3 Mei 2010 dan INPENS International College, Kuala Selangor pada 13 Mei 2010. Tujuan lawatan adalah untuk melihat keadaan sebenar aduan dan penjelasan yang diterima oleh Agensi terlibat.

Berdasarkan sesi Pendengaran Tertutup, sesi lawatan dan perbincangan Jawatankuasa, Jawatankuasa melihat permasalahan kebocoran sistem paip air dalaman di Pangsapuri Armada wajar dibantu dengan sejumlah kewangan yang mencukupi bagi mengatasi masalah kebocoran air bagi jangka masa panjang.

2.2.2. **Perpindahan Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) ke INPENS International College**

Jawatankuasa juga telah mengadakan satu sesi Pendengaran Tertutup berhubung perkara di atas pada 18 Ogos 2010, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor.

Pendengaran Tertutup ini di pengerusi oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib dan turut di hadiri oleh Ahli Jawatankuasa iaitu Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay, Y.B. Tuan Lau Weng San dan Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan.

Pendengaran Tertutup ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu Sesi Pertama adalah penjelasan daripada pihak Pengurusan Yayasan Selangor:

i) Tuan Ilham bin Marzuki, Pengurus Besar Yayasan Selangor

ii) Y.Bhg Datin Sabariah binti Ahmad, Timbalan Pengurus Besar (Pendidikan) Yayasan Selangor.

Manakala bagi Sesi Kedua merupakan penjelasan daripada Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) yang di wakili oleh:

i) Puan Norazah binti Asari, Eksekutif Kanan IKYS;

ii) Tuan Nasharuddin bin Baba, Ketua Pegawai Latihan IKYS;

iii) Tuan Idrus bin Mohamed Noor, Pegawai Latihan Kemahiran IKYS;

iv) Tuan Mohd. Sallehuddin bin Sumiran, Pegawai Latihan Kemahiran IKYS;

v) Tuan Mohd Saiful Faizal bin Arbain, Pegawai Latihan Kemahiran IKYS.

Jawatankuasa melihat terdapat ruang untuk isu ini diteliti secara mendalam oleh pihak Kerajaan mengenai keputusan yang diambil terhadap institusi pendidikan tersebut.

2.3. Melalui Ahli Dewan, dalam Mesyuarat Ketiga, Persidangan Penggal Ketiga bermula 8 November hingga 16 November 2010 usul-usul berikut dibentangkan:

i. Menyiasat Keputusan Pengurusan KDEB/KHSB dalam Membangunkan Tanah Seluas 9.554 Ekar di Mukim Dengkil;

ii. Menyiasat Keputusan Penjualan 9 Unit Rumah Teres Dua Tingkat, 2 Unit Rumah Teres Satu Tingkat dan 1 Unit Kedai di Taman Malawati Jaya Kuala Selangor Secara Pukal oleh SAP Holdings Berhad;

iii. Mewujudkan Task-Force bagi Menangani Tuntutan Bayaran Pampasan Pembeli Hartanah di Bandar Armada Putra oleh Brisdale Holdings Berhad;

iv. Mengambil Tindakan bagi Penyelesaian Tunggakan Bil Air RM815,000 Penduduk Pangsapuri Taipan, Bandar Armada Putra, Pulau Indah;

v. Mengatasi Kelemahan PKNS Infra Berhad seperti yang Terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008;

vi. Mempertimbangkan Membuka Semula Operasi Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS);

vii. Mengambil Tindakan Terhadap Operasi Kuari Haram di Tanah Milik Kumpulan Hartanah Selangor Berhad di Bandar Baru Selayang;

viii. Menjelaskan kepada Dewan Keputusan Mengecilkan Operasi Kumpulan PKPS.

Penyata ini dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri bagi dibentangkan sebagai makluman kepada Dewan yang mulia ini.

HJ SAARI BIN SUNGIB
Pengerusi,
Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai
Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri
(JPK-ABAS)

Oktober 2010

LAMPIRAN

Isu Pemotongan Bekalan Air

di Pangsapuri Armada Putra,

Pulau Indah, Klang

LAMPIRAN A

PENDENGARAN TERTUTUP

OLEH

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

19 April 2010 (Isnin), Jam 10.00 Pagi,

Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri,

Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,

40000 Shah Alam

Saksi 1: Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff, Presiden INPENS International College.

(Y. Bhg. Dato' mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa)

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff: Bahawasanya saya, Mohd Mydin bin Mohd Sheriff, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Bismillah hirrahma nnirrahim, Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh*, Dato' boleh jelaskan jawatan Dato' sekarang di INPENS?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Saya adalah sebagai Presiden, INPENS International College.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh Dato' terangkan kepada Jawatankuasa situasi sebenar, apa yang berlaku di situ, macam mana .... bekalan air kena potong..

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff: .. Blok C mula-mula *start leakage* yang paling tinggi. Blok C, *we will concerned because we had our* surau there, *we had our library there, ground floor* la, budak dah tak dak atas dah, *student don't stay there anymore, when we have the problem, I* dah *moved* ke Blok B, *which we have enough space* la, and *we must not forget* , YB, *that women has went down*. Blok A dengan B, *technically* dia boleh *ambik* budak dalam seribu dua ratus orang, kita hanya masa tu dah tinggal 900, *the enrollment has went down. It just sufficient for me to have just* Blok *A and B, A for girls, B for boys, C and D technically* bila *agreement* pun dah habis kita *tak ambik* dah. *With the* masalah, *but there was no more water problem because the water* punya *supply had been*.. dah pun dipotong. *See, there was no more*

water, you know... . After Januari bila dia potong, Y.B., mungkin SYABAS *has all the chronology they have their,* apa, *what they did, what their.. I think I'm sure they will come and give to* Y.B. la, depa *buat chronology* dia from awal 2004, sampai lah aaa... kalau tak silap saya sampai ... September aaa ... 2007 la. Dia tunjuk semua *the chronology that has taken place* lah.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Dato', *just for clarification, you've got 4 blocks, A, B, C, D.* Air, SYABAS *supply* air, adakah satu meter lepas itu ada 4 meter?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dak, dak, dia ada dua *parallel,*

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Semua *parallel*? So jadi takde luar meter lagi la. Blok.. blok saja ada meter?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dia sebelum masuk tu dia ada dia punya *own..* apa tu lah, *bulk water pipe* meter, so Blok A ada satu, B ada satu, C ada satu, D ada satu. Jadi A, B, *no problem because it was normal, so we pay accordingly, D the moment we are already* ..apa.. *give up, we don't pay anymore, C , we will* aaa.. apa, *compel to pay because we have our* surau *there* lah, *for* sembahyang kan? *What we have done,* kita sambung paip Blok B ke Blok C, guna *external pipe.*

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Ok, A,B,C, D. Sampai *bulk* meter itu, *repair work* itu, sebelum *bulk* meter kah selepas *bulk* meter?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Repair? Repair* is selepas..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Selepas *bulk* meter? OK. Itu bukan tanggungjawab SYABAS, itu tanggungjawab Brisdale ke, INPENS ke.. atau individual.. Kerana itu, kerana itu, dia ambil tanggungjawab, bil-bil bulan-bulan, macam mana pemilik rumahitu bayar kepada...

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dak dak, bil air kita semua bayar,

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Ya? So, jadi pemilik terlibat lah?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *So, that one we don't know* lah, yang mana, tapi kalau dia dah baiki *bulk* meter,

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Ya, *bulk* meter, selepas itu, *unless you inform every pemilik* aa? *You got ten thousand bills,* ada seratus wang, *thousand dollars of you pay* ke apa. *You have to send the bill to each of them,* bulan-bulan. Tanggungjawab Brisdale.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dia mengurus bangunan tu la.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Pengurus bangunan? *They also .. aaa.. is a developer* juga la? Dan juga Pengurus Bangunan. Kalau biasanya, kalau Dato' tak *rent* sana kalu, dia kena bagi tahu satu-satu pemilik , err.. surat itu, berapa dia kena bayar *to contributes towards the bill. Contribution towards the* Brisdale. Sekarang *you* buat lah. Kalau *you* takde di sana,

individual houses must pay. You understand or not? Itu yang tanggungjawab lah. Ok, saya.. pandangan saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bil, rate tarikh untuk Blok A, B, C, dan D ya? Adakah semuanya sama?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Same.*

Y.B. Tuan Pengerusi: *Same?* Kita dapat aduan, maknanya aaa ... untuk Blok A dan B, dia pakai kod 18, iaitu, untuk rumah pangsa kos rendah, dengan kadar 80 sen satu meter padu, sedangkan Blok C dan D, kos 11 – industri, dengan bayaran dua ringgit dua puluh lapan sen.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *That one,* I minta maaf, *I wasn't even aware that kind of rate, you know,*

Y.B. Tuan Pengerusi: Takpe lah, itu hanya...

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Saya hanya meminta, *because* Y.B. *must understand,* aaa ... INPENS punya kedudukan kewangan *very critical that time,* memang *you know, very bad* lah, *so* jadi... *I've to borrow money from* KDEB *and you know, to pay the rent, so as a result, we lost a lot* la, *17 million, rental we had to paid 8 million, the time we where there* lah, so, bagi saya, don't know what to say lah, satu kerugian yang amat besar lah, bagi, *who ever there is..* apa.. so bila saya *move over* ke Kuala Selangor, tu Alhamdulillah lah, *everything is, you know.. now,* Kuala Selangor pun *monthly air* dalam empat ribu ke lima ribu je sebulan, *so which, you know, there is no problem, because we deal directly* lah. *Back* ke sini Y.B. ya.. saya, *no, this is my* pandangan jugak la, *just conclude maybe* ya? *I think* memang tanggungjawab ni Brisdale *should be,* apa, memang.. tanggungjawab Brisdale la *because* dia menguruskan bangunan tu, tapi SYABAS *on the other hand* pun dah di *alert you know, I mean, it doesn't matter* lah *you must have an alert system.* Kalau SYABAS *being a main water supplier,* kalau *you* tengok *everything is ridiculous, they must be an alert system.* Kalau kata lah rumah saya *demand* about, kata lah *hundred dollars,* tiba-tiba naik sepuluh ribu, *something is not right. I mean* kalau sebulan tu, boleh la.. saya, saya rasa *both* SYABAS *and* Brisdale *should be responsible* walau pun sebagai SYABAS dia tak kisah lah, bukan dia yang *you know, after the meter the by loss is, it has to be done, you know but collectively as citizen, as responsible* dia punya tu, kita kena bertanggungjawab, *I mean that's how I came in* la, saya amat kecewa la *when this thing happened because I was very very concerned about water. Because* saya tahu, bila air tak ada, *student* ya? Macam rumah kita la, kalau tak dak air *what happen? Everybody got so upset,* tak masak satu, kemudian.. nak mandi, *student* mesti *complaint, food born* pastu.. bagi saya *this is something very.. that's why I managed,* I kata takpe lah, kita tak dak duit pun, sepuluh ribu *to have reconnected* kejap kita buat jugak, *and then* pas tu tukar nama, which was *not done* lah. *But, anyway,* saya punya pandangan *after all the alert that had given, I think personally* ya, SYABAS *has to be more responsible, of course we can put* apa.. dia punya tu.. apa. *Brisdale should have been even more* lah, *because* dia yang menguruskan bangunan tu, bagi pihak INPENS sama, *so* jadi saya, apa.. *in fact it is unfortunate, and then the bill when up and up and the owner* dah *start* .. bila kita dah keluar tu mungkin lebih banyak orang masuk duduk, *so but they don't pay the water also,* mula-mula la, *but know, I think they are collecting* lah, *they have their* residen punya *group* aa? Yang saya dipahamkan buat *collection* lah. *So that*

to be paid to.. you know.. so, saya pegang 2 isu, *the* tunggakan satu isu, *which has to be settle, second issue is* aa.. residen *must pay the water supply, they also can't be blame because amount* dia banyak.. *and then..* aaa

Y.B. Tuan Pengerusi: *They shouldn't be blame..*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *They shouldn't*, ya lah, *because it's not their* apa? Mungkin dia pun tak pernah bayar duit api, duit air, jadi *everybody seem to be* macam lepas tangan la. Tapi kalau kita bertanggungjawab, we would *alert* lah, jadi bagi saya dah pun, *you know,* masa saya keluar tu memang *there was no more water supply anymore in* Blok C.. D..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi isunya Dato', maknanya, kalau kita nak mempersalahkan Brisdale

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Bukan persalahkan, itu bertanggungjawab..

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya, kalau.. kalau .. tuntutan untuk Brisdale lebih bertanggungjawab? Maknanya dia terletak di atas bahu INPENS, kerana INPENS telah menugaskan kepada Brisdale untuk mengambil alih pengurusan bangunan kan? Adakah bayaran tertentu yang dibayar oleh INPENS untuk Brisdale?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Aaa.. kita .. begini Y.B., yang *individual owner* punya, kita bayar lah, *we have to pay every month, because* individu *owner* kalau tak bayar sebulan dua bulan, then *we got all kind of letters coming* la, *for Brisdale we do not pay,* INPENS *do not pay* Brisdale bangunan yang kita ambik Brisdale punya because then was a agreement, INPENS mintak pindah ke sana and they know very well our cash flow was very bad, hutang *about 50 million also you know, there is nothing that* INPENS *can do to pay,* jadi, *they are looking at the* dia punya *scenario,* tak pe lah, INPENS pergi ke sana ..aaa pada masa tu *just to have out and then*, sewa pun tak kena bayar. *So that's how you know*

Y.B. Tuan Pengerusi: Ini ada *black and white* ke benda ni?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Yang mana?

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang tak bayar, yang ini semua *ada black and white*? Yang macam, ya lah kita tahu lah, Brisdale, INPENS dulu adik beradik kan? Bawah KDEB, *tapi still corporate practice*, kena ada satu peraturan yang jelas.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Correct, but you know* Y.B., bila *every month meeting, then the hutang wil be there* lah, dalam kita punya tu, *so of course we,* bila.. aaa.. KDEB punya *meeting, I'm inside there* lah, pengurusan KDEB, *so we keep on telling them* la, Dato' *don't worry about* Brisdale, takpe lah, kita boleh apa, kita akan apa, *what is the word* aa? *The board will* apa.. aaa *because don't foget the board of* KDEB pun *chairman* dia *is* Menteri Besar, *the board of* yang aaa apa.. yang satu lagi apa... PRSB pun Menteri Besar jugak. *So chairman, you know,* diorang kata "ok lah Dato' tak payah bayar" tapi *in the process nak right off* hutang INPENS kat Brisdale , *then we were taken out from* KDEB aaa.. bahawa *Menteri Besar Incorporated*, ataupun MBI bahawa PRSB lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi Dato' 30 tahun dalam MARA kan? Amalan-amalan begini adakah ia bertepatan dengan amalan korperat, maknanya *just write off* untuk satu *board* buat keputusan, untuk *write off* satu bayaran *unrecorded,* apa semua ni,

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dia kadang-kadang aa Y.B. begini *it depends on you know the of course the* Menteri yang jaga, macam MARA *of course* Menteri lah, *of course we have* EPU dengan *Treasury, so if there is a real problem* macam kita cakap tadi, *then we bring up to* apa macam pengurus bangunan Yayasan Selangor, *Board of building in Bangi, 33 million* tak boleh bayar, *so, in order to solve the problem, we don't want the student* punya .. terjejas, *education,..* I tadi jumpa sendiri EPU dan *Treasury*, so, *they gave us the money 30 million, we board over …*

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu, itu lain, itu ada bayaran, ini it's *not according to* Audit punya *practice,* kalau Audit *proper,* masalah kan?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Iya..

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi boleh kita katakan maknanya, pada masa itu, oleh kerana semuanya di bawah bumbung KDEB, Brisdale, INPENS, SAP, jadi, boleh Jawatankuasa mencadangkan di sini bahawa pengurusan yang berlaku tidak menepati amalan korporat yang baik?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Hum, if we look at it.. I say* Y.B..

Y.B. Tuan Pengerusi: *Tak pe takpe*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *You know, because I don't want to blame anybody upon this matter, but* tapi

Y.B. Tuan Pengerusi: Kita.. kita nak mempelajari yang terbaik untuk urusan anak-anak syarikat selepas ini,…

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *May I have a drink?*

Y.B. Tuan Pengerusi: Sila.. Ni bukan SELCAT… SELCAT tak boleh minum.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Ok.. Dato' tahu kan Jawatankuasa ini di amanat, dibentuk oleh Dewan, jadi kami peranan kami adalah untuk memanggil saksi-saksi untuk member keterangan … kita bukan, untuk mencari siapa bersalah, kita akan kumpulkan maklumat, keterangan-keterangan ini, kaji semua pihak, pengadu, mana pun kita akan panggil uuntuk beri keterangan dan selepas ini kita akan *compile* satu penyata dan akan bawa dalam Dewan, sekiranya perlu dibuat usul untuk bahas, kita akan bahas. Tetapi kalau perlu kes-kes begini di adakan pendengaran awam, kita akan ajukan kepada SELCAT, untuk mengadakan pendengaran awam. Jadi kita perlu sokongan, kerjasama semua pihak, dan setakat ini kita ucapkan terima kasih kepada Dato' yang memberi kerjasama, cuma Dato' terima surat saman ni ya?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Saman.. *tak* terima.. *Dak..* …aaa

Y.B. Tuan Pengerusi: Saman Dato' panggil *meeting* ni? Saya nak nyatakan apa pandangan Dato' tentang surat SYABAS kepad Menteri Besar yang berbunyi, saya bacakan ... "Pihak SYABAS ingin membawa perhatian Y.A.B. Tan Sri, bahwa bil-bil tinggi yang keluarkan kepada Blok C, Pangsapuri Armada Putra adalah disebabkan oleh kebocoran sistem paip dalaman ynag telah dikesan pada tahun 2005 tetapi malangnya pihak pengurusan Bangunan iaitu SAP Urus Harta Sdn. Bhd, anak syarikat kumpulan Hartanah Selangor dan Pengurusan INPENS tidak mengambil sebarang tindakan segera untuk membaiki kebocoran tersebut. Kelewatan SAP Urus Harta Sdn. Bhd. dan pengurusan INPENS menangani masalah kebocoran sistem paip dalaman tersebut telah menyebabkan bil bekalan air Blok C semakin meningkat dari RM5000 sebulan pada bulan Mac 2006 hingga RM120,000.00 sebulan pada Februari dan Mac 2007". Maknanya *the blaim is put on both of you.*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *I don't agree at all this statement.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, itu yang kita nak,

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Saya tak setuju sebab saya, I *alerted* SYABAS *very much earlier and asking them to come and check meter 2 months, I mean, check* la, *all letters* ada, mula dia kata mungkin air paip bocor, *or* meter bocor. *They can't be bothered, and then* lepas dua bulan baru dia datang mungkin dak lah, meter ok, mungkin paip air bocor .. *Meanwhile* air dah pun meningkat sampai 120 ribu, *I think it's too much* la, *letter is all there, in fact* ..

Y.B. Tuan Pengerusi: Brisdale *must be responsible*?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Betul, SYABAS juga, *because* SYABAS *was told,* SYABAS kata meter punya...

Y.B. Tuan Pengerusi: Err... Dato' sebut tadi Brisdale *must be responsible*?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dak, SYABAS *must be responsible*, dua dua, *to me Brisdale and* SYABAS *responsible*, kalau nak kata SYABAS nak lepas tangan *not fair, because they had been alerted directly, I wrote a letter to* SYABAS, *I always gave to* Brisdale, *Brisdale to* SYABAS, *because* dua-dua mesti tanggungjawab,

Y.B. Tuan Pengerusi: Kebocoran tu terbukti dari paip pukal selepas tu, itu bukan kerja SYABAS.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Memang, tetapi dia sebagai *supplier, I mean* kalau dia ada *social responsibility, common* la, *please I mean.. they just managed the water* aje. *So they must have some..* macam PETRONAS la, *they managed the oil for us, for our country, I hope beyond that,* jadi kalau SYABAS bertanggungjawab, *I have go to them so much earlier, come and check,* dia punya tanggungjawab, sebab bagi dia ok, *that's not their problem, because* air lagi banyak bocor, *as long as somebody pay is ok, like that is* not bertanggungjawab. *Sorry* la, *I mean, because I even wrote a letter to* Tan Sri, *now you look,* saya *believe we must always to copy to the very top, so he must at least noted down please go and you know..* bagi saya, *I think it is not fair to blame only on* aa apa? aaa Brisdale, *because I*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Ya, *I mean for the* apa, *services of the building* la,

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Ada, ada surat begitu?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *I not so sure, maybe ada you know why? We did not pay because we employed* aaa *cleaners..*

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Itu lah, *provide services, you have to do your work,* tapi *sheet agreement* ada kalu kerana *at the end of it, it's law*, bila, kalau dia ada *agreement, you* kena bayar 35 ringgit sebulan kepada Brisdale, kalau ada baik itu, *you can claim back backdated* data pun. *Because* Kerajaan dia tak berapa ambil berat lah, itu saja. Aaa *this individual owner also contribute*lah.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dia air pun tak bayar, *you see, during the* day INPENS *occupied*, kita sebagai *paying you know, we aaa kind of there to make sure everything is ok. Because we are the main* apa, dikatakan *you know, the campus, and the campus belongs to State Government, so we have to,* Y.B. ya? *To make sure everythings is ok, then* kalau ada apa-apa tak kena pun INPENS *is always come to help to make sure that it is clean it is safe it is, no..* bila keadaan dah tak terkawal, *so I requested that we moved out for the safety of the student,* I kata *if anything happens to my girls, I would not be responsible, therefore later what do you want to do* Dato'? Saya kata *I've found a campus at* Kuala Selangor, *is owned by the State Government* dan tak diguna, *so I move in, then obviously the first meeting* Tan Sri *chaired,* dia kata ok Mydin *you can move immediately, that was the answer*, jadi *you know,* masa saya keluar tu, *I think all paid except for* Block C punya apa, *water bill* yang *four hundred and* apa..? Blok A, B, D semua takde lah. *Because* kita dah takde apa hutang dah. *Only* Blok C, Blok C *also the four hundred and 50 thousand whatever it is* aaa, yang *leakage happened during my time there, so that is the amount and I said I think I* kata dekat aa *the letter wrote to* Brisdale dengan .. *I think both of you must sit down and discuss how to overcome this things* la, *I hope both of your responsible, both of them.* Walaupun selepas meter paip tu bukan *you* punya *responsible, but, as I said, you must have an alerted system. I mean, you know, for water is being wasted to much,* tapi tak tau lah, jadi saya , apa, *in fact that this things happened, because water has been… finally I found out that residen yang move out,* banyak lagi orang masuk, *and now that they said they are paying the water to you know, one building committee* yang *they formed* la bayar kepada, *you know, but unfortunately* Brisdale pun dah *wind up so, there was a lot of problem with that also, so..* but saya minta maaf lah *so that the best I could give, and you know, I don't want to implicated anybody but I think it is* aaa tak tau lah, macam mana, *you know.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dato', *final question ya,* SAP Urus Harta *has no relationship with* INPENS *at all?*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : SAP Urus Harta? *No..*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Any contract signed any relationship at all between* SAP Urus Harta *and* INPENS?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *As far as I know, when I was there from I* masuk tu, Disember 2004, sampai saya keluar pergi ke Kuala Selangor, *which is June 2008, there was no such* apa,

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *No working relationship with, nothing ya? No payment, no communication, nothing?*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *No, but* mungkin *at the meeting of* KDEB punya pengurusan ya, *because I attend,* SAP *attend, so you know, that was the closest as we come together,*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Ok, so Dato', you are in the* Lembaga Pengarah *of* KDEB?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *I* Lembaga Pengarah INPENS, *I am in the pengurusan of* KDEB *meeting,* bila KDEB ada *meeting* pengurusan, *I'm the member* la, *of course* aaa, *all the rest of the.. you know..*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: SAP Urus Harta *also coming?*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Also coming..*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *So* KDEB *Is the appointed* SAP Urus Harta? *Which you are also part of the* pengurusan, *the management?*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Management of* KDEB, saya *attend all the meeting, all the times,*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *So, is* KDEB *the one who appointed* SAP Urus Harta *to manage the building,* kan?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Emmm… I cannot say Y.B., maybe yes maybe no, must be, because they are there,* tapi tak boleh, *I just don't want to jeopardize you know,*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ya *correct,* Dato', *very confuse,* Brisdale *is all the picture round up, Brisdale have been sold by* KDEB. *So* Brisdale *can't be held responsible at this point, but* KDEB *the parent company which Dato', you are in the management committee, so you must be aware of the appointment of* SAP Urus Harta, *because you had attend all the meeting. Who is the one appointed* SAP Urus Harta *if it is not* KDEB?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Masa saya pindah sana tu, *the building all belongs to* Brisdale, *you see,* so masa berlaku ni pun, *still* bawah Brisdale, *not* SAP Urus Harta, saya rasalah *because* Brisdale *was holding to all this thing, and this thing happens, in* 20.. kalau tengok dia punya kronologi yang berlaku kan, masa tu *I think* Brisdale bertanggungjawab, *I'm not sure, you check again* la, *maybe* Brisdale is *around, they are outside, so you should ask that,* apa, *the exact* dia punya tu, *because the problem* yang berlaku masa Brisdale punya tang apa, mengurus kan semua ni, *not* SAP Urus harta sahaja, *at that time, I don't know, but now they are under* SAP, *you have to check.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dato', *what is your role in the* KDEB *management committee? What kind of decision that you all made?*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *No. I have to report on* INPENS, *the development, student, I mean, you know, program that we do,*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Clearly about INPENS*, bukan urusan lain KDEB la?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *The rest will come out, I still have to stay* la, *but of course* INPENS *will have agenda on* INPENS la, *normally it's* kewangan, *and then* perkembangan, program, so, you see mula-mula kita *start* INPENS kata *with all the* Diploma, *academic* diploma lah, *which we are doing, so* bila saya tengok, UNISEL pun buat diploma, kita pun buat diploma, *so I told* Menteri Besar, *maybe* INPENS *should focus on skill training, because they are a lot of poor people, that probably need skill training, so why not do the* diploma *to* UNISEL? *So I send my all* diploma *program plus my teacher, plus my everything* to UNISEL *and I* focus on apa, *skill training* la, *which is* aaa, apa, Kementerian Sumber Manusia punya lah, *level 1, 2, 3 and 4, is already* diploma *level* la, we *managed to do it fast and we started off with* Lenbaga Zakat lah. *Because we thought that is good to help the poor kids , instead of giving the money to the parents, why not give training program to the poor kids, and that's how we came out very fast, and then we've got a lots of helps, from the State Government, I mean*, UPEN, Lembaga Zakat *then* juga *from* MoF, Menteri Kewangan. *I wrote a letter and talks about the best way to eradicate poverty in* Selangor, *in* Malaysia, *is to give skill training to this people* lah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Which means your roles in* KDEB*'s Management committee is strictly purely to the management of* INPENS?

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *Yes..*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Not to how the building is manage nothing?*

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : *No.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: OK.

Y.B. Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih Dato', dokumen-dokumen tu boleh bekalkan kepada Jawatankuasa..

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Dak... kalau apa.. kalau Y.B. nak semua, *I think all the letters I wrote, because* semua saya tengok ada dalam *folder* Brisdale *or* SAP Urus Harta, because saya pindah daripada sana ke situ, *there was so many ..90 trucks lorry of* bangunan ya? *But I have few important one with me* lah. Saya tengok semuanya *in good order* dengan apa? SAP.. *in fact* dia dah buat kronologi pun, *I think* dia akan bagi *all the date* yang berlaku lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ucapkan terima kasih kepada Dato' di atas kerjasama dan keterangan yang telah diberi. Semoga apa yang diberikan untuk kebaikan Kerajaan Negeri dan rakyat. Terima kasih.

Y.Bhg. Dato' Mohd Mydin bin Mohd Sheriff : Saya mintak maaf la, *if I've spoken too much because I believe that we should try to solve the problem for the sake of.. to me* air *is very important* lah.. Terima kasih dan mintak maaf kalau terlebih bercakap. Assalamualaikum.

LAMPIRAN B

PENDENGARAN TERTUTUP

OLEH

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

19 April 2010 (Isnin), Jam 11.30 Pagi,

Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri,

Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,

40000 Shah Alam

Saksi 1: Tuan Mohammad bin Raffie, Ketua Unit Pembangunan Perniagaan, SAP Urus Harta Sdn. Bhd.

Saksi 2: Tuan Mohd Zamri bin Omar, Penyelaras Teknikal, SAP Urus Harta Sdn. Bhd.

(Kedua-dua saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa)

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Bahawasanya saya, Mohd Zamri bin Omar, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Tuan Mohammad bin Raffie: *Bismilah hirrahma nnirrahim*.. Bahawasanya saya, Mohammad bin Raffie, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka. *Alhamdulillah*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Encik Mohd Zamri bin Omar, jawatan sekarang sebagai?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Jawatan saya sekarang sebagai aaa.. *Technical Coordinator* di ... pada Syarikat SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Encik Mohammad Raffie, apa jawatan sekarang?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dan saya, menjawat jawatan sebagai Ketua Unit Pembangunan & Perniagaan SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Err.. Jawatankuasa mengucapkan terima kasih kerana hadir sebagai saksi untuk memberi keterangan berkenaan kes pemotongan air di Pangsapuri Armada Putra,

ya? Jawatankuasa ingin mengingatkan bahawa En. Zamri dan En. Mohammad Raffie memberi keterangan di bawah sumpah, ya? Err ... kami nak tau jugak siapa jadi saksi pertama? Siapa akan memberi keterangan utama? En. Mohd Zamri atau pun En. Mohammad Raffie?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Err... En. Mohammad Raffie..

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya saya..

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Mohammad Raffie, boleh aa... jelaskan secara ringkas apakah misi , visi, err ... dan tugas-tugas syarikat?

Tuan Mohammad bin Raffie: SAP Urus Harta mempunyai visi untuk menjadi ... agen penguasaan.. agen pengurusan .. yang berwibawa di Negeri Selangor dan misi kami adalah untuk memastikan projek-projek yang dikendalikan oleh kami terurus dengan selamat, bersih dan harmoni.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kepada pihak mana Syarikat mengutarakan laporan dan bertanggungjawab dalam kumpulan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kami adalah anak syarikat kepada Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, di mana pemilikan Kumpulan Hartanah di dalam syarikat kami adalah 100%.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, .. repot hanya kepada kumpulan Hartanah lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Iya. Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi aaa ... bagaimanakah keputusan-keputusan dibuat dalam SAP Urus Harta?

Tuan Mohammad bin Raffie: Untuk aaa ... kerja-kerja operasi, yang melibatkan penyelenggaraan, dan pengurusan bangunan, adalah diputuskan oleh Pengurusan SAP Urus Harta sendiri. Yang mana melibatkan polisi dan dasar-dasar yang tertentu maka kami harus merujuk kepada Kumpulan Hartanah untuk mendapatkan kelulusan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya, Urus Harta tidak ada Lembaga Pengarah sendiri?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ada, tetapi tidak aktif lah. Cuma, semuanya dilaporkan dalam peringkat induk.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya, yang lebih beroperasi adalah Jawatankuasa Pengurusan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya terus memberi laporan dan meminta pandangan dan keputusan daripihak Kumpulan Hartanah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Tuan Mohammad bin Raffie: Err... apa hubungan di antara SAP Urus Harta dengan INPENS? Dalam konteks .. err ... bangunan INPENS di Armada Putra?

Tuan Mohammad bin Raffie: Suka kami maklumkan bahawa aaa ... pemaju pada masa itu, Brisdale Holdings Berhad melantik kami sebagai agen penyelenggaraan. Untuk projek-projek di Bandar Armada Putra. Di mana dalam konteks ini, INPENS merupakan aaa... juga agensi Kerajaan yang menghuni Pangsapuri Samudra, merupakan sebahagian daripada projek di Armada Putra. Tetapi dalam konteks penyelenggaraan pengurusan, ia di tanggung oleh pihak INPENS sendiri. Maksudnya aaa ... dalam bentuk perniagaan, pengurusan, kebersihan, keselamatan dan juga penjelasan utiliti dan sebagainya adalah tanggungjawab INPENS.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi bangunan.. pembangunan Bandar apa ni.. Armada Putra adalah oleh Brisdale? Secara terus, bukan Kumpulan Hartanah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya, di bawah Brisdale.

Y.B. Tuan Pengerusi: Di bawah Brisdale ya? Dan ... aaa... apabila berlaku pemindahan kampus dari Sahah Alam, INPENS bertempat di situ, menempatkan Blok A, B, C dan D, maknanya, saiapakah yang menguruskan bangunan A, B, C dan D?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dia.. dalam hubungan ini, INPENS aaa mula menghuni pangsapuri tersebut pada 1 haribulan tiga 2005, di mana pengurusan pemindahan adalah di antara pihak INPENS dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad secara langsung. Tidak melibatkan aaa SAP Urus Harta, di mana SAP Urus Harta hanya terlibat selepas Brisdale melantik kami pada dua belas haribulan dua belas 2006.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya ... SAP bukan dilantik oleh INPENS?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Oleh Brisdale?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Atas kapasiti apakah Brisdale melantik SAP Urus Harta?

Tuan Mohammad bin Raffie: Brisdale melantik kami, sebagai balasan, kami dibayar 10% daripada aaa bil-bil, caj penyelenggaraan yang kami keluarkan. Itu saja.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Erm.. Encik, boleh tanya ya? Jadi pengurusan Blok A, B, C dan D, oleh SAP Urus Harta hanya bermula 12 disember 2006?

Tuan Mohammad bin Raffie: Untuk Bandar Armada Putra, kami bermula 12 haribulan 12 2006, tetapi untuk pengurusan Pangsapuri Samudra, dikelolakan sendiri oleh INPENS.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, jadi, untuk A, B, C dan D, SAP Urus Harta tak ada sebarang...

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak ada.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Sehingga hari ini?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Takde?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi semua bil air untuk Blok A, B, C dan D, langsung SAP Urus Harta tak terlibat? Hanya INPENS sahaja?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak terlibat secara langsung. Sebabnya ia diuruskan sepenuhnya oleh pihak INPENS sendiri.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, maknanya status aaa SAP Urus Harta adalah sebagai pengurus bangunan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kepada kampus INPENS di ..

Tuan Mohammad bin Raffie: Kepada aaa Brisdale. Termasuklah Samudra, tetapi secara langsung tidak terlibat, kita nak...

Y.B. Tuan Pengerusi: Kita nak fokus pada empat Blok A, B, C dan D, INPENS sewa?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya A, B, C dan D, adalah blok-blok yang dibina oleh Brisdale sebagi pemaju?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Aaa.. tetapi Brisdale bukan pengurus bangunan bagi pihak INPENS? Adakah Brisdale sebagai pengurus bangunan bagi pihak INPENS?

Tuan Mohammad bin Raffie: Sebagai pemaju.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pemaju dan..

Tuan Mohammad bin Raffie: INPENS aaa.. bangunan ini telah dijual kepada individu, di mana bila INPENS ingin menghuni bangunan tersebut, INPENS mempunyai perjanjiansewa dengan pemilik-pemilik, di mana di dalamperjanjian sewa tersebut, INPENS bertanggungjawab untuk menjelaskan semua bayaran *utility*, jadi aaa dalam konteks ini, aaa kita difahamkan bahawa INPENS bertanggungjawab sepenuhnya. Oleh sebab itu, aaa SAP cuma menyelenggara bangunan-bangunan lain selain daripada Samudra. Sebanyak 432 unit tu la.

Y.B. Tuan Pengerusi: Selain, .. kami tak paham, Samudra ni yang mana?

Tuan Mohammad bin Raffie: Blok A, B, C dan D, ialah sebanyak 432 unit dan aaa. Projek Armada Putra tu adalah sebanyak 2000 lebih unit lah. Selain daripada 400 lebih unit tu adalah di bawah tanggungjawab SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Selain daripada empat..

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: So mereka tak terlibat dengan Blok A, B, C, D?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: For projek besar lah? Di Pulau Indah tu lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tapi tak terlibat dengan A B C D, dikecualikan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi siapa yang mengurus bangunan A B C D?

Tuan Mohammad bin Raffie: Pihak INPENS.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Bukan Brisdale?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi, yang ... pembayaran yang ... SAP Urus Harta dapat, sekarang, aaa, untuk modal, bukan untuk modal, untuk pengurusan syarikatlah setiap bulan dibayar 10% oleh pembayaran yang dijelaskan oleh...

Tuan Mohammad bin Raffie: Oleh bil yang dikeluarkan kepada pemilik..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Pemilik-pemilik rumah yang lainlah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tapi pada hakikatnya kami tidak dibayar walaupun 1 sen daripada awal lagi.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Sehingga hari ini? Takde pembayaran?

Tuan Mohammad bin Raffie: Aa, untuk makluman Jawatankuasa, kami telah, apa ni.. menamatkan kontrak kami dengan Brisdale pada 20 Ogos 2008.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: 20 Ogos 2008?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ditamatkan semualah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Kerana takde pembayaran?

Tuan Mohammad bin Raffie: Bukan takde pembayaran, kerana Brisdale dijual kepada pihak ketiga kepada GMB Construction Sdn. Bhd. pada 10 Ogos 2007.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok.

Tuan Mohammad bin Raffie: Jadi aaa ... di bawah perjanjian aaa .. jual beli tersebut, aaa Brisdale dijual under "*Lock, Stock & Barrel*" di mana di sini, kami merupakan semua tanggungjawab terhadap mana-mana projek di bawah Brisdale, Kumpulan Brisdale. Itu aje, dia punya kefahaman daripada penjualan Brisdale, tetapi memandangkan selepas penjualan tersebut, aaa Bandar Armada Putra tidak ada pengurus, maka beberapa bulan selepas itu, pihak Brisdale meminta kami untuk, ... sebagai *care taker*, membantu mereka sahaja. Itu saja, sehinggalah 20 Ogos 2008.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa perniagaan lain SAP Urus Harta selain daripada mendapat kontrak yang tidak dibayar oleh Brisdale?

Tuan Mohammad bin Raffie: Aaa ... SAP Urus Harta ni adalah anak syarikat, jadi kerja-kerja kami adalah untuk menyelenggara harta-harta yang dibangunkan oleh syarikat. Itu saja. Jadi kita ni sebagai *in-house* agen pengurusan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, sebagai *in-house* agen pengurusan bangunan, aaa, kalau yang berkaitan dengan *maintenance*, contohnya khusus kepada kebocoran paip, aaa... tanggungjawab siapa agaknya ni?

Tuan Mohammad bin Raffie: Itu adalah tanggungjawab INPENS kerana...

Y.B. Tuan Pengerusi: Dak dak, bagi luar daripada Blok A hingga D?

Tuan Mohammad bin Raffie: Di bawah S.. di bawah pemaju lah. Di bawah Brisdale.

Y.B. Tuan Pengerusi: Di bawah Brisdale?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dan kami adalah agennya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Yalah, maknanya kalau kata bahagi tugas tu, adakah tugas Brisdale untuk memantau, menyelia memperbaiki ataupun tugas agensi...

Tuan Mohammad bin Raffie: Tugas kami SAP Urus Harta.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi selepas INPENS menulis surat mengenai kebocoran dan bil yang tinggi kepada Brisdale, salinan surat itu ada tak diberikan kepada SAP Urus Harta? Kerana mereka tulis kepada Brisdale, boleh dianggap mereka ada bagi notis kepada SAP Urus Harta kerana SAP Urus Harta sebahagian daripada Brisdale?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ada yang ada, ada yang tidak.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, jadi SAP Urus Harta ada tak terima notis mengenai kebocoran paip untuk Blok C?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ada. Sekali sahaja.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, dan apa tindakan yang telah diambil oleh SAP Urus Harta?

Tuan Mohammad bin Raffie: Saya rasa untuk memudahkan ahli Jawatankuasa, biar kami jelaskan aaa, dia punya kronologi supaya ia lebih jelas kepada ahli Jawatankuasa ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Mohammad bin Raffie: Jadi, di sini ... INPENS berpindah pada Mac 2005, kemudian aaa, berlaku kerosakan dijangka, berlaku...

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada buat catitan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ada, ada, semua ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bak salinan..

Tuan Mohammad bin Raffie: Kita serahkan kepada Jawatankuasa semua kronologi dan juga dokumen-dokumen..

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa muka surat yang kronologi ringkasnya? Kita nak yang ringkas untuk kita .. ada panduan lah...

Tuan Mohammad bin Raffie: Ada 4..

Y.B. Tuan Pengerusi: 4 muka surat ya? Kita nak *photocopy* yang 4 muka surat tu aje.

Tuan Mohammad bin Raffie: Takpe, ambik semua, semua tu boleh. Yang ni kita buat untuk ahli Jawatankuasa.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Photocopy* yang 4 muka surat tu ya? Takpe, kami, kita tunggu sekejap.

(Kronologi sedang diserahkan kepada Jawatankuasa untuk dibuat salinan)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: En. Raffie...

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya saya ...

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Sebelum itu copy datang, *I* nak tanya beberapa hal, aaa, SAP menjaga pengurusan pangsapuri di sini?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Di mana?

Tuan Mohammad bin Raffie: Di Bandar Armada Putra, betul.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Aa?

Tuan Mohammad bin Raffie: Di Bandar Armada Putra..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Satu, keduanya ... kata hal aaa bocor air ni, jangan kata INPENS lah, kata pemilik rumah, kalau, kalau pemilik rumah saja duduk di sana, kalau *problem* begini timbul, apa tindakan SAP akan ambil?

Tuan Mohammad bin Raffie: Sebagai.. sebagai .. aaa ... agen pengurusan, jika berlaku sebarang aduan kerosakan ataupun kebocoran air, pemilik, dia ... akan mengadu kepada pihak

kami, bila itu berlaku, kami akan membuat siasatan, siasatan jika berlaku kebocoran maka adalah tanggungjawab kami untuk memaklumkan kepada pemaju, bahawa berlaku kebocoran, ya? Yang kedua, kalau kebocoran itu adalah besar, maka ia adalah menjadi tanggungjawab pemaju. Kami cuma adalah agen bagi mengurus sahaja.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Pemaju? Begitu kalu, *you are still under defects and liability period* ka?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Oh? *Building still under defects liability*?

Tuan Mohammad bin Raffie: Di Bandar Armada Putra tu tidak ada lagi *defect liability*.. dah habis..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Dah habis? So bukannya pemaju punya hal?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya betul. Selepas tempoh tersebut pemaju ada.. .. Untuk Jawatankuasa, saya ada membaca satu persatu kronologi dia supaya ia lebih jelas kepada Jawatankuasa dan memahami apa yang sebenarnya berlaku. Saya mulakan ya? Pada 1 hb 3 2004, INPENS mula menduduki pangsapuri Samudra Blok A, B, C dan D, dan untuk menduduki pangsapurui tersebut, pihak INPENS membuat perjanjian sewa dengan para pemilik, ya? Di mana di dalam Klaus tu, dalam perjanjian tersebut, INPES dikehendaki untuk membayar bil air, bil elektrik dan penyelenggaraan. Ini bermakna, INPENS bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara termasuk mengurus utiliti pada empat-empat Blok tersebut. Kemudian, pada 4 hb 8 2005, INPENS telah menghantar surat aduan berlaku kerosakan di Blok C, dan memohon penghantaran bil air. Di sni, surat, INPENS tidak memberi salinan kepada pihak kami, sebab kami belum dilantik ya? Aduan tersebut dinyatakan dalam... aaa dalam dokumen D02, boleh *refer* pada perenggan yang kelima lah, dan aaa, pada 13 06, INPENS menerima bil pemotongan air kerana tunggakan telah mencapai 74 ribu. Juga di sini, SAP Urus Harta tidak terlibat ya? Pada 16 hb 10, INPENS sekali lagi menghantar surat kepada pihak SYABAS tentang untuk penangguhan pemotongan air, di samping meminta pihak SYABAS mengenal pasti punca bacaan yang tinggi. Dan untuk tempoh aduan pertama dan aduan kedua, kedua itu, mengambil masa 14 bulan, dan pihak SYABAS tidak melakukan sesuatu tindakan. Atau pun daripada 2 aduan tersebut.

Y.B. Tuan Pengerusi: 14 bulan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya, daripada Ogos 05 sehingga dua belas 06. Dan aaa pada 12 2006, baru lah SAP Urus Harta aaa, masuk di dalam projek tersebut selepas dilantik oleh Brisdale Holdings Berhad. Dan apabila kami dilantik aaa, pihak INPENS telah mengadu kepada kami bahawa terdapat bacaan tinggi, di sini, kami terus mendesak pihak SYABAS untuk membuat siasatan, jadi pada 13hb 12 2006, pihak SYABAS telah membuat siasatan dan mengesahkan bahawa tiada kebocoran berlaku. Ya? Tiada kebocoran berlaku, yang pihak SYABAS berpendapat bahawa meter air itu yang rosak. Jadi dalam konteks ini, tiada kebocoran didapati, Cuma meter air yang rosak. Jadi pihak SYABAS perlulah menukar meter tersebut, dan aaa laporan tersebut adalah dalam dokumen D05. Laporan pihak SYABAS. Jadi di sini, aaa kami boleh lah mengatakan bahawa tiada kebocoran Cuma pihak SYABAS perlu menukar

meter. Jadi tidak ada sebarang tindakan dari pihak SAP Urus Harta lah, dan juga pihak INPENS.

Tuan Mohammad bin Raffie: 3 bulan selepas itu, pada 27hb 2 2007, SYABAS telah mengeluarkan bil pemotongan air, kerana tunggakan telah mencapai jumlah 457 ribu, selepas laporan pihak SYABAS yang menyatakan tiada kebocoran, 3 bulan selepas itu, pihak SYABAS mengeluarkan bil pemotongan air kerana telah mencecah 457 ribu. Dan telah memotongnya pada 1 hb 3 07. Pihak INPENS aaa .. baru ini pihak INPENS telah menghantar aaa surat rayuan kepada SYABAS dan membuat laporan pada pihak kami untuk membantu, untuk memaklumkan kepada Brusdale Holdings, dan di atas aaa, inisiatif tersebut, kami pada 5hb 3 2007 telah melaksanakan kerja pemasangan paip sementara, sebab di sini peruntukkan bukanlah menjadi tanggungjawab kami sebagai agen, tapi tanggungjawab pemaju. Tetapi pemaju tidak membuat keputusan pada waktu tersebut. SAP Urus Harta sendiri atas dasar prihatin, ehsan kepada penduduk, kita buat pemasangan paip sementara, sementara menunggu laporan daripada pihak SYABAS.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Sementara ini ialah external paip lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya. Kemudian aaa, perkara ini telah kita majukan kepada pihak pemaju dan pihak pemaju telah berunding dengan pihak SYABAS supaya untuk membolehkan air ini disambung, pihak pemaju telah mengeluarkan bayaran sebanyak RM72,800.00 supaya air disambung. Kemudian selepas 3 bulan ..

Y.B. Tuan Pengerusi: Kenapa Brisdale yang bayar? Kalau ikut perjanjian asalnya, patutnya INPENS yang bayar?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya, tapi masa tu kedudukan kewangan INPENS memang tidak ada, kerana INPENS mengadu bahawa pengambilan pelajar menurun...

Y.B. Tuan Pengerusi: Keputusan di peringkat mana Brisdale kena bayar ni?

Tuan Mohammad bin Raffie: Itu atas ehsan daripada..

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah Lembaga Pengarah Brisdale? Atau pun ADB?

Tuan Mohammad bin Raffie: Yang itu, saya mohon saya tidak tahu lah tentang perkara itu. Sebab itu adalah peringkat yang lebih tinggi daripada kami lah.

Tuan Mohammad bin Raffie: Selepas pengeluaran pemotongan air senamyak 457 ribu tu, 3 bulan tu baru lah SYABAS memaklumkan kepada INPENS bahawa mereka mengesyakki terdapat kebocoran aaa di Blok C tersebut , dan manakala meter telah ditukar pada 12 1 07, di sini kami berpendapat bahawa SYABAS mengambil masa terlalu lama untuk memakulmkan berlaku kebocoran, jika pihak SYABAS memaklumkan lebih awal maka perkara ini boleh dikendalikan dengan lebih awala lah, ya..

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya berapa tu, 9 bulan? Daripada dia kata tidak ada kebocoran?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kemudian SYABAS kata ada bocor pada..

Tuan Mohammad bin Raffie: Pada bulan Mac 2007.

Y.B. Tuan Pengerusi: 3 bulan lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok. Tuan (batuk) boleh jelaskan tak kenapa kena ba.. pasang paip sementara? Paip sementara tu untuk apa? *External pipe* tu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Bila aa..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Untuk sambung air?

Tuan Mohammad bin Raffie: Bukan untuk sambung air, bila.. bil bil tinggi, dan kita aaa mengesyakki mungkin ada kebocoran, kita takde kepastian, jadi untuk memudahkan pemilik mempunyai air, kita pasang lah, bukannya kita curi air lah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi, air ni datang dari mana?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dari, dia.. dia ambil daripada Blok B.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ambil daripada, jadi orang Blok B kena bayar untuk air ni la?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya. Tapi bayaran air tu ditanggung oleh INPENS. Jadi pemilik takde bayar apa-apa. Ini cuma, kita panggil satu *crisis management* yang kita buatlah, supaya Blok C, masih ada air.

Y.B. Tuan Pengerusi: Cuma saya nak kenalpasti, semasa pihak SYABAS mengesyakki ada kebocoran, apakah asas diadakan satu laporan teknikal, ujian, ada *testing* ataupun mengesyakki sahaja, kenyataan itu, sebab kita tengok dalam surat ni pun mengesyakki kebocoran. Adakah ada repot teknikal?

Tuan Mohammad bin Raffie: Secara terperincinya pihak SYABAS tidak memaklumkan kepada pihak kami ataupun pihak INPENS, mereka cuma memberitahu bagi surat sahaja hasil daripada siasatan mereka, tidak ada yang terperinci lah... Dan pihak INPENS cuma memberitahu pihak kami pada 21hb 3, dia menerima surat daripada SYABAS pada 9hb 3, tapi aa dia memaklumkan kepada kami pada 21hb 3 di mana ada berlaku kebocoran. Maka apabila ini berlaku dalam tempoh 6 hari pihak SAP Urus Harta sekali lagi mengambil inisiatif dengan tanggungan kos sendiri, kita membuat *expose pipe* dengan kos sebanyak RM50000 la..

Y.B. Tuan Pengerusi: 49600 ni?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak, sebelum tu ya, yang pada 13hb 12..

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya...

Y.B. Tuan Pengerusi: Laporan SYABAS mengesahkan tiada kebocoran yang dapat dikesan yang mendapati meter air yang rosak? Maknanya atas asas apa dia kata meter rosak? Ada laporan teknikal kah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dia takde, cuma ada satu borang siasatan yang diberi kepada kami.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi meter yang rosak ni telah ditukar pada bukan 1?

Tuan Mohammad bin Raffie: Pada 12hb 1.. tapi kita tidak dimaklumkan kepada kita , Cuma apabila bil telah menigkat sebanyak 457 ribu, baru lah dia memaklumkan kepada pihak INPENS.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi ragulah, agak *shubahat* sebab bil air tinggi tu meter rosak ataupun paip bocor? Maknanya boleh diragui lah mana satu yang betul?

Tuan Mohammad bin Raffie: Boleh di contest lah..

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh di contest lah ye?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi meter tu dah ditukar ... tapi kesan pada peningkatan bil tak kurang sebab yang bocor tak dibaiki...

Tuan Mohammad bin Raffie: Jadi pihak SYABAS mengesyakki, selepas mereka menukar meter, bil, bacaan bil masih tinggi. Jadi sebab itulah mereka membuat keputusan ada kebocoran berlaku. Apabila kami mendapat maklumat daripada INPENS tentang laporan SYABAS tersebut, di situ lah kita ambil, prihatin terhadap pemilik, kita sendiri buat paip, *expose pipe*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu untuk Blok C?

Tuan Mohammad bin Raffie: Blok C dan D sebenarnya ya..

Y.B. Tuan Pengerusi: Kos ditanggung oleh SAP?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kos ditanggung oleh SAP. Dan aaa sepatutnya kos ini ditanggung oleh pemaju lah. Kami cuma adalah agen bagi pihak pemaju, tetapi pemaju tidak dapat membuat keputusan pada masa tersebut, kena ada protokol dan sebagainya, kita rasa kesihan sebab pelajar pada waktu itu dan pemilik tidak ada air, jadi kita buat sendiri.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa Pengurusan yang membuat keputusan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kami sendiri yang membuat keputusan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kami tu siapa?

Tuan Mohammad bin Raffie: Aaa.. Pengurusan SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tanpa merujuk kepada pihak atas?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kita merujuk kepada pihak Brisdale tetapi tidak ada keputusan, penduduk pada masa itu dah sebulan tidak ada air.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya keputusan itu hanya dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan tanpa arahan atau pun kelulusan pihak atas, betul? Adakah itu menepati amalan dalam syarikat?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak menepati tapi kita buat atas dasar kemanusiaan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih, teruskan.

Tuan Mohammad bin Raffie: Selepas aaa pemasangan paip yang baru kita dapati bahawa bil telah menurun, kemudia aaa, bagi pihak kami juga pada 23hb 5 kita merayu kepada pihak SYABAS aaa untuk pihak pemaju menjelaskan bayaran 500 ribu tu dalam 50 kali bayaran ansuran lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ini pun keputusan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Jawatankuasa pengurusan, kita berbincang dengan pihak Brisdale.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah sumbernya nanti, kalau dipersetujui oleh SYABAS akan disumbangkan oleh Brisdale?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya?

Y.B. Tuan Pengerusi: 50 ribu sebulan? Apa.. 10 ribu sebulan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Jadi aa kenapa pihak Brisdale membuat keputusan tersebut, kerana pada waktu yang sama pihak INPENS tidak membayar sewa kepada Brisdale di mana pihak INPENS ada menyewa kedai yang dijadikan sebagai kuliah, bilik kuliah sebanyak 92 unit. Kadar sewa pada waktu itu adalah 1000 dan diturun kepada 800. Jadi di sini pihak pemaju mendapati kalau INPENS menjelaskan tunggakan sewa tersebut, sebahagian daripadanya akan digunakan untuk membayar, itu apa yang difikirkan oleh pihak Brisdale ketika itu lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi tidak ada pembayaran dilakukan oleh INPENS?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak ada. Sejak INPENS menduduki pangsapuri tersebut, sehinggalah tarikh mereka keluar tidak ada bayar langsung.

Y.B. Tuan Pengerusi: INPENS tak bayar apa-apa, Brisdale pun tak bayar apa-apa pada SAP, yang SAP menanggung segala-galanya?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul. Cuma pada waktu itu, keputusan kami itu walaupun diluar daripada seharusnya, tetapi ini adalah dasar kemanusiaan dan prihatin kita pada pemilik, itu sahaja. Dan aaa untuk makluman Jawatankuasa, di Blok C tersebut diletakkan surau, di mana surau tersebut aaa, tidak ada masjid dan surau yang lain, Cuma itu sahaja surau dan surau itu digunakan apa ni solat Jumaat untuk semua penduduk Bandar Armada Putra. Jadi atas dasar itu juga kita kata takapa, kita buat lah. Dan aa, untuk itu, kita pun dimarahi oleh pihak Brisdale juga kenapa dibuat. Sepatutnya ini tunggu dulu, tapi waktu itu dah sebulan tidak ada air.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa bos SAP pada masa itu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Pada waktu itu En. Mohd Shah Abdul Aziz sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO)..

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia takde C-E-O ya?

Tuan Mohammad bin Raffie: Takda..

Y.B. Tuan Pengerusi: Paling tinggi pegawai..

Tuan Mohammad bin Raffie: Yang lebih tinggi adalah *Executive Chairman*, Pengerusi Eksekutif iaitu Dato' Abdul Karim bin Ishak lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Oo dia *Executive Chairman*?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi ada COO?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi tidak ada CEO?

Tuan Mohammad bin Raffie: Takdak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi dalam kes ini, maknanya keputusan-keputusan begini Pengerusi Eksekutif terlibat dalam membuat keputusan?

Tuan Mohammad bin Raffie: COO..

Y.B. Tuan Pengerusi: COO sahaja?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kita rujuk pada COO.

Y.B. Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Mohammad bin Raffie: Bermakna kami difahamkan bahawa *Executive Chairman* pada masa itu memberi *empowerment* sepenuhnya kepada COO untuk Kumpulan Hartanah Sdn. Bhd.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan dalam kebanyakkan kes, secara peribadi dia merujuk kepada Dato' Karim, betul? Tidak secara formal melalui keputusan mesyuarat lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Cara aaa.. saya tak pasti mungkin dalam bentuk tidak formal dan sebagainya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan Mohammad bin Raffie: Kemudian aaa.. SAP Urus Harta pada apa ni antara bulan 5 sehingga bulan 8, kita pihak SAP Urus Harta membantu INPENS untuk menjelaskan bil air yang semasa sahaja. Dalam keadaan itu, INPENS tidak... kedudukan kewangannya runcing, jadi

mereka tidak dapat menjelaskan bil air ... meminta kami, sebagai agen pengurusan, mereka meminta bantuan daripada pihak kami dan kami hanya mampu menjelaskan bil-bil semasa sahaja. Dan aa dalam aaa dalam proses tu juga, Brisdale adalah dalam rundingan untuk dijual. Jadi apabila pihak kami mengajukan masalah kebocoran di Blok B.. aa Blok C dan D ini kepada pihak Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, aa apa yang fikirkan ketika itu ialah, satu Brisdale Holdings tidak ada tanggungjawab lagi untuk membaiki aaa major repairs, untuk kebocoran-kebocoran seperti ini kerana tempoh kecacatan itu tleah lama habis. Jadi, sebarang berlaku kebocoran seperti ini adalah menjadi tanggungjawab pemilik. Itu pandangan daripada Brisdale Holdings Berhad. Yang kedua,..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tarikh Brisdale Holdings Berhad dijual?

Tuan Mohammad bin Raffie: 10hb 8 07. .. dan di dalam kaedah perjanjian di antara pihak pemaju dengan GMB Constructions yang membeli Brisdale ini ialah under "*Lock Stock & Barrel*" di mana asset termasuk liability akan dipindahkan kepada pemilik yang baru.

Y.B. Tuan Pengerusi: Termasuk SAP?

Tuan Mohammad bin Raffie: Iya?

Y.B. Tuan Pengerusi: Termasuk SAP?

Tuan Mohammad bin Raffie: SAP tidak.. Cuma Kumpulan Brisdale sahaja, Brisdale Holdings ada anak-anak syarikat yang lain lah. Dan yang ketiganya aa pihak Brisdale juga berpendapat bahawa seperti yang saya sebutkan tadi, saya ulangi semula bahawa pihak Brisdale boleh membayar tunggakan air tersebut sekiranya pihak INPESN dapat menjelaskan tunggakan sewa mereka,... pada waktu itu telah menjangkau hampir 2 juta ya.

Tuan Mohammad bin Raffie: Dan pada 20 Ogos 07, pihak SAP Urus Harta mengundurkan diri daripada meneruskan tanggungjawab kami sebagai agen pengurusan pada pihak Brisdale lah. 20hb 8 08. Maaf jawatankuasa, kami mengundur diri pada 20 Ogos 08.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pelantikan SAP Urus Harta sebagai Pengurus Bangunan di Armada Putra, Bolk A sampai D ni tidak jelas?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak jelas sebab surat pelantikan untuk semua bangunan yang dimaju yang dibangunkan oleh Brisdale Holdings Berhad, jadi Brisdale Holdings Berhad ni dia banyak bangunan-bangunan yang dimajukan seperti di Kepong, di Pandan .. Jaya dan juga di Bandar Armada Putra la. Dan juga di Larkin Perdana.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi selain daripada semua kawasan pembangunan di situ di urus selia oleh SAP Urus Harta kecuali Blok A, B, C dan D?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kemudian, aa Brisdale minta Urus Harta tengok juga apabila ada masalah kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi apabila aaa ada banyak masalah, di atas inisiatif dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan SAP mengambil peranan yang lebih sehingga dilihat seolah-olah sebagai Pengurus Bangunan. Begitu? Ataupun persepsi lah, persepsi pembeli pemilik pada hari ini yang menguruskan bangunan Blok A sampai D adalah SAP Urus Harta.

Tuan Mohammad bin Raffie: Persepsi penduduk bahawa SAP Urus Harta ni adalah aaa agen pengurusan kepada semua termasuk Blok A,B, C dan D.

Y.B. Tuan Pengerusi: Oleh kerana peranan besar yang telah dimainkan dengan me*repair* paip, mebuat bayaran awal..

Tuan Mohammad bin Raffie: Kenapa aaa SAP Urus Harta tidak terlibat langsung dalam Blok A, B, C dan D ni kerana aa INPENS telah memagar seluruh kawasan tersebut menajdi satu bangunan yang eksklusif lah untuk pengguna INPENS di mana INPENS mempunyai unit penyelenggaraan dia sendiri. Sebab itu kami tidak terlibat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kembali kepada hasil perbincangan 8 Ogos 2007 ya, hasil perbincangan ada 3 ya? Pertama, kerja-kerja baik pulih adalah tanggungjawab pemaju Brisdale Holdings Berhad, tapi telah lebih tempoh kecacatan. Aaaa bila tempoh kecacatan tamat?

Tuan Mohammad bin Raffie: Saya tak pasti la pulak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa panjang tempoh selepas siap bangunan tu masih lagi di bawah jagaan pemaju?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kami tidak ada rekod tu, boleh kami majukan rekod tu kemudian? Pada waktu ini tidak ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi tidak dilaksanakan lah keputusan ini kerana...Tempoh dah tamat?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang kedua, pemaju telah dijual kepada pihak ketiga. Apa maksud kepada "*Lock Stock & Barrel*" ni dalam konteks dalam baik pulih tanggungan pemaju tadi? Dalam konteks ini, bahawa semua tanggungan diserahkan kepada pihak pembeli, termasuk juga urusan penyelenggaraan. Kepada pemilik GMB?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dia adalah sebagai pemilik syarikat yang baru lah, jadi dalam perjanjian tersebut dia mengambil alih semua..

Y.B. Tuan Pengerusi: Termasuk tunggakan bayaran air?

Tuan Mohammad bin Raffie: Semua sekali liabiliti termasuk tunggakan air. Itu pemahaman kami lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu maksud kepada kontrak? Tanpa perlu di*detail* diperincikan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Walaupun tak perlu di *detail*kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Perjanjian itu sendiri tidak ada *details*, tapi sebelum pembeli baru ni membeli syarikat ini, mereka ada membuat *due diligence* tapi laporan itu kami tidak ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan ini pun tidak dilaksanakan, maknanya sikit pun tidak ada rundingan diantara GMB dengan SYABAS untuk pengurangan balik apa semua? Tiada?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh Jawatankuasa tahu siapa GMB Construction Sdn. Bhd. ni?

Tuan Mohammad bin Raffie: GMB aa syarikat *private limited* la, tapi kita tidak tahu la dia punya senarai Lembaga Pengarah ataupun ahli pengurusan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Takde maklumat ya siapa Pengarah syarikat?

Tuan Mohammad bin Raffie: Takde.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada maklumat ke kenapa dia berminat membeli Brisdale Holdings yang bermasalah ni?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dia, kami cuma boleh mengandaikan saja, maknanya maksudnya di sini Brisdale dia apa ni, Y.B Hannah pun ada membuat.. dalam *Star* dan sebagainya dia punya *asset* yang banyak tetapi dijual pada harga RM50000. Mungkin itu menjadi daya tarikan bagi mereka untuk membeli syarikat itu. Itu saja lah yang kita tahu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Takpe, itu luas skop nya.. (Ketawa).. Yang Ketiga la ni? Bayaran penyambungan air semula mungkin dapat dilakukan jika pihak INPENS menjelaskan. Ok jika pihak INPENS ini adalah keputusan andaian lah... adakah pernah ada perundingan dilakukan oleh SAP Urus Harta dengan INPENS dari segi untuk bayar balik sewa, bayar tunggakan air?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ada, kita banyak berbincang tetapi aaa, yang kami secara formal, sebab *relations* kami dengan Dato' Mydin agak rapat dan kita berbincang begitu, tetapi sebab kita tahu kedudukan kewangan INPENS bagaimana. Dan sebab itu kita sanggup membantu INPENS dalam perkara ini supaya tidak menjejaskan pembelajaran pelajar-pelajar di sana.

Y.B. Tuan Pengerusi: Daripada persepektif Pengurus Harta ni, apakah INPENS mempunyai *core business*, kita nak tengok dari segi, sebab hubungan itu nampak intim kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Satu ... INPENS adalah syarikat anak Kerajaan Negeri. Kedua dulu INPENS di bawah Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Dan aa di situ lah hubungan yang syarikat yang berkaitan dengan Kumpulan Darul Ehsan Berhad, itu lah yang menjadikan kami rapat. Yag kedua perniagaan *core business* INPENS ni adalah untuk menawarkan kursus-kursus Diploma kepada pelajar-pelajar yang.. yang dalam kategori selepas ditolak oleh institusi-institusi yang lain, dia adalah *private college*. Itu sajalah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi pada masa itu, majukan perniagaan industri pendidikan di Selangor pada masa itu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul. INPENS aaa semasa INPENS aa apa ni beroperasi di Seksyen 7 Shah Alam, dia punya pengambilan pelajar-pelajar ramai berminat untuk INPENS, tetapi apabila dipindah kepada di Bandar Armada Putra, maka masalah INPENS timbul, di mana ibu bapa pada waktu itu dan pelajar pun tidak berminat untuk belajar di INPENS kerana kedudukan dia tidak ada kemudahan, apa ni *public*, aa, kemudahan apa? Awam, tidak ada *bus service*, tidak ada teksi, tidak ada van dan sebagainya, dan kedudukan itu terpencil, jadi masa tu lah INPENS punya, dia punya *intake* merudum begitu jelas sekali. Yang tu yang secara peribadi yang saya nampak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh Jawatankuasa minta pandangan, oleh kerana Urus Harta SAP, apa ni... adik-beradik dengan INPENS dalam satu keluarga besar KDEB, agak-agaknya apa sebabnya pemindahan itu berlaku dari Shah Alam, ke Pulau Indah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Mungkin En. Zamri boleh teruskan?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: OK aaa pada masa Blok A, B, C, D dibina, dan sehingga siap sebelum 2004, saya merupakan kakitangan apa ni Brisdale Holdings Berhad, selaku pada masa itu, saya *Clerk of Work* saja, ok..jadi bangunan itu disiapkan sebelum 2004, tapi INPENS dah masuk, belum dapat CF lagi INPENS pun dah masuk, jadi, perpindahan INPENS pun adalah usaha, antaranya saya sendiri. Pada mulanya dikeluarkan, dipindahkan daripada Seksyen 7 ke *Central Spectrum*, di Pulau Indah juga, dengan kos *renovation* dalam lebih kurang 17 juta, di Central Spectrum, kedai dan pejabat, jadi apa ni INPENS, disebabkan INPENS rakan saya di dalam INPENS sendiri mengadu bahawa kos terlalu tinggi jadi saya beserta dengan rakan lain berusaha untuk memindahkan daripada *Central Spectrum* kepada Bandar Armada Putra sebab di Bandar Armada Putra, Blok A, B, C, D kedai dan *apartment*, jadi kos pengubahsuaian pada, pada rancangan kita akan menjadi lebih rendah. Tapi malangnya, kos tu sama. Di sini banyaklah apa ni, apa ni, pada masa tu *argument* saya..

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa perlu transit sementara tu, kalau dah keputusan dibuat untuk pindahkan ke Pulau Indah?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Dia bukan transit sementara, dia cuma asalnya pada masa itu, Kerajaan Negeri memindahkan apa, INPENS dari Seksyen 7 ke *Central Spectrum* tetapi aaa keputusan belum dibuat lagi..

Memang itu keputusan awal?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Apa keputusan awal? Ya.Tetapi memandangkan kami rasa di *Central Spectrum*, kos yang kami tahu adalah 17 juta. Kos pengubahsuaian dari pejabat nak jadikan hostel. Jadi kos tu tinggi, jadi kami cadangkan pada masa tu, kalau boleh dipindahkan ke Blok A, B, C, D aaa, dia punya *Canselor*, Profesor So'ot, saya sendiri yang bawak untuk tunjukkan tempat ni tak perlu lah melibatkan kos yang tinggi, Cuma kos berapa juta sahaja. Jadi dia setuju, dipersetujui oleh Kerajaan Negeri berpindah ke apa ni Bandar Armada Putra, tetapi malangnya kos tetap sama. Jadi ini, saya rasa pada masa tu, bangunan tu belum dapat CF, saya pun banyak aduan saya bagitahu kepada pihak Brisdale, sungguh pun saya ni *Clerk of Work* saja, tapi saya bagitahu pada Brisdale bahawa bangunan ni tak perlu dimasuk sebab CF takde. Jadi pada masa tu, arkitek dia, Suria Mamat, buat permohonan kepada SYABAS, itu kalau apa ni, pihak Jawatankuasa dikaji balik SYABAS, saya pertikaikan, A, B, C, D, dua tariff

kod yang berbeza, Blok A, Blok B, *apartment* dengan kod 18, Blok C dan Blok D, kod *industrial*. Jadi, satu kod yang berbeza. Di samping itujuga, saya mempertikaikan daripada segi aaa apa ni system perpaipan di situ. Baru-baru ni ada mesyuarat dengan pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, saya mempertikaikan kenapa SYABAS, salah satu, apa ni, badan yang memberi kelulusan bagi setiap perpaipan di satu bangunan, kenapa tak dikaji kedai dan *apartment* kebiasaannya dia adalah 2 *bulk* meter, meter pukal, dia ada dua. Kedai lain kod, apartment lain kod, tetapi kenapa dijadikan satu? Dijadikan satu biasanya kedai dengan *rate* RM2.20 atau pu RM2.28 manakala *apartment* RM1.38. Kenapa di situ pihak SYABAS tidak mengkaji dari peringkat awal kelulusan yang telah diberi... yang telah dipohon oleh arkitek INPENS pada masa tu. Jadi di sini saya cakap dengan pihak SYABAS, sepatutnya 500,000.00 yang perlu ditanggung oleh INPENS atau pun Brisdale tak sampai banyak tu. Jadi di sini ada juga kelemahan-kelemahan di pihak SYABAS, daripada system alert, dia tak bagi *report* yang sebenarnya, tiada *system* yang *technical* yang di.. di.. apa .. diberitahu. Saya dengan Dato' Mydin sama naik turun, naik turun, bincang macam mana perkara ni berlaku tapi takde report. Cuma kita dapati disebabkan ada berlaku kebocoran paip yang kecik, di di di kaki lima, jadi kita, apa ni memutuskan bahawa paip-paip di bawah bangunan semua bocor. Kalau AJK perlu apa ni daripada apa... *design* paip di bawah bangunan tu, ada paip MS pipe digantung dengan besi yang tak setebal, tak sampai satu inci, dan kawasan tu kawasan pasir, berkarat. Jadi, itu lah cadangan saya kepada pihak SYABAS dan diperseyujui oleh pihak SYABAS untuk kita tukarkan paip yang tanam di bawah, kita tukar kepada paip *expose*. ABS pipe, dengan kos yang sepatutnya ditanggung oleh Brisdale tetapi disebabkan keprihatinan SAP sendiri, dan kita menjaga kepentingan Kerajaan Negeri, sebab pada masa tu, apa penduduk tidak ada air satu bulan, diorang nak bawak masuk TV3 semua, nak masuk media, jadi kita cuba buat paip yang baru di luar. Itulah yang berlaku di Blok A, eh Blok C dan Blok D.

Tuan Mohammad bin Raffie: Dan untuk makluman Jawatankuasa, kenapa SAP Urus Harta mengambil inisiatif begini untuk menanggung kos; pertama tadi atas rasa perikemanusiaan, yang kedua kita ingin menjaga nama baik agensi Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Negeri Selangor. Apabila, kiranya benda ni tidak dilakukkan, tidak di *tackle* dengan betul, maka pemilik akan membuat sebaran samada di media dan sebagainya. Jadi untuk menjaga nama baik kerjaaan negeri pada masa tu, SAP Urus Harta sendiri mengambil tindakan tersebut. Dan kedua, untuk makluman Jawatankuasa, kenapa INPENS dipindahkan ke Bandar Armada Putra, yang kami dapati bahawa aa, Kerajaan Negeri pada waktu itu, ingin membangunkan UNISEL, jadi bangunan yang diduduki oleh INPENS di Seksyen 7 adalah bangunan yang *strategic*, maka aa, Kerajaan Negeri ingin menempatkan UNISEL di bangunan tersebut dan memindahkan INPENS ditempat yang lain. Keputusannya, diantara satu daripada keputusan tersebut, satu Bandar Armada Putra sendiri Bandar yang tidak hidup, tidak ada aaa pendudukan yang kecil, maka aaa Kerajaan Negeri berpendapat bahawa jika mengadakan satu kolej di situ maka dia akan menaikkan Bandar Armada Putra, tapi aa, pada hakikatnya tidak berlaku. Yang itu, yang kita dapati kenapa Kerajaan Negeri memindahkan INPENS ditempat yang lain.

Y.B. Tuan Pengerusi: Memindahkan INPENS ke Pulau Indah di Bandar Armada Putra, adakah keputusan pihak INPENS, pihak KDEB ataupun pihak Brisdale?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Pada waktu itu, ada Kerajaan Negeri yang apa.. yang .. Dato' Menteri Besar Selangor lah, dengan pihak KDEB. KDEB pada waktu itu ialah Dato' Zabir Bajuri lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi masa tu, dia sebagai Pengerusi Eksekutif aje?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Dia sebagai Presiden Kumpulan Darul Ehsan Berhad, dan Pengerusi masih lagi Dato' Menteri Besar lah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Saya nak dapat penjelasan ya, mula-mula mereka nak pindah ke *Central Spectrum* sana, 17 juta anggaran untuk *renovation*. Lepas itu, cari tempat baru kerana nak kurangkan kos. Tentu dekat tempat baru tu ada buat pengiraan betul-betul kurang 17 juta baru pindah. Tapi tak buat?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Sebenarnya anggaran tu kita.. kita pada masa tu Brisdale pun ada buat anggaran, sebab apa, 17 juta kita dengan anggaran yang kita buat pada masa tu adalah 13 juta sahaja untuk pengubahsuaian, bilik-bilik kuliah, kedai dijadikan bilik-bilik kuliah dan di tingkat atas tu, *apartment* dijadikan hostel jadi adalah pengurangan. Jadi di situ pihak INPENS pun bersetuju dan Profesor So'ot pada masa itu mengemukakan kepada Dato' Zabir, dan Dato' Zabir dan kemuka kepada apa ni... MB dan setuju dipindahkan daripada *Central Spectrum* ke apa ni Bandar Armada Putra.

Tuan Mohammad bin Raffie: Selain daripada itu Y.B ya, kenapa Bandar Armada Putra menjadi tempat yang baik untuk INPENS satu, aa, satu selain bangunan dia adalah atas apartment, jadi memang mudah untuk dijadikan sebagai hostel, dia di *Central Spectrum* kedai perlu kos renovasi yang lebih tinggi, yang kedua aaa di Bandar Armada Putra banyak kawasan lapang yang boleh membuat, dijadikan satu kawasan riadah dan rekreasi untuk para pelajar dan juga untuk membangunkan sebuah dewan serbaguna di situ yang diletakkan di bawah INPENS. Itu sebabnya adalah satu lagi lah faktor.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Kos *renovation* 17 juta ini, dibiayai oleh KDEB , untuk INPENS?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: KDEB bayar?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Kontraktor yang sama? Satu kontraktor sajalah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Aa iya satu kontraktor. Kontraktor pun pada masa itu adalah anak syarikat KDEB, Darul Ehsan Bina, iaitu anak syarikat kepada KPS lah.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Saya nak tanya dua perkara, ini, berapakah *management fee* yang *you charge* kepada pemilik? Kerana you jadi pengurus *management* bukan? Adapakah *you charge* untuk pemilik? Apa dia INPENS ke atau individu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Untuk semua unit yang kami jaga kami cuma cajkan 10% daripada jumlah bil bulanan, kalau caj perniagaan bulanan tu 100, aa, yuran pengurusan kami adalah RM10 lah.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Oo.. itu yang kod *you* lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: OK, kenapa kadar tu rendah, kita ada apa, *internal agent* ..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Yang keduanya, ini, *I* nampak banyak bil diselesaikan oleh SAP, aa, bil air, 5 ribu, 6 ribu .. ini semua, ini ada, INPENS ada bagi sumbangan kepada *you*? *The bil* 10% yang *you* kata ada dapat? Dari INPENS?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dari segi sewa, INPENS menjelaskan sewa kepada pemaju, Brisdale dan aa dan daripada kutipan sewa tersebut, Brisdale akan menyerah, membayar kami 10% lah, begitu lah dia punya kaedah.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Untuk bayar bil semua, dia bayar kepada..

Tuan Mohammad bin Raffie: Bukan, untuk sewa, ini...

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Sewa? I ingat dia bayar , kepada terusnya kepada pemilik unit itu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Begini, penyewaaan INPENS ada dua, untuk unit-unit *apartment*, telah dijual, telah dijual, jadi sewa tu di antara INPENS dengan pemilik petak, tetapi dia untuk kedai yang di bawah tu sebanyak 92 unit maknanya, 56 unit adalah milik Brisdale, pemaju, jadi untuk 56 unit tu INPENS akan membayar kepada pemaju dan aa pemaju akan membayar 10% kepada pihak kami.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Begitu kalu, bil air siapa yang tanggung?

Tuan Mohammad bin Raffie: Bil air adalah sepenuhnya ditanggung oleh INPENS. Bil air termasuk elektrik.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: *I* tengok SAP yang keluarkan duit, *you* ada dapat balik dari INPENS ke tak?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Macam mana, sumbangan dari mana *you* keluarkan duit tu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Daripada tabung syarikat sendiri. Dia begini, bila INPENS menghadapi keadaan yang begitu runcing, INPENS mengadu kepada pihak kami dan juga kepada pihak pemaju. Bahawa mereka tidak dapat menjelaskan bil-bil air ini dan mereka mengadu, sewaktu itu INPENS adalah syarikat, kita punya, aaa *sister company* lah, dan atas sebab itu kita bayar. Dan bila INPENS mendapat aliran tunai yang baik, mereka akan membayar kami semula. Begitu persetujuannya.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: *So, overall*, dalam hal ini, siapa yang tanggngjawab siapa yang bayar bil ini semua? Tanggungjawab INPENS ke?

Tuan Mohammad bin Raffie: INPENS.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Penduduk *cannot be affected*, pemilik rumah, bukan tanggungjawab pemilik rumah lah? Kerana dia yang sewa?

Tuan Mohammad bin Raffie: Di dalam perjanjian sewa, *tendancy agreement*, aa di dalam *clause* 6.2, INPENS bertanggungjawab untuk menjelaskan bil-bil air, bil-bil elektrik dan lain-lain *utility*, dalam ini. Jadi di sini, pemilik.. pemilik..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Termasuk Brisdale lah? Termasuk dia pun pemilik jugak?

Tuan Mohammad bin Raffie: Aaa, ya, jadi di sini kita dapat memahami bahawa INPENS menanggung sepenuhnya terhadap bayaran bil tersebut.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tapi ini meter pukal? Bukan meter individu kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi mereka hanya bertanggungjawab base on tendancy agreement untuk unit yang mereka sewa, tentu mereka bayar, bil ..macam bil air kepada SYABAS terus, untuk unit mereka?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya. Dia INPENS membayar semua apa yang dicaj dalam meter pukal tersebut.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Untuk Blok C dan.. untuk semua Blok?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi INPENS kutip semula daripada penduduk?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.. er.. tidak, tidak, sebab dia termasuk di dalam harga sewaan tu.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tapi kita kata ada Blok yang lain yang ada penduduk kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Waktu.. begini ya ceritanya, bila INPENS menyewa A, B, C dan D, dia mengambil sepenuhnya sebanyak 432 unit..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Semua unit?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya, jadi di sini, INPENS membayar semua bil yang dikeluarkan dalam bentuk pukal tu lah. Tidak dibuat pecahan lain, dibayar, dijelaskan semuanya. Tapi dalamkeadaan itu, terdapat dua unit yang tidak mahu menyewa kepada pihak INPENS tapi aaa INPENS berpendapat 2 unit terlalu kecil jumlahnya dia bayar sekali. Itu yang kita difahamkan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kita ada 2 situasi sekarang ni, pertama adalah tunggakan semasa tempoh aaa di bawah INPENS dan Brisdale, itu jelas, kemudian INPENS pindah, kan? Pada pemilik masuk balik ke *apartment* masing-masing. Ini yang jadi isu hari ini. Jadi isu tunggakan dulu tak selesai, kebocoran tak selesai, dlepas tu ditambah lagi dengan bil semasa dengan kebocoran, dia ada 2 kes, jadi soalan saya, apa, bila pemilik asal masuk ke *apartment*, siapakah menjadi pengurus Bangunan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dia berbalik kepada SAP Urus Harta..

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa yang melantik?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dilantik oleh Brisdale..

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya peranan SAP Urus Harta masih kekal, walaupun Brisdale, sewakan, apa ni, semasa bangunan di sewa oleh INPENS dan kembali kepada..

Tuan Mohammad bin Raffie: Kekal sehingga 10 Ogos di mana Brisdale telah dijual kepada GMB. Jadi pemilik baru tidak melantik kami pun. Seharusnya, apabila pemindahan milik syarikat pemilik baru harus melantik sesiapa termasuk kami sebagai agen mereka, tetapi ini tidak berlaku lah, jadi daripada situ, kita dapati bahawa kamitidak dilantik selepas tempoh itu..

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi tiada pelantikan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tiada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan tiada siapa-siapa yang membayar SAP Urus Harta lah sepatutnya?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tetapi peranan SAP Urus Harta masih diteruskan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Teruskan untuk projek-projek yang lain,

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak.. Blok A,B C dan D ni..? termasuk? Siapa yang menjadi pengurus harta, pengurus bangunan bagi Blok A hingga D? Hari ini?

Tuan Mohammad bin Raffie: Itu, selepas penjualan itu, tidak ada siapa yang mengendalikan cuma aaa apabila aaa pihak GMB menjual Brisdale ini kepada pihak yang lain pula aaa syarikat tersebut melantik agen pengurusan yang baru, bukan kami.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sekarang ni dah takde kena mengenalah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Takde..

Y.B. Tuan Pengerusi: Sejak bila?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: 20hb 8 2008,.. sepatutnya 10hb 8 2007 , masa aa Brisdale dijual kepada GMB, SAP juga pada masa tu sepatutnya pun tarik diri sebab dah takde tangggungjawab lagi, tapi disebabkan atas ini, atas, aaa keprihatinan pihak pengurusan, mintak, Brisdale.. apa SAP Urus Harta untuk *continue* sampai 20hb 8 2008, pada masa tu kami dapati, kami tak dapat apa pun *income* pun tak dapat, tapi apa ni.. masalah saja yang timbul dan sepatutnya kami dibayar oleh GMB kan?

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi GMB tak lantik?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: GMB tak lantik. Di sini, di sini banyak dia punya apa tu.. kelemahan-kelemahan sebab kami pada masa tu, penjualan GMB pada bulan 8 2007 kami tak tahu sebenarnya...

Y.B. Tuan Pengerusi: Oo .. lepas tu GMB jual pulak..

Tuan Mohd Zamri bin Omar: GMB jual pulak kepada Salient Wizard ..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Satu syarikat di Kelantan..

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Jadi disebabkan apa ni banyak rungutan daripada pemilik, SAP Urus Harta usaha sendiri cari Salient Wizard ni di Kelantan. Baru lah timbul cerita..

Y.B. Tuan Pengerusi: Dengan harga?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: 50 ribu..

Y.B. Tuan Pengerusi: 50 ribu jugak

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Dengan harga .. tak pasti..

Y.B. Tuan Pengerusi: *Stock & barrel* jugak?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Tak tau tak pasti..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak pasti..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Pembayaran aaa, bil SYABAS yang dijelaskan oleh SAP Urus Harta atas sebab perikemanusiaan lah, ok? Bil itu ada tak profit SAP Urus Harta? Jadi macam SAP Urus Harta bayar 6 ribu kepada SYABAS, lepas tu SAP ada tak bil Kumpulan Hartanah untuk duit itu? Tak kan SAP keluarkan daripada poket sendiri?

Tuan Mohammad bin Raffie: Memang dari poket SAP sendiri.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Takde *claim* balik dari Kumpulan Hartanah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kita *claim* balik daripada INPENS.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tak *claim*?

Tuan Mohammad bin Raffie: Kita *claim* tapi INPENS pun tak boleh bayar kita maklum sewa pun dia tak bayar.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Bolehkah saya tahu berapa jumlahnya hutang INPENS kepada SAP?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Hutang INPENS kepada Brisdale lebih kurang 2 juta lebih ..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Apa kata.., LED ... tempoh kecacatan tanah itu belum akhir lagi la?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dah habis..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Macam mana *you* bayar kalau dah habis?

Tuan Mohammad bin Raffie: Dia selepas dari penyerahan kunci, 18 bulan selepas tu aaa abih la.. penyerahan kunci masa tu pada tahun 98 ya, dia ada beberapa peringkat..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Selepas itu Brisdale takkan campur tangan dalam hal ini?

Bukan tak campur tangan, dari segi tanggungjawab kesan-kesan *structural* begini yang besar, selepas tempoh tersebut, pemaju tidak ada tanggungjawab lagi, kalau ikut clause ditanggung oleh pembeli,para pembeli, tetapi peranan Brisdale ini adalah dalam kes penyelenggaraan sahaja. Sehinggalah GMB dapat ditubuhkan, baru la peranan pemaju dalam .. dah habis. Tapi di sini GMB belum tubuh, MC pun belum ada jadi pemaju masih bertanggungjawab untuk menyelenggara sahaja. Bukannya untuk..

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Bila dia dapat aaa... *Occupation of Certificate*?

Tuan Mohammad bin Raffie: *Pardon*?

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Kata tak dapat, bila dia moving dapat OOC? Bila dia dapat OOC? Sudah dapat ke belum lagi?

Tuan Mohammad bin Raffie: CF ke maksudnya?

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Aaa CF... *Occupation Certificate la..*

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Pada masa 1hb 3 2004 tu, pada masa tu arahan Kerajaan Negeri pindah.. INPENS pindah ke Bandar Armada Putra, pada masa tu memang takde, CF pun takde. Itu saya pun tak follow up samada CF tu dah ada atau pun tidak.

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Kerana ada juga bangunan belum lagi CF keluar..

Tuan Mohammad bin Raffie: Dalam kes tersebut kita takde maklumat lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Zamri ya? En. Mohammad Raffie, kembali kepada Isu penduduk ya? Jadi bila berlaku perpindahan INPENS, penduduk belum masuk?

Tuan Mohammad bin Raffie: Penduduk dah masuk.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pemilik asal dah masuk kan? Jadi mereka guna air apa semua? Bagaimana mereka bayar bil air yang ada pada masa itu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Selepas INPENS berpindah ke?

Y.B. Tuan Pengerusi: Selepas dah, INPENS pindah keluar. Pemilik masuk balik kan? Masuk kembali ke menempati ke *apartment* masing-masing kan?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Ok, pada ... apa tu INPENS keluar kalau tak silap saya pada 2007, bulan 11 kot ... 2008 ke 2007?... 2008.

Tuan Mohammad bin Raffie: Tarikh tu kami tidak pasti, pohon maaf.. Tapi kalau aaa, selepas aa INPENS berpindah, aaa dalam bulan 8 atau bulan 9 08, pemilik akan menghuni semula lah kediaman mereka, tapi dalam konteks ini, aaa, SAP Urus Harta secara rasmi tidak mengendalikan sebab, projek ini telah dijual pada Brisdale tadi,... err ... pada GMB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, dalam tempoh tersebut, tidak ada mana-mana pihak yang menguruskan bangunan tu?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Aaa, daripada 20hb 8 2008, selepas SAP keluar daripada sana, keluar apa ni... bangunan itu tak diuruskan oleh mana-mana..

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebab kita dapat aduan daripada pemilik, mereka tak tahu nak bayar bil ke siapa.

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Betul eh?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Selama 2 tahun?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Sepatutnya itu adalah tanggungjawab apa ni... GMB, yang pada, sekarang ni tanggungjawab Salient Wizard lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, kalau ada penduduk buat kenyataan ya? Cuba dengar, apa ulasan En. Zamri dan En. Mohammad.. anak syarikat KDEB, maknanya.. SAP Urus Harta, anak syarikat KDEB di bawah Kumpulan Hartanah Selangor, yang dipertanggungjawabkan untuk menjual unit yang masih kosong dan menjaga pengurusan bangunan pangsapuri kami serta sebagai agen kutipan, ... ini persepsi pemilik..

Tuan Mohammad bin Raffie: Memang kita ada berlaku di mana aaa pemilik ni, walaupun kita dah keluar, tapi mereka tidak ada, pada siapa harus mereka mengadu, yang, apa yang mereka ingat, SAP Urus Harta dulu pernah mengurus.. Mereka datang kepada kita.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi kenyataan ini tak betul lah?

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kenyataan ini dibuat atas tanggapan tetapi tidak atas dasar pelantikan sebenar?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, kedua, ini *refer* kepada mereka dah pindah ni, ... Semasa menjadi pengurusan bangunan, tiada sebarang kerja penyelenggaraan dilakukan oleh pihak terbabit.

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Betul la kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Sebab dia dilakukan oleh pihak INPENS.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebab bukan mereka..

Tuan Mohammad bin Raffie: Selepas kita keluar, tidak ada, kita tidak mengurus.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, bagaimana pula dengan kenyataan SYABAS dalam surat mereka, mereka mengatakan masalah ini bertambah buruk lagi, ni daripada

SYABAS ya? Apabila SAP Urus Harta gagal untuk membuat bayaran bil air. SYABAS pula berpendapat bahawa SAP Urus Harta yang perlu bayar bil air.

Tuan Mohammad bin Raffie: OK.. aa.. begini ya, tadi aaa, kenyataan ni tidak betul lah. Kerana aaa ..... apa ni, aaa ... kita, pihak, kecuali pihak SAP Urus Harta, dia mengeluarkan satu tuntutan kepada para pemilik untuk menjelaskan bil air dan para pemilik membayar kepada kami dan kita bayar kepada pihak SYABAS. Itu tugas kita sebagai agen pengurusan. Di dalam konteks ini, kita tidak buat sebarang kutipan pun.

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay: Bil air di bayar oleh Brisdale bukan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Brisdale? Bukan... INPENS,.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Pernah tak SAP Urus Harta keluarkan surat kepada SYABAS, bahawa Aku Janji untuk bayar bagi pihak INPENS, pernah? SAP Urus Harta? Ada tak sebarang dokumen? Kerana kalau tidak, tak, tak mungkin SYABAS akan mengatakan dalam surat mereka bahawa SAP Urus Harta perlu bayar bil? Kerana bil mereka, mereka isu semua kepada INPENS, kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul ada, pihak SAP Urus Harta..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ada bagi?

Tuan Mohammad bin Raffie: Pihak SAP Urus Harta ada berunding dengan SYABAS bahawa kita akan membantu INPENS dalam perkara ini. Itu ada.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ada keluarkan surat Aku Janji?

Tuan Mohammad bin Raffie: Aku Janji tidak ada cuma dalam 2 dan 3..... pada 22hb 5, kita ada menulis surat kepada pihak SYABAS, aaa, kita memohon bayaran ansuran untuk tunggakan-tunggakan ini, sebab INPENS tidak lagi mahu membayar apa-apa, jadi kita sebagai.. rasa bertanggungjawab, kita... kita buat 50 bayaran ansuran...

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Kenapa SAP Urus Harta rasa bertanggungjawab?

Tuan Mohammad bin Raffie: Pihak pemaju...

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Bagi pihak pemaju?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, boleh Jawatankuasa mencadangkan berlaku terlalu banyak kekeliruan, kekeliruan dari segi pelantikan pengurus bangunan, penduduk yang datang masuk kemudian menganggap dia sepatutnya diuruskan oleh SAP Urus Harta?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kemudian aaa, dari segi INPENS pun berharap ya, kepada.. kerana tadi menyatakan hubungan tadi dengan Dato' kan? Dato' Mohd Mydin tadi yang mintak tolong.. tolong.. akhirnya berkesudahan SAP Urus Harta sebagai pengurus bangunan.

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sekarang ni SYABAS pulak menyatakan bahawa seolah-olah pengurus harta yang sah, yang dilantik adalah SAP Urus Harta.

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya, kalau Jawatankuasa mencadangkan terlalu banyak kekeliruan berlaku dalam ini, adakah En. Mohammad Raffie bersetuju?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya. Saya bersetuju dalam perkara ni.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apakah punca kekeliruan ini berlaku?

Tuan Mohammad bin Raffie: Punca... kekeliruan ini, satunya daripada awal lagi apa tu.. SAP Urus Harta tidak terlibat langsung.. itu, perpindahan INPENS pun adalah di antara KDEB dan jugak pihak INPENS. Yang kedua, apabila Brisdale dilantik.. aaa melantik SAP Urus Harta sebagai pengurus harta, dia secara umum ada, semua projek-projek ini adalah di bawah SAP Urus Harta termasuk yang Blok A, B, C dan D. Aaa dan kita dapati bahawa A,B, C dan D ini adalah diuruskan sepenuhnya oleh INPENS. Sebenarnya pada hakikatnya, sepatutnya SAP Urus Harta yang menguruskannya. Itu yang kita nampak kekeliruan di situ, dan bila kita merujuk balik kepada INPENS bahawa mereka yang menguruskannya, berdasarkan kepada perjanjian sewa dengan para pemilik. Yang ketiga, selepas penjualan tu, aaa, peranan SAP juga tidak jelas, kepada siapa kah principal SAP pada masa itu, adakah Brisdale pada waktu itu atau pun GMB? Sebab kita tidak dimaklumkan penjualan tersebut, dan kita paham apabila dijual kita kena mengundur diri daripada tu, sebab kita takde *principal*, hubungan antara *principal* dan agen tu tidak ada lagi. Sepatutnya GMB akan melantik sesiapa sebagai agen mereka. Tapi dalam hal ni GMB tidak melantik sesiapa pun, penduduk dalam keadaan yang begitu terdesak.. bangunan tidak diurus dengan baik, dan masalah air, masalah api dan sebagainya. Jadi di sini, penduduk, dia mengadu aaa samada di pihak Brisdale ataupun pihak kami, sedangkan aaa kita cuma boleh menetapkan bahawa pemilik untuk mengadu kepada pemilik baru, GMB. Dan GMB pula masa itu dalam proses.. untuk, dia menolak balik kepada pihak ADSB. Jadi di sini kita mengajukan masalah ni kepada pengurusan KDEB ketika itu, COO iaitu Dato' Mahzub lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Menggantikan Dato' Mazhar, Dato' Mahzub?

Waktu itu Dato' Mahzub berpendapat, kalau perkara ini berlanjutan dan tidak siapa yang bertanggungjawab, maka penduduk akan satu aaa penduduk akan merasa mereka dizalimi dan sebagainya penduduk boleh mengadu kepada, meletupkankembali di dalam media dan sebagainya, jadi Dato' Mahzub itu, kata you kendalikan sebagai care-taker, sementara aaa urusan ni, di apa dapat diputusakan oleh GMB. Itulah jadi peranan kita.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi itu tidak menyelesaikan masalah sebenar..

Tuan Mohammad bin Raffie: Tidak menyelesai, malah dia beban tu datang seolah kami yang bertanggungjawab.

Y.B. Tuan Pengerusi: Menutup cerita tapi tak selesaikan masalah sebenar?

Tuan Mohammad bin Raffie: Betul tu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sekarang ni.. ok, sekarang ni kalau En. Mohammad Raffie dan En. Zamri menyatakan tindakan-tindakan SAP Urus Harta adalah atas dasar perikemanusiaan ya? Jadi sekarang ni bebanan membayar tunggkan RM500,000.00 ni diletakkan di atas bahu pemilik dan penduduk yang ada sekarang. Apa pandangan En. Zamri dan En. Mohammad Raffie jalan penyelesaian, pandangan, ke arah ini..

Tuan Mohammad bin Raffie: Dalam, untuk penyelesaian ke arah ini, peranan penting adalah pihak SYABAS sendiri. Pertama, pihak SYABAS telah mengelirukan semua pihak dengan menyatakan bahawa tidak ada kebocoran berlaku, kecuali selepas 19 bulan baru lah datang untuk menyatakan bahawa aaa.... berlaku kebocoran. Di sini kami berpendapat bahawa pihak SYABAS dalam, kalau dengan hati yang buruk saya katakan bahawa cuba mencari keuntungan daripada kesusahan orang lain. Itu pendapat peribadi ya? Dan kedua, pihak SYABAS sendiri telah membuat satu kadar yang tidak munasabah untuk.. untuk unit ni, kenapa aaa, *apartment* dicaj RM2.28, sedangkan ia satu unit kediaman, hostel? Yang ketiganya, pihak SYABAS sendiri tidak membekalkan aaa meter pukal ni secara berasingan di antara kedai dan jugak *apartment*. Dia daripada awal lagi adalah masalah niat... sepatutnya ditanggung oleh SYABAS, dan aaa, dengan jumlah sebegitu, dengan kadar yang tidak munasabah begini, pihak SYABAS perlu dan wajib aaa menanggung kos-kos dan kerugian ini lah. Itu, itu pendapat saya lah.

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Sepatutnya saya dah bincang dengan pihak SYABAS, kita SAP Urus Harta ni selepas dilantiknya kita aaa, menoong saja, tetapi apa, SYABAS sepatutnya dia berbalik kepada penama yang dalam bil. Macam mana pun cerita pun balik pada penama yang dalam bil, iaitu Brisdale Holdings Berhad, jadi di sini, Brisdale Holdings Berhad pun dah *winding up*, SYABAS kena.. kena usahalah untuk menuntut tunggakan daripada Brisdale Holdings berhad, samada daripada Jabatan Insolvensi ataupun pada kod ni, cadangan, pada pandangan saya lah, sebab apa, antara siapa yang menguruskan apa, .. apa-apa tunggakan yang berlaku yang tercatat di dalam bil,penama tu yang bertanggungjawab. Itu aje.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, kalau begitu, aaa SYABAS tidak berhak untuk membuat pemotongan, sebarang pemotongan air lah?

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Dia berhak, dia berhak, sebab apa.. kawasan tu masih lagi di bawah Brisdale Holdings tetapi selepas, apa ni mesyuarat hari tu dengan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor, apa ni, mana tunggakan yang berjumlah lebih kurang RM500,000.00 tu, pihak SYABAS perlu lah apa ni, memohon kepada Jabatan Insolvensi untuk membuat tuntutan. Dan aa kerja-kerja apa ni, penyelenggaraan aaa pihak penduduk perlu mengadakan aaa mengadakan badan pengurusan bersama untuk mengurus apa ni Blok mereka, Blok masing-masing lah, Blok A, Blok B, Blok C dan Blok D.

Y.B. Tuan Pengerusi: SYABAS tak bersedia untuk memisahkan bil lama dan bil baru, itu masalah dia..kan dari segi peraturannya ia pun begitu.

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Sepatutnya, kalau.. terpulang pada pihak SYABAS tap saya rasa SYABAS pun nak ikat jugak penduduk. Dia mintak penduduk tanggung, tetapi aaa selepas kita mesyuarat hari tu, badan pengurusan bersama perlulah ditubuh dan dengan itu, pemohonan baru, apa ni... pemohonan baru untuk apa ni, akaun di bawah badan pengurusan bersama, jadi

maknanya start daripada zero lah.. yang hutang dulu tu.. SYABAS perlu tuntut daripada Jabatan Insolvensi. Itu yang sepatutnya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tahu tak.. ini.. *off topic* lah, tapi SAP Urus Harta dalam Kumpulan Hartanah Sdn. Bhd., apa tujuan sebenar penjualan Brisdale tu? Untuk kontra? Untuk kontra atau pun apa, kerana kalau saya GMB pun, tak mungkin saya nak beli, banyak tanggungjawab.

Tuan Mohammad bin Raffie: Yang itu minta maaf Y.B. ... kami..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tak boleh beritahu?

Tuan Mohammad bin Raffie: Penjualan tu pun kita tak tahu. Cuma selepas ...

Tuan Mohd Zamri bin Omar: .... penjualan baru kami tahu, jadi saya.. jadi pada pandangan siaya sendiri lah, saya di Bandar Armada Putra tu, pada mula aa, *reclaim* Bandar Armada Putra tu, adalah di bawah pengawasan saya, sehinggalah sekarang saya pun terbabit, tapi saya rasa kecewa sebab apa aaa, Brusdale Holdings dijual dengan harga RM50,000.00. Dan pada apa yang saya, yang saya tengok aaa aset dan liabilitinya, aset lebih daripada liabiliti, jadi dijual dengan harga RM50,000.00. Yang saya tahu, di beritahu bahawa yang RM50,000.00 tu hasil daripada tender, jadi itu yang saya mintak Kerajaan Negeri untuk siasat. Sebab apa, salah satu pemilik di Bandar Armada Putra adalah saya sendiri, aa jadi saya rasa tak puas hati lah, kenapa tempat apa ni, Bandar Armada Putra dulu telah di war-warkan akan jadi satu tempat yang *free tax zone*, yang saya rasa satu tempat yang cukup, boleh membangun aaa, tetapi di di apa tu di buat sebegini, dijual semua ada aset, lebih kurang RM100 lebih juta, liabiliti baru RM100 juta sahaja, di sini kita nampak bahawa ada yang tak betul. Kalau setakat RM50,000.00 je, saya pernah apa ni, suarakan di pihak pengurusan, setakat RM50,000.00 tu, kita mintak semua kakitangan keluar duit beli RM50,000.00, itu saja komen saya, yang diberitahu hasil daripada RM50,000.00 tu adalah daripada tender, jadi itu saya mintak Kerajaan Negeri cek balik.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, diluar skop tapi ada kaitan..

Tuan Mohammad bin Raffie: Cuma saya nak tambah sikit, apa yang, kita pun, kakitangan pun aaa merasa kecewa dengan penjualan tersebut, kerana kita sendiri tahu bahawa aset Brisdale pada waktu itu ikut perkiraan kita adalah RM117 juta, di mana terdapat tanah-tanah kosong dan unit-unit yang belum dijual, termasuk sebuah kelab yang di, .. tempat yang begitu strategik di ... Taman OUG. Jadi di sini kita dapati aa pengiraan kita sebanyak RM117 juta, sedangkan pihak pengurusan kenapa RM50,000.00, kerana liabiliti terlampau tinggi, jadi kita jugak membuat pengiraan sendiri, bahawa liabiliti Kumpulan Brisdale pada waktu itu adalah sebanyak RM98 juta sahaja. Termasuk LED, sedangkan jumlah LED pada waktu itu, boleh dirundingkan lagi, kalau tanggungan LED sebanyak RM15 juta, biasanya pemaju akan bayar dalam 30% je atau 50%, jadi di sini, pendapat peribadi saya, berlaku sesuatu yang tidak betul. Ya.. sesuatu yang tidak betul. Dan apabila GMB mengambil alih kita dapat juga makluman bahawa pihak GMB dia membuat proses *asset stripping*, mereka mengeluarkan aset ni kemudian bila jadi bersih, Salinet Wizard dijadikan aaa apa mangsa untuk mengambil alih syarikat tu. Sekarang Salient Wizard terkapai-kapai lah, dia menanggung hutang.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dia jadi jual harta? Jadi? Masa kita bangkitkan dalam sidang dewan masa dulu, selepas penjualan, kita dengar mereka nak jual *Club House* dekat OUG untuk RM8 juta?

Tuan Mohammad bin Raffie: Terjual..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dijual, lepas dijual dia dapat *profit* yang jual kepada Salient Wizard kan?

Tuan Mohammad bin Raffie: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sekiranya kita akan mengadakan satu siasatan terhadap Brisdale, En. Zamri dan En. Mohammad Raffie bersetuju untuk menjadi saksi?

Tuan Mohammad bin Raffie & Tuan Mohd Zamri bin Omar: Boleh.. (Serentak).

Y.B. Tuan Pengerusi: Baik, terima kasih. Jadi Jawatankuasa ucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh En. Mohammad Raffie dan En. Zamri, semoga apa yang disampaikan akan dimanfaatkan oleh Kerajaan dan Dewan. Terima kasih.

Tuan Mohd Zamri bin Omar: Terima kasih.

Tuan Mohammad bin Raffie: Terima kasih, dan aaa kita ada dokumen-dokumen sokongan apa yang kita bincangkan tadi, kita boleh serahkan satu salinan kepada Jawatankuasa.

LAMPIRAN C

PENDENGARAN TERTUTUP

OLEH

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

19 April 2010 (Isnin), Jam 1.00 Petang,

Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri,

Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,

40000 Shah Alam

Saksi 1: **Tuan Shahruddin Ab Rahman, Pengurus Besar Jabatan Pengebilan & Pemulihan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).**

(Saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa)

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Bahawasanya saya, Tuan Shahruddin Ab Rahman, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Bismillah hirrahma nnirrahim, Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh*, En. Mohd Shahruddin, En. Shahruddin bin Ab. Rahman ya? Aaa, sekarang ni apa jawatan di SYABAS?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Saya adalah seorang Pengurus Besar di Jabatan Pengebilan dan Pemulihan, Syarikat Bekalan Air Selangor.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa tahun dah dalam jawatan tersebut?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Saya mula bekerja di SYABAS semenjak 1 Julai tahun lepas, lebih kurang dalam 10 bulan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Oh.. dalam SYABAS pun baru 10 bulan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebelum ni bertugas di mana?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Saya bekerja di TELEKOM Malaysia Berhad.. sebelah aje..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tawaran atau pun itu...

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Aaaa,.. ditawarkan bekerja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ingin ucapkan terima kasih dan ingin ingat kan En. Shahruddin, bahawa En. Shahruddin akan memberi keterangan di bawah sumpah, ya? Aaa ... Jawatankuasa ada terima surat yang dihantarkan oleh SYABAS kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar tentang operasi pemotongan bekalan air di pangsapuri Armada Putra, Pulau Indah, tarikh 24 Mac 2010, masa 10.00 pagi. Boleh Jawatankuasa dapat aaa penerangan dari pihak En. Shahruddin?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Aaa, kes ini bermula danianya adalah berkenaan dengan sebuah pangsapuri ya.. bukan sebuah, di ada 4 blok pangsapuri di Pulau Indah, yang dikenali sebagai Armada Putra, ada 4 blok di sana iaitu Blok A, B, dan Blok C, tapi apa yang kita bincangkan ni adalah berkenaan 3 blok iaitu Blok A, sorry, Blok B, Blok C dan D, yang telah menyumbangkan tunggakan sehingga 24 Mac 2010 sebanyak RM815,818.56. Berbagai usaha telah kami usahakan untuk mengutip semula aaa ... tunggakan tersebut tapi kami aaa me.. me... mmee.. sampai kepada jalan yang buntu, itu menyebabkan kami terpaksa membuat, mengambil tindakan untuk pemotongan lah, jadi saya nak ceritakan secara background mengapa kes ini berlaku. Bekalan air adalah melalui meter pukal, walaupun dia ada 4 blok, kita supply kan melalui meter pukal, yakni bulk meter yang berasingan untuk ke empat-empat blok iaitu Blok A, Blok B, Blok C dan Blok D. Jadi secara langsungnya pihak SYABAS akan mengebilkan berdasarkan penggunaan pada meter pukal. Dan sepatutnya selepas meter pukal, ada pengguna-pengguna, misal kata dari segi *commercial* nya ke atau penduduknya ke akan dibilkan oleh pihak pengurusan bangunan, yang biasanya dilantik oleh aa pemaju ataupun pemaju sendiri. Jadi seterusnya bila kami telah mengebilkan bil meter pukal tersebut, jadi pengurusan bangunan tadi akan bertindak dan mengebilkan aaa samada penyewa ataupun penuduk di dalam kawasan tersebut untuk keempat-empat blok dan bila mereka telah mengeluarkan bil maka kutipan akan dibuat. Bila kutipan dibuat beserta dengan certain *maintenance charges*, dia akan membayar kepada SYABAS sepatutnya lah. Seperti bil yang kami keluarkan ke atas meter pukal. Itu modus operandi kami biasanya lah. Kami hanaya bilka di.. di meter besar, meter pukal di depan dan di dalam tu kami tidak tahu apa yang terjadi, maknanya itu adalah urusan pemaju dan juga badan pengurusan yang dilantik oleh pemaju untuk menguruskan hal ehwal dalaman, perpaipan dalaman, kutipan, dan tanggungjawab membayar adalahdiletakkan kepada pemaju, dalam kes ini adalah Brisdale Holdings Berhad. Tunggakan yang tinggi adalah akibat dari bil yang tinggi kerana berlaku kebocoran ya, di sistem perpaipan dalaman selepas meter pukal. Maknanya ada kebocoran berlaku di dalam bangunan, yang kami sendiri mungkin tidak tahu ya. Serta kegagalan, kegagalan untuk membuat pembayaran oleh badan pengurusan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia bangunan tersebut pada tempoh tersebut. Ok.. maklumat yang kami perolehi berhubung kebocoran yang ketara bermula di Blok C ya? Dalam bulan September 2006 hingga bulan Mac 2007 di mana jumlah terkumpul bil untuk aaa beberapa bulan tersebut adalah untuk, 6 bulan tersebut adalah lebih kurang RM518,000.00. Dalam masa 5 bulan bil untuk Blok C sahaja RM518,000.00 akibat daripada kebocoran. Iaitu lebih kurang 63.5% daripada jumlah keseluruhan tunggakan. Maklumat yang kami perolehi juga pada masa tersebut bahawa SAP Urus Harta Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Brisdale Holdings Berhad menjadi agen pengurusan bangunan bermula

daripada 12 Disember 2006 hinggalah 20 Ogos 2008. Pada masa itu, Brisdale telah melantik aaa SAP Urus Harta Sdn. Bhd. sebagai macam saya kata tadi kan lah, yang menguruskan ya, hal ehwal dalaman aaa bangunan tersebut.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pelantikan tu ada dokumennya?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya kita ada dokumen.

Y.B. Tuan Pengerusi: S.k kan kepada SYABAS?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya, saya akan...

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak.. maknanya Brisdale salinkan surat tu kepada SYABAS?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Dia... ya.. dia menujukan surat itu kepada SYABAS memberitahu agen ini telah dilantik sebagai orang yang bertanggungjawab menguruskan bangunan tersebut lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila tarikh tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: 12 Disember 2006 hingga 20 Ogos.. saya rujukkan dia punya tarikh surat Brisdale ..... Tarikh aaa .. surat daripada Brisdalae adalah 12 Disember 2006 .....

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu tarikh pelantikan..

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Pelantikan SAP Urus Harta. Ini, manakala INPENS telah menyewa beberpaa unit kediaman dan pejabat, biasanya di pangsapuri ni di bawahnya ada pejabat jadi INPENS telah menyewa bahagian bawah tu untuk pejabat mereka dan meletakkan segala-gala pelajar mereka di keempat-empat blok lah. Ada Blok A, B, C dan D tadi. JAdi, pelajar-pelajar INPENS ni ditempatkan di keempat-empat blok la, dan *operation*.. operasi mereka ni bermula daripada Mac 2004 hinggalah kepada April 2008. Dan pada 10 September 2007, SYABAS telah dimaklumkan oleh INPENS bahawa mereka telah memohon kepada KDEB untuk menukarkan nama akaun bekalan air di pangsapuri tersebut di atas nama INPENS dan menyatakan dengan jelas untuk bertanggungjawab membayar bil air setiap bulan. Pada 10 September 2007, SYABAS, ya, maklumat ni pada hari yang sama, SYABAS menerima surat dari Brisdale yang memberi kuasa kepada INPENS untuk menguruskan pertukaran nama serta berurusan untuk membayar bil-bil air secara terus kepada SYABAS. Jadi, berdasarkan kepada fakta-fakta yang kami terima ini lah maka kami mengeluarkan surat kepada Y.A.B. Menteri Besar Selangor yang menyatakan clause yang dinyatakan di situ bahawa ..... Pihak SYABAS ingin membawa perhatian Y.A.B. Tan Sri bahawa bil-bil tinggi yang dikeluarkanoleh, kepada Blok C Pangsapuri Armada Putra adalah disebabkan oleh kebocoran sistem paip dalaman yang telah dikesan pada tahun 2005. Tetapi malangnya pihak pengurusan bangunan iaitu SAP Urus Harta Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat Kumpulan Hartanah Selangor dan pengurusan INPENS tidak mengambil sebarang tindakan segera untuk memperbaiki kebocoran tersebut. Kelewatan SAP Urus Harta Sdn. Bhd. dan pengurusan INPENS tidak mengambil sebarang tindakan segera untuk memperbaiki kebocoran tersebut. Kelewatan SAP Urus Harta Sdn. Bhd. dan pengurusan INPENS menangani masalah kebocoran sistem paip dalaman tersebut telah menyebabkan bil bekalan air Blok C semakin meningkat dari RM5000 sebulan

pada bulan Mac 2006 hingga RM120,000.00 sebulan pada bulan Februari dan Mac 2007. Jadi berdasarkan fakta-fakta tadi kami mengeluarkan kenyataan tersebutlah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam aa pengalaman, operasi di SYABAS adakah kes Pangsapuri Armada Putra ni unik ataupun perkara biasa berlaku?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Perkara begini memang biasa berlaku Tuan. Di mana-mana pun aaa bangunan-bangunan yang melibatkan aaa bangunan bertingkat yang ada pengurusan yang dilantik untuk menguruskan hal ehwal dalaman pengebilan dan pengutipan kepada penduduk, memang banyak masalah, saya ada beberapa kes yang sedang berjalan sekarang di Hulu Selangor, di Gombak, di Hulu Langat banyak kes yang semacam ni, jadi sebab itu Kerajaan Negeri telah mengusahakan untuk membuat program migrasi, maknanya pindahkan meter pukal tadi kepada meter individu. Maknanya selepas ni bila kita migrate sahaja SYABAS akan mengebilkan kepada indi.. pe .. pe.. pengguna individu,kami tidak lagi akan mengebilkan kepada meter pukal besar. Kita akan terus kepada meter individu jadi.. aa pengguna individu adalah bertanggungjawab untuk membayar bil tersebut. Dalam kes sekarang ni...

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada berapa kes sekarang ni?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kalau ikutkan yang besar-besarlah dalam tangan saya saja kita ada, 6 atau 7 kes yang sedang berjalan sekarang, kes ini lebih kurang sama lah.. maknanya ada tunggakan besar, tidak di bayar dan kami terpaksa menghantar notis untuk memotong..

Y.B. Tuan Pengerusi: 6 .. 7 kes?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Lebih kurang, saya tak.. tak..

Y.B. Tuan Pengerusi: Ini besar ni RM815,000.00 kan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Besar lah, RM815,000.00.

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang lain-lain tu *scale* nya berapa?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yang lain-lain tu dalam lingkungan dalam RM600,000.00, RM400,000.00 ada RM200,000.00 dan puluh-puluh ribu, ada banyak jugak yang berlaku di Klang. Kes yang kecil lah, maknanya RM23,000.00, RM40,000.00... ada yang kes-kes yang kita anggap kecil lah, bila puluhan ribu tu kita anggap kecil tapi bila dah menjagkau RM500,000.00 ke atas kita anggap dia dah besar.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Aaa.. boleh tanya, di sepanjang pengurusan aa akaun ini ya, selalu berurus dengan SAP Urus Harta atau pun INPENS atau pun Brisdale, SYABAS?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kalau mengikut prosedur nya, pemegang akaun Brisdale Holdings Berhad, jadi segala bil, surat menyurat adalah dikeluarkan atas nama Brisdale Holdings Berhad, tapi dalam kes ini saya juga aa aapa hairan kenapa kami ada berutus surat dengan INPENS, tapi kami tak pernah berutusan surat dengan SAP Urus Harta. Because kami dapat banyak surat daripada INPENS yang me.. membuat aduan berkenaan dengan bil tinggi, complaint about kebocoran tapi kami tak pernah menerima aduan daripada SAP Urus Harta

berhad, ... eh, Sdn. Bhd. Itu sebabnya kami ada kerap juga berurusan dengan INPENS selain daripada Brisdale.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apabila menerima aduan apa ni.. bil tinggi, terima pertama kali daripada mana, dari siapa?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kita menerima aduan bil tinggi sebenarnya daripada INPENS.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila pertama kali terima aduan tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Pada 16 Oktober 2006, kami menerima surat daripada INPENS kepad SYABAS, pejabat kami di Klang, yang menyatakan aa mereka telah menerima notis pemotongan, dan mereka memohon untuk aaa menangguhkan bayaran dan INPENS telah aaa membuat menghantar surat aduan kepada SYABAS pada 4hb Ogos 200.. berkenaan dengan kerosakan di Blok C dan memohon pengurangan bayaran bil, maknanya .. maaf pada 4 Ogos 2005 kita pernah menerima aduan dariapda INPENS menyatakan.. bil tinggi dan disyakki masa tu meter rosak.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: 2005 ya?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: 2005..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok..

Tuan Shahruddin Ab Rahman: 4 Ogos 2005.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok...

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu pertama kali ya?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya pertama kali.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apakah langkah yang diambil oleh SYABAS selepas menerima aduan ini?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Selepas menerima aduan kami akan menghantar bahagian teknikal kami untuk membuat pemeriksaan pasal aduan tadi berkenaan dengan bil tinggi dan disyakki meter rosak, jadi kami pun membuat ujian meter dan memang didapati meter tersebut adalah rosak, iaitu meter stuck, meter *stuck* ni maknanya.. dia tidak bergerak, walaupun ada laluan air, meter tu tidak berjalan, jadi seterusnya setelah kami mendapati aaa meter tersebut rosak, kami terus menukar meter tersebutlah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau begitu dia tidak menigkatkan bayaran bil kan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yes.. dia.. dia tinggi.. bila *stuck* dia tak tinggi, tapi sebelum-sebelum tu dah tinggi pasal, siasatan yang kami buat adalah pada 13 Februari 2006, kita telah menghantar *technician* kepada tapak untuk menyiasat aduan tersebut dan memang betul kita dapati meter rosak.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Erm.. terima surat Ogos 2005, SYABAS pergi cek Februari 2006?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Nanti sekejap, saya nak kena siasat, nak tengok dulu...

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ada lagi surat sebenarnya, pada 2 Mac 2007.. maaf tadi tu saya tak jumpa surat yang Ogos tadi pasal saya membaca daripada kronologi saya, saya .. ada surat di sini daripada INPENS mengatakan bahawa meter air di Blok C Armada Putra telah mencatatkan bacaan yang luar biasa dan tinggi dan kerana itu telah dimaklumkan kepada Tuan melalui surat bertarikh di atas, maknanya pada 16 Oktober 2006, maknanya .. *sorry*... sebenarnya kita pernah buat siasatan pada 13 Disember 2006 setelah menerima aduan tersebut.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Itu siasatan pertama SYABAS?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Siasatan pertama..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: 13 Disember?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: 13 Disember 2006.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tapi mereka buat aduan Ogos 2005. Nampak macam ada 13 bulan..

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Tempoh ya? Untuk siasatan tu ya?

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Mmm..

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Minta maaf, saya sedang mencari surat INPENS yang pada ... 2005..... Ya, nampak mcam tiada tindakan selepas aduan dibuat pada Ogos 2005. Saya terpaksa menyiasat kenapa tiada aa tindakan selepas..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tindakan ya? Ok. Jadi tindakan pertama SYABAS 13 Disember 2006, telah memeriksa meter mendapati meter memang rosak, tetapi itu bukan punca bil tinggi la kan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yes.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, meter rosak bukan punca bil tinggi. Ok. Lepas itu SYABAS teri.. aaa ada cek sekali lagi dan didapati ada kebocoran?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya, selepas tu, selepas aduan tu, selepas 13 Disember tu, kami dapati memang meter rosak jadi kami pun menukar meter, bila meter ditukar kami dapati bil masih lagi *continue* tinggi.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Tinggi?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok. Lepas itu ermm.. kebocoran didapati benar, 9 Mac 2007?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah SYABAS ada keluar surat menegaskan menyatakan bahawa mengesahkan tiada kebocoran kepada INPENS ataupun kepada berlaku kebocoran, bukan tiada kebocoran?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kita mengesahkan berlaku kebocoran, merujuk kepada surat kami pada 9 Mac 2007 kepada INPENS..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak, daripada bulan.. ada tak daripada bulan 12, 13 hb 12 2006?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Selepas tu? Itu ada kesilapan teknikal saya rasa pada borang yang kami.. bila kami the technician, bila membuat siasatan di tapak *instead of meter* rosak, dia terus *thick column* tiada kebocoran. Itu menyebabkan aaa ke apa.. kekeliruan di antara INPENS dan SYABAS masa tu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa yang sedar berlaku kekeliruan ini?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Pengurus Besar Wilayah pada masa itu telah menghantar surat kepada INPENS pada 9 Mac 2007 dan menyatakan bahawa hasil siasatan disyakki terdapat kebocoran di premis Tuan. Maknanya dia merujuk pada siasatan lah, merujuk kepada aaa siasatan Ketua Pembaca Meter mendapati SMR telah membuat siasatan pada akaun tersebut berkaitan tersebut berkaitan bil tinggi dan hasil siasatan disyakki terdapat kebocoran di premis Tuan Blok C dan telah menerangkan perkara tersebut kepada bahagian penyelenggaraan. Maknanya pada 9 Mac kita dah perjelaskan Pengurus Besar ketika itu telah menjelaskan kepada INPENS bahawa aa ada kebocoran berlaku di Blok C, untuk pengetahuan pihak Tuan juga, pihak SYABAS telah pun menukar meter pada 12 Januari 2007. Maknanya kita nyatakan juga pada 12 Januari 2007, meter telah ditukar berdasarkan kepada aduan INPENS. Walaubagaimanapun setelah ditukar meter, penggunaan masih tinggi dan mengesahkan lagi kebocoran di premis Tuan. Ini maknanya kita mengesahkan kepada INPENS bahawa kita memang berlaku kebocoran di Blok C.

Y.B. Tuan Pengerusi: Daripada kesilapan teknikal yang isi borang tu, iaitu pada 13 Disember, dibetulkan hanya 3 bulan selepas itu? Kerana, bila dia sedar? Saya nak paham bila dia sedar, disedari berlakunya kesilapan teknikal isi borang?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kalau mengikutkan surat menyurat pada 9 Mac kita beritahu secara *official*nya pada INPENS, tapi kalau mengikutkan para 2 daripada surat tersebut, sebenarnya bila siasatan tapak dah selesai dibuat Ketua Pembaca meter tu telah menerangkan kepada kakitangan di situ bahawa terdapat kebocoran, cuma *technicality* pengisian borang tersebut telah tersilap.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi 3 bulan satu tempoh yang panjang... untuk kalau isu kebocoran yang bil yang tinggi tu sudah menelan belanja yang tinggi tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Pasal 12 Januari kita baru tukar meter biasanya kita akan biasanya buat *observation* dulu selepas kita tukar meter, kita tengok macam mana bil seterusnya, because kita tak boleh sahkan masa tu, kita hanya syakki kebocoran berlaku tapi

kita tidak mengesahkan selepas kita menukar meter baru kita tengok bil seterusnya adakah masih meningkat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Selain daripada apa ni.. ukuran daripada bil kan? Kiraan daripada bil, tidak ada cara lain untuk *test* kebo..bo...

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Dari peringkat SYABAS memang kita hanya melihat kepada penggunaan, tapi sepatutnya pengurus bangunan, bila menerima aduan sebegini, sepatutnya melantik satu apa... jurutera perunding untuk menyiasat bangunan tersebut dan memastikan jika berlaku kebocoran di mana kebocoran tu, apa tindakan yang perlu diambil, *because* aa perkara-perkara di dalam bangunan adalah di luar bidang kuasa SYABAS. Kami hanya ber.. ber.. kitorang berkuasa sehingga meter pukal..

Y.B. Tuan Pengerusi: Pengurus bangunan atau pun pemilik lah?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya. Pengurus bangunan atau pun pemilik.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi dalam fail SYABAS, memang steelah memaklumkan kepada Brisdale bahawa terdapat kebocoran tiada sebarang tindakan yang diambil oleh Brisdale ataupun SAP Urus Harta ataupun INPENS untuk memperbaiki keadaan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dalam rekod memang tak adalah sebarang...

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ada sehingga satu tempoh..... pada 10 September 2007, kami menerima surat daripada INPENS yang menerangkan bahawa Brisdale telah memasang meter baru dah menggantikan paip baru untuk Blok C dan D untuk mengelakkan kebocoran di bawah tanah dengan kos RM121,000.00. Seperti permintaan SYABAS.

Y.B. Tuan Pengerusi: RM121,000.00?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya, adalah kos pembaikan lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tarikh berapa haribulan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Tarikh pada 10 September 2007.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dan ini, surat daripada INPENS..

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Surat dari INPENS dan perbincangan, maknanya selepas INPENS ada membuat perbincangan dengan Pengurus Besar kami di Wilayah Klang dan perkara berikut dicatitkan lah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, dan mereka juga pada 10 September 2007 melalui perbincangan itu mintak tukar nama akaun kan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yah. Mintak tukar nama akaun kepada INPENS.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Selepas mereka baiki?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Yang surat tersebut boleh tak bagi satu salinan kita takde, yang mengatakan mereka telah mengambil tindakan untuk memperbaiki.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh jelaskan kepada Jawatankuasa apakah prosedur dan proses operasi pemotongan bekalan air.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Biasanya mengikut syarat-syarat aaa polisi syarikat kami berkenaan dengan aaa pemotongan akibat daripada tunggakan tiada pembayaran adalah apabila bil-bil tertunggak selama 2 bulan dan RM50 ke atas, maka kami akan mengeluarkan satu notis kepada pengguna, dalam, untuk membuat penyelesaian dalam masa 14 hari di mana jika 14, tempoh 14 hari ni lap atau pun tamat, tindakan pemotongan akan diambil ke atas akaun tersebut. Itu adalah prosedur biasa, tapi untuk kes Brisdale ni, pemotongan ini bukan untuk kali pertama. Untuk kempat-empat Blok tu kami ada yang dah sehingga 8 kali kami potong di kawasan tersebut. Maknanya notis, berbagai-bagai notis telah dikeluarkan dan kami, perundingan telah dibuat jadi, pada aaa tindakan yang kami lakukan pada aa 24 Mac tersebut adalah berdasarkan kepada notis yang telah kami keluarkan kepada aa Brisdale untuk membuat penyelesaian kepada akaun yang tertunggak tersebut. Jadi setelah notis kami aaa keluarkan kepada Brisdale untuk membuat penyelesaian, dan juga setelah kami mengadakan satu perbincangan dengan Y.B. Nik masa tu, sebenarnya kami dah potong air tu pada bulan Februari jadi aa kami telah dipanggil ke pajabat Y.B. Nik untuk aaa berunding cara penyelesaian kepaad tunggakan tersebut, jadi dalam mesyuarat tersebut kami telah ditawarkan untuk membayar, untuk Kerajaan Negeri bayar sebanyak RM40,000.00 sebagai pembayaran pendahuluan, maknanya disamping pada aaa 19 aa April, perjanjian untuk membayar itu adalah pada sehingga 12 April 2010 dan juga pihak Y.B. Nik telah berjanji untuk menghantar pelan pembayaran jangka panjang untuk tunggakan RM400,000.00 tadi pada atau sebelum 19 April 2010. *Sorry,* 19 Mac 2010, bukan April. Tadi 12 Mac dan 19 Aa.. Mac 2010. Jadi berdasarkan kepada komitmen yang telah Y.B. Nik berikan, kami pun memasang semula aaa bekalan pada 5 Mac 2010 dengan beranggapan, Kerajaan Negeri akan membuat bayaran RM40,000.00 seperti yang dijanjikan. Tapi .. bila dijanjikan telah tiba, satu surat daripada Y.B Nik menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor terikat dengan proses kewangan menyebabkan bayaran tidak dapat dibuat pada 12 Mac, jadi kami melanjutkan tempoh tersebut pada 19 Mac, kalau tak silap saya....ya, sehingga 19 Mac untuk menyelesaikan bayaran RM40,000.00 dan juga plan pembayaran ke atas tunggakan, maknanya di situ juga kami nyatakan bahawa sekiranta bayaran tidak diterima SYABAS akanmebuat potongan tanpa notis, *because* kami dah bagi *ample time*, kami kata selepas ni jika takde pembayaran, kami akan potong *without notice*, jadi berdasarkan kepada tarikh terakhir tersebut kami telah cuba membuat pemotongan pada 19 hb tersebut dan beberapa kali cuba memotong, tapi kami dihalang oleh penduduk, sehingga lah pada 24 Mac 2010 tu saya sendiri telah turun ke Armada Putra dengan aaa bantuan daripada Pejabat Wilayah kami dan kami juga telah memohon bantuan daripada Pejabat Polis di Pandamaran untuk megiringi, untuk menjaga keselamatan, agar tidak ada tindakan agresif daripada kedua-dua belah pihak. Dan bila kami tiba di tempat kejaidan, kami cuba masuk dalam premis tersebut, tetapi kami dihalang, pintu pagar telah ditutup, dan pada masa tersebut, Y.B. Charles ada di sana bersama-sama dengan penduduk. Dan saya telah memohon untuk masuk

ke dalam kawasan tersebut bagi membolehkan kami menjalankan tugas kami bagi pemotongan air seperti apa yang telah kami maklumkan pada Y.B. Nik sebelum ini dan daripada rundingan tersebut, Y.B. Charles memberi *further commitment* bahawa pembayaran RM40,000.00 akan dibuat cuma masa itu, Kerajaan Negeri Selangor telah terikat dengan proses kewangan menyebabkan RM40,000.00 tidak dapat dikeluarkan dan pelan pembayaran, pelan pembayaran tunggakan jangka panjang telah dimajukan kepada MTES untuk dirundingkan. Maknanya, beliau memohon kepada saya supaya kami membatalkan proses pemotongan pada hari tersebut, pada 24 Mac 2010. Sebenarnya, itu adalah proses-prose kami maknanya kami akan beri notis dan pada, dalam kes ni yang 19 Mac tu tidak ada notis kami keluarkan, kami hanya beritahu kepada Y.B. Nik, jika bayaran tersebut tidak lagi .. tidak dapat dijelaskan pada tarikh 19 Mac kami akan terus dengan proses pemotongan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam, dalam kes aaa seperti yang pemilik bil, bil di atas nama Brisdale kan? Dalam kes yang macam Brisdale sudah di jual kepada syarikat lain dan nama Brisdale takde lagi, macam mana kes-kes begini ditangani?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sebenarnya kami aaa berdasarkan proses kami lah, bila sesuatu pemunya kepada premis tersebut telah bankrap ataupun telah dijual kepada pihak ketiga tapi dalam kes ini Brisdale tidak berusaha untuk menutup akaun dia dan menyerahkan akaun tersebut kepada pihak yang telah membeli aaa saham atau pun pegangan daripada Brisdale maknanya, proses kami, atau pun proses tuntutan kami masih kepada Brisdale selagi aaa perjanjian antra kami dengan Brisdale bahawa Brisdale merupakan pemunya kepada akaun tersebut dan kami akan terus menuntut kepada Brisdale Holdings Berhad lah. Because perjanjian asal kami adalah dengan Brisdale Holdings..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi *entity* tu dah takde, *entity* Brisdale tu dah takde dah.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sekarang, minggu lepas kami ada buat aaa perbincangan dengan Datin Paduka Harlina berkenaan dengan apa tindakan selanjutnya untuk kes tersebutlah, untuk kes ini, maka kami telah menerima surat tersebut pada minggu lepas menyarankan agat SYABAS membuat aaa *filing of prove of debts* pada aaa Jabatan Insolvensi supaya kami dibayar melalui Insolvensi lah. Jika penjualan harta ataupun apa-apa *proceed* daripada penjualan harta Brisdale jika ada bakinya akan dibayarkan kepada SYABAS lah. Jadi proses itu kami akan buatlah selepas ini.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Proses itu akan buat dan tuntutan kepada yang tertunggak RM815,000.00 akan diagihkan ke mana, ke siapa?

Biasanya kami ni aaa *unsecured creditors... Priority* akan diberikan kepada *creditors* lah, mana-mana apa... pemiutang yang berdaftar dengan Brisdale dan punyai *collateral*, mereka akan diutamakan, maknanya kalau SYABAS merupakan *unsecured creditors*, kami akan aaa di *rank* kan selepas tu, mengikut, bersama-sama dengan pemiutang yang lain dan jika ada lebihan, kami akan diberikan sama rata dengan pemiutang yang tidak yang *unsecured* juga lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia tak boleh agihkan *focus* tentang air?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Tidak. Biasanya dia akansettle off dia.. siapa siapa yang *priority* dulu, yang ada *collateral* ataupun yang ada pegangan dengan Brisdale, lebihan itu

hanya akan diagihkan sama-rata kepada siapa-siapa yang *unsecured*. Itu adalah proses Jabatan Insolvensi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kira bekalan air kira *unsecured* punya ni lah?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kira unsecured creditors kepada Brisdale. Jadi saya juga telah menyatakan kepada Datin Paduka bahawa kemungkinan besar bila kami buat *filling of prove of debts* kepada Brisdale Holdings kami tidak akan mendapat apa-apa bayaran pun.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Bagaimana dengan kes Mahkamah yang menyatakan bahawa pemotongan air mencabuli hak asasi manusia? SYABAS pernah, mesti ada kes ni kan? Dia ada *High Court case* Malaysia kata tak boleh potong air.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kita tidak ada peruntukan undang-undang, Akta Industri Air yang memberikan peruntukan kepada kita bahawa jika sesebuah premis mempunyai tunggakan, jadi diperuntukkan dalam Seksyen 89, *Water Industry Act, I can't remember, sorry...* Water Industry Act yang membenarkan kami aaa membuat pemotongan jika terdapat tunggakan, *that 's why code* tadi, kami, *we are*, kami me.. me... *we draft our credit policy* ni berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sebenarnya, jadi tiada isu bahawa aaa pengguna boleh membawa kami ke Mahkamah. Jika kami diperuntukkan dengan peruntukan tersebut.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Dan Seksyen 89 ini tidak pernah dicabar oleh mana-mana pihak bagi pihak SYABAS di Malaysia, tak pernah dicabar?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sebelum ini tidak ada.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pada 12 hb 12 2006, aaa Brisdale telah melantik SAP Urus Harta sebagai mengurus harta dan fasiliti di pangsapuri Armada Putra ya? Kemudian, SAP Urus Harta telah dimaklumkan oleh INPENS bahawa INPENS telah membuat aduan kepada SYABAS dua kali, 4hb 8 2005, 16hb 10 2006. Menurut catatan daripada SAP Urus Harta, malangnya tiada sebarang tindakan atas siasatan oleh SYABAS, ia sudah berlarutan selama 16 bulan. Apa ulasan En. Shahruddin?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Seperti saya katakana tadi, kawasan di dalam bangunan adalah di luar bidang kuasa SYABAS, kami hanya berkuasa hingga meter pukal. Jika aduan meter tinggi yang melibatkan meter kami akan ambil tindakan, jika aduan bil tinggi berkenaan dengan kebocoran, ia adalah diluar bidang kuasa kami, walau pun kami membuat siasatan, kami hanya membantu memaklumkan kepada pengurus bangunan bahawa terdapat kebocoran. Kami tidak ada kuasa di dalam bangunan tersebut. Jadi INPENS ataupun SAP Urus Harta sepatutnya tidak meletakkan tanggungjawab tersebut kepada SYABAS. Kami hanya berusaha untuk memaklumkan dan kami hanya membuat siasatan diperingkat meter pukal sahaja, di dalam kami tidak ada kuasa langsung.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi kerugian itu, kalau dilihat adalah kerugian kepada industri?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan SYABAS sebagai satu *champion of the industry* patut .. adakah sepatutnya memberi nasihat..

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yes, itu lah yang kita kata kita turun ke tapak kita bagitahu disyakki kebocoran dan mereka sepatutnya melantik juru runding yang boleh menasihatkan mereka dan mengesan di mana kebocoran, *because*, biasanya Tuan, bila kebocoran di bawah tanah, amat sukar ditentukan di mana. Jadi bukan senang, *even* kalau kami hantar jurutera kami pun, dia ada peralatan khas untuk mengesan di mana kebocoran berlaku. Jadi dia tak boleh meletakkan tanggungjawab kepada SYABAS. SYABAS pun kalau kami tak membantu kami terpaksa melantik kontraktor kami untuk pergi ke tapak dan membawa peralatan tertentu untuk menyiasat di mana kebocoran berlaku dan macam mana cara untuk memperbaiki.

Y.B. Tuan Pengerusi: SYABAS sebagai *industry leader* tak ada peralatan tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kita tidak mempunyai peralatan, because kita adalah aaa pembe.. pembe.. pembekal.. kami bukan pembekal, kami hanya *distributor*, maknanya pengagih, pembekal adalah macam ABASS, Plash dan Puncak Niaga, kami membeli air daripada situ dan mengagihkannya kepada pengguna, jadi tanggungjawab kami hanya beroperasi sebagai orang yang mengedarkan air, jadi kami tidak mempunyai aaa kelengkapan, *facility* untuk menyiasat di mana punca berlaku, tapi untuk aaa *piping* kami, kami adalah team untuk kami, maknanya kami mungkin akan lantik kontraktor, untuk mengesan di mana kebocoran berlaku dan jika berlaku kebocoran, kami akan melantik kontraktor untuk memperbaiki kebocoron tersebut. Itu di dalam bidang kuasa kami lah, untuk *piping system* yang besar tu lah. Tapi dalam bangunan, memang kami tak da *expertice*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi kalau kes ini melibatkan 6 hingga 7 kes, ya, yang sampai RM600,000.00, RM700,000.00, ini RM800,000.00, takkan sebagai *industry leader* SYABAS nak biar macam tu aje? Mesti ada satu, sastu bentuk kerjasama kerana ia melibatkan ekonomi negeri, ekonomi negara, ekonomi *industry* itu sendiri, jadi ini ...persepsi, tanggapan, kita dah jumpa dah mintak keterangan daripada 2 pihak tadi... *expectation, expectation* tu terhadap *industry leader* sebagai *distributor* air.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ialah, walaupun kami, kitorang aaa leaders in water distribution, tapi, kitorang, kami mempunyai 1 tanggungjawab yang berbezalah, *because* tanggungjawab, macam saya katakan tadi, kami tidak boleh bertindak di luar, kami hanya mampu menasihatkan pengguna dan menyatakan terdapat kebocoran di dalam kawasan premis kamu. Jadi ambil tindakan dengan melantik aaa kitorang, *plumber* yang bertauliah, untuk menyiasat dan memperbaiki kebocoran tersebut, kami hanya mampu menasihati, kami tidak boleh *take lead, because* kami tidak boleh bertindak di luar bidang kuasa kami.

Y.B. Tuan Pengerusi: Nasihat adakah secara verbal, secara lisan? Atau pun ada surat?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Aaa .. rasanya memang daripada pengurusan kami, kami tidak dibenarkan ke situ, dan dalam Akta pun sendiri menyatakan tanggungjawab kami hanyalah setakat meter, Akta *Water Industrial Act* tadi, menyatakan tanggungjawab kami sebagai aaa *water distributor is up to the meter.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya, apabila beri nasihat tu juga secara lisan je lah? Takde tulis?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Biasanya kami akan, macam kes tadi kami akan menulis kepada INPENS, bagi tahu ada disyakki kebocoran, sila ambil tindakan untuk, kami akan buat begitulah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada dokumen tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Dalam kes ini, macam INPENS tadi kami ada nasihatilah selepasnya kami dah bag tahu kami dah tukar meter, air masih tinggi, dan disyakki ada kebocoran kita akan hantar melalui surat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Nanti bekalkan dokumen tu kepada Jawatankuasa ya?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya saya akan bekalkan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya, tentang satu aduan lagi, tentang tarif, kod tarif, adakah untuk Blok A, B, C, D ni aaa ada perbezaan-perbezaan kod tarif air?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Pada asalnya ya, ada perbezaan tarif air aaa Blok A dan B kita gunakan aaa tarif 18, iaitu kita jangkakan masa itu ia adalah pangsapuri kos rendah, dan Blok C dan D, kami gunakan tarif 11, kenapa kami gunakan pendekatan yang berbeza, kami jangkakan masa itu di Blok A dan B maklumat asal yang kami terima daripada permohonan Brisdale pada masa itu Blok A dan B digunakan untuk *residential*, manakala Blok C dan D digunakan untuk aa Kolej INPENS,.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada dokumennya daripada Brisdale?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Biasanya ... kami terpaksa siasat di Bahagian Pembangunan. Biasanya bila mereka memohon untuk meter akaun, dia akan menyatakan jenis-jenis pembangunan yang mereka aaa bangunkan dan daripada situ kami akan tentukan tarif yang boleh diguna pakai. Saya akan cuba dapatkan maklumat tersebut kenapa..

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu lah permohonan yang di buat oleh Brisdale ya?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: A dan B untuk rumah pangsa kos rendah?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Yah..

Y.B. Tuan Pengerusi: Kemudian untuk C dan D, ada *commercial*?

Tuan Shahruddin : Ada commercial. Sebenarnya keempat-empat blok ada *commercial*, maknanya setiap Blok A, B, C dan D di bawah tu dia ada... di ground floor tu, di tingkat bawah tu ada *commercial area*. Tapi kami difahamkan masa tu INPENS hanya menyewa Blok C dan D, untuk kegunaan mereka, *where else* Blok A, B, C dan D digunakan untuk menempatkan kakita.. pelajar-pelajar mereka. Jadi berdasarkan kepada tersebut, mengikut apa yang digazetkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, jika terdapat kolej swasta di dalam satu-satu premis, maka premis tersebut perlulah ditakrif, ditakrifkan sebagai aaa *commercial*, iaitu kod tarif 11. Kita mengikut apa yang digazetkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, dan mana-mana bangunan walaupun ada *commercial area* di bawah tu, tapi digunakan untuk *commercial* hanya untuk

bangunan tersebut, dia akan mengikut jenis bangunan tersebut, jika adalah kondominium kita akan gunakan 17 dan jika dia ada pangsapuri kos rendah, kita gunakan kod 18. Itu berdasarkan kepada takrifan apa yang digazetkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya untuk INPENS ya memang kod 11 la?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sepatutnya kod 11.

Y.B. Tuan Pengerusi: RM2.35?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: RM2.38.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebab dia merupakan perniagaan? Walaupun dia duduk sebagai asrama?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Janji dia ada pejabat di bawah. Dia bukan asrama sahaja, dia ada pejabat pentadbiran INPENS.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah benar maknanya kalau ada satu bangunan itu ada satu bahagian untuk *commercial* satu bahagian untuk *residential*, kena disediakan 2 meter pukal yang berbeza?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Tidak. Kita mentakrifkan, misal kata kan ya, Blok A dan B walaupun dia ada *commercial* di bawah, tapi *commercial* tu hanya digunakan macam kedai dobi yang bersangkutan dengan apartment tersebut, kita tidak akan menggunakan dia, *commercial*. Kita akan gunakan aaa kod 18 ataupun 17. which is condominium ataou pun kos pangsa .. pangsapuri kos rendah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi sebarang *mix development* dia tengok *nature of the business, so if is to service the residence then you have a different code?*

Tuan Shahruddin Ab Rahman: *Yup. We normally used the building with 18 or 17, if condominium we use 17, if low cost, then we use 18 for that.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang Blok C dan D kenapa pakai kod 11?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Pasal INPENS menyewa di situ dan digunakan *infacts* sekarang pun, SEGI *College* masih menyewa di situ dan kami sepatutnya mengenakan kod 11 di situ, tapi kami difahamkan akhir tahun lepas, bahawa SEGI bercadang untuk keluar. Itu sebabnya kami kata ok lah, since SEGI dah nak keluar kita tukar kepada 17, sebenarnya sampai sekarang sepatutnya Blok aaaa C dan D, selagi SEGI *College* ada di situ, kami sepatutnya menggunakan kod 11.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Untuk A dan D?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sekarang untuk C dan D.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi .. apa ni, *commitment* daripada Kerajaan melalui Nik Nazmi tu, Y.B. Nik Nazmi apa statusnya sekarang? Kepada SYABAS,?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sehingga sekarang, sehingga hari Jumaat lepas, aaa perjumpaan kami dengan Y.B. Nik pun ada di sana, dengan Datin Paduka memang tidak ada sebenarnya kami telah memberi tempoh terakhir hingga 19 hb April tadi untuk pembayaran kepada RM40,000.00 di mana sepatutnya pemotongan telah dibuat pada pagi ni. Pada hari ni lah, 19 April 2010. Maknanya sehingga sekarang masih tiada pembayaran RM40,000.00 yang dijanjikan. Dan juga pelan pembayaran jangka panjang juga masih tidak dihantar kepada SYABAS hingga kini.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pada tahun 2007 dan Mei 22hb, SAP Urus Harta pernah memohon pada SYABAS supaya jumlah tunggakan sebanyak RM500,000.00 dibayar melalui 50 kali bayaran, ada?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Itu saya tak dapat makluman. Berapa hb Dato".. eh Y.B.?

Y.B. Tuan Pengerusi: 22 hb 5 2007.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Biasanya kami akan memajukan permohonan tersebut kepada Pengurusan untuk kelulusan. Jika ada tuntutan untuk membuat bayaran secara ansuran. Kita tidak ada masalah untuk menerima bayaran secara ansuran.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tiada masalah? Daripada 12hb 7 2007 SAP Urus Harta merayu supaya tunggakan tersebut dibuat dalam 25 bayaran ansuran.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Tiada juga maklumat berkenaan ini.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi dalam konteks yang ada sekarang ni, aaa apakah cadangan dan syor daripada SYABAS untuk jalan penyelesaian?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Seperti yang telah diminta oleh Datin Paduka dan surat dia kepada ... Tan Sri Rozali yang kami terima hari Jumaat lepas, menyarankan agar aaa mana-mana tuntutan sehingga November 2008 iaitu tarikh di mana Brisdale telah di *winding up,* kami diminta untuk membuat aaa *prove of debt* kepada Insolvensi untuk menuntut tunggakan tersebut, maknanya selepas November 2008 ke atas, Datin Paduka telah menyarankan satu pelan pembayaran maknanya dia hanya menyarankan aaa pembayaran adalah berdasarkan penggunaan semasa Blok-blok itu, iaitu lebih kurang dalam RM2000 sebulan, dan kami jangkakan, saya menunggu keputusan daripada Pengurusan berkenaan dengan cadangan penyelesaian yang telah diberikan oleh Datin Paduka dan sehingga kini saya masih tidak menerima apa-apa maklum balas daripada pihak Pengurusan kami lah tentang cadangan tersebut.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh pisahkan bil antara dua tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Kita boleh pisahkan. Maknanya ada tarikh tadi lah.. maknanya bil kita adalah mengikut tarikh jadi saya rasa tidak ada masalah untuk pisahkan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi belum ada keputusan daripada pihak pengurusan?

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Belum lagi. Surat tersebut hanya dihantar pada Jumaat lepas petang, kemungkinan besar masih lagi dalam aaa bilik *CEO* saya lah.

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Jadi sementara tu, operasi pemotongan akan di....

(rakaman seterusnya selama 20 saat tidak dapat diperolehi disebabkan oleh pertukaran tape secara automatik dari Side A ke B).

Sambungan....

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Ini disebabkan oleh aaa..kes-kes kecurian air *because* di bawah pangsapuri tu, *normally* dia ada *common area* dia aaa.. paip ada dan dia mungkin boleh ambil dari air tersebut untuk kegunaan sendiri menyebabkan bil tinggi jika berbanding dengan aaa..penggunaan pengguna biasa yang aaa.. residen di situ sepatutnya bil tersebut tidaklah begitu tinggi. Jadi *I think* ... dari segi maklumat sebenar saya tidak ada tapi maklumat yang saya terima daripada mesyuarat tersebut aduan daripada pengguna adalah penggunaan tadi lah, penggunaan air tanpa kebenaran yang sah daripada pemunya premis di situ.

Y.B. Tuan Pengerusi : Yang Y.B. Charles Santiago mempertahankan ini yang residen yang mana?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Residen di situlah maknanya dia ada jawatankuasa penduduk situ, jadi jawatankuasa penduduk di situ yang berunding dengan Y.B. Charles err..kami tidak memotong bekalan di situ.

Y.B. Tuan Pengerusi : Tapi itu bukan JMB.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Dia bukan JMB, dia hanya persatuan penduduk.

Y.B. Tuan Pengerusi : Persatuan penduduk ya. Tapi tempat tu belum ada JMB.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Belum ada JMB. Jadi sebagai arahan telah dikeluarkan supaya pembentukan JMB dapat dibuat seawal-awalnya aaa bulan Mei ini.

Y.B. Tuan Pengerusi : Ini maknanya tidak ada kutipan bayaran bil air la daripada penduduk.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Itulah dilema kami sekarang sehingga kini bil semasa pun diaorang tak bayar. Jadi bila bil semasa tak bayar tunggakan *keep abiliting* .

Y.B. Tuan Pengerusi : Saya menghubungi penduduk baru-baru ini dan menyatakan nak bayar kat siapa?..(ketawa)..JMB tiada...(ketawa)

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Ya kami tahu. Memang tiada siapa sekarang err..*because* ada satu badan yang dilantik oleh Brisdale, tapi lantikan tu aaa dibuat setelah mereka digulungkan.

Y.B. Tuan Pengerusi : Tiada

Tuan Shahruddin Ab Rahman : ADSB. Jadi keputusan telah dicapai bahawa ADSB satu badan yang.....

Y.B. Tuan Pengerusi : aaa.. Apa dia nama?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : ADSB Sdn. Bhd.

Y.B. Tuan Pengerusi : ADSB. Baru ni? Tapi Brisdale ada jual.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Ya. Brisdale ada jual. Tapi sebelum digulungkan tu pada...

Y.B. Tuan Pengerusi : Maknanya sebelum November 2008, dia dah sempat lantik?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : aa dia sempat lantik aaa..dia ADSB.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : ADSB.. ADSB untuk buat Blok A,B,C,D?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Semua iya. Keempat-empat Blok.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Ini bercanggah ke dengan SAP Urus Harta. SAP Urus Harta pun dilantik oleh Brisdale tapi bukan untuk Blok ABCD. Jadi yang ADSB ini hanya untuk Blok ABCD ya?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Sebenarnya lantikan ADSB adalah dibuat pada 16 Januari 2009. Iaitu setelah penggulungan, maknanya penggulungan ini pada November 2008.

Y.B. Tuan Pengerusi : (ketawa)..Oleh..Oleh siapa?.Oleh orang yang nak kena gulung?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Oleh orang yang digulung iaitu Brisdale Holdings Berhad telah melantik ADSB sebagai *managing agent* kepada projek Bandar Armada Putra. Maknanya empat-empat Blok tersebut lah.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Dan....

Y.B. Tuan Pengerusi : Ada suratnya tu?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Aaa..kita ada *power of antorny*..aaa..kita ada..kita ada suratnya ni.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Jadi sepatutnya bil....

Tuan Shahruddin Ab Rahman : ermm..Adalah dibilkan oleh ADSB.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Aaa...

Tuan Shahruddin Ab Rahman: Sehinggalah memang ADSB ada membuat pengambilan, itulah yang dituduh oleh penduduk, mereka bayar kepada ADSB *then* bayaran tidak sampai kepada SYABAS. Itu tuduhan....

Y.B. Tuan Pengerusi : Mungkin ADSB ini tidak diketahui oleh penduduk kot?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Dia tahu, penduduk tahu.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Penduduk....

Y.B. Tuan Pengerusi: Tahu ya.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : ermm..okay.

Y.B. Tuan Pengerusi : Sebab penduduk hanya menyebut nama SAP Urus Harta.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Dia tahu pasal dia tak errr saya rasa dia ni tidak mengiktiraf kewujudan ADSB.. Ermm..Anggapan saya. Maaf.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Sudah berapa kali bil dikeluarkan oleh SYABAS kepada ADSB?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : No. Bil kami akan terus keluarkan kepada Brisdale. Walaupun Brisdale *no longer exist.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Tapi sudah dapat pelantikan ADSB. aaa..SYABAS telah dimaklumkan.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : No. Dalam konsep pengambilan air selagi pemunya bangunan tidak menyatakan pertukaran nama, kami tidak akan membuat membuat penukaran akaun. Jadi dalam kes ini pemunya akaun tersebut adalah Brisdale Holdings Berhad. ADSB atau SAP Urus Harta hanya dilantik sebagai agen yang mewakili Brisdale untuk menyelenggara bangunan. Jadi kami tidak boleh menukarkan nama kepada mana-mana agen. Kami hanya akan mengebilkan kepada Brisdale Holdings Berhad sebagai empunya kepada bangunan tersebut. Itu adalah proses dan polisi syarikat kami.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Okay, kita perlukan surat tu yang mengatakan mereka lantik ADSB.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Yang melantik ADSB ya?

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan : Ya..(batuk)

Y.B. Tuan Pengerusi : Ada lagi apa-apa keterangan tambahan yang En. Shahruddin nak beri?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : ..... Selain daripada itu, saya rasa sss..da cukup maklumat yang saya berikan. Tidak ada apa-apa lagi YB.

Y.B. Tuan Pengerusi : Tadi ada catitan ya?. Kalau boleh bagi salinan kepada kita?

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Ya. Saya akan keluar kejap lagi dan kita akan bagikan salinan.

Y.B. Tuan Pengerusi : Baik kami jawatankuasa mengucapkan terima kasih En. Shahruddin atas kerjasama. Semoga maklumat yang diberikan akan dimanfaatkan sebaik-baiknya la. Terima kasih.

Tuan Shahruddin Ab Rahman : Okay. Sama-sama.

LAMPIRAN D

PENDENGARAN TERTUTUP

OLEH

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

29 April 2010 (Khamis), Jam 10.00 Pagi,

Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri,

Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,

40000 Shah Alam

Saksi 1: Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor, Lembaga Pengarah Salient Wizard Sdn. Bhd.

Saksi 2: Puan Anita binti Hamzah, Peguam mewakili Salient Wizard Sdn. Bhd.

(Kedua-dua saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa)

Y.B. Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera, kita mulakan pendengaran dengan angkat sumpah.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Bahawasanya saya, Zulkeply bin Mohamed Nor, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Puan Anita binti Hamzah: *Assalamualaikum Warahmatullah, Bismillahir Rahman Nirrahim*, bahawasanya saya, Anita binti Hamzah, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa jawatan di Syarikat Salient wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa, sebenarnya saya terangkan dulu ya? Sebenarnya, kalau nak ikut jawatan, takde jawatan, tetapi saya diarahkan oleh aaa, bila Syarikat Salient Wizard mengambil alih Brisdale Holdings Berhad, dia takde orang yang nak *managed*, dia cari-cari, dia lantik saya sebagai yang mentadbir seluruh, aa aa Brisdale, aaa termasuk yang di

Pulau Indah, Kepong dan juga di Pandan Jaya. Aaa jadi saya yang mentadbir, saya yang aa menjalankan semua tugas-tugas tentang aaa terhadap Brisdale ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah En. Zulkeply sebagai seorang Ahli Lembaga Pengarah Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa, dia nak dikata dilantik tu tidak tapi semua urusan di atas saya yang buat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Puan, Cik Anita..?

Puan Anita binti Hamzah: Anita binti Hamzah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa jawatan dalam syarikat?

Puan Anita binti Hamzah: Aaa saya tidak pegang apa jawatan dalam syarikat, saya adalah konsultan di bawah, aaa untuk mengendalikan bahagian aaa perundangan bagi pihak Salient, di mana segala Syarikat di bawah Salient Wizard, Brisdale Group dikendalikan oleh saya sebagai konsultan aaa di Tetuan Zanuri..

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa?

Puan Anita binti Hamzah: .... Tetuan Zainur Rijal Tahar dan Amin.

Y.B. Tuan Pengerusi: Zainur Rijal?

Puan Anita binti Hamzah: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sekejap, bila En. Zul ditugaskan untuk menjaga Syarikat?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya diarahkan bermula lebih kurang aaa bulan 8 tahun 2008, tetapi saya memulakan tugas saya lewat sedikit iaitu pada bulan 11 2008.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila tarikh Brisdale diisytiharkan muflis oleh...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa di sini ada 2 percanggahan masalah penggulungan Brisdale ni, aaa kita sebenarnya, kita tak tahu dulu Brisdale ni telah pun digulungkan. Aaa, kita tahu lewat iaitu pada bulan 5 2009, kita baru tahu yang Brisdale ini telah *winding up* sebab aaa kita buat aaa senarai, carian rasmi di pihak Jabatan Insolvensi, masa tu kita ada bawa bukti-bukti ya, *search* yang kita buat menunjukkan kita tidak lagi *bankcrupt* masih belum lagi digulungkan dan aa Jabatan Insolvensi pun telah melakukan kesilapan di mana kita telah digulungkan 2 kali dalam satu waktu, aaa, iaitu ada kesilapan teknikal di Jabatan Insolvensi, dan Jabatan Insolvensi mengakui benda-benda tu lah. Kita diberitahu, saya diberitahu oleh Jabatan Insolvensi satu kita digulungkan di Kuala Lumpur pada bulan 7 2008, dan satu digulungkan di Jabatan Insolvensi Selangor pada bulan 9 2008.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa yang En. Zul paham pasal SAP Urus Harta?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Emmm, aaa, yang saya paham, setelah saya, sebelum saya menjalankan urusan membuat kerja-kerja penyelenggaraan apa semua bagi pihak Salient Wizard, memang saya ada berjumpa dengan pihak SAP Urus Harta, saya bertanyakan masalah-masalah di Pulau Indah, di Pandan Jaya, di Kepong Perdana, aaa saya lebih mengenali mereka tentang masalah-masalah apa permasalahan yang ada di 3 lokasi yang aaa yang sedia ada ini, itu sahaja, yang saya selalu berhubung, berkaitan.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Zul tahu tak ada maklumat pada masa itu bahawa SAP Urus Harta adalah dilantik sebagai Pengrus Bangunan bagi Brisdale?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya, itu saya takde maklumat tu, sebab apa yang kita tahu, kita, pihak Salient Wizard tidak melantik mana-mana aaa syarikat sebelum, selepas di ambilalih daripada satu *company* lain, pihak Salient Wizard tidak melantik mana-mana syarikat untuk mentadbir dan tidak pernah bagi apa-apa award kepada, untuk SAP ke, yang mentadbir, takde.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada maklumat tentang aaa GMB Construction Sdn. Bhd.?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya menjalankan tugas selepas benda tu selesai dan saya tidak mengetahui tentang GMB Construction.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya Salient Wizard..

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Salient Wizard beli daripada GMB Construction, itu sahaja yang saya tahu tetapi berkenaan dengan GMB Construction saya memang tak tahu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya kita berandaian katalah pengisytiharan muflis kepada Brisdale kemudan Brisdale dijual kepada GMB lepas tu GMB jual syarikat itu kepada Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila Syarikat Salient Wizard ni ditubuhkan, didaftarkan?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa, saya tak *sure* sebab saya masuk aaa sebagai mentadbir sahaja, sebab dari segi itu saya tidak tidak mengkaji bila didaftarkan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh jelaskan apa maksud bekerja, dan kemudian maksud.. apa.. diarahkan? Ada dua konteks di situ.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya bekerja dengan Pn. Anita sekali, menjalankan kerja-kerja aa seperti menyelesaikan masalah, kebanyakannya berkenaan *strata*, aaa strata lepas tu berkenaan dengan masalah-masalah aa pecahan kerani yang tak selesai, MOT, dan tukar-tukar syarat, kebanyakan yang masih lagi.. MOT, tukar nama aaa ***Matation of Transfer*** sebab ada orang banyak beli rumah dengan aa apa ni, Brisdale tak boleh buat tukar nama apa semua, kita kena *liase* dengan *Land Office* dan sebagainya, itu sebahagian kita punya tugas, saya kena buat lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh jelaskan kepada Jawatankuasa urutan daripada mula ditugaskan dan diarahkan sampai ke hari ni. Dari segi tarikh, masa dan sebagainya?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Ok, aaa mula-mula setelah diarahkan saya telah mengambil alih di Bandar Armada Putra dulu. Untuk menjaga aaa apa ni *maintenance*, buat *maintenance* dan menguruskan hal-hal strata dan juga *individu title* untuk Bandar Armada Putra, di mana saya meminta khidmat nasihat aaa daripada SAP Urus Harta masa tu, siapakah yang menjaga kawasan tu sebelum ini, kita diberitahu masa tu yang mentadbir nya di bawah SAP, *sub contractor* SAP pada masa itu adalah Identity Outsources, jadi aaa kita saya telah memanggil satu *company* yang dulu dikenali sebagai Identity Outsources dan telah ditukar kepada ADSB Services Sdn. Bhd.. Kita serahkan dia untuk membuat kutipan menjalankan *maintenance*, seerahkan kepada *company* tersebutlah, dan saya memantau, aaa *company* itu sampai bulan 9, lepas itu saya tidak lagi memantau *company* tersebut dan dia jalan sendiri.

Y.B. Tuan Pengerusi: 2008 2007?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: 2009 sampai, aaa daripada bulan 11 2008 sehingga aa 1 hb 9 2009, lepas tu *company* tersebut berjalan sendiri sebab kita menasihatkan *company* tersebut setelah kita tahu aaa Brisdale ini *winding up*, segala pelantikan tersebut adalah tidak sah dan kita arah dia keluar dia tak nak keluar jadi saya dan kini di mesyuarat yang terkini di MPKlang, pihak Jabatan Insolvensi telah mengarahkan pihak aa ADSB memberhentikan tugas-tugasnya sebagai *Managing* di Pulau Indah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bukan aa ADSB membeli daripada aa Brisdale itu?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Tidak, tidak dia cuma sebagai M*anaging Agent*, Agen Pengurusan sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau ada kenyataan mengatakan pemaju telah dijual, maknanya Brisdale punya Blok-blok ABCD dan sebagainya telah dijual kepada pihak ketiga, GMB Construction Sdn. Bhd. pada 10hb 8 tahun 2007, under "*lock, stock & barrel*" apa komen En. Zul?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa itu saya tak tahu sebab saya bukan yang menjaga aa Brisdale sepenuhnya sebab saya yang mentadbir keseluruhan kerja-kerja Brisdale bagi pihak Salient Wizard itu sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi macam mana Salient Wizard boleh masuk dalam senario ni?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu sebab saya masuk selepas, jadi yang sebelum tu saya memang tak tahu. Sebab saya, dia mencari-cari dan terjumpa saya dan menawarkan membantu dia lah untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. Itu saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bunyi dia peik sikit la... "terjumpa" ..

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Eh takde lah, melalui kawan-kawan kenalkan orang yang pernah membuat kerja-kerja sebegini...

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa Lembaga Pengarah, Pengerusi dan Pengurus, CEO, Ketua Eksekutif kepada Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa Salient Wizard ada 2 pengarah lah, satu En. Nohamad Zaidi Idris dan satu Cik. Hartini.

Y.B. Tuan Pengerusi: Suami isteri ke?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Bukan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Lepas tu siapa dia punya CEO, Ketua Eksekutif ke ataupun yang menjalankan operasi?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Takde, yang menjalankan operasi saya seorang saja. Saya yang buat kerja tu semua sekali, bersama dengan Pn. Anita lah, berdua.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi Jawatankuasa nak paham, adakah apa ni Brisdale Holdings dimiliki hari ini oleh Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kalau ikut Brisdale Holdings, dia dah *winding up*, tidak lagi dimiliki rasa saya, sebab dia telah digulungkan, tetapi memang pada dasarnya dia beli lah, *group of* aaa Brisdale tu.. Brisdale Holdings Berhad yang kira saya dimaklumkan Brisdale Holdings Berhad yang telah ditukar nama Brisdale Holdings Sdn. Bhd. juga, benda yang sama identiti yang sama, kemudian aaa Brisdale Resources Sdn. Bhd. aaa Brisdale Housing Sdn. Bhd. aaa dan aa 3 *company* dorman... aaa Lindung Malam Sdn. Bhd., Lebuhraya Guthrie-Beruntung Sdn. Bhd., dan Brisdale Property Management Sdn. Bhd. 3 company dorman, itu sahaja yang kita ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Semuanya di bawah Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Di bawah Salient Wizard.

Y.B. Tuan Pengerusi: Di bawah tu maknanya dari segi apa, dari segi ekuitinya ke pengurusan sahaja?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pengurusan, yang saya buat semua pengurusan sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Macam mana boleh dorman *company* diuruskan..

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Tak, dia memang tak jalankan apa-apa lah, dorman *is* dorman lah, yang jalan 3 company sahaja. Brisdale Housings, aaa dan aa Brisdale Resources.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah nama-nama pengarah sudah ditukar kepada En. Zaidi dan Hartini?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Telah ditukar.

Y.B. Tuan Pengerusi: Mcam mana proses pertukaran itu berlaku?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu saya tidak mengetahui.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sekiranya Jawatankuasa berminat untuk mengetahui lebih lanjut siapakah pihak yang boleh memaklumkan perkara ini kepada Jawatankuasa?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya rasa Pengarah lah yang arif untuk dipanggil.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kerana ada satu ayat di sini, dalam laporan ni, "Brisdale Holdings Berhad telah dijual kepada pihak ketiga, Tetuan GMB Construction Sdn. Berhad oleh SAP Holdings Berhad di bawah skim "*lock stock & barrel*", ada maklumat?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya takde maklumat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ingin paham lebih lagi, apa kah operasi, kerja-kerja yang dilakukan oleh Salient Wizard di bawah En. Zul hari ni?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa, saya takde buat apa, kita takde projek pembangunan, semua takde cuma kita menyelesaikan masalah aaa tukar nama, menyelesaikan masalah *strata*, mengeluarkan *strata* dan buat MOT itu sahaja sebab kita ada banyak masalah di Pandan Jaya dengan PKNS. Kena selesaikan masalah-masalah tu untuk diserahkan kepada penduduk. Itu sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Di Pangsapuri Armada Putra?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa macam saya cakap kita telah selesaikan pada 1hb 9 saya sudah tidak menjaganya lagi, kita dah serah terus kepada ADSB, lepas tu sampai sekarang, yang saya diberitahu memang takde apa-apa yang mentadbir lagi di Bandar Armada Putra lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Serah kan itu, serah pengurusan ke..?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pengurusan, kepada ADSB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Semasa Salient Wizard menguruskan bangunan ada sebut tadi antara tugas penting tadi ialah *maintenance*, lepas tu menguruskan *strata title* dan *transfer of*.. nama lah. Boleh jelaskan kepada Jawatankuasa, apakah tugas-tugas *maintenance* ni yang dilakukan.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa tu kita selain daripada mengutip *maintenance fees* yang saya arahkan, kepada ADSB dan juga membayar cukai tanah kalau dia mampu membuat *collection* untuk kawasan tu, bil air, bil api yang tertunggak, aaa itu saja lah. Lepas tu saya dah buat pun yang ... untuk macam di Bandar Armada Putra tu, dia punya untuk geran individu, kita telah keluarkan pun dan saya telah serah kan kepada Jabatan Insolvensi semua dokumenn-dokumen tersebut. Dan siapa yang memiliki rumah-rumah teres, dia telah pun ada dia punya individu title, saya telah siapkan benda-benda tu dan masih berada di Pejabat Tanah, belum ambil tapi yang geran sementara semua telah saya serahkan kepada Jabatan Insolvensi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Aaa, En. Zul sedar ada masalah dari segi bil air?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya sedar tetapi di masa, daripada saya menjaga sampai ke bulan 9 hari tu, takde masalah sebab saya selalu berunding dengan pihak SYABAS masa itu untuk menyelesaikan aa beberapa masalah air di sana. Pertama aaa saya masa pegawainya adalah En. Rohaizad, sekarang dia takde, sekarang dia Pengurus Besar di Tenaga Nasional berhad, masalah tentang air itu, adalah tertakhluk pada INPENS College, yang saya dipahamkan kebocoran, masa tu kesilapan SYABAS masa tu semua, sebab apa yang saya berunding dengan pihak SYABAS di Klang dan di Ibu Pejabat dengan En. Asyraf, dia punya salah seorang Pengurus Besar di Ibu Pejabat, penyelesaian sebenarnya pada dasarnya aaa kita telah buat banyak .... Saya telah berbincang dengan SYABAS, pertama SYABAS sepatutnya telah salah kod pertama, dia telah mengatakan kod 11 di mana kod 11 adalah untuk perniagaan, di mana dalam aaa perbincangan saya dengan pihak SYABAS masa tu, SYABAS berjanji dengan saya akan aaa membeli debit dan kredit lah sebab kesilapan SYABAS sebab aa bangunan yang ber*strata* tu, dengan ada kedai macam *service apartment* sepatutnya pihak SYABAS kena ada 3 meter; pertama meter untuk kedai, kod 11, kedua meter untuk rumah, kod 18 kalau tak silap saya, 17 atau 18, kemudian aaa untuk pili bomba satu lagi meter tapi dia telah, hanya ada satu blok satu meter sahaja dan dikira kod 11, itu kesilapan yang dilakukan oleh pihak SYABAS. Sebab itu dia berjanji dengan saya dia akan buat audit semula dan akan memberi debit kredit untuk projek di Bandar Armada Putra.

Y.B. Tuan Pengerusi: Macam mana pengakuan itu dilakukan, adakah secara lisan atau...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa tu lisan lagi sebab masa tu En. Rohaizad belum berhenti lagi aaa lepas En. Rohaizad berhenti saya cuba sambung dengan En. Asyraf di Ibu Pejabat Kuala Lumpur tetapi sampai ke bulan 9, lepas saya tidak lagi aaa menjaga sepenuhnya Bandar Armada Putra tu, Pengurusan yang ada menguruskan semuanya. Saya tak lagi terlibat. Tiada hitam putih, tetapi SYABAS mengakui kesilapan tersebut dengan saya cuma..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tarikh tu masanya?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa tu En. Rohaizad lah. Pn. Rahimah pun ada, En. Zulkarnain pun ada dan aa En. Asyraf adalah daripada Ibu Pejabat SYABAS di KL dan juga di Kelang. Banyak kali lah untuk menyelesaikan masalah ni.

Y.B. Tuan Pengerusi: Masa En. Zul jaga ada tak pemotongan?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Rasa saya baru-baru saya masuk rasa saya ada, masa tu kita masih dalam *adjust* macam mana nak, sebab kutipan di Bandar Armada Putra pun terlalu teruk saya memang tahu lah, aaa sebab penduduk tak ramai, kebanyakkan tak bayar, kebanyakan penyewa lah kat sana, bukan *owner* yang duduk ya. Dan boleh kata penduduk tak bayar juga air pun, saya setuju juga lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Masa En. Zul jaga pengurusan tu, aaa INPENS dah keluarkan? INPENS dah keluar?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: INPENS College pun.. aaa INPENS College keluar pada bulan 8, masa tu dah keluar.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Zul mula bulan 11?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Bulan 11.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa yang tinggal di flat-falt tersebut?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Boleh katakan kebanyakkannya adalah aaa rasa saya, masa saya masuk tu telah ada SEGI College di sana,.

Y.B. Tuan Pengerusi: Masih ramailah pelajar-pelajar lagi?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa tu saya rasa tak, tak terlalu ramai, sebab bila saya tanya pada aaa Dr. Asyaruddin, masa tu baru ada dalam 300 lebih pelajar saja lah. Itu yang saya diberitahu lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Di sini kerja *maintenance* adakah tak termasuk kerja repair, adakah di situ ada kebocoran paip?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa di... masa saya mentadbir tu tidak lah terlalu kritikal sangat, sikit-sikit saja, tetapi yang paling yang saya tahu sebelum itu di Blok C dan di Blok D itu sebelum. Itu dizaman INPENS College dulu yang aaa duduk lah, telah pun diperbaiki oleh SAP Urus Harta, yang itu yang saya diberitahu. Diorang telah menggantikan daripada VS *pipe* kepada ABS *pipe,* ABS *pipe* ini jenis paip yang paling mahal sekali lah, untuk menahan gegaran, sendimen dan sebagainya lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya repair itu dibuat..

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Dibuat oleh SAP Urus Harta atau INPENS College saya tak pasti, tapi kita masuk dua dua blok telah pun diperbaiki sepenuhnya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maklumat ini, maklumat ni dari segi pemerhatian ataupun...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya minta daripada SAP.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ini dari segi laporannya lah?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Ya, daripada SAP dia bagitahu kita BLOK C dan D telah diperbaiki sepenuhnya lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Diperbaiki tu di mana?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Di main *pipe*nye diperbaiki baru semua sekali. Dulu bawah tanah sekarang semua kat atas, 2 blok tu sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Disambung daripada mana, meter mana?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa daripada lepas meter tu terus sambung ke atas dan naik ikut bangunan lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya disambung ikut atas pada meter yang ...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Gunakan *setting* baru semua sekali lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi tidak ada lagi kebocoran lah?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Blok C dengan D takde lah, kalau ada pun sekarang Blok A dan B consider berpotensi kebocoran, ini satu lagi sebab kawasan sana sendimen, memang kuat sendimen lah, mudah ke atas.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Repair* tu bila buat?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Selepas kita masuk benda itu telah dibaiki, telah diperbaiki. Tadi ada sebut aaa menerima arahan ya? Adakah arahan daripada ahli lembaga pengarah?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pihak Salient Wizard lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bagaimana keadaaan Blok ABCD di Pangsapuri Armada Putra semasa En. Zul tinggalkan.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa tu takde apa-apa *problem*, masalah hutang air memang ada, tetapi .... ia ...biasa, sebab masa saya sampai bulan 9 hari tu, takde apa-apa msalah lah, cuma dari segi *collection* tu yang teruk, itu saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa tunggakan bil air?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa tu memang RM500000 lebih tu kita ambil daripada RM300000 lebih dan RM200000 lebih. Dekat RM800000 ribu lah, 2 lot.

Y.B. Tuan Pengerusi: OK, semasa En. Zul berunding dengan SYABAS, menyelesaikan masalah ini, apakah kaedah oenyelesaian?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pertamanya aaa bagitahu kita cuba untuk menjelaskan seberapa yang ada sebab *every month* duit sewa tak cukup. Jadi duit air tu kita bayar ikut kemampuan, jadi pihak SYABAS setuju pasal tu takde potongan, kalau kita dapat bil RM10000 pun sebulan itu, tetapi kita kata *collection* lain kita ada RM5000 kita bagitahu SYABAS kita ada RM5000.00. lepas tu kita *maintain* apa yang kita ada pada waktu itu.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Semua bayaran sudah dijelaskan?

Puan Anita binti Hamzah: Bayaran dari segi apa?

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Bayaran dari segi untuk pembelian syarikat?

Puan Anita binti Hamzah: *If only I can ... answer that ... aa actually the contract i won't say it could be materialised 100% aaa in the senses that aaaa... they are suppose to*, mereka sepatutnya ada *few company* dan *suppose to be transfered at the same account, together with*

a few companies, tapi aaa *most of the companies and the companies that have the assets, the the most assets has not been transfered to* Salient Wizard.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi yang *transfer* hanya lah *duty*?

Puan Anita binti Hamzah: *Yes. Mostly liability* lebih kepada tanggungjawab kepada *purchaser because by the time aaa by the time* Salient Wizard *took over aaa the transfer* tu tak.. *nobody attended to it.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi sekarang Salient *Wizard is doing all the transfer for all the company?*

Puan Anita binti Hamzah: *Yes. Correct, for the 3 company only*; Brisdale Resources Sdn. Bhd., Brisdale Housing Sdn. Bhd. *and* Pembangunan Brisdale Sdn. Bhd..

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Roughly how many projects are under this 3 companies?*

Puan Anita binti Hamzah: Aaa *most of the 2, the Brisdale Resources and Pembangunan Brisdale aaa if we are talking about the projects, it's about each of the companies is about 3 projects, but for the Brisdale Housing aaa the title, the strata title has not been issued out because there was no apllication made by the previous developer tu, apa ni, any innisiative on their part to settle the masalah strata. When we took over, we proceed with that. So* sekarang ni *most of the housing* Brisdale belum lagi keluar, belum i*ssued out by the Land Office.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Sudah *apply* la?

Puan Anita binti Hamzah: Sudah *apply*, baru *apply* (ketawa).

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Saya diberitahu anggaran pembeli yang kes mereka tersekat di Selangor adalah 10,000 pembeli?

Puan Anita binti Hamzah: 10,000 pembeli? *I don't think that is the figure, less than that* la

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *But few thousand ...?*

Puan Anita binti Hamzah: *Yes.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Ok, apa tindakan Salient Wizard towards GMB sekarang?

Puan Anita binti Hamzah: GMB, *most of the project they are GMB's.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *No..no...*

Puan Anita binti Hamzah: Oh? GMB Construction? Maalahnya GMB Construction... *this one is hear say* sahaja, apa yang *I* dapat info daripada pihak Salient Wizard aaa *the company is not in operation, and then* Lembaga Pengarah pun tak tahu. *So* itu info yang *I* dapat. *This is not from,*

direct from my personal aaa findings but its a info that I gathered from Salient Wizard punya people.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi Salient Wizard akan mengambil tindakan terhadap GMB atau tidak?

Puan Anita binti Hamzah: *I don't think so.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *So you will proceed* lah*? You will take over?*

Puan Anita binti Hamzah: *Yes.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Jadi di mana *management company of* Salient Wizard sekarang? Saya diberitahu Salient Wizard beroperasi di Kelantan?

Puan Anita binti Hamzah: Aaa *registered office* di Kelantan, tapi aaa *frankly speeking they are not in the line*, jadi sebab tu segala urusan *strata* diserahkan kepada pihak Peguam. . *I'm from* Zainul Rijal Amir*, there I was aa be given instruction to attend this given prefectional matter.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *So where is you office Puan?*

Puan Anita binti Hamzah: Di PJ.

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *So your office has become the management office?*

Puan Anita binti Hamzah: *Yes exactly, on the perfection of transfer,*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *So because this involve the sales of GLC, why did Salient Wizard agreed to buy when it is not their expertise? In construction, housing, can ou speek on behalf of your client or...*

Puan Anita binti Hamzah: *No, no, I can't explain.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Why did Salient Wizard buy?*

Puan Anita binti Hamzah: Aaa, *I have no more idea about that.*

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: *Both of you are lawyers?*

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor & Puan Anita binti Hamzah: *No.. no..*

Y.B Tuan Pengerusi: Kalau kita nak tanya aaa Pangsapuri Armada Putra Blok ABCD siapa pemilik?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kalau nak ikut Brisdale ni sebagai pemaju dan tiada aset pun di sana. Kebanyakan aset, keseluruhan aset itu telah pun dijual, itu yang saya tahu, telah dimiliki oleh pihak individu.

Y.B Tuan Pengerusi: Tanpa sebarang liabiliti?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Sepatutnya apa tindakan tu, sepatutnya macam ni ya, sebab dia *bulk* meter ni jadi isu, sebab *bulk* meter di atas nama Brisdale, Itu aje masalah dia yang saya nampak sekarang ni,.

Y.B Tuan Pengerusi: Salient Wizard mesti paham latar belakangnya sikit kan, maknanya projek itu dibangunkan di Brisdale, jadi pemajunya Brisdale, jadi pemilik kepada projek adalah Brisdale, itu jelas. Kemudian GMB ambil alih, betul? Jadi maknanya GMB adalah pemaju dan pemilik kepada Pangsapuri Armada Putra, betul? Jadi selepas Salient Wizard ambil alih, siapakah pemilik kepada Pangsapuri Blok ABCD kat Armada Putra?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Salient Wizard, ikut rekod pemilik Syarikat Brisdale ni tadi.

Y.B Tuan Pengerusi: Jadi dia memiliki, mengambil alih pemilikan daripada Brisdale?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Yes.

Y.B Tuan Pengerusi: Jadi kalau saya sebut di sini bahawa ia menguasai aaa aset dan liabiliti kepada Armada Putra Pangsapuri?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aset saya kurang setuju, tiada aset aaa Salient Wizard tiada aset di sana.

Y.B Tuan Pengerusi: Macam mana dia ambil alih?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Yang tu saya tak tahu.

Y.B Tuan Pengerusi: Projek yang tidak ada aset?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa tak sebab, dulu saya ini yang kita diberitahulah, selain daripada itu, kita INPENS hutang dengan Brisdale lebih kurang RM5 juta. Tetapi saya tak tahu macam mana aaa Dato' Karim telah batalkan hutang-hutang INPENS terhadap Brisdale sebanyak RM5 juta. Sedangkan aaa INPENS duduk sampai 2008, aaa Brisdale telah dijual pada 2007. Adakah munasabah pihak KDEB membatalkan semua hutang-hutang INPENS terhadap Brisdale sedangkan waktu itu ia telah pun dijual. Itu satu isu.

Y.B Tuan Pengerusi: Mana En. Zul dapat maklumat ni?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya... di SAP Urus Harta. Maklumat itu satu rekod, sebab Dato' Karim telah melupuskan hutang-hutang INPENS terhadap Brisdale, sebab aaa kalau ia masih lagi anak syarikat kerajaan negeri, ok , boleh *except* la, tapi sebelum dia dijual tidak boleh, sebab INPENS masih duduk lagi sampai 2008. Telah dijual pada 2007. Saya tak tahu dari segi mana dibuat, tetapi telah dibatalkan, sebab saya pernah pun berjumpa dengan Dato' Mydin, di INPENS di Kuala Selangor, dia kata itu keputusan telah dibuat oleh Dato' Karim, *you* kena *except* lah..

Y.B Tuan Pengerusi: Ada catatan formal?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Takde, kita buat *discussion*.

Y.B Tuan Pengerusi: Bagaimana keputusan dibuat oleh Dato' Karim?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Yang itu saya tak tahu. Tetapi saya bertanyakan dengan Dato' Mydin lah, dengar ke tak yang dia tak pernah bayar sewa bangunan kepada Brisdale apa semua. Dato' Mydin bagitahu saya Dato' Karim telah lupuskan semua hutang-hutang Brisdale err... INPENS terhadap Brisdale.

Y.B Tuan Pengerusi: Tadi saya, Jawatankuasa menyatakan tadi bahawa kalau Brisdale Holding adalah pemilik kepada Armada Putra dan GMB, kemudian apabila aaa Salient Wizard ambil alih, maka Salient Wizard adalah pemilik kepada Pangsapuri itu?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa aset-aset yang tidak dijual itu adalah aset syarikat lain, bukan milik Salient Wizard.

Y.B Tuan Pengerusi: Syarikat mana?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu tertakluk dari segi aset. Brisdale Asset. Brisdale Asset bukan kita punya.

Y.B Tuan Pengerusi: Jadi apa yang diambil alih oleh Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu kita, sebab saya tak campur itu, sebab saya pernah bertanya aaa bila Jabatan Insolvensi minta, ini tidak termasuk sebab aset itu bukan kepunyaan Brisdale, kepunyaan Brisdale Assets.

Y.B Tuan Pengerusi: En. Zul terima saman?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saman?

Y.B Tuan Pengerusi: Saman daripada Pejabat Dewan Undangan Negeri?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Ada.

Y.B Tuan Pengerusi: En. Zul ada baca kat situ bahawa dengan mengatakan bahawa kamu En. Zulkeply bin Mohamed Nor, selaku Lembaga Pengarah, jadi saya paham bawah En. Zul ni sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kebanyakan kerja-kerja saya yang buat, pihak Salient Wizard tak buat, jadi semua.. saya memang diberi mandat.

Y.B Tuan Pengerusi: En. Zul Jawatankuasa ingin mengingatkan En. Zul memberi keterangan di bawah sumpah, jadi tolong.. tolong ...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya mintak maaf, mungkin saya kurang arif benda-benda ni dan saya mintak tegur saya atas kesilapan saya, sebab saya memang tidak arif dengan benda-benda tersebut.

Y.B Tuan Pengerusi: Jadi adakah En. Zul berperanan, diberi kuasa sebagai Ahli Lembaga Pengarah? Surat saman ini tidak dibetulkan atau dimaklumkan kepada pihak Dewan.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pelik, sebab saya pun telah bertanya dengan pihak pengurusan saya juga aa Lembaga Pengarah boleh buat keputusan dan saya juga boleh dapat kan order dari Salient Wizard lah.

Y.B Tuan Pengerusi: Dalam aaa dalam dokumen syarikat?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Takde.. takde pengesahan sebab Lembaga Pengarah ni baru dilantik.

Y.B Tuan Pengerusi: Ada resolusi?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Memang takde resolusi.

Y.B Tuan Pengerusi: Sampai hari ni En. Zul masih lagi bekerja dengan Salient Wizard?

Puan Anita binti Hamzah: Kalau saya boleh bagi pihak En. Zulkeply, sebab bila En. Zul memaklumkan kepada pihak pengarah Salient Wizard, terdapat isu yang secara nyatalah mengenai apa yang ingin dibincangkan di sini iaitu masalah air sahaja jadi aaa secara fizikalnya pihak Pengarah Salient Wizard aaa tidak *directly*, tidak secara langsung *in-charge* dekat masalah tu, jadi pihak yang bila *in-charge* benda tu dari hari pertama lalah En. Zul, jadi kalau dipanggil pengarah, sekali pun, saya tidak yakin pengarah tu boleh beri keterangan atau pun kepastian ataupun sebarang pengesahan mengenai masalah air yang ingin dibincangkan oleh pihak Dewan.

Y.B Tuan Pengerusi: Kita akan menjurus kepada isu, terutamanya isu bil air tertunggak. Ia bermula ini di bawah Brisdale Holdings yang telah secara tak rasmi, jelas tak jelas melantik SAP Urus Harta dan yang berakhirnya berkesudahan SAP Urus Harta yang mengendalikan proses tersebut dalam keadaan yang tidak jelas, dia yang menanggung bebanan untuk memperbaiki kerosakan dan membayar bil dan sebagainya untuk mengelakkan pemotongan. Jadi kita tengok perkara ni daripada mula lagi tak jelas. Jadi itu sebab saya nak jelaskan maknanya kalau dulu Brisdale Holdings adalah pemilik kemudian dia lantik tak lantik, rasmi tak rasmi tak jelas SAP Urus Harta sebagai Pengurus Bangunan. Yang berkesudahan dia seolah-olah, SAP Urus Harta sebagai pemilik bangunan yang kena *repair*, kena baiki, kena bayar bil, jadi sebab, kat sini lah relevannya. Sekiranya aa Salient Wizard telah mengambil alih Pangsapuri Armada Putra dengan melalui mengambil alih Syarikat Brisdale Holdings, jadi kat mana peranan *maintenance*, *repair*, baiki, bayar bil dan sebagainya dalam konteks bil tertunggak. Itu sebabnya kita Jawatankuasa nak bawa ke situ biar jelas kedudukan Salient Wizard tu, sebagai pemilik ataupun setakat pengurus bangunan. Ataupun apa?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu yang saya cakap tadi Y.B., kita telah pun melantik syarikat ADSB Services Sdn. Bhd. yang mengendalikan benda-benda tersebut, *maintenance*, *repair* apa semua..

Y.B Tuan Pengerusi: Sampai sekarang?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Sekarang takde, setelah Jabatan Insolvensi mengarahkan aaa sebab surat pemilikan tersebut tidak valid sebenarnya sebab kita lantik dia selepas kita *bankcrupt.* Setelah Brisdale digulungkan, jadi pelantikan tersebut adalah tidak sah dari segi undang-undang, jadi itu yang saya cakap, sampai 1hb 9 saya tidak lagi aa menjaga Pulau Indah itu sebab kita telah pun digulungkan jadi saya serah sepenuhnya pada ADSB. Saya suruh ADSB keluar sebab pelantikan tersebut adalah tidak sah, sebab saya diberi keterangan oleh pihak Jabatan Insolvensi pelantikan tersebut tidak sah sebab dilantik selepas kita *bankcrupt.*

Y.B Tuan Pengerusi: Jadi aaa sampai ke saat itu apakah pendirian Salient Wizard tentang bil air tertunggak?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kita aaa memang saya ada serahkan kepada COB Klang saya ada buat *discussion*, perbincangan dengan COB Klang, COB Shaari, saya ingat ada ahli Majlis pun ada, En. Irfan, En. Suhaimi, saya pun ada berjumpa macam mana nak selesaikan masalah tetapi saya dah arahkan mereka berbincang dengan pihak ADSB sebab kita tidak dibenarkan mentadbir sebab di bawah Jabatan Insolvensi kita tidak boleh lagi mentadbir,tidak menguruskan apa-apa di bandar Armada Putra.

Y.B Tuan Pengerusi: Jadi kalau begitu pelantikan ADSB?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pun tidak sah sebenarnya, tapi aaa kesilapan tu kita tak tahu, kita tahu pun lewat aaa syarikat tersebut telah digulungkan sebab kesilapan daripada Jabatan Insolvensi sendiri seperti yang dikatakan tadi, telah 1 *company* 2 kali penggulungan.

Y.B Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Bila En. Zul tahu mana satu yang dulu? Aaa saya diberitahu sejak 2 tahun yang dulu...

Y.B Tuan Pengerusi: Sejak 2 tahun yang dahulu, penggulungan syarikat Brisdale dengan pelupusan hutang Brisdale terhadap INPENS mana satu yang En. Zul dapat maklumat dahulu?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa saya lepas saya tu saya jumpa Dato' Mydin dahulu saya tanya dekat Dato' Mydin dahulu lah, saya tahu dulu yang masalah hutang tu dulu, kemudian aa saya aaa dalam bulan 5 kut, bulan 5, 14hb 5 tahun 2009 baru kita tahu kita digulungkan, maknanya dalam jangka masa yang panjang.

Y.B. Tuan Lau Weng San: Kita masa tu siapa?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Pihak Salient Wizard tahu lah.

Y.B. Tuan Lau Weng San Jadi pelantikan terhadap ADSB telah dilakukan?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Telah dilakukan.

Y.B. Tuan Lau Weng San ADSB sudah diberitahu?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kita sudah beritahu kat ADSB tetapi dia nak teruskan itu terpulang pada dia lah sampai awal bulan 4 itu hari mesyuarat di MPK dengan Ahli Majlis, Infra dengan Jabatan Insolvensi, Pengerusi dengan COB telah mengesahkan mereka kena berhenti barulah mereka berhenti.

Y.B. Tuan Lau Weng San Adakah mereka sudah berhenti?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa sampai sekarang saya tak tahu masih atau tidak.

Y.B. Tuan Lau Weng San Tapi pada bulan April 2010, semasa mesyuarat itu dilakukan, ADSB masih menguruskan Pangsapuri Armada Putra di Klang?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu saya rasa dia masih beroperasi, saya rasa...

Y.B. Tuan Lau Weng San Setakat, sehinggalah ke hari...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Masa yang mesyuarat Ahli Majlis tu, dia masih beroperasi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi tak dapat memberi jawapan di mana dalam tempoh masa peralihan dari GMB tu. Maknanya siapa yang memiliki Pangsapuri itu? Adakah sebagai Pengurus Bangunan atau pun sebagai mengambilalih daripada peranan Brisdale sebagai Pemaju? Relevannya dari segi *maintenance* tu, kerana kalau kita tengok SYABAS, SYABAS kata dari segi peraturan bangunan maknanya selepas meter pukal, kebocoran dan kerosakan itu tanggungjawab pemaju atau pemilik?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Penama dalam bil air.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi bil air memang tak pernah ditukar nama daripada Brisdale ke ...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya pernah mengarahkan pihak ADSB mengadakan mesyuarat untuk penubuhan JMB, *Join Management Body*, sebab aa kalau nak ditukar nama tu kepada nama JMB, aaa kena ada buat mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa dahulu baru boleh tukar lama, daripada nama pemaju kepada nama persatuan penduduk ke. Selagi JMB tidak dibuat, nama tidak boleh ditukar, itu yang SYABAS suruh kita buat dan COB suruh kita buat. Sebab aa sampai sekarang aa perubahan tersebut masih tidak berlaku lagi. Penubuhan jawatankuasa JMB atau MC tidak berlaku lagi di 4 Blok saja, yang Blok lain telah pun ditubuhkan, seperti di Sri Bayu telah pun ditubuhkan, dibuat, saya telah pun menyerahkan kepada persatuan penduduk sendiri buat, dan masalah air ini, saya telah pun selesai saya telah pun urus ke peringkat migrasi, akan ditukar daripa pam meter kepada meter individu, saya tolong walaupun tetap tolong di Sri bayu dan *apartment* yang lain. Sebab kita takde masalah sangat lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa yang menghalang, tidak boleh bantu di Blok A?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa masalah utama saya tak dapat keseluruhan penduduk kata putus sebab kita tak boleh tubuh JMB, sebab kalu boleh tubuh JMB saya boleh bantu. JMB ini ialah persatuan penduduk-penduduk Blok itu sendiri, jadi dia ada kekuatan, saya boleh bantu

seperti di Sri Bayu, kita boleh tolong, mintak tolong di Jabatan Insolvensi semua saya mintak tolong, di SYABAS pun saya mintak tolong, macam di Sri Bayu sendiri pun dia ada hutang, tetapi aaa pihak Salient Wizard dengan kebenaran Jabatan Insolvensi setuju sebab deposit dulu yang dibayar tu adalah hak penduduk sebenarnya, jadi kontra kan hutang-hutang yang tertinggal dengan deposit, kita melalui Jabatan Insolvensi. Itu yang saya tolong di Sri Bayu. Dan sekarang dalam proses kelulusan, telah diberi oleh SYABAS untuk menukar daripada *bulk* meter kepada meter individu dan boleh pakai nama individu sekali lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kelulusan telah diberi, sekarang ni aa tinggal mendapat kelulusan daripada pihak SYABAS sebab pihak Jabatan Insolvensi telah memberi kebenaran untuk ditolak deposit sebagai hutang. Aa tinggal daripada SYABAS bila nak di.. kelulusan telah diberi, ditolak dari itu terus. Itu sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Proses itu berlaku ketika Salient wizard...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Iya, masa saya menjaga tersebut lah...

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi tunggakan bayaran air masih belum kurang kan?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa tak itu di Sri Bayu bukan di Taipan tadi, yang 4 Blok tu Taipan, yang saya selesaikan itu Sri Bayu sebab dia ada JMB. Bila ada JMB kita senang nak tolong aaa penduduk tersebut menyelesaikan masalah, diorang pun lebih suka kalau daripada tu *convert* ke meter individu dan aaa penduduk pun menanggung pertukaran tu ada kena caj yang kena *repair*, SYABAS yang *repair*, dan penduduk sendiri yang menanggungnya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau kewujudan JMB boleh membantu mengatasi dan pengurusan air, boleh kita Jawatankuasa mencadangkan bahawa oleh kerana tidak ada pihak yang bertanggungjawab termasuk INPENS, termasuk sebelumnya SAP Urus harta menjadikan keadaan itu terbiar, istilah Jawatankuasa "terbiar" setuju?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Iya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya *nobody couldn't care less* ..

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya diberitahu oleh COB, En. Ari, aaa beliau akan melantik penduduk di sana untuk menubuhkan COB, aaa .. JMB. Saya tanya juga dengan En. Ari macam mana nak selesaikan masalah ini walaupun saya, orang pun banyak telefon saya masalah ni sebenarnya, tapi saya serahkan kepada En. Ari, dan En. Ari bersetuju akan melantik mana orang yang buat *complain*t berkenaan dengan 4 Blok ni tadi dilantik sebagai JMB aaa bila JMB tu, saya kata saya akan cuba bantu mereka, saya tak janji lah, tapi saya cuba bantu untuk menyelesaikan masalah air tu dengan SYABAS, melalui Jabatan Insolvensi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi Salient Wizard mengambil alih pengurusan atau pun pemilikan Taipan pada bulan November 2008 ya?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Ya.. aa tak kita memantau sahaja sampai September.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa aktiviti-aktiviti fokus untuk menyelesaikan masalah tunggakan air yang telah dilakukan selain daripada berunding dan mendapat persetujuan dan pengakuan kesilapan dan diperbetulkan oleh SYABAS macam kod-kod air tadi, apa selain daripada itu?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu sajalah, masalah besarnya isu air dan *strata title* lah, yang bocor dah takde, 2 Blok saja yang bocor tetapi 2 Blok lagi tu dia bocor tetapi tidak ketara sangat lah, dia sikit-sikit saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan yang bocor itu tidak dianggap sebagai tanggungjawab Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kita melalui ADSB tadi, saya arahkan ADSB tadi memperbaiki lah kebocoran tersebut.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh ADSB?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Sampai bulan 9 takde banyak masalah sangat lah, sebab kerosakan tu kita *repair*. Memang, sebenarnya kadang-kadang tak cukup duit pun kita *repair,* kita hutang dengan kontraktor ADSB, kontraktor yang me*repair* tu. Sebab takde duit nak *cover* nak bayar.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa belanja..?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu saya kurang pasti sebab itu lebihnya kepada ADSB tadi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila ADSB dilantik untuk menjadi Pengurus Bangunan, kerana tempoh Salient Wizard ni tak sampai setahun ni?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Tak sampai setahun, kita sebolehnya kalau pelantikan kita tu bulan Januari lah tapi dia telah start awal, bulan 11 hari tu dia start awal..

Y.B. Tuan Pengerusi: 2008?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: 2009.. 2009.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi..

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa.. start bulan 11 lah perbaiki apa yang patut. Sistem apa semua sekali nak dibuat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi bayaran bila tertunggak tidak dibuat oleh Salient Wizard? Pada masa tu dah ada RM500 ribu lebih kan?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa.. memang ada, RM500 ribu lebih dan RM200 ribu lebih.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi tidak ada sebarang bayaran lah?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Takde. Kita lebih fokus kepada bil semasa.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam masa 10 bulan tu tidak ada pemotongan dari SYABAS?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa, saya kurang pasti, kurang ingat, saya rasa rasa masa saya masuk tu memang ada rasa saya, sekejap ada, lepas tu saya selesaikan dengan SYABAS dan dipasang balik, dia tak potong tapi di*clamp,* tapi dikira potong lah, di*clamp* dan saya berunding balik semula dan dia buka balik *clamp* tu, selepas tu sampai la ke isu selepas bulan 9. Itu yang besar sekali.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa nak paham ya dari segi aaa selepas Salient Wizard melantik ADSB adakah ADSB tamat tempoh perkhidmatan selepas Salient Wizard berhenti daripada...

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Sepatutnya, sepatutnya dia kena tamat kan sekali sebab kita suruh tamatkan perkhidmatan juga, sebab pelantikan tu tak sah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pelantikan tak sah sebab digulung?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa ya, sebab digulung, tetapi dia teruskan tu kita tak boleh buat apa-apa lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa yang membayar perkhidmatan ADSB?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: *Collection* daripada penduduk. Kita tak bayar apa-apa. *Collection* daripada persatuan penduduk sendiri yang bayar. *Collection* tu dibayar duit air, duit api, potong rumput, *repair* paip bocor, daripada *collection.* Itu saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Salient Wizard dapat apa?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Kita tak dapat apa, kita cuma membantu sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi kata Salient Wizard syarikat perniagaan, bantu? Takkan takda buat untung ke, selain daripada menanggung kerugian.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Itu management, saya cuma menguruskan benda-benda ini saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi staf berapa orang di Salient Wizard?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Saya sorang saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Gaji dibayar?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Aaa ada, untuk akaun sendiri sahaja.

Y.B. Lau Weng San: Dua orang saja?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: 1 orang saja, satu lagi konsultan syarikat kami.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa berpandangan la, dia mcam berulang, Brisdale; SAP Urus Harta, dengan Salient Wizard; ADSB. Macam *duplicate* yang sama dalam pengurusan masalah ini. Bentuk sama tapi nama je lain, macam SAP Urus Harta pun tidak dibayar, tapi oleh kerana dia nak syarikat dia tanggung sendiri. Jadi dia, macam tu lah, seolah-olah ADSB dilantik asalnya oleh Salient Wizard, tapi Salient Wizard tidak bayar apa-apa. Salient Wizard membeli daripada GMB, tapi tak dapat apa-apa, takda aset syarikat. Kalau kita bawa laporan ke Dewan pun, seluruh Dewan akan pening, dengan kes ini. Kita nak cuba fokus isu air tapi tak dapat nak...

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan: Itu sebab saya tanya penjualan GLC pada syarikat yang tak mahir dalam *construction. As a result the GLC is not properly managed* la. Kita tak boleh fokus air saja, saya tanya tadi kenapa GLC membeli 3 anak syarikat ini memandangkan Salient Wizard tak mahir dalam construction.

Y.B. Tuan Pengerusi: Puan Anita boleh memberi penjelasan?

Puan Anita binti Hamzah: Secara latar belakangnya aaa, saya tak *personally get involved* masa aa *accusation of shares* pembelian ni, sahham ni, saya hanya *getting involve* bila timbulnya aaa terdapat banyak aduan daripada pihak pembeli mengenai kepincangan dari segi urusan pindah milik. Jadi dari situ saya, aa saya dipanggil untuk menyelesaikan masalah-masalah aaa masalah-masalah pindah milik. Ok jadi aaa bagaimana apa aaa apa niat tujuan, apa tujuan perolehan yang dia, yang pihak Salient Wizard perolehi daripada pembelian ni aaa saya tak boleh nak bagi *comment*, tapi dari segi saya nampak dan berdasarkan kepada *day to day* saya punya urusan ni, terlalu banyak liabiliti. Banyak liabiliti yang terpaksa ditanggung oleh pihak Salient Wizard, tapi keuntungan mungkin mereka dah dapat keuntungan sebelum ni saya aa tak tahu.. aa tapi daripada *observation* saya, liabilitinya terlalu banyak.

Y.B. Lau Weng San: Siapakah pengasas Syarikat Salient Wizard?

Puan Anita binti Hamzah: Err latar belakang *registring* tu saya tak tahu, saya hanya tahu aaa siapa nama pengarahnya dan urusan saya selama ni lebih kepada pengarah dan En. Zul.

Y.B. Lau Weng San: Siapa Pengarah?

Puan Anita binti Hamzah: Aaaa Encik Zahidi, saya selalu berurusan dengan Encik Zahidi, dan En. Zul. Dan ada juga yang apa ni pegawai yang dilantik, En. Hafizan, aa untuk aa berbincang mengenai masalah-masalah ni.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam pengalaman Puan Anita sebagai Peguam adakah ini unik?

Puan Anita binti Hamzah: Memang unik..

Y.B. Tuan Pengerusi: Ataupun norma? Maknanya syarikat itu diwujudkan, syarikat itu beroperasi untuk menanggung liabiliti? Tapi ada kemungkinan satu keuntungan telah dibuat oleh pihak ahli Lembaga Pengarah?

Puan Anita binti Hamzah: Mungkin dari segi logiknya tiada *company* yang aaa bukan cakap *company* saja, syarikat saja, tapi individu yang akan mengambil liabiliti sahaja. Keuntungan tu mungkin sudah ada sebab kalau *we are talking about the commercial gain...*

Y.B. Lau Weng San: Tapi ini memang takda keuntungan?

Puan Anita binti Hamzah: Ha ah..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi sebagai peguam, kes ini unik ataupun norma dalam (ketawa)

Puan Anita binti Hamzah: (Ketawa) Dari liabilitinya unik lah daripada liabiliti yang ditanggung uniklah, tapi saya baru *take over* bulan mmm Mac 2009. Dipertanggungjawabkan untuk menguruskan urusan pindah milik ni pada bulan Mac 2009.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bayangkan, maknanya anak syarikat kerajaan (GLC) yang tak bernama lah, Brisdale dengan berbagai-bagai projek pembangunan yang dilakukan, dan ia juga berpayung di bawah satu anak syarikat yang besar KDEB, Kumpulan Darul Ehsan Berhad, kemudian digulung dan dijual dan apa-apa lagi, dia.. tiba-tiba yang ditanggung oleh syarikat yang membeli itu adalah liabiliti. Jadi kalau Jawatankuasa nak bawa laporan ke Dewan pun, walaupun isunya isu air, tapi memang berat. Y.B. Hannah sudah bawa dalam sidang Dewan sejak tahun 2008 kes ini. Walupun kita tidak mahu pendengaran kali ini bukan isu untuk diketengahkan, tapi tak selesai isu air ni kalau tak selesai isu yang berkaitan dengan kedudukan Brisdale Holdings, dan kedudukan Salient Wizard hari ini, dan hari ini kalau kita tanya ADSB ni siapa pulak, dalam konteks pemegangan saham asal kepada Brisdale? Ada jawapan?

Puan Anita binti Hamzah: Dia takde memegang saham, dia cuma aaa Agen Pengurusan sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, dia Agen Pengurusan yang telah dilantik tetapi secara tidak sah oleh Salient Wizard. Salient Wizard pulak bukan pemilik kepada Taipan, yang bukan sebahagian daripada aset dan *property* Brisdale, macam mana?

Puan Anita binti Hamzah: Saya... saya memang saya tengok operasi pihak Salient Wizard kepada anak-anak syarikat yang lain, kepada projek-projek yang lain, kalau saya tengok dari segi operasinya sama. Mereka tak mentadbir bangunan tu, mereka tak mentadbir projek tu, projek tu disalurkan kepada pihak pengurusan bangunan, dilantik pihak pengurusan bangunan samada daripada persatuan penduduk ataupun aa agen, *collection agent* yang akan mentadbirkan projek itu, bangunan tersebut, tanpa ada bayaran, dan bayaran tu sepatutnya aaa pihak *management* yang saya dimaklumkan yang bayaran tersebut sepatutnya di aa kutip pihak pengurusan bangunan daripada *collection maintenance charges*. Yang diuktip daripada individu *purchaser*, saya tengok dari projek yang semua yang diambil alih oleh Salient Wizard operasinya sama. Seperti mana SAP macam Y.B. cakap tadi, dia punya operasinya sama daripada SAP kepada aaa GMB, GMB kepada Salient Wizard, operasi mereka semua sama. Mungkin dari situ pihak aaa Salient Wizard tidak menganggap benda itu sebagai liabiliti, *because* dia takde melibatkan laibiliti, sebab liabiliti untuk *management of the* bangunan itu adalah persatuan penduduk ataupun *managed by agent.*

Y.B Tuan Pengerusi: Itu dengan syarat bahawa semua unit di Taipan telah dijual kepada pemilik individu dan *strata title* telah diselesaikan.

Puan Anita binti Hamzah: Saya tak.. apa yang saya punya info ni saya tak melihat daripada konteks di Armada Putra, sebab bila saya, bila saya di pertanggungjawabkan dengan tanggngjawab ini, aa saya punya arahan untuk Armada Putra, kita tak payah *get involved* langsung. Sebab Brisdale Holdings telah digulungkan. Yang konteks yang saya cakap ni adalah lebih kepada projek-projek di Pandan Jaya, di Pandan Indah dan di Pandan Heights, Kepong. Itu diorang punya operasi sama, operasi dia macam ni jadi kita, saya tak nampaklah Salient Wizard melihat itu sebagai satu liabiliti. Walaupun dalam satu projek kita ada di aaa Projek di Pandan Heights, tunggakan bil api, bil air pun ada *nearly quarter million* aaa *1. million over*, tapi aaa rundingan dibuat oleh pihak persatuan penduduk dengan pihak SYABAS dan TNB.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Dan Y.B. Nik pernah berbincang dengan saya masalah di Pandan Jaya dengan Y.B. Elizabeth Wong, tunggakan air ini yang saya selesaikan cuma masalah sekarang ni di Pulau Indah sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya lah, Pulau Indah tu masalah dia bangunan itu disewakan kepada kolej aaa berlaku kebocoran dan sebagainya dan ketidakjelasan itu, kemudian hari ini, tunggakan itu dibebankan kepada pemilik unit. Itu masalah tu, masalah penduduk, masalah rakyatlah, isu masalah rakyat. Jadi kalau ikut SYABAS dia tuntut hak dia, betul? Kalau yang sebenarnya bukan bebanan dia, jadi kita nak menjuruskan nak tengok siapa yang bertanggungjawab dalam projek sekarang masalah timbul dan yang terlibat dalam seluruh masalah ini, untuk menyelesaikan masalah ini. Dan apabila kita nampak dalam pendengaran tertutup pusingan pertama kita tidak panggil Brisdale, jadi mesyuarat Jawatankuasa nak panggil Brisdale, dah gulung, yang tinggal Salient Wizard. Jadi hari ini Salient Wizard adakah masih mempunyai status itu ataupun sudah tidak.. sebagai pemilik Brisdale Holdings?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Tiada, sudah tiada lagi.

Y.B Tuan Pengerusi: Baik, siapakah pemilik Brisdale sekarang?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Jabatan Insolvensi Selangor, dan saya telah diberitahu aaa pihak Brisdale Holdings telah diambil alih oleh Tetuan Jamu Lingam di bawah pentadbiran *private liqudator*, Tetuan Jamu Lingam.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ni bila ni?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Bulan .. di mesyuarat EGM, perintah mahkamah, *private liquidator.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Jabatan Insolvensi dah melantik?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor: Telah melantik, kelulusan daripada Mahkamah Tinggi, telah dikeluarkan satu perintah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Biasanya fail ini adalah pemilik ... maknanya Jabatan Insolvensi akan melantik liquidasi kerajaan kemudian tu aaa nak dilantik *private liquidator* untuk penduduk perumahan...

Puan Anita binti Hamzah: Tapi saya dimaklumkan bahawa pelantikan *liquidator* tu oleh *creditor.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila ada maklumat, dah jadi ke Tetuan Jamu Lingam?

Puan Anita binti Hamzah: Perintah daripada mahkamah saya tak ingat bila tetapi pada bulan lepas, baru lagi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi dah takde apa-apa hubungan dengan projek di Pulau Indah?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor : Takde lagi. Saya sedia membantu juga yang masalah air di Sri Bayu lah sekarang, banyak di Sri Bayu, saya dah hubungkan pihak Sri Bayu dengan aa pihak pengurusan SYABAS, itu sahaja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Satu lagi, apa hubungan Salient Wizard kali ini?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor : Takde apa-apa.

Y.B. Tuan Pengerusi: Saya nak tahu macam mana boleh lantik ADSB?

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor : Aaa sebab aaa seperti saya cakap tadi kita kenal melalui ADSB, melalui nama lama tadi identity Outsources, macam saya cakap tadi dia yang pernah membuat kerja tu sebelum itu, sebab SAP melantik aa Identity outsources tapi digunakan nama ADSB, jadi kita orang yang berpengalaman menjalankan kerja-kerja tersebut.

Y.B. Tuan Pengerusi: Baik En. Zul dan Puan Anita, Jawatankuasa ucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan, terima kasih.

Tuan Zulkeply bin Mohamed Nor : Dan saya minta maaf kalau ada terlanjur saya bercakap tu, saya minta maaf lah. Terima kasih.

LAMPIRAN E

PENDENGARAN TERTUTUP

OLEH

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN
DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

29 April 2010 (Khamis), Jam 11.30 Pagi,

Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri,

Tingkat 1, Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor,

40000 Shah Alam

Saksi 1: **Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin, Lembaga Pengarah, ADSB Services Sdn. Bhd.**

Saksi 2: **Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin, Lembaga Pengarah, ADSB Services Sdn. Bhd.**

(Kedua-dua saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa)

Y.B. Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* , Bismillah Hirrahman Nirrahim, kita mulakan pendengaran dengan angkat sumpah.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Bahawasanya saya, Khairul Azman bin Zainal Abidin, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Bismillah Hirrahman Nirrahim, bahawasanya saya, Khairul Aznan bin Zainal Abidin, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan dihadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. Tuan Pengerusi: Nama eja sama?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: M dan N

Y.B. Tuan Pengerusi: Adik-beradik ke?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok. Satu Azman satu Aznan. Kami panggil Azman dengan Aznan la ya?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Khairul

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang ni, Azman? Ok Azman, aaa apa jawatan dalam ADSB?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Lembaga Pengarah Syarikat.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Khairul?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: sama juga.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi , berapa orang ahli Lembaga Pengarah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 3 orang je.

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang ke tiga?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Mr. Andy.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ingin tahu bila Syarikat ADSB ini ditubuhkan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ditubuhkan pada bulan 11.... 2007.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh ceritakan kepada Jawatankuasa apakah apa, operasi, aktiviti kegiatan ADSB sebagai sebuah syarikat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Saya selaku Pengarah ADSB Services Sdn. Bhd yang telah ditubuhkan pada November 2007, aaa sebelum ini, saya menjalankan kerja pengurusan ya? Di Bandar Armada Putra yang telah dilantik pada Januari 2008. Januari 2009. Untuk menjalankan kerja-kerja *maintenance* lah, penyelenggaraan seperti aaa membersihkan kawasan, mengumpulkan bil bulanan setiap bulan, lepas tu, mengambil bacaan meter dan juga aaa pemantauan keseluruhan lah bagi kawasan Bandar Armada Putra lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi kerja-kerja telah dimulakan lebih awal?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa saya...

Y.B. Tuan Pengerusi: Pelantikan saja, pelantikan pada 1 September?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Pelantikan pada Januari, 26 Januari, tapi saya masuk awallah, kita masuk dalam bulan 12,.

Y.B. Tuan Pengerusi: Selain daripada itu, apakah aktiviti syarikat sebelum daripada mengambil alih syarikat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sebelum mengambil alih syarikat tu saya, apa yang saya lakukan ialah Projek Bandar Armada Putra adalah projek pertama saya lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya, adakah syarikat ditubuhkan untuk membangunkan Bandar Armada Putra? Pengurusan ataupun...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Untuk memantau Bandar Armada Putra lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya, syarikat ADSB ni memang ditubuhkan untuk berurusan dengan Bandar Armada Putra, betul? Berapa projek yang ada di sini?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 3 Skim yang kami jaga di sana. Iaitu *low cost* ya, Sri Cempaka, lepas tu *medium cost*; Sri Bayu, dan juga Sri Samudra lah no. 3.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Low cost* apa dia tadi?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sri Cempaka. *Middle cost* Sri Bayu, lepas tu Sri Samudra lah. *Apartment* dan *shop apartment*, dia 2 kategori. Sri Samudra sebelum ni dikenali dengan nama Taipan lah, Blok ABC dan D.

Y.B. Tuan Pengerusi: Macam mana boleh ADSB dilantik untuk uruskan skim?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sebelum ni, aaa saya memang berkawan dengan En. Zul tadi tu, En. Zul, lepas tu En. Zahidi, owner Salient Wizard lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dah lama kawan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: baru juga.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah pelantikan itu dibuat secara bertulis atau pun ...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Bertulis.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa *terms*, terma di dalam syarat pelantikan tersebut?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: *Terms of agreement*, dia melantik kami untuk menguruskan aaa *property* lah, *facilities management*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa pulangan pelantikan tersebut kepada Salient Wizard?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa, pulangan dia, dia suruh kami menguruskan, lepas tu dia akan beri kami satu *percentage* lah, setiap skim yang kami belanja tu sebanyak berapa peratus daripada kutipan, daripada bil yang dikeluarkan.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Maintenance fee* lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya, *maintenance fee*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi dari situ, daripada *collection* itu, berapa *percent*?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 20%.

Y.B. Tuan Pengerusi: Baki yang 80%?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Baki yang 80% tu kami akan apa tu, kami akan gunakan untuk penyelenggaraan lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah mana-mana daripada pembahagian peratusan itu kepada Salient Wizard?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tak de.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan adakah sebarang pembayaran dibuat oleh Salient Wizard kepada ADSB?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Takde.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi aaa.. ADSB ada peguam?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin:Ada.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apabila berurusan dengan Salient Wizard itu, adakah guna peguam?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ooh, takde.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa maklumat yang ADSB tahu tentang Salient Wizard, sebagai syarikat yang berhak untuk memberikan urusan itu kepada ADSB?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Apa yang saya tahu, sebelum ni, terus terang saya katakan ADSB, Pengarah saya En. Zulkeply tadi tu, dia *one of the director* kami sebenarnya. Dia salah satu Pengarah Syarikat ADSB tu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kata tadi 3 orang?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Pasal dia *resigned* pada Oktober 2009.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya ketika mana dia dilantik sebagai pihak yang patut menguruskan Salient Wizard, dia juga adalah..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: *Director* ADSB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah dia meletak jawatan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Belum, Oktober 2009.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau ikut maklumat yang kita dapat di sini bahawa En. Zul dilantik ataupun atas nama Salient Wizard untuk menguruskan Taipan, pada bulan November 2008 hingga September 2009?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia memang ada ya? November 2008 hingga September 2009

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam tempoh tersebut adakah juga aaa En. Zul merupakan *Director* kepada ADSB?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya, betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apakah kedudukan pada masa itu? En. Zul dalam Salient Wizard?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Dalam Salient Wizard, *position* saya tak pasti tapi waktu tu dia adalah Pengarah Syarikat bagi syarikat saya jugak lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia adakah Lembaga Pengarah, ataupun CEO, Pengarah Urusan ...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Di ADSB?

Y.B. Tuan Pengerusi: Di Salient Wizard.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Saya tak pasti. Apa yang saya tahu dalam, apa yang saya tengok dalam borang 24/29 tu, En. Zul mungkin *one of the* Pengurus Besar lah saya rasa, Pengurus Besar, tapi kalau *Director* ada 3 orang dalam Salient Wizard tu, En. Zahidi..

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang juga merupakan kawan En. Azman tadi ya?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya. Lepas tu Puan Hartini, dan juga En. Afzan. Afizan.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Zul sendiri bukan ahli Lembaga Pengarah Salient Wizard?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tak de. Tapi yang sekarang ni kalau dah tukar saya tak pasti lah. Pada masa itu saya rasa takde. Dia Pengarah ADSB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pada masa dilantik oleh Salient Wizard, apakah pandangan En. Azman sebagai pihak ADSB terhadap Salient Wizard dalam konteks pemilikan kepada Taipan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa, Dato' Pengerusi saya ceritakan daripada mula lah ya? Sebelum ni Bandar Armada Putra diuruskan oleh SAP Urus Harta ya? SAP Urus Harta. Di dalam SAP Urus Harta tu ada kawan saya bernama En. Zamri ya, En. Zamri bin Omar, dia merupakan kawan saya dan juga aaa apabila saya tahu En. Zamri beritahu saya bahawa nak mencari Salient Wizard sedangkan sedangkan SAP punya kontrak tamat pada 20 hb 8, tahun 2008. Lepas tu beliau dan juga kawan beliau pergi ke Kelantan ya, mencari En. Zahidi. Selepas berjumpa En. Zahidi, lepas tu En. Zamri ni hubungi saya, "Azman, awak berminat tak kalau kita setup sama-sama kita uruskan Bandar Armada Putra". So saya kata "*Why not?*" Boleh ke? En. Zamri tak masuk sebagai *Director* sebab dia masih bekerja dan dia mintak En. Zulkeply masuk sebagai *Director* ADSB la.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya En. Zamri juga kenal En. Zulkeply?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kenal.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya En. Azman kenal En. Zamri, kenal En. Zahidi, kenal En. Zamri, semua sekali?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Semua sekali.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam keadaan En. Zamri sebagai staf kepada SAP Urus Harta, En. Zul sebagai Salient Wizard?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: En. Zul saya kenal dia daripada En. Zamri lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi En. Zamri pun kenal En. Zul?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa, diorang kawan lama lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Banyak kes kawan kawan kawan ya?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Lepas tu saya kenal En. Zahidi pun daripada En. Zamri jugak. Pasal saya dipanggil saja, "Man apa kata kita bukak syarikat kita uruskan Bandar

Armada Putra.." Lepas tu aaa En. Zamri bukak syarikat jugak, dia uruskan harta Brisdale di Pandan Jaya dan juga Taman Indah, Kepong. Saya uruskan di Bandar Armada Putra lah, Tuan Pengerusi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, En. Azman di Bandar Armada Putra lah, Taipan? Bandar Armada Putra di 3 skim tadi lah, salah satunya Taipan tu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kenapa buat pilihan untuk di Bandar Armada Putra dan tidak di tempat-tempat lain?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa, pasal yang tu En. Zahidi yang bagi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebab dia pada masa itu, dilantik sebagai Pengurus kepada aa Taipan ya? SAP Urus Harta ditugaskan untuk menguruskan projek ini di Bandar Armada Putra, tapi tidak termasuk Taipan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Termasuk, termasuk, SAP menguruskan sama macam saya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Asalnya tidak termasuk? Tetapi oleh kerana masalah yang timbul ini keadaan yang mereka berikanlah? Jadi oleh kerana menurut En. Zamri dan En. Raffiei, kenal jugak?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kenal jugak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kenal sebab SAP Urus Harta ataupun kenal sebagai kawan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sebenarnya kami dalam satu *group* dulu sebenarnya. En. Zamri dan juga En. Raffiei buat di Pandan Jaya dan di Taman Indah sana.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Group* apa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Untuk bina pengurusan ni.

Y.B. Tuan Pengerusi: Agen Pengurusan ni ada *group* lah ye?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Pecah kepada 2 team lah

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya berpayung di bawah syarikat apa ya pada masa itu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Brisdale lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Oo memang asalnya Brisdale?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa

Y.B. Tuan Pengerusi: Memang asalnya staf Brisdale?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Bukan, bukan saya sebenarnya tak kenal Brisdale semua, sebelum ni saya ada urusan dengan kerja-kerja di SAP Urus Harta sebagai *Debt Collection,* di Bandar Armada Putra. Saya hantar staf-staf saya aaa jumpa ketuk pintu mintak bil

semua lah. Tapi apabila aaa saya... Brisdale telah dijual, SAP pun dah tarik diri pada 20hb 8 tadi..

Y.B. Tuan Pengerusi: Nanti... nanti kejap, Salient Wizard dijual?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Brisdale, telah dijual pada Salient Wizard. Lepas tu pada 20hb 8 tu saya punya *site* pun habis lah. Dan En. Zamri dan juga 3 rakannya pergi ke Kelantan mencari En. Zahidi lah di sana dan dia hubungi saya balik, kata "En. Azman awak berminat tak tak mengurus balik Bandar Armada Putra?", saya kata " Boleh jugak". Saya cakap. Lepas tu saya tubuhkan Syarikat bersama En. Zul, pasal En. Zul adalah *Director*, adalah orang pada En. Zahidi, adalah En. Zul, masuk untuk ke Pulau Indah lah. Jadi Bandar Armada Putra saya buat. Bukak syarikat. En. Raffiei, En. Zamri, semua saya kenal.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa kepentingan En. Zamri mencari En. Azman, En. Zul untuk tubuhkan Syarikat sedanngkan pada masa itu, SAP Urus Harta ditugaskan, diamanahkan untuk mengurus bangunan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa kepentingan, sebab selalunya dia dah dapat projek kan, buat apa dia nak..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul, kepentingan saya tak pasti tapi Tuan Pengerusi, apa yang saya tahu, SAP keluar daripada Bandar Armada Putra pasal dia pun cakap dia pun tak tahu dia *stand* dekat siapa sekarang ni. Itu yang saya tahulah, Salient Wizard tak tahu waktu tu di mana syarikat dia, dia menggunakan alamat *company secretary* di Kelantan tu lah. Bila sampai tu dia tahu, dia hubungi saya, kata En. Azman, berminat tak, saya pun tak tahu apa *commitment* semua benda tu, tapi apa yang saya tahu En. Zamri dan En. Raffiei, masih .. dia ada syarikat dia sendiri atas nama Cantuman Usaha (M) Sdn. Bhd. yang menjalankan agen pengurusan di Pandan Jaya dan juga aa Taman Indah Kepong. Saya disuruh buka syarikat bersama En. Zul ... untuk menguruskan Bandar Armada Putra.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jawatankuasa ingin mengingatkan En. Azman buat keterangan di bawah sumpah.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya, saya ingat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya aaa kakitangan.. daripada keterangan ni lah, *statement* dari keterangan tadi, kakitangan anak-anak syarikat Negeri Selangor mengatur perniagaan selain daripada menajga kepentingan anak-anak syarikat Negeri Selangor. Saya rasa En. Zamri ni bekerja di bawah SAP, anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan dia mngatur En. Zul, En. Azman untuk buat syarikat lagi, dan dia pun ada syarikat lagi.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah ini bererti mereka menyusun kerja?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul. Mereka *mastermind* sebenarnya. Terus terang saya cakap, mereka tu *mastermind,* saya pun dipanggil masuk, saya bukak syarikat bersama En. Zul, suruh uruskan Salient.

Y.B. Tuan Pengerusi: Mereka ni siapa, Zamri?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Zamri lah, *especially* Zamri. Kalau Tuan Pengerusi boleh pergi ke SSM, boleh cek atas nama Cantuman Usaha (M) Sdn. Bhd. nama diorang ada yang menguruskan di Pandan Jaya dan juga di Taman Indah, Kepong.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pandan Jaya dan Taman Indah..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Perdana..

Y.B. Tuan Pengerusi: Taman Indah Perdana Kepong, projek siapa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Brisdale.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itulah saya kata tadi, maknanya kakitangan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor menyusun kerja untuk menubuhkan syarikat, untuk manfaatkan, anak-anak syarikat, projek anak-anak syarikat yang lain.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan En. Azman terlibat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Saya terlibat pasal mereka panggil saya masuk. Sebab sebelum ni memang saya buat *Debt Collection* untuk SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi sebelum, apabila ditawar tu, *bussiness* tu mesti *creative* kan? Maknanya *bussiness* yang baik?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak masuk kan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau cara baik, kenapa anak syarikat sendiri tak uruskan? Kalau perniagaan tu baik kenapa anak syarikat tak uruskan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Itu saya tak pasti Tuan Pengerusi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ataupun sebab dia baik lah anak syarikat tidak menguruskan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Saya di atas kawan-kawan. Yang saya tau saya uruskan, sama dengan En. Zulkeply tadi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan En. Zul pada masa itu dilantik oleh Salient Wizard untuk menjaga Taipan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan dia kata Salient Wizard telah melantik ADSB untuk menjadi agen pengurusan.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Betul? Dan dia ada kepentingan dalam Salient Wizard sebagai orang yang menerima elaun dan gaji?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Mungkin.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu keterangan yang telah dibuat tadi, dan pada masa yang sama, ada bahagian di dalam ADSB?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi kalau aaa tawaran itu tleh dibuat dan *bussiness* itu telah dianggap baik hingga menyebabkan ADSB sanggup menerima sebagai agen pengurusan, adakah kajian tetang liabiliti, hutang-hutang, bil tertunggak aa telah dibuat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa apa yang saya tahu yang pasal.. yang pasal kes Brisdale ni saya kurang pasti sebenarnya Tuan Pengerusi, tetapi apa yang saya nak join tu disebabkan En. Zul dan En. Zamri tu dia kata, sebelum ni apa yang saya tahu daripada Brisdale jugak, tetapi *convert* kepada SAP, *so* dia tau tahu asal-usul projek di Bandar Armada Putra mereka yang memainkan peranan sebenarnya, saya cuma keluarkan *billing* untuk ambil duit kutipan sahaja dan menguruskan itu sahaja sebenarnya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi mesti sebagai pengurus bangunan, apa lagi terma sebagai agen pengurus bangunan, sebenarnya daripada bil..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kami akan, apa tu, macam penyelenggaraan bersama kami akan letakkan *cleaner* di sana, lepas tu lampu rosak terbakar, aaa main hole tersumbat, kami buat semua, kami uruskan juga, *maintain* bersama lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau paip bocor?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Paip bocor pun kami tukar, kami *repair*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam tempoh beberapa bulan tu ada buat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa waktu yang saya jaga, waktu saya jaga di Bandar Armada Putra tu, dalam masa setahun ni, hampir 7 kali kebocoran..

Y.B. Tuan Pengerusi: 7 kali kebocoran? Di semua Blok ABCD?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya. Tetapi yang, kebocoran yang besar tu pada 2006 tu belum di bawah kami lagi lah, kami masuk pun bil air pun dah hampir RM600 ribu pada masa itu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa tanggungjawab ADSB apabila melihat bil tertunggak tu sebanyak RM600 ribu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Apa yang difahamkan saya, En. Zul, dia yang, untuk *liason* ya, dia yang berjumpa dengan orang-orang SYABAS. Dia yang berbincang dengan orang SYABAS, dapat kan *term*, dapatkan bayaran sikit demi sedikit.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi dia bertindak sebagai ADSB ataupun bertindak sebagai Salient Wizard?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: ADSB. Macam ni Tuan Pengerusi, pasal dia dengan saya pun dari bulan 11 sampai bulan 10 pun dia masih dengan saya, tapi kalau dia elaun daripada Salient Wizard semua saya tak tahu lah. Tapi dengan saya dia memang ambil elaun, semua semua ada. Tapi ada kes-kes yang melibatkan air semua dia yang pergi. En. Zul sendiri yang pergi lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa perlunya Salient Wizard melantik ADSB kalau, kalau En. Zul sendiri merupakan orang yang ditugaskan oleh Salient Wizard untuk menguruskan bagunan tu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tuan Pengerusi, saya sebenarnya apabila saya berjumpa dengan mereka ni, mereka suruh saya, En. Zamri, " Azman, *you open* syarikat, lepas tu masuk kan En. Zul sekali, lepas tu kita menguruskan".

Y.B. Tuan Pengerusi: Kita?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa tak, kami aa... saya, En. Zul menguruskan di sana. Dan dipantau juga oleh En. Zamri.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dipantau juga oleh En. Zamri?? Dia sebagai SAP sebagai individu lah, mana satu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa ya, *individual*, dan En. Zamri pun dapat elaun daripada ADSB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Elaun apa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Elaun *transportation* lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi dia bukan secara rasmi Lembaga Pengarah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Bukan, bukan...

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam masa yang sama dia masih lagi staf ...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Masih sampai sekarang masih staf SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi bila SAP Urus Harta tamat dan keluar daripada projek Taipan? Bila?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 20 hb 8 2008.

Y.B. Tuan Pengerusi: Aaa. Brisdale Holdings telah dijual pada 10 hb 8 2007. Jadi hampir-hampir satu tahun, ataupun 1 tahun kenal? Selepas Brisdale aaa dijual, maknanya pengurusan itu, bangunan itu diuruskan...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: SAP.

Y.B. Tuan Pengerusi: SAP?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Macam mana SAP *survived* pada masa itu? Pada kutipan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa kutipan dia *survive*, waktu tu saya yang menjalankan *Debt Collection*, sebenarnya, tapi...

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi dilantik oleh..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebagai individu lah? Sebagai konsultan? *Free lance consultant* atau pun staf ataupun sebagai syarukat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Syarikat, ADSB masa tu sebagai Identity Outsources. Sampai 20hb 8 jugak, lepas tu tutup selepas tutup tu bulan 11, En. Zamri panggil aa En. Zul kenal kan semua ok ni.. *owner* Salient Wizard dah ada, dah .. dah tunggu, macam mana En. Azman awak minat tak kalau kita, Pandan Jaya dan Taman Indah Kepong biar saya uruskan dan juga Pulau Indah kamu uruskan dengan En. Zul. Kalau takda masalah ok lah saya...

Y.B. Tuan Pengerusi: Identity Outsources siapa lembaga Pengarah nya?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Saya dengan Tuan Haji...

Y.B. Tuan Pengerusi: 3 orang lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 3 orang.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan aaa pada masa itu dilantik oleh SAP Urus Harta. Jadi sekarang ni ok Brisdale Holdings lantik SAP, lepas tu Brisdale Holdings kena gulung. *Bankcrupt*. Lepas tu, dalam masa setahun tu, SAP yang menguruskan bangunan, seolah-olah mengambil peranan Brisdale. Dan melantik Identity Outsources sebagai agen pengurusan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Agen kutipan. Kutipan saja, lain kami tak urus. Masih diuruskan bawh SAP Urus Harta lagi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa terma kepada agen kutipan pada masa itu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa *whatever* yang kami *collect* daripada tunggakan kami akan dapat sebanyak 22%.

Y.B. Tuan Pengerusi: Daripada tunggakan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa peratus tunggakan pada masa itu? Daripada jumlah keseluruhan bulanan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa banyak Tuan Pengerusi. Tunggakan melebihi 80% lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: 80%? Setiap bulan? Siapa patut *contribute* pada bayaran? Kerana pada masa itu INPENS dah takda dah. Tapi ada satu kolej lagi kan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: SEGI.

Y.B. Tuan Pengerusi: SEGI College?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ha..

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia pakai Blok AB?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia bayar.. *rental* dia bayar lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: *Rental* dia bayar oleh syarikat Cantuman Usaha. Saya *transparent*, saya bersumpah bila saya cakap.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa Cantuman tu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: En. Zamri lah, *owner* dia dan En. Raffiei.

Y.B. Tuan Pengerusi: Y.B. Hannah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul saya cakap benda ni...

Y.B. Tuan Pengerusi: Takda, kita nak tahu, ucapkan terima kasih kerana maklumat-maklumat ni sangat berharga berguna untuk kita cerakin kan siapa sebenarnya di belakang masalah yang dibiarkan...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tuan Pengerusi boleh semak kepada SEGI College, En. Shahril dan juga En. Rasidin. Sekarang ni SEGI College masih wujud.

Y.B. Tuan Pengerusi: Masih beroperasi?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Masih beroperasi. Saya ada mesyuarat dengan KPKT, saya ada bentangkan pada Insolvensi pasal bagi saya *unfair* jugak lah pasal saya mengurus sana, saya urus tak pandang duit, ya aaa kira ada 2 agen di sana, saya dan juga Cantuman Usaha. Apabila saya beritahu pada Insolvensi, ok saya kata macam mana SEGI kena bayar *rental*? Buat masa sekarang ni biar dia semak dahulu pasal yang *liquidator* tu, unit-unit yang *liquidator* tu. Tapi sebelum ni memang bawah Cantuman Usaha, setahun saya kat sana, setahun lah *rental* diambil oleh Cantuman Usaha.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Dan di masa kami datang, kami telah dinyatakan oleh dengan semua orang, yang *agreement* kami tak *valid*. Ni *agreement* kami perjanjian kami dengan Cantuman Usaha.. aaa di antara Brisdale Holdings Sdn. Bhd. dan ADSB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya, memang tak *valid* sebab ADSB dah takda... aaa eh Brisdale dah takda.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Waktu dia *winding up* tu terus-terang saya cakap saya tak tahu.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Kiranya sebenarnya kami ni jadi mangsa keadaan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah betul kalau Jawatankuasa menyatakan aaa pihak Identity Outsources diperdaya oleh pihak tertentu? Siapakah pihak-pihak itu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: SAP Urus Harta lah, dan juga..

Y.B. Tuan Pengerusi: Adakah SAP Urus Harta sebagai syarikat ataupun individu tertentu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Waktu SAP Urus Harta saya tak pasti diperdayakan atau tidak tapi waktu ADSB mungkin saya teraniaya lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kata kawan jugak? Kata kawan lama kenal?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Dia ajak saya masuk, saya kenal dengan En. Zamri sahaja . En. Zul pun saya tak kenal En. Raffiei saya tak kenal. Pada masa itu, mungkin saya mengaku saya ada *fund,* modal saya letakkan dalam Syarikat Cantuman Usaha semua duit saya yang masukkan dan juga Pulau Indah tu jugak. Mungkin masa tu saya ada kewangan lah yang saya boleh bantu, sampai lah sekarang.

Y.B. Tuan Pengerusi: Macam gambaran cerita, keterangan yang dibuat seolah-olah projek yang ada di Pulau Indah tu, Armada Putra tu ialah lubuk emas?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Eh tak jugak..

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak la, macam semua labur, syarikat masuk lah apa semua..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Itu saya tak pasti.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu berdasarkan daripada keterangan tadi keterangan menyatakan En. Azman kata En. Zamri ni sebagai *mastermind..*

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Mungkin lah... Tuan Pengerusi, pasal dia kata, saya.. *you* bukak and then kita bukak kutipan, Azman *you* jadi *Debt Collection*, *you* boleh *knock the door* semua, *asked maintenance*, pas tu kita *maintain* balik, saya cakap Ok lah, takde masalah lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Apa kerja sebenar *Debt Collector* ni?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Macam-macam saya buat, saya ketuk pintu..

Y.B. Tuan Pengerusi: Ada macam *bouncer*? (Ketawa)

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: (Ketawa) Saya ikut prosedur la, Tuan Pengerusi, saya akan *call, keep calling* sampai dia *fed-up.* Saya akan buat macam tu, tetapi dari segi Taipan, saya minta maaf sebab di Taipan, kutipan *maintenance* amat teruk sekali, memang diorang tak bayar *maintetance*, pasal dia berkata tak puas hati pasal *late of delivery*, diorang *order* LED daripada *Developers* sebab tu diorang cakap diorang tak puas hati *developers* tak dapat, diorang tak bayar keuntungan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Masa ni, masa ADSB yang ambil, waktu Identity Outsources?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Waktu Identity Outsources pun memang kutipan di Taipan tak bagus.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa yang kutip bayar Taipan masa tu? Masa tu INPENS dah keluar, tinggal SEGI College saja, SEGI College bayar sewa pada.. pada Zamri tadi .. pada ..

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Itu unit Brisdale lah.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Unit Brisdale yang tak dijual.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tidak dijual tapi disewa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Disewa.

Y.B. Tuan Pengerusi: Unit Brisdale tidak dijual tapi disewa tapi Brisdale sudah digulung, sudah *bankcrupt*, Brisdale dah tak buat apa-apa kat situ, yang ambik kutipan sewa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Cantuman Usaha..

Y.B. Tuan Pengerusi: Cantuman Usaha yang dimiliki oleh..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: En. Zamri

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Zamri dan En. Zul?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: En. Raffiei.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Raffiei? Kes berat ni... kemudian selain daripada itu siapa yang patut bayar aaa *maintenance fee*?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Penduduk lah, pemilik.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa orang pada mas itu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 432 orang

Y.B. Tuan Pengerusi: Dia pindah keluar lepas INPESN keluar tak serentak kan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Macam ni Tuan Pengerusi, INPENS dia sewa.. INPENS ataupun SEGI dia sewa kepada *owner*.. disewa daripada *owner*, pemilik individu tu, dia bagi sebulan lebih kurang RM300, tetapi owner tak pernah datang bayar *maintenance*. Ini saya bagitahu realiti di sana lah. Memang semua ni pun takut sebenarnya, sebab Taipan bermasalah tetapi .. takpe kita cuba kita boleh buat saya cakap.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa ratus sewa satu unit yang dibayar oleh INPENS kepada pemilik

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: RM300.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak pernah dengar angka yang lebih besar daripada itu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: *Wallah Huakhlam*, saya tak pernah dengar, tetapi yang saya tahu RM300...

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Mula-mula SEGI RM300 sebulan..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: INPENS dan juga SEGI la, apa yang dia bagi pun yang saya tahu kepada pemilik-pemilik ialah RM300 sebulan, tetapi pemilik tak pernah bayar *maintenance*.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila INPENS sewa dengan satu pemilik, adakah dia buat *individual, individual* punya *agreement*?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: *Yes, between* INPENS ataupun SEGI dengan *owner* sahaja, dia takde melibatkan ADSB pengurusan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu unitlah, kecuali unit yang Brisdale punya?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya. Unit Brisdale sewa tu ke Cantuman Usaha.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dan apa terma dalam *agreement* itu antara INPENS ataupun SEGI dengan pemilik? Dari segi *maintenance*?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Saya baru *propose* dengan pihak SEGI College baru-baru ni dan kami meminta kerjasama daripada SEGI College, SEGI College pun sewa lebih kurang 130 unit, dan kami *still managed* untuk kawasan ini, kami telah berbincang dengan pihak SEGI kalau boleh mintak kerjasama dengan penyewa rumah setiap unityang SEGI sewa, contohnya RM300 sebulan, kami mohon pihak SEGI buat perjanjian baru kepada pemilik, RM250 bayar kepada pemilik, RM50 bayar kepada *maintenance*, agen pengurusan lah untuk menguruskan kawasan itu, tapi belum terlaksana. Pasal dah, gulung tikar, dan kami pun dah disahkan tak *valid*, so benda ni *pending* macam tu sahaja, dan saya boleh bagi satu kepastian lah pasal kutipan setahun daripada Januari 2009 sampai Februari 2010. Ada rekod-rekod dia semua, kami ada. Tapi unit SEGI sewa pun tak bayar *maintenance*.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Terus-terang saya cakap.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sampai sekarang?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sampai sekarang. Sebab tu sana saya kalau nak *maintain* sebenarnya saya.. telahpun tahu sebagai lubuk emas, *whatever* pemaju *spend* apa semua habis macam tu saja.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya la, tapi ... tapi... mesti sebelum masuk dah buat penelitian.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul pasal saya nampak, aaa *base on trust* kepada kawan lah, kita boleh, dia kata kita..benda ni dah ... pasal dia orang lama di sana, pasal dia dah bantu saya juga pada masa tu..

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Zamri?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: En. Zul, *especially* En. Zul, En. Zul pun tahu cerita ni banyak tentang Brisdale semua dia tahu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi dalam keadaan tidak ada GMB, dalam keadaan perjanjian antara INPENS, SEGI dengan individu dibuat cara tak *clear*?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau ada kebocoran tu siapa bertanggungjawab? Kalau kebocoran paip?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: *Maintenance.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya la, *maintenance* siapa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kami lah masa tu, tapi kami ada *repair*, 7 kali kami *repair*, di bawah setahun kami di situ.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ini *as* ADSB ke *or* Identity Outsources?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: ADSB.

Y.B. Tuan Pengerusi: Masa Identity Outcources kat mana?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Identity outsources saya tukar tetap je, semua SAP yang uruskan.

Y.B. Tuan Pengerusi: Siapa yang menanggung kos untuk memperbaki kerosakan dan kebocoran,?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sekarang kami yang buat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak pada masa tu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Pada masa tu sepatutnya SAP Urus Harta lah. Sepatutnya.

Y.B. Tuan Pengerusi: SAP Urus Harta dah tinggalkan, dia dah tinggalkan projek tersebut jadi dia dah pada masa itu, Salient Wizard yang dah ambil alih, Salient Wizard telah melantik ADSB jadi ADSB telah diberikan ruang dan hak oleh Salient Wizard untuk mengambil 20% daripada kutipan sebagai *income*, tetapi segi paip bocor tu siapa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tu saya kata tadi Tuan Pengerusi, dalam masa kami *handle* tu memang ada kebocoran, tapi kami dah laksanakan kerja kami.

Y.B. Tuan Pengerusi: 7 kali?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Pakai daripada collection lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tadi *collection* kata tertunggak? 80%

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Terlalu banyak, sebab tu saya, tu lah saya cakap yang buat ni pun kawan-kawan jugak, saya masih berhutang jugak dengan kontraktor tu saya masih hutang.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kontraktor pun kawan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kawan atas kawan..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tapi *alhamdulillah* saya pun ada juga bayar pada dia tapi tak banyak, saya ada duit saya akan bayar, tapi memang kalau ada kebocoran memang kami akan pergi laksana, kami akan buat lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bagaimana kutipan bil air ya? Maknanya kita, tiada meter pukal, lepas tu ke rumah-rumah ada meter individu jugak kan? Jadi caj yang dibuat oleh ADSB berdasarkan meter *reading* individu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Boleh jelaskan secara *detail* apa proses itu dibuat?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Meter air individu di sana, memang kami ada keluarkan bil setiap bulan tetapi malangnya kebanyakan meter bil air di sini adalah rosak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Meter individu tersebut?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya rosak daripada mula-mula lagi dah rosak.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: kami takda jumlah tertunggak penduduk bil air sebelumnya. *So* tahun 2009 yang saya *track record* ya walaupun saya *new joiner* pada ADSB ni saya tengok *track record* daripada Januari 2009 aaa kami mulakan dengan bacaan '0'. *For the first month* pada bulan Januari kami ikutkan nilainya 123, bulan.. hujung bulan tu kami tengok bacaan dia, ada yang tak bergerak lah, apa lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tanggungjawab siapa untuk jaga, install pasang meter individu yang dekat rumah-rumah? Tanggungjawab siapa untuk pemasangan tu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Pemilik. Pemilik kena hantar aduan sebenarnya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kelulusan kontraktor SYABAS kan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Menggunakan kontraktor yang digunakan oleh SYABAS ya?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi, ini, kalau rosak? Tannggungjawab siapa?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Kami hanya mungkin dari segi *piping* pecah, kalau luar tu kalau bocor kami boleh betulkan, tapi kalau meter tu sendiri kami tak kan uruskan, itu antara *owner* dan SYABAS.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kena tengok terma lah?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: En. Khairul cakap betul lah tadi, memang pemilik.. keterangan-keterangan yang kita dapat daripada pihak-pihak yang dipanggil pun memang pengakuan tu kepada pemilik lah.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Cumanya ada pandangan sepatutnya SYABAS dipertanggungjawabkan jugak di atas *miss information* dan sebagainya, itu, takpa lah. Tetapi dalam konteks ketika mana ADSB mengendalikan sebagai agen pengurusan aaa dan kecuaian daripada pemilik untuk *repair* apakah, tanggungjawab siapakah sebenarnya untuk melaksanakan pembaikian meter-meter individu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Itu tanggungjawab kamilah, agen pengurusan lah.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Tapi kami dah dapat kata putus pada 1 Februari 2009 masa pemotongan air takde tu, bulan 2 tu kami dah kena potong air, *so* kami dah berbincang..

Y.B. Tuan Pengerusi: Bulan 2 2009?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ya, Februari 2009, kalau tak silap saya ada berlaku pemotongan air dibuat oleh SYABAS dan mereka sepatutnya penduduk dah pun ambil satu inisiatif untuk selesaikan masalah ini dan salah satu inisiatifnya kalau boleh kami mohon kerjasama penduduk agar mendapatkan unit meter individu sendiri dan majoriti penduduk setuju. Tapi bila bil dah dibayar, berterusan sambung air senyap. Sehingga bulan 11 berlaku pemotongan sekali lagi masa tu aaa kami dah berbincang naik turun dengan pihak SYABAS, kira saya meminta rayuan daripada SYABAS bagi saya peluang saya jalankan JMB, apa semua kalau boleh bagi kami satu *oppurtinity* pasal SYABAS andaikan minimum RM50000 untuk buka balik air. So saya kata syarikat saya tak boleh menjanjikan apa-apa jumlah nak dibayar kepada SYABAS, dan aa saya minta bagi saya kalau boleh satu peluang untuk berdepan dengan penduduk untuk melaksanakan EGM cari kata sepakat macam mana nak selesaikan masalah itu. Dan dihadiri lebih kurang 200 orang. Dan aa setelah perbincangan itu, kami bersetujulah semua penduduk kalau boleh aaa lebih kurang RM100 kali dengan 200 orang jadi RM20000 dan amaun tu kami akan foward kepada SYABAS untuk jangan potong air kami lah. Malangnya jumlah kutipan yang kami dapat hari tu cukup membanggakan kami.. RM294.00 daripada 200 orang.

Y.B. Tuan Pengerusi: RM294?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Dan sehingga tu lah saya dah cakap dengan SYABAS saya cakap, kami nak tarik diri, apa nak jadi.. jadi.. *starting* daripada Januari, saya dah cakap pada staf saya *starting January, February until now* bil air kita jangan keluar pada pihak SYABAS, saya tak sanggup *and then* saya cek balik akaun saya daripada *day 1 collection*, dari kami masuk, sampai Februari 2010 baru-baru ni sebelum kami *stop* kan khidmat, saya tengok jumlah kutipan untuk Taipan keseluruhan bermaksud air dan juga *maintenance fees* adalah sebanyak RM101,000.00. Keseluruhan, *maintenance fee,* campur *sinking pipe*, campur *water charges,* untuk 3 ni kami dapat lebih kurang RM101,000.00. Dan RM36,000.00 adalah jumlah yang penduduk bayar hanya untuk air. Pembayaran telah dibuat sehingga bulan Oktober, pihak ADSB telah bayar RM60,000.00. So, kami kerugian, lebih kurang *less than* RM30 *thousand* lepas tu saya bincang dengan kerjasama SEGI, daripada bayar ke pihak Cantuman sewa yang dia bayar berapa ribu tu *stop* pasal, ni adalah *liquidator*, kita tak tahu status, *why don't you help us* jumlah sewa tu, bantu kami untuk bayar pada SYABAS. Dan sebab tu lah duit rental tu akan masuk ke SYABAS selama 2 bulan tu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang seratus ribu lebih tadi, itu berapa peratus daripada *actual* sepatutnya?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Maksudnya?

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang seratus ribu lebih tadi, berapa peratus daripada yang sepatutnya dikutip?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Yangs aya katakan jumlah kutipan keselutuhan maksudnya untuk satu tahun, aaa jumlah kutipan air adalah sebanyak RM36, 000.00, setahun untuk keempat-empat Blok. Saya ada laporan, ringkasan saya buat.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kutipan untuk air?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: RM36000.00 yang dah dibayar sehingga Februari adalah sebanyak RM125,000.00.

Y.B. Tuan Pengerusi: RM125 ribu?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Termasuk SEGI dan SYABAS, aaa SEGI dan ADSB.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ada lagi ya Tuan Pengerusi saya bagitahu sedikit. Dalam masa setahun kami jaga daripada bulan 1 hingga Februari 2010 ni, 14 bulan SYABAS kenakan air di bawah pengurusan kami adalah sebanyak RM 285,267.36. Tetapi pihak ADSB dan juga SEGI telah membayar kepada SYABAS lebih kurang RM125, 668.15. dan aaa perbezaaan antara RM285,000.00 dan RM125,000.00 adalah sebanyak RM159,569.21 tetapi untuk kutipan air bagi penduduk selama setahun penduduk bersama SEGI ya RM36,455.92.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ini yang berjaya dikutip lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Berjaya dikutip. Tetapi kami dah *overpaid* pada SYABAS masa SEGI RM125,000.00. SEGI bayar dalam lebih kurang RM64,000.*00 the rest balance* kami yang bayar.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu lah saya nak tahu masalah timbul kerana meter individu tu rosak ataupun tidak ada kaedah lain untuk membuat kutipan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Sebenarnya rosak Tuan Pengerusi, kebanyakannya tak bergerak daripada mula-mula lagi.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Penduduk expect kami nak keluar kan satu unit meter tu kalau 400 unit nak kali dengan RM100, takkan kami nak dahulukan jugak? Kami boleh dahulukan tapi dengan jumlah kutipan air yang mereka bayar pun tak cukup kami nak runding.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi macam mana boleh dapat angka RM36 ribu tu dalam keadaan RM1 untuk 1 unit?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kami keluarkan bil jugak, kami akan *estimate* kalau 2 orang yang tinggal dalam rumah tu dalam sebulan, kami akan caj sebanyak RM15 ke RM18. Tetapi kalau saya pun ada bincang sebelum ni, kalau meter rosak kita nak caj macam mana? Mnimum untuk 1 orang 1 unit, 1 orang yang duduk satu rumah, meter air ialah Rm7 untuk 1 orang. Minimum SYABAS boleh bagi tarif biasa. Tetapi kalau saya kita buat bancian, berapa

tinggal semua, katakan dalam 3 orang, kami caj dalam RM18 ke RM20. Diorang setuju tu yang bayar. Tapi kebanyakan sana, kebanyakan bil air, kami hantar, sana boleh dikatakan 90% adalah penyewa, kami hantar bil ni kepada pemilik, kami pos.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ke unit tu lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tak, ke alamat pemilik.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kata yang guna adalah yang menyewa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya pemilik sebab penyewa tak nak bayar. Kami terpaksa bagitahu pada pemilik. Kita akan bagitahu pada pemilik.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, *route call of the problem* adalah meter yang rosak, meter tu kan meter baru? Projek baru meter baru?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Meter baru? Tak jugak.. meter daripada mula-mula lagi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya la daripada mula-mula.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tak meter di bawah.. di bawah..

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi dia rosak sejak SAP?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya. Kami ambil alih je meter tu dah rosak. Itu kami cakap, *starting January* 2009 kami ambil alih benda, projek ni kami ambik bacaan meter tu memang dah rosak.

Y.B. Tuan Pengerusi: Bila ADSB ambil alih, dah berapa lama penduduk tinggal situ? Dah berapa bulan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Maksudnya?

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya, bila ADSB ambil alih, sebagai agen pengurusan, apa ni INPENS dah pindah, ok? Jadi penduduk masuk balik kan, pemilik unit masuk balik kan? Jadi bila ADSB ambil alih, dah berapa lama aaa penduduk masuk balik, pemilik masuk ke unit.. isu saya berapa bulan diorang tak bayar? Tak bayar bil air?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Pada awal tu kami hantar bil pada pemilik..

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya pengurusan itu tidak meminta pemilik ataupun penyewa rumah tu bayar bil air, bukan hanya bermula daripada ADSB, mungkin bermula pada bulan-bulan sebelum tu kan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itu siapa yang uruskan?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa SAP Urus Harta.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok. Apakah kaedah-kaedahyang digunakan oleh SAP Urus Harta untuk menguruskan bil kepada pemilik dan penyewa itu sama dengan kaedahyang digunakan oleh ...

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya, sama.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi setuju bayar pada masa ADSB adalah mereka yang setuju juga bayar pada masa SAP Urus Harta? Yang tak setuju.. Yang setuju tu berapa peratus daripada penyewa ataupun pemilik?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Dalam 10% kalau tak silap.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ya sebab ada 2 isu satu isu tertunggak oleh sebab ada kebocoran semasa INPENS duduk, itu tertunggak sampailah ditunggakkan kepada pemilik pada hari ini. Ada juga tertunggak oleh kerana bayaran yang tak pernah dibayar oleh pemilik yang dah pindah. Dia ada 2 komponen kan? Itu yang kita nak kena paham tu.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Daripada pemilik yang bayar cuma 15% aje.

Y.B. Tuan Pengerusi: Daripada maklumat yang kita ada pada Jawatankuasa sebanyak RM815 ribu bil tertunggak?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul. RM815 ribu tadi Tuan Pengerusi, waktu saya masuk masa tu dah RM600 ribu lebih. Dan apa yang saya kira waktu saya masuk, SYABAS bil kami sebanyak RM285 ribu di bawah kami punya pengurusanlah. RM285 ribu. Sebelum ni memang di bawah Pengurusan SAP lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya memang bil tertunggak, tolak daripada isu bocor tu sebanyak RM285 ribu lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya dia mula dengan satukiraan baru lah?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tak tak kami *continue* sendiri, kami ada bacaan daripada kami ambil daripada *Statement* SYABAS dari Januari 2009, berapa jumlah yang dia caj jumlah tu kami kira, kami *handle* lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kenapa tak masuk yang RM600 ribu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Tak, kami nak buktikan pada pihak penduduk yang kami yang tempoh setahun yang kami jaga adalah RM285 ribu yang SYABAS caj. Kami *collect* untuk tempoh setahun tu adalah RM36 ribu, saya tak nak la diorang kata kami ambil daripada awal, daripada awal pun mungkin boleh tapi *by quantity* tetap RM36 ribu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak saya nak paham daripada angka RM285 ribu tu dari SYABAS atau pun dari..

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Macam ni Tuan Pengerusi, setiap bulan daripada mula sampai 1 Januari 2009, SYABAS masih hantar bil air, termasuk yang tertunggak, kami punya *current* yang *current* kami handle tu sampai Februari 2010 ni adalah RM285 ribu untuk keempat-empat blok. Yang *current*.

Y.B. Tuan Pengerusi: *Average* sebulan berapa?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Aaa RM6 ribu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi maknanya sejak ambil alih setahun tu angka RM6 ribu satu blok tu kira konsisten lah? Tadi tu lah yang sepatutnya dibayar oleh penduduk?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ya, tetapi tidak dibayar.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kami panggil EGM pada bulan 11 kami panggil EGM yang hadir lebih kurang 200 orang kami mintak *at least* dia *donate* RM100, dan duit tu kami akan hantar kepada SYABAS, mereka bersetuju, tapi tulah dapat RM294.60.

Y.B. Tuan Pengerusi: Berapa orang yang bayar?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: 2.

Y.B Hannah Yeoh Tseow Yuan: Semasa EGM, Ahli Parlimen, Charles Santiago hadir?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ahli Majlis, Irwan pun ada, Ganesanpun ada, mereka ada saksi, Y.B Charles Santiago pun agak baik jugak, cuba *settle*kan RM50000. Kita mintak RM100 pada penduduk yang hadir pada masa itu, tapi ...

Y.B. Tuan Pengerusi: Jadi tak betul lah penduduk menyalahkan isu ini semata-mata kepada kebocoran yang berlaku.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kerana mereka juga yang bertanggngjawab?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Saya minta maaflah ini pendapat saya individu ya? Saya tidak menyatakan mana-mana pihak, ini pendapat saya secara individu, tempoh satu tahun yang saya *observed* daripada *account* ADSB daripada Januari sampai Februari 2010 seperti saya katakan tadi, penduduk hanya bayar RM36 ribu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sejak Januari 2009

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Sejak bil *current* kami daripada SYABAS kalau tuntut satu blok RM6 ribu kalau 4 blok RM24 ribu lah. *So* kutipan itu adalah sebanyak RM1500 contohnya. Kami pergi ke SYABAS dengan RM1500 tu, Blok A katalah *current* dia RM6 ribu, kami collect RM300, yang bayar pun 3 orang, saya jumpa dengan SYABAS saya nak bayar RM300, SYABAS gelak. (Ketawa) Macam mana ni nak ambil RM300, kalau bulan depan RM300, kamu punya *outstanding* RM5700 *so* kamu takde inisiatif ke? Aaa.. Kami balik, bincang balik dengan penduduk apa semua keluarkan bil mintak rayuan, call mintak bayaran, tapi penduduk, kesimpulan saya cakap lah, penduduk tak ambil inisiatif. Pasal apa 90% yang duduk di sana adalah penyewa. Bukan pemilik. Bila berlaku kes macam ni barulah nak bising pada pemilik, dan pemilik akan attack kami. Itu lah kesimpulannya saya boleh katakan di sini lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Dalam temph ini tidak ada masalah kebocoran?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ada kebocoran, tapi kami *repair*, tapi kami bukan *major team.*

Y.B. Tuan Pengerusi: Maknanya tidak meningkatkan bil ya?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Tidak teruk berbanding tahun 2006. Kami ada statement SYABAS daripada awal tahun sampai 2004.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Saya bermesyuarat di Sepang baru-baru ini, aaa Hj Suriani pun ada, dia bagitahu kebocoran tu berlaku pada 2006 melibatkan RM110 ribu SYABAS ada rekod-rekod dialah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Cuba *comment*, pandangan En. Azman dan En. Khairul pandangan tentang isu ini? Penduduk pangsapuri telah mengemukakan laporan bahawa kebocoran paip air di pangsapuri mereka daripada 2005 hingga 2007 telah menyebabkan tunggakan bil air melambung ke RM815 ribu.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Betul. Tapi 2005 hingga 2007 kan? Kami masuk 2009. Dia kena faham *terms and conditions* di situ lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tak.. tak.. sekarang jumlah bil tertunggak berapa?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Sekarang RM800 ribu lebih. Tapi sehingga 2008, 31 Disember 2008, bil tu lebih kurang RM600 ribu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Itulah yang kena dengar betul. Penduduk Pangsapuri Armada Putra mendakwa telah berlaku kebocoran paip air di pangsapuri mereka dari 2005 hingga 2007 telah menyebabkan tunggakan bil air melambung ke RM815 ribu, adakah ayat penyataan ini benar?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Mungkin dia ambil *current* yang terbaru punya. Amaun tu.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Kebocoran tu betul tapi *figure* tu salah Tuan Pengerusi. Sepatutnya...

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Tahunnya betul, 2005 sehingga 2008 adalah sebaynyak RM600 ribu saya bersetuju lah.

Y.B. Tuan Pengerusi: Keterangan ini menyatakan bahawa seolah-olah tidak ada masalah daripada 2007 hingga 2009 dari segi hutang? Sedangkan tadi nyatakan penduduk tadi tak bayar?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ya betul.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Mungkin perlu ambil *figure* terkini Tuan Pengerusi.

Y.B. Tuan Pengerusi: Kalau... kalau dia kata mendakwa berlaku kebocoran paip air di pangsapuri mereka dari 2005 hingga 2007 telah menyebabkan tunggakan bil air melambung ke RM600 ribu?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Mungkin betul.

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Pasal apa saya boleh lampirkan di sini Tuan Pengerusi, SYABAS Statement kami ada berapa bocor, kami aada di sini, bukan saya kata tanpa fakta, kami ada fakta. Dan pihak SYABAS sendiri yang mengesahkan pada tahun 2006 kebocoran berlaku sebanyak RM100 ribu untuk satu bulan. Pembaziran sebanyak RM100 ribu.

Y.B. Tuan Pengerusi: Tapi adakah SAP ada dokumen yang sama?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Itu kami tak pasti, kami dapatkan *figure* tadi untuk bil air tertunggak uuntuk SAP adalah '0'. So kami terpaksa mulakan bacaan baru daripada Januari 2009 adalah nilai '0'.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sebab ada kecenderungan dari segi penduduk hendak *lump sum*kan masalah tu semua kepada kebocoran?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Saya faham maksud Tuan Pengerusi,

Y.B. Tuan Pengerusi: Sedangkan 2 tahun dia tak bayar bil ni?

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Ya betul.

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang itu berjumlah *current* RM285 ribu?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: RM285 ribu yang di *collect* adalah sebanyak RM36 ribu.

Tuan Khairul Azman bin Zainal Abidin: Kalau penduduk kata mcam tu memanglah seolah-olah dia *roughly*, dia takde bayar semua.

Y.B. Tuan Pengerusi: Ok, tolong sahkan, tolong sahkan bil, apa ulasan *comment* ADSB? Adakah bil tu menggambarkan apa yang patutnya dibayar oleh penduduk yang dah pindah? Yang dah balik ke unit masing-masing selepas INPENS keluar?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Penduduk yang dah pindah tu macammana? Saya kurang..

Y.B. Tuan Pengerusi: Yang dah balik ke unit masing-masing selepas INPENS keluar? Itu termasuk daripada yang digunakan oleh INPENS kan?

Tuan Khairul Aznan bin Zainal Abidin: Ya.

Y.B. Tuan Pengerusi: Sahaja ataupun selepas mereka kembali ke unit masing-masing?

LAMPIRAN

Isu Perpindahan

Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS)

ke

INPENS International College

PENDENGARAN TERTUTUP

ISU PERPINDAHAN INSTITUT KEMAHIRAN YAYASAN SELANGOR

KE KOLEJ INPENS

Tarikh	:	18 Ogos 2010
Tempat	:	Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor.

Kehadiran:

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib	-	Pengerusi
Y.B. Tuan Lau Weng San	-	Ahli
Y.B. Tuan Muthiah a/l Pillay	-	Ahli
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan	-	Ahli

SESI PERTAMA: 10.25 PAGI HINGGA 11.40 PAGI

Jemputan:

Tuan Ilham bin Marzuki	-	Pengurus Besar, Yayasan Selangor
Y. Bhg. Datin Sabariah binti Ahmad	-	Timbalan Pengurus Besar (Pendidikan), Yayasan Selangor

---

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Assalammualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi. *Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulilahirabbilalamin, Wassolatuwassala muala rasulihilkarim, waala alihi wasohbihiajmain.* Yang beragama Islam kita mulakan majlis dengan membaca Al-Fatihah. (Bacaan al-fatihah). Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa ABAS, Tuan Ilham Marzuki Pengurus Besar Yayasan Selangor, Yang Berbahagia Datin Sabariah binti Ahmad, Timbalan Pengurus Besar Pendidikan, Yayasan Selangor, Urusetia, Yang Berbahagia rakan-rakan yang saya muliakan. Segala puji dan syukur kita rafakkan kepada Allah subhanahuwataala pada pagi yang berbahagia ini dalam bulan Ramadhan yang penuh berkat kita dapat bersama-sama dalam satu sesi Pendengaran Tertutup Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor khusus tentang perpindahan Institut kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) ke INPENS *International College.* Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Dewan Negeri bagi memantapkan lagi perjalanan Kerajaan Negeri dan Agensi-agensinya termasuk Anak Syarikat dan Perbadanan dalam konteks pengurusan Urus tadbir yang telus, terbuka, bertanggungjawab, berkeupayaan dan bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri kepada rakyat dan kepada Dewan. Jawatankuasa berperanan untuk mengadakan pendengaran tertutup bagi isu-isu yang ada kepentingan awam. Jadi...memandangkan isu perpindahan IKYS ini pernah satu ketika yang tidak lama...baru-baru ini telah dijadikan isu yang besar oleh pihak-pihak tertentu maka ia merupakan *public interest* dan sudah pasti Jawatankuasa ini terpanggil untuk mengadakan satu pendengaran tertutup memanggil yang berkenaan secara langsung..*first hand* jadi kita akan menyediakan laporan, penyata dan jika perlu usul, cadangan kepada Kerajaan melalui Dewan Negeri. Jadi maknanya ini satu lapisan di samping usaha-

usaha pihak kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Eksekutif Pentadbiran Kerajaan Negeri melaksanakan perkara-perkara yang sewajarnya untuk kesejahteraan rakyat dan Negeri Selangor, Jawatankuasa ini telah diamanahkan oleh Dewan untuk memantapkan lagi usaha itu dengan mempunyai pandangan kedua, *second view* dan *first hand research* dan penelitian. Jadi sebagaimana yang saya tegaskan bahawa isu perpindahan Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) ke INPENS merupakan *public interest* dan ...sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan maklumat yang tidak tepat dan tidak betul yang telah tersebar kita berperanan untuk membetulkan, membenarkannya melalui Dewan yang mulia dan nasihat yang akan dikemukakan oleh Dewan melalui Penyata ataupun Usul dan cadangan daripada Jawatankuasa ini sudah pasti akan menjadi komponen penting dalam perkiraan perlaksanaan pihak Eksekutif yang di pimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi sebagai pimpinan tertinggi Yayasan Selangor, Tuan Haji Ilham Marzuki sebagai Pengurus Besar dan Yang Berbahagia Datin Sabariah dipanggil sebagai saksi..kena angkat sumpah hari ini..he he ha ha...arrr sebagai memastikan kita punya rekod tu memang solid, mantap. Jadi silakan.

TUAN ILHAM MARZUKI : *Bismillahirrahmanirrahim.* Bahawasanya saya, Ilham bin Marzuki, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar, bahawa segala keterangan yang saya beri di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar, melainkan benar belaka. Sekian.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: *Bismillahirrahmanirrahim.* Bahawasanya saya, Datin Sabariah binti Ahmad, dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar, bahawa segala keterangan yang saya beri di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar, tiada yang tidak benar, melainkan benar belaka. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih. Kita akan mulakan sesi ini.. mula-mula untuk menjelaskan secara ringkas Yayasan Selangor, fungsi Yayasan Selangor, peranannya kemudian menjelaskan sedikit tentang Bahagian Pendidikan Yayasan Selangor dalam konteks IKYS dan kemudian menjelaskan perjalanan IKYS dan selepas itu baru kita akan bincang tentang keputusan yang telah dibuat untuk memindahkan ataupun perpindahan Institut IKYS ini ke INPENS. Silakan.

TUAN ILHAM MARZUKI : *Bismillahirrahmanirrahim.* Assalammualaikum warahmatulahiwabarakatuh dan Salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Haji Saari Sungib, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya, Ilham bin Marzuki ingin menerangkan serba sedikit fungsi Yayasan Selangor yang ditubuhkan lebih 40 tahun dahulu iaitu pada tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh. Antara matlamat penubuhannya ialah menyediakan prasarana pelajaran bagi murid-murid yang berkemampuan tetapi terdiri daripada keluarga miskin di luar bandar supaya mereka dapat bersekolah di sekolah-sekolah yang semasa itu dipanggil sekolah yang elit di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Jadi untuk memenuhi kehendak itu, Yayasan Selangor telah menubuhkan beberapa asrama pusat. Pertamanya di Persiaran Gurney, di Kuala Lumpur yang kemudiannya dipindahkan ke Kampung Pandan terdiri daripada satu asrama lelaki dan satu asrama perempuan. Kedua-duanya dapat menampung lebih kurang lima ratus pelajar. Asrama kedua didirikan di Klang untuk menampung lebih kurang dua ratus pelajar juga lelaki dan perempuan. Dan Asrama yang keempat di sabak Bernam menampung lebih kurang 150 orang. Antara fungsi pendidikan yang dijalankan Yayasan Selangor adalah menubuhkan satu institusi yang awalnya dipanggil sebagai pusat latihan kemahiran Yayasan Selangor yang ditubuhkan pada tahun dua ribu. Fungsinya adalah untuk memberikan peluang pelajaran kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat Diploma ataupun peringkat *Degree* yang mana mereka diambil dan dilatih kursus-kursus Vokasional atau kemahiran. Begitulah serba ringkas. Ingin juga saya nyatakan, Kerajaan Negeri Selangor sejak dahulu lagi telah bermurah hati menyediakan aset-aset berupa tanah atau bangunan kerana Yayasan Selangor tidak

pernah diberi geran berupa wang ringgit untuk menampung kos-kos pendidikan hingga ke hari ini. Apa yang berlaku, Kerajaan Negeri Selangor bermurah hati memberi tanah umpamanya yang paling awal sekali di Bukit Bintang yang mana telah dibina bangunan dua belas tingkat, ada hingga ke hari ini dan daripada bangunan itu, disewakan kepada penyewa dan duit-duit sewa itu digunakan untuk menampung kos-kos pendidikan dan juga kos pengurusan. Selain daripada Bukit Bintang, kami juga ada bangunan di Kampung Baru dan sebuah lagi bangunan di Petaling Jaya yang mana diletakkan ibu pejabat Yayasan Selangor. Selain pada itu, kami juga membuat berbagai-bagai *joint venture* dengan pihak ketiga yang mana pulangannya juga digunakan juga untuk menampung kos-kos pendidikan yang diamanahkan ke atas Yayasan Selangor. Itulah secara ringkasnya fungsi Yayasan Selangor mengadakan sebanyak mungkin *fund* ataupun kewangan daripada harta yang ada dan membelanjakannya untuk menampung kos-kos pendidikan rakyat Negeri Selangor tidak kira bangsa dan agama, yang pentingnya mereka ini berkebolehan dan datangnya daripada keluarga yang kurang kemampuan. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dari segi sejarahnya, asalnya dia adalah mengumpulkan pelajar-pelajar yang susah, miskin untuk tinggal di asrama di agih-agihkan, di hantar ke sekolah-sekolah elit di Kuala Lumpur. Itu berjalan sehingga tahun dua ribu hingga kepada penubuhan pusat kemahiran. Apa bezanya antara pusat kemahiran dan pendekatan yang lebih awal daripada itu?.

TUAN ILHAM MARZUKI : Ok. Pendekatan awal itu adalah menampung pelajar-pelajar lepasan darjah enam. Maknanya mereka ini, selepas darjah enam akan menyambung pelajaran ke sekolah menengah daripada tingkatan satu ke tingkatan lima. Jadi pelajar-pelajar ini di pilih daripada sekolah-sekolah luar bandar ataupun sekolah-sekolah di persisiran bandar. Umpamanya di Gombak, di Hulu Langat, walaupun ia dalam.. dekat dengan Kuala Lumpur. Jadi, mereka-mereka dipilih, diletakkan di asrama pusat, di beri makan minum dan disediakan pengangkutan untuk diangkut setiap hari, pagi dan tengah hari ke sekolah-sekolah elit umpamanya *Victoria Instituition* , *St. John* dan perempuan er..pelajar perempuannya di hantar ke Assunta, PJ dan juga Sri Aman. Bezanya yang pada tahun dua ribu ini, kita juga err..prihatin akan nasib terutamanya daripada keluarga miskin yang mana anak-anak lepasan SPM ini tidak dapat meneruskan pelajaran ke Institusi IPTA atau IPTS dalam peringkat Diploma atau *Degree.* Jadi dengan keprihatinan ini, maka pusat latihan Yayasan Selangor ditubuhkan pada tahun dua ribu untuk mengutip pelajar-pelajar yang dikatakan tercicir ini dan dilatih kemahiran tapi telah menjadi bukti ..a..apani...program ini sangat baik kerana memang ada permintaan terhadap pekerja-pekerja mahir khususnya di bidang Elektrik dan juga penyejukbekuan..*aircondition..*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang masuk daripada..er..ke pusat kemahiran ni, yang dikutip tadi, adakah daripada lepasan pelajar-pelajar tingkatan satu hingga lima yang telah di taja oleh Yayasan ataupun pelajar lain?.

TUAN ILHAM MARZUKI : Alhamdulillah, pelajar-pelajar yang kita taja dari tingkatan satu dan tingkatan lima tu, keseluruhannya mendapat keputusan yang cemerlang. Mereka ini adalah pelajar yang terpilih daripada UPSR. Jadi selepas PMR dia menyambung pelajaran ke SPM rata-rata tiap-tiap seorang mendapat sekurang-kurangnya tiga atau empat *distintion.* Jadi pelajar-pelajar ini, tak ada seorang pun yang masuk ke institut er..ke pusat latihan Yayasan Selangor kerana mereka boleh meneruskan pelajaran ke IPTA dan IPTS. Jadi

pelajar-pelajar, pelatih-pelatih pusat latihan ni sebenarnya kita kutip daripada sekolah-sekolah yang luar daripada sekolah-sekolah elit di merata Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Haji, boleh saya tanya, pelajar yang diambil masuk ke Pusat Latihan Yayasan Selangor ini, juga termasuk pelajar-pelajar yang tercicir dari segi pelajaran.

TUAN ILHAM MARZUKI : Ya. Kami tidak.. er tidak mensyaratkan dan ianya mesti ada *certificate* malah kalau dia tidak ada *certificate* SPM pun kami terima sebagai pelatih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kalau PMR pun belum habis lagi?

TUAN ILHAM MARZUKI : Ada jugak mereka yang tidak sempat menyambung sampai ke tingkatan lima tetapi kami jugak masukkan mereka. Selagi mana mereka boleh membaca dan menulis.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dari segi Bahagian Pendidikan pulak, boleh beri penjelasan.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Apa yang .. yang Tuan Pengurus Besar nyatakan tadi adalah benar. Tentang..mungkin saya boleh jelaskan tentang penutupan. Er..Jadi, er.. Institut IKYS..Institut Kemahiran Yayasan Selangor telah ditubuhkan atau dimulakan pada tahun dua ribu. Ia bermula dengan sebagai Pusat Latihan Yayasan Selangor dan mula beroperasi di Lot-lot rumah kedai di Taman Melawati Kuala Selangor. Pada mulanya, PL..PLYS telah menjalankan kursus kemahiran Elektrik kategori Pendawai sahaja. Jadi, pada..pada..pada..kita mendapat pentauliahan Persijilan daripada JBE atau Jabatan Bekalan Elektrik yang dikenali sebagai Suruhanjaya Tenaga adalah pada satu Disember tahun dua ribu. Pelatih pada waktu tersebut adalah seramai tiga puluh tujuh orang pada the *first intake*. *Intake* kedua adalah empat puluh sembilan orang. Jadi perbelanjaan untuk mengubahsuai di rumah-rumah kedai sebanyak sembilan ratus tujuh ribu ringgit. Sembilan kosong tujuh enam kosong enam ringgit,. Jadi selepas daripada ..daripada perpindahan daripada..daripada rumah-rumah kedai di Kuala Selangor, pihak Kerajaan Negeri Selangor di waktu tersebut dengan bermurah hati telah membenarkan kita berpindah ke DiBalai. Di DiBalai, kita telah mengubahsuai DiBalai dengan kos satu perpuluhan empat juta iaitu Di Balai itu adalah bekas Balai Polis lama di Tanjung Keramat Kuala Selangor. Pada waktu tersebut, staf..er..anak-anak pelajar-pelajar pelatih pada waktu tersebut adalah sebanyak seratus tiga puluh satu orang pada Disember dua kosong kosong tiga hingga dua kosong kosong lima kita..kita masih tidak memenuhi kuota maksimum sebanyak tiga ratus. Jadi kursus ini tetap sama Kursus Pendawaian Elektrik Fasa Satu, Fasa tunggal PWT..Er..PW2 dan pada masa yang sama jugak kami menganjurkan kursus separuh masa, Kursus Pendawaian PW4. Itu bagi pelatih-pelatih di mana mereka adalah *part time student*, kerja dan juga belajar di hujung minggu. Er...di sini..jadi..*can I proceed*..jadi sepanjang tahun...selepas Di Balai pada tahun dua kosong kosong ...satu hari bulan tujuh dua kosong-kosong lima, IKYS sekali lagi telah berpindah ke Kompleks Belia dan Keusahawanan di Jalan Semarak, di mana pada waktu itu, kami ada kampus, kampus ini dinamakan IKYS bukan lagi PLKYS..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berpindah ke kompleks baru tu..ke Kompleks Belia tu, tukar nama?.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Satu hari bulan tujuh dua kosong kosong lima dengan kos *renovation* dia sebanyak satu perpuluhan...*one point four nine two million also.* Jadi Kampus ini sebenarnya itu adalah kampus yang INPENS pakai ...*I mean* ... yang INPENS gunakan sekarang ni. Jadi...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oo..yang sekarang ini?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Yea.. dulu IKYS dekat situ...

TUAN ILHAM MARZUKI : Urutannya kita ceritakan nanti..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ye..saya cerita ye...pada...pada enam hari bulan dua kosong kosong tujuh.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tempat tu dulu....

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ye..saya..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Dinamakan sebagai...Kompleks Belia

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ye.. Kompleks Belia..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kemudian IKYS....

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Daripada Balai Polis...er..daripada bekas Balai Polis...tapak bekas Balai Polis lama di Tanjung Keramat Di Balai...kita pindah kepada Kompleks Belia yang..yang sekarang ni INPENS ...menempatkan INPENS..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Lepas IKYS berpindah ...kemudian IKYS berpindah keluar

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: ke..haa.. ke Bagan Terap, ha..inilah yang saya ingin meneruskan..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tapi ini semua ni di Kuala Selangor?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ini..Bagan Terap di Sabak Bernam...ini saya ingin menerangkan..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sikit lagi..ketika perpindahan ke Kompleks Belia, adakah Kompleks Belia itu memang tidak pernah digunakan ataupun...

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Memang tidak pernah digunakan...Jadi kami gunakan..kami diberi dengan murah hatinya kerajaan Negeri Selangor diwaktu tersebut telah membenarkan kita menggunakan *because* DiBalai tu agaknya kurang selesala...yelah bangunan agak lama dan kurang sesuai.. Jadi kami mendapat keizinan dan juga.. *anyway..* kelulusan ...untuk berpindah di DiBalai dan kos..kos pengubahsuaiannya adalah sebanyak satu perpuluhan empat sembilan dua juta. Jadi pada enam hari bulan enam dua kosong kosong tujuh, di dalam satu mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, yang diadakan pada enam tujuh dua kosong-kosong tujuh telah meluluskan perkara-perkara berikut. Satu,menyerahkan er...Kerajaan Negeri Selangor menyerahkan kompleks Pertumbuhan Desa

Bagan Terap, Sabak Bernam kepada Yayasan Selangor untuk dijadikan Institut Kemahiran Yayasan Selangor dan yang kedua, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju memberikan peruntukan bagi tujuan kerja-kerja pengubahsuaian keperluan kemudahan dan perbelanjaan dan kos perpindahan dengan jumlah keseluruhan sebanyak tujuh juta empat ratus empat puluh enam ribu sembilan ratus dua puluh ringgit. Jadi pada enam belas hari bulan sebelas dua kosong kosong tujuh, Kompleks...penyerahan Kompleks Pertubuhan Desa Bagan Terap, Sabak Bernam kepada Yayasan Selangor untuk dijadikan Institut Kemahiran Yayasan Selangor yang ada sekarang. Dan Kompleks Belia itu diserahkan kepada INPENS untuk dijadikan Kolej INPENS..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Ini..di Kuala Selangor itu, bangunan di sana...

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : Ye..saya...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Bukankah itu bangunan di bina untuk Kolej..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : Kolej apa itu...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: IK..bukankah untuk tujuan IKYS?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : Di bina ...er...Kolej yang mana tu Tuan...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Yang di Kuala Selangor.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : Di Kuala Selangor...Kompleks Belia tu?

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: IKYS..yang you kata...err...Kompleks Belia

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : Kompleks Belia...itu adalah *formerly it was* Kompleks Belia tetapi apabila tidak digunakan, Yayasan Selangor diberi keizinan untuk menggunakan...mengoperasikan sebagai Institut Kemahiran Yayasan Selangor, IKYS sehingga pada enam belas hari bulan sebelas dua kosong kosong tujuh. Jadi kita berpindah pada ...kita berpindah...ke...pada enam belas hari bulan sebelas dua kosong kosong tujuh ke Bagan Terap dan *we have to surrender the Kompleks to INPENS.*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *You surrender it in two zero zero...*

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : *Seven...seven...*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Bukan...INPENS masuk sana..*two zero zeero eight ke two zero-zero awal two zero zero nine* saja dia masuk sana..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD : Ini...ini...yang dekat sini saya punya fakta di sini kan..dua kosong kosong tujuh..enam belas hari bulan sebelas...mungkin mereka nak masuk dua kosong kosong lapan la Tuan tapi kami yang penting...kami telah menyerahkan ....kami diberi arahan untuk menyerahkan...sebab kita dah terima Bagan Terap kita tidak boleh menggunakan lagi Kompleks Belia sebagai IKYS untuk operasi IKYS. Jadi kalau INPENS tu... dia dia pindah mungkin sampai Januari ke mungkin permulaan...*early two zero zero eight*...sebab kita dah serah

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Two zero zero nine...*

TUAN ILHAM MARZUKI : *May I...may I clarify*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Ha..

TUAN ILHAM MARZUKI : Ahli-ahli Yang Berhormat, *let me put on record*, sampai hari ini IKYS tidak pernah di beri *especially build purpose Complexs*. Dia start dengan rumah kedai di Kuala Selangor, pindah ke Balai dan pindah ke Kompleks Belia dan akhir sekali pindah ke Pusat Pertumbuhan Ekonomi Bagan Terap. *The decision to move to Bagan Terap, from Complexs Belia was made in two o o seven. The actual transfer in Jun two o o eight. Ok. Is that clear Sir?*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Er...*just for record, I went to* IKYS Kuala Selangor pada bulan... kata Ogos ke September dua kosong kosong lapan. Masa itu...masa tu..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: ..masih ada lagi

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Masa itu..IKYS dijalankan oleh Yayasan Selangor. I ada buat sedikit *recomendation* kepada Menteri Besar. Err...tapi itu tidak dilakukan. Masa itu bila I masukpun...sungguhpun kemudahan bangunan itu untuk lebih kurang seribu lima ratus sampai dua ratus ribu penuntut, yang belajar di sana adalah sembilan..sembilan puluh orang sahaja. *Course* yang dijalankan Electrical sahaja. Sungguhpun dah bina workshop, workshop besar..kosong sahaja. Tak digunakan masa itu. I dah buat sedikit *recomendation* kepada Menteri Besar pada masa itu. Semua...bangunan itu cantik, *very good for college..for international college very good* tapi penuntut tak cukup, sembilan puluh orang saja *and first year the certificate I went and gave that...I was invited to gave the certificate..*di bawah IKYS.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: *Erm.. may I interrupt ...*

TUAN ILHAM MARZUKI : Untuk pengetahuan Ahli-ahli yang Berhormat, bukan sahaja tahun dua ribu lapan pelatih tidak memenuhi had maksima, infact sehingga ke hari ini pun tidak sampai had maksima dua ratus pelatih untuk Kursus Pendawaian Fasa 1. Yang ada cuma tidak sampai seratus orang. So daripada dulu benarlah sampai sekarang tidak pernah melebihi lima puluh peratus kemasukan maksima dan semasa Tuan melawat pada tahun dua ribu lapan itu kemungkinan itu adalah zaman peralihan daripada Kuala Selangor ke Sabak Bernam *and at the same time, College INPENS was ready to take over and start its courses.*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Keputusan untuk INPENS masuk bukankah dari Kerajaan ini.

TUAN ILHAM MARZUKI : Kerajaan ini berkuasa selepas March *two zero zero eight.* Keputusan di buat pada tahun dua ribu tujuh untuk IKYS....kan kita dah kata tadi....pada mesyuarat enam hari bulan enam dua kosong tujuh, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan pada enam hari bulan Jun dua ribu tujuh telah meluluskan menyerahkan Kompleks Bagan Terap kepada Yayasan Selangor untuk dijadikan IKYS. *That was done in June two zero zero seven* dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Sorry, I wasn't aware that situation.*

TUAN ILHAM MARZUKI : *It's ok, Sir.*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Because when I went there, the staf infact approach me, they were not kheen on INPENS moving in there. That's when I went to make a study turer and make a turer report complete with drawing, plain and everything, the data was given to me, I compile the complete report and give to MB....*MB pada masa itu. Pada masa itu, INPENS belum masuk lagi. Dia masuk saya ingat pada dua kosong-kosong sembilan, kalau saya tak silap.

TUAN ILHAM MARZUKI : *Infact, I wish to put on record, that your recomendation should have been accepted. If that was the case then there was no need to continue with operation of IKYS...*pertindihan yang ada yang sedang dalam proses ditamatkan. Maksud pertindihan itu, Kolej INPENS jugak menjalankan kursus yang sama yang dijalankan oleh IKYS hingga hari ini.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Bukankah nombor penuntut sekarang lebih kurang dua ribu sekarang...di bawah INPENS...itu report yang kita dapat, saya belum tengok lagi..

TUAN ILHAM MARZUKI : Itu...INPENS mungkin tapi bukan di IKYS..pasal INPENS jugak membuat course-course lain seperti ...INPENS jalankan course-course Electrical, Pembaikan motor, Persolekan, Jahitan, Seem Stresh, Beauty dan memang tidak peliklah pelajar dia memang dapat menjangkau lebih seribu orang. Dan mereka boleh ambik lebih dari itu kerana Kompleksnya sangat besar dan selesa.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Pada masa itu, I buat *recommendation* untuk minta Kerajaan cari swasta..College Swasta ambil alih ini. Itu *recommendation* saya kepada...arr..

TUAN ILHAM MARZUKI : Tapi *at that time*, INPENS..Kolej INPENS kalau tidak silap saya dia berada di Pulau Indah, *they were also encurring very big costs*..nak bayar sewa di tempat yang kita panggil orang kata apa...tempat jin bertendangla..tak ada apa pada masa itu. *So knowing that IKYS has to move to Sabak Bernam they took step to request SUK..I think, if i'm not wrong to occupy that space that will be left by IKYS. That's how College INPENS started the establishment in Kuala Selangor from Pulau Indah.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ok, ini nak..untuk record, betul ye...sehingga kini sampai tempat yang premis sekarang ini, Pusat Latihan YS dan IKYS ni telah beroperasi di empat lokasi..empat premis.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ye betul..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Betul ye..bermula pada tahun dua ribu sebagai Pusat Latihan Yayasan Selangor..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Betul..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Di Taman Melawati Kuala Selangor. Ada kerja renovation bernilai sembilan ratus..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: April dua kosong kosong tiga..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kosong kosong tiga...di situ ada juga kerja-kerja renovation. Satu perpuluhan empat juta..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Satu empat dua tujuh empat satu tiga. To be exact. Satu juta empat ratus dua puluh tujuh ringgit empat ratus tiga belas ringgit..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Satu point empat dua tujuh empat satu tiga. Kemudian kali ketiga, satu Julai dua ribu lima, pindah ke Kompleks Belia.. ada kerja *renovation* satu perpuluhan empat sembilan dua juta...

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Satu sembilan er...yes. *To be exact eight hundred and fourty additional. One four nine two eight four zero.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Eight..eight one zero?*

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: *Eight four zero.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Eight four zero ye.* Kemudian..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Pada..er..Jun dua kosong kosong lapan, baru pindah...tadi i'm sorry tadi I tercakap Julai ...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Arr..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Jun kosong kosong lapan, operasi IKYS telah berpindah ke Kompleks Pertumbuhan Desa Bagan Terap di Bandar Baru Bagan Terap dengan keluasan tanah lima puluh ekar. Renovation ni sebanyak tujuh juta lima ratus satu ribu empat ratus lima ringgit.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi..Jawatankuasa dah...fakta ni dah ada..Cuma Jawatankuasa nak dapat tahu setiap kali perpindahan mesti menggambarkan pertambahan bilangan pelajar dan setiap kali renovation dilakukan jumlahnya makin meningkat, juga menunjukkan bilangan pelajar. Jawatankuasa nak tahu, apakah unjuran-unjuran bilangan pelajar , kapasiti bagi setiap premis tersebut. Unjurannya, rancangannya dan apa yang sebenar.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ok..kerana itulah..Tuan Pengerusi..er..unjuran maksimum pelatih-pelatih sepatutnya berada di ..er..di IKYS pada satu-satu masa...just to break even adalah sebanyak tiga ratus dua puluh dua tetapi malangnya IKYS tidak dapat mencapai pelatih-pelatih sebanyak itu. Maksimum adalah sebanyak seratus sembilan puluh tujuh iaitu pada tahun dua kosong satu kosong, yang terbaru ini. Jadi dengan apa ni...kami telah ..saya difahamkan.. I think I have to very frank with you...kami adalah pengurusan yang baru..dimana..Tuan..Tuan Haji Ilham baru dilantik pada lima belas hari bulan empat dua kosong satu kosong dan juga saya baru ke ibu pejabat satu hari bulan lima..dua hari bulan lima

dua kosong satu kosong. Walau bagaimanapun...melalui data-data tersebut...data-data yang kami ada yang sahih, kami boleh memberi tahu ..Jadi pada..dua puluh empat Mei dua kosong satu kosong di dalam Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor yang kali ke lapan puluh lima bil.2/2010, Yayasan Selangor telah ...apa ni..telah membawa kertas kepada mesyuarat tersebut mencadangkan perpindahan operasi ini kepada INPENS kerana ...dan juga dalam mesyuarat tersebut telah di luluskan oleh...mesyuarat telah meluluskan..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Belum...belum ke situ lagi... saya nak tahu dari segi..setiap kali renovation, perpindahan...renovation tu meningkat..Sudah pasti sebab pindah dan sebab renovation tu kerana pertambahan pelajar kan..mesti daripada tahun dua ribu..dua ribu tiga, dua ribu lima mesti ada unjuran-unjurannya. Jadi Jawatankuasa...nak tahu bilangan yang diunjurkan dari segi maksimum kapasiti dan apa yang dicapai pada masa tersebut?

TUAN ILHAM MARZUKI : Sebenarnya... tiap-tiap kali pindah, *reason*nya bukanlah kerana nak menampung pertambahan pelajar..kerana contohnya, bila pindah daripada yang *last* sekali daripada er...Kuala Selangor ke Bagan Terap. Kuala Selangor tu sebenarnya boleh menampung sehingga lima ribu pelajar. Wal hal di Bagan Terap ni dia adalah satu Pusat ...Pusat Pertumbuhan Ekonomi ,bukan dibina untuk satu Kolej dan..malahan targetnya pun lebih rendah, hanya boleh menampung dua ratus pelajar Elektrik dan dua puluh lima pelajar Air-cond. Jadi tidak ada justifikasi sebenarnya berpindah kerana memerlukan tempat yang lebih besar. Untuk *course*..dia punya apa ni..*fee* pulak..*fee* tidak pernah bertambah. Dari pada dulu sampai sekarang...kita memberi pinjaman setiap pelatih sebanyak tiga belas ribu untuk menampung kos..kos pelatih selama dua tahun. Jadi daripada mula sampai kini memang tidak pernah *break even... for recordla*..dan ini kami akan kepilkan kepada Jawatankuasa.. berapakah capex yang dibelanjakan..berapakah pendapatan yang kita dapat daripada *fee* dan berapakah perbelanjaan operasi daripada mula tahun dua ribu hingga kini.. ingin saya nyatakan *the accumulated loses is closed to eight point four million*. Kita akan serahkan data ni kepada Jawatankuasa.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tak apa, nanti kita kene rekodkan..kene bacakan nanti. Cuma sebelum tu, tadi Tuan Ilham ada menyatakan bahawa perpindahan itu bukan atas sebab nak menampung pelajar yang lebih ramai dan tidak ada justifikasi bagi perpindahan dengan bukti perpindahan dari Kuala Selangor ke Bagan Terap ye. Adakah ini merupakan satu pendirian pengurusan ataupun pandangan peribadi?

TUAN ILHAM MARZUKI : Saya..er diambil masuk ke Yayasan Selangor pada bulan September berbekalkan latar belakang saya yang lama berkecimpung dalam Badan Korporat yang mana saya di ajar, setiap kali kita mengambil langkah kita hendaklah akur akan untung ruginya dari segi kewangan. Jadi ..saya perhatikan sejak bulan empat sampailah ke bulan lima dan perhatikan rekod-rekod yang lepas , operasi IKYS ini menanggung kerugian setidak-tidaknya enam puluh ribu sebulan. Walaupun kami akur bahawa belanja mendidik bukanlah boleh mendatangkan keuntungan..itu kita akur tetapi saya jugak berasa pelik kenapa ada pertindihan operasi pendidikan yang mana operasi ini seharusnya di jalankan oleh mereka yang lebih arif seratus peratus iaitulah Kolej INPENS bukannya IKYS. Itulah pendapat saya yang juga diterima oleh Board of Directors Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya pernah *Board of Dire*ctors ketika itu dipengerusikan oleh Menteri Besar?

TUAN ILHAM MARZUKI : Ye..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Menteri Besar sampai pada menerimalah *conclusion* tersebut?.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ye..dan selepas diterima, barulah kami mengimplementasikannya bulan enam yang lepas..er..tujuh *sorry*..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Haji Ilham, saya ingin bertanya, soalan yang ringkas. Apakah bilangan pelajar yang menuntut di IKYS apabila IKYS berada di Kompleks Belia. Apakah bilangan pelajar...yang paling..paling maksimum dalam mana-mana tahun.

TUAN ILHAM MARZUKI : Pada...sorry..pada tahun dua ribu jumlah pelajar yang berdaftar dengan IKYS adalah seramai seratus sembilan puluh tujuh orang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tahun apa tu?

TUAN ILHAM MARZUKI : Tahun dua ribu... sebelas... er.. sepuluh.. sebelas ... sehingga Jun...oo ini yang terkini...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : ..tak pe-takpe...

TUAN ILHAM MARZUKI : You nak...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Apabila IKYS berada di Kuala Selangor, *what the maximun recrutement that the Institut has ever archived?*

TUAN ILHAM MARZUKI : Maaf..jumlah pelajar pada tahun dua ribu enam.. *to be specific* satu hari bulan enam dua ribu enam, ketika mana IKYS...ok...di Kompleks Belia tu, pelajarnya hanyalah setakat seratus sepuluh orang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Seratus sepuluh orang...

TUAN ILHAM MARZUKI : Emm...Dua kosong kosong enam..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ini merupakan angka yang paling tinggi?

TUAN ILHAM MARZUKI : Yang paling tinggi..tahun dua ribu tujuh...bertambah tiga puluh orang kepada seratus empat puluh pelajar..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok..

TUAN ILHAM MARZUKI : Dan yang paling tinggi adalah tahun ini seratus sembilan puluh tujuh di Bagan Terap.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Tahun dua kosong-kosong lapan?

TUAN ILHAM MARZUKI : Dua kosong-kosong lapan, seratus tiga puluh sembilan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tapi laporan akhbar menyatakan bahawa terdapat dua ratus enam puluh lapan pelajar yang berdemonstrasi di Bagan Terap.

TUAN ILHAM MARZUKI : Angka itu tidak benar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tidak benar?

TUAN ILHAM MARZUKI : Pasal rekod kita pelajar yang berdaftar setakat Jun dua ribu sepuluh hanyalah seramai seratus lima puluh dua orang. Dan data-data ini akan dikepilkan...ditinggalkan kepada Jawatankuasa. Dan untuk pengetahuan err..Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa...sembilan orang daripada yang kononnya merajuk tak nak sambung pulang kembali ke Bagan Terap untuk menyambung kursus.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Tuan Ilham, you pindah kat Bagan Terap, perbelanjaannya lebih kurang tujuh perpuluhan lima juta tapi penuntut tak banyak.

TUAN ILHAM MARZUKI : Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kompleks Pertumbuhan Desa Bagan Terap bolehlah saya katakan *a white elephant. It was meant for Pertumbuhan Desa but nothing happen. This is my own personal opinion, and for that reason I think err.. to create an activity, IKYS was choosen to occupy it. But by doing so, Yayasan Selangor incurred a cost of seven point five million because it was not meant to be a building for an Instituition. It comprise of shop houses, a market, a surau, a hall, a bus station and hundred unit of three bedroom houses. On an area as big as fifty acres. It was not meant to be an instituition.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Macam *township*..kawasan perumahan...

TUAN ILHAM MARZUKI : Ye..dia ada rumah semi-D, pasar..dia ada...boleh melawat kalau nak..kita boleh bawak..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Siapa yang membina dan siapa yang...

TUAN ILHAM MARZUKI : Dia siap dibina pada tahun dua ribu tujuh

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Siapa pemiliknya..

TUAN ILHAM MARZUKI : Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kerajaan Negeri?

TUAN ILHAM MARZUKI : Projek Kerajaan Negeri Selangor...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : *Funded by* siapa..mana-mana GLC ...any GLC yang *funded* atau..

TUAN ILHAM MARZUKI : Kami tak ada maklumat di sini tapi kalau mengikut syarat MMKN pada dua ribu tujuh, ia adalah hak milik Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya, apakah...adakah terdapat apa-apa rekod dalam mana-mana mesyuarat di pihak Yayasan Selangor atau pun Kerajaan Negeri Selangor tentang sebab perpindahan IKYS dari Kuala Selangor ke Bagan Terap. Selain daripada..walaupun Kerajaan pada masa itu mengambil maklum tentang belanjaannya dan kerugian yang bakal ditanggung tetapi apakah sebabnya..

TUAN ILHAM MARZUKI : Minta maaf kami di Yayasan tiada rekod yang boleh dipakai untuk *justify the moved from Kuala Selangor to Bagan Terap except to comply with the decision of the* Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dua ribu tujuh...mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapatkan maklumat itu daripada minit mesyuarat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya *seven point five million ni, cost renovation* untuk kawasan tersebut...bukan ...bukan..pembinaan kos..

TUAN ILHAM MARZUKI : Yes..benda tu dah dibina tapi kerana ia tidak sesuai untuk *classroom*, contohnya kene bubuh air-cond, kene buat lab..pasal rumah kedai turn to lab kedai kene pecahkan dia punye dinding buat *lab so these...all these incurred seven point five million.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : So kalau classroomnye je saje..yang ada sekarang ini yang telah *fully renovated* ...apa semua...err..boleh untuk berapa capasity...

TUAN ILHAM MARZUKI : Oo besar..dia..I think, kalau nak *classroom* sahaja..boleh empat hingga lima ratus orang..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dan hanya seratus sembilan puluh tujuh saja..

TUAN ILHAM MARZUKI : Dan hanya ...tiap-tiap...maksimum seratus sembilan puluh tujuh sahaja. Jadi kalau nak tahu apa cadangan kita sekarang, kita nak turn it to Pusat Bina Insan dan dia tidak akan dibiarkan terbengkalai begitu saja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dari segi tenaga..bilangan tenaga..dipanggil apa.. tenaga pengajar...pegawai latihan ye..dipanggil..pensyarah latihan..berapa orang sejak daripada Taman Melawati..Bukit Melawati?

TUAN ILHAM MARZUKI : *At any one time*, kita ada enam orang *instructer* kita panggil dalam bidang elektrik dan dua dalam bidang air-cond dan penyejukbekuan dan *non-acedemic staff* kita ada empat orang Eksekutif dan lapan orang pekerja-pekerja ...dipanggil bantuan ...apa ni..maknanya jaga, *cleaners, gardener*...pasal tempatnya besar.. lima puluh ekar. Jadi *at any one time* kita ada dalam dua puluh orang mengendalikan tak lebih daripada dua ratus orang kakitangan err..pelatih..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Can u turn it to township* tak boleh jual...tak dapat jual ke rumah semua...ada *bus station*, ada market..semua ada..

TUAN ILHAM MARZUKI : Kalau...saya agak pasal tak dapat jualla kerajaan dulu buat apa ni buat keputusan untuk mengalihkan pandangan rakyat mungkin supaya ada aktiviti di situ. Maka diarahkan IKYS berpindah, itu tanggapan saya. Memang tak ada aktiviti, memang tak ada orang beli pun pasal benda ni di tengah-tengah kampung, orang kampung tu memang dah ada rumah sendiri dan orang luar saya agak tak nak pergi ke situ.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bagan Terap ni pekan besar sekali...yang terdekat mana?

TUAN ILHAM MARZUKI : Pekan terdekat Sungai Besar...*it's about few kilometers* ...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Parlimen...Parlimen mana?

TUAN ILHAM MARZUKI : DUN Sabak.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sabak.

TUAN ILHAM MARZUKI : Dan pekan yang paling dekat, Pekan Bagan Terap. Dia ada *one row of shop houses* dan ada masjid di situ.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Tapi bukankah Bagan Terap kata dalam satu kilometer ke dua kilometer dari Sungai Besar?

TUAN ILHAM MARZUKI : Betul...dia tak jauh dari Pekan Sungai Besar..tak taulah orang tak minat duduk situ..haha..pasal orang lebih berminat duduk di Pekan Sungai Besar because ia tak jauh.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pembangunannya mesti.. kalau amalan Kerajaan Negeri mesti melalui GLC ataupun... ada maklumat..

TUAN ILHAM MARZUKI : Minta maaf, saya tak ada maklumat. Di Yayasan Selangor kami tak ada maklumat. *Company* sapa yang membinanya...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pada masa enam hari bulan enam dua ribu tujuh.. pindah tu, haa dua ribu lapan...masa pindah tu memang dah *complete* lengkap semua siap dah?

TUAN ILHAM MARZUKI : Dah di *renovated* dah baru kita pindah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berapa tahun...berapa tahun siap apabila *renovation* tu dimulakan..

TUAN ILHAM MARZUKI : Keputusan dua ribu tujuh, lepas tu Jun dua ribu lapan dah pindah dah. Maknanya dia buat dalam setahun buat renovation berharga tujuh perpuluhan lima juta. Ini bukan buat bangunan baru...bangunan yang dah ada dia *renovate..refurbished*..taruk air-cond..tukar naco kepada tingkap yang lebih sesuai.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bangunan baru dia *renovate* dengan harga tujuh perpuluhan lima juta..

TUAN ILHAM MARZUKI : Untuk menyesuaikan satu Kolej..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang boleh menampung lima ratus orang pelajar..

TUAN ILHAM MARZUKI : Dan tidak dapat pulak mencapai tahap itu...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa jadi sekarang...memang ada kelas cukupla kalau untuk lima ratus orang..cukuplah..cantiklah...apa semua.....

TUAN ILHAM MARZUKI : Ye..ada..memang...dan cukup bukan saja kelas cukup pulak tempat tinggal kerana ada seratus unit rumah bilik tiga. Saya *imagine* kalau seratus kali tiga dan tiga ratus satu bilik...kalau dua orang sebilik, enam ratus. Jadi memang kita taruk dua orang sebilik. Pasal kalau sorang sebilik tu memang *levish*.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Erm..Masya Allah...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *There was a proposal..by some party if i'm not mistaken to INPENS to introduce the estate management course, estate menagement course. I* dengar dia ada *contact* dengan Estate-estate besar..so dia boleh dapat training sana, pengajaran di sini. Bolehkah ...

TUAN ILHAM MARZUKI : Saya agak sampai sekarang course itu tidak...tidak dimulakan..mungkin ada di peringkat cadangan. Kalau ada pun, Yayasan Selangor tidak berminat untuk memulakan *course* itu dan kita akan sarankan Kolej INPENS *to take it. Otherwise it shall be UNISEL* kalau nak buat sampai tahap degree.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Haji...Tuan Haji Ilham, saya nak tanya, sekarang ini IKYS masih wujud ke tidak?

TUAN ILHAM MARZUKI : Yes, IKYS masih wujud.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ianya di Kuala Selangor..balik kembali ke Kuala Selangor.

TUAN ILHAM MARZUKI : Operasinya diserapkan ke Kolej INPENS Kuala Selangor. Dan kami masih lagi ada pelajar yang akan menghabiskan kursus di Bagan Terap.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Masih ada lagi..

TUAN ILHAM MARZUKI : Masih ada...hingga kini kita ada lagi empat puluh...empat puluh...sorry...ada sembilan puluh tujuh orang course Electrikal Fasa 1 dan dua puluh tiga orang *course air-cond* yang mana perpindahannya akan dibuat berjadual sehingga Disember dua ribu sepuluh ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Maknanye perpindahan itu bukan secara drastik?

TUAN ILHAM MARZUKI : Tidak...tidak..tidak..hanya pelajar kemasukan yang baru sahaja...semester satu terus mendaftar dan memulakan latihan di INPENS.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tapi yang demonstrasi ...ibu bapa guru mengatakan mereka tidak dimaklumkan dengan awal dan keputusan dimaklumkan secara terkejut dan mereka apani...terpaksa...

TUAN ILHAM MARZUKI : Sebenarnya...tuduhan itu tidak benar..kita memang akur..kita memang tahu benda ni tidak boleh dilakukan secara mengejut. Cuma pelajar-pelajar baru sahaja di arahkan berpindah. Pelajar-pelajar semesta dua dan semesta tiga dan empat masih lagi belajar di Bagan Terap.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Akhir tahun inila...

TUAN ILHAM MARZUKI : InsyaAllah..*god ..god willing..we are going to complete the transfer by Disember.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kira manipulasi la..manipulasi media ataupun pihak tertentu yang mengatakan seolah-olah pindah tu sekali gus.

TUAN ILHAM MARZUKI : *Infact it was a cheap manipulation* Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kesudahannya nanti...

TUAN ILHAM MARZUKI : Kesudahannya nanti, kita akan.. *we will stop the* pertindihan dua agensi Kerajaan Negeri Selangor melakukan aktiviti yang sama. Itu akan berhenti sama sekali..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa akan jadi pada err..Bagan Terap..

TUAN ILHAM MARZUKI : Bagan Terap akan kami cadang jadikannya sebagai Pusat Bina Insan yang mana *for record* kita telah mengoperasikan kursus..apa ni Kem PLKN di Ampang Pecah, Kuala Kubu sejak tahun dua ribu empat dan kami telah memohon Kementerian Pertahanan supaya diberikan satu lagi lesen untuk memulakan Kem PLKN untuk Daerah Sabak Bernam. Oleh kerana infrastrukturnya telah siap, kita kira tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak untuk menjadikan pusat ini sebagai Pusat Bina Insan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa status keputusan MMKN pada Jun dua ribu tujuh apabila memindahkan IKYS ke Bagan Terap. Adakah dia sewa, guna ataupun apa status penggunaan tempat tu?

TUAN ILHAM MARZUKI : Ia diserahkan secara percuma kepada Yayasan Selangor. Jadi statusnya masih lagi kepunyaan...*on..on the land title* masih lagi kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor tapi pengoperasiannya *dan maintenancenye* oleh Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ok..kalau jadi keputusan menjadikan Pusat Latihan untuk disewakan kepada PLKN..siapa yang akan dapat hasilnya.

TUAN ILHAM MARZUKI : Hasilnya sebagaimana juga kem di Ampang Pecah akan dapat pada Yayasan Selangor yang mana kami akan gunakan untuk menampung kos-kos pinjaman dan biasiswa.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tapi dua status berbeza..di Ampang Pecah tu memang setelah diserahkan Pengerusi...

TUAN ILHAM MARZUKI : Ampang Pecah pun sama jugak...asalnya adalah Kompleks ...Kompleks Pejabat Daerah Hulu Selangor dan ia agaknya ...yang masih lagi dalam nama Kerajaan Negeri Selangor yang diserahkan operasinya ke Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yelah...di sini mungkin pihak Jawatankuasa ingin menarik tentang Audit nanti...kalau ia tidak menepati amalan pengurusan yang tepat...

TUAN ILHAM MARZUKI : *Infact..*kami ...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : kene ambik langkah-langkah awal untuk memastikan status Ampang Pecah yang dimiliki oleh Pejabat Daerah *ditransfer* dengan betul kepada Yayasan dan Bagan Terap pun begitu.

TUAN ILHAM MARZUKI : Kita *take note of the* saranan, memang kita dah mengambil langkah untuk mendapatkan err..*ownership of the two complex.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Boleh bacakan senarai tadi...yang *accumulated lost* dan sebagainya untuk rekod..

TUAN ILHAM MARZUKI : Kita akan serahkan...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Just one question*...mula-mulanya tujuan pembinaan perumahan itu untuk jual kepada orang bukan...*if that is the case, all substituition has been done..*semua rumah ada title..semua tempat ada tittle la sendiri..

TUAN ILHAM MARZUKI : Ye..tapi title tu masih lagi dalam pegangan Kerajaan Negeri Selangor pasal tak ada orang yang beli...tak transfer lagi..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Title* dah kuar la...title dah keluar la...

TUAN ILHAM MARZUKI : Tapi kita memang cukai apa semua kita bayar..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Cukai patut dibayar oleh pemilik..hehehe...bukan...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya, setakat pengetahuan Tuan Haji Ilham di Daerah sabak Bernam ini adakah terdapat apa-apa pusat atau tempat dikhususkan untuk Latihan Khidmat Negara ini. Setakat pengetahuan kamu.

TUAN ILHAM MARZUKI : Ok..yang paling dekat adalah di Hilir Perak...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Di Hilir Perak...

TUAN ILHAM MARZUKI : Di Selangor bahagian utara tak ada...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Di bahagian...di Daerah Sabak Bernam sahaja...

TUAN ILHAM MARZUKI : Di Daerah Sabak Bernam pun tak ada..Daerah Kuala Selangor pun tak ada...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Maknanya kalau kelulusan ataupun lesen daripada Kementerian Pertahanan ini diberi, ini merupakan PLKN yang pertama di Sabak Bernam.

TUAN ILHAM MARZUKI : Ye..benar.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Apakah anggaran pendapatan ataupun bayaran yang bakal diterima oleh Yayasan Selangor jikalau ini berlaku?

TUAN ILHAM MARZUKI : Mengikut rekod kami di Ampang Pecah, rata-rata pendapatan yang kami boleh perolehi bersih adalah meningkat kepada satu juta ringgit setahun. Ia adalah pendapatan yang agak lumayan.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: *If may I interrupt..*dana-dana yang kita dapat daripada usahasama kita dan juga daripada PLKN semua kan, kita salurkan untuk membiayai pendidikan di mana kita sponsor anak-anak ni dalam bentuk loan kepada IPTA dan IPTS dan juga dermasiswa dan biasiswa kepada anak-anak atau pelajar-pelajar yang kurang mampu di peringkat menengah rendah. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maksudnya tidak ke tahap IPT..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ye saya...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Di peringkat sekolah je ataupun peringkat IPT?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Derma siswa, biasiswa kecil adalah untuk pelajar-pelajar sekolah menengah rendah hingga tingkatan lima. Untuk IPTA dan IPTS adalah..kami memberi kemudahan pinjaman pelajaran.. loan pelajaran di mana kami tidak mengambil interest la cuma *we charge 4% on service once*...sekali sahaja. Maknanya kalau kita bagi *ten thousand four persen from ten thousand once* sahaja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berapa jumlah yang telah di..di..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Lebih kurang dalam enam puluh tiga juta..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dalam tempoh..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Sehingga kini..yang telah kita *disburse* kan kepada anak-anak ye..kepada pelajar-pelajar keseluruhannya Yayasan Selangor dan juga permastautin Selangor..di Selangor..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Enam puluh tiga juta tu daripada hasil mana?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Daripada hasil sewa bangunan, *joint venture*, daripada PLKN, daripada kem-kem dan juga yelah hasil yang kami dapat daripada...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Enam puluh tiga peratus tu....berapa..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Bukan enam puluh tiga peratus...itu daripada mula...daripada di mulakan *ninetheen eighthy eight untill now sixthy three million* kita telah ..telah *disbursed* untuk pinjaman pelajaran.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Enam puluh tiga juta tu...berapa peratus daripada hasil pendapatan keseluruhan?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Ermm...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Lebih kurang...

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Lebih kurang..kalau untuk pendidikan tujuh puluh persen ...untuk operasi pendidikan tujuh puluh persen mesti dihabiskan daripada kita punya pendapatan hasil tahunan..lebih kurang seventhy persen..

TUAN ILHAM MARZUKI : Maknanya belanja mengurus dan pembaikan hanyalah tiga puluh peratus sahaja. Tujuh puluh peratus dibelanjakan untuk scolarship dan pinjaman pelajaran.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Urus setia nanti lampirkan dalam minit ye..Ini yang telah disampaikan tadi ye...jadi daripada perkiraan ini, justifikasi memang mantaplah untuk menamatkan pertindihan operasi pendidikan. Boleh dipertahankan?

TUAN ILHAM MARZUKI : Boleh, InsyaAllah..kerana kalau INPENS tidak ada menawarkan *course-course* begitu, memang ye tidak boleh dipertahankan. INPENS boleh

menawar dan tempatnya pulak belum dapat dipenuhkan sepenuh-penuhnya...dia tak..tak reach the target lagi..tak break even lagi.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Student...student..course simirlar course..*katalah course yang sama...untuk melahirkan ...menghasilkan seorang pelatih yang graduan berapa tahun di IKYS..

TUAN ILHAM MARZUKI : Di IKYS dia mengambil masa dua tahun..tapi dua tahun enam bulan daripadanya adalah praktik.. masa praktikal di luar...jadi

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berapa *cost* terlibat untuk menghasilkan graduan..

TUAN ILHAM MARZUKI : Kita beri pinjaman sebanyak tiga belas ribu yang mana cukup untuk bayar dia punya fee dan juga wang saku.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Untuk *the whole* dua tahun...

TUAN ILHAM MARZUKI : Dua tahun...dan itu adalah sangat murah sebenarnya..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dua tahun enam bulanla ye..

TUAN ILHAM MARZUKI : Dibahagi kepada empat semester..*six month per semester..one semester spend in the industri..in industrial training* dan tiga semester dalam kelas.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ok..kalau INPENS pulak ...untuk *costing* dia berapa...berapa lama untuk ..

TUAN ILHAM MARZUKI : Saya difahamkan INPENS ni dia buat *training* dia...pentauliahannya ada dua sebagaimana saya sebut tadi..pentauliahan kita daripada Suruhanjaya Tenaga... dia mengambil masa dua tahun tapi pentauliahan dari INPENS adalah daripada apa nama..SKM..Suruhanjaya...Sijil Kemahiran Malaysia.. yang mana tahap dia lain..dia ada empat tahap dan SKM tahap pertama, dia dihabiskan dalam masa setahun sahaja. Instead of dua tahun...macam ST

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi kos nye

TUAN ILHAM MARZUKI : Tapi kosnya dua belas ribu lima ratus..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tapi kalau yang dua tahun...ada dua tahun kan

TUAN ILHAM MARZUKI : Dia tak ada...kalau nak ambik tahun dua tu ambik tahap dua pulak sampai ke tahap empat...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanye dia satu tahun ...satu tahap tu dia dah boleh kerja dah...dah laku di pasaran...

TUAN ILHAM MARZUKI : *I think* tahap pertama tu dia hanya dapat apani Sijil tahap pertama sahaja. Boleh apani..boleh bekerja sebagai Pendawai Domestik saya agak. Bukan Pendawai Industri Tiga Fasa..tak boleh lagi..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi maknanye..kalau berlaku ...untuk dua tahun IKYS tiga belas ribu..kalau untuk INPENS setahun dua belas ribu...jadi kalau IKYS pindah ke INPENS ia akan guna rate kadar..kadar yuran mana?

TUAN ILHAM MARZUKI : Ok. Yang cantiknya INPENS ni, pelajar akan ada pilihan sama ada nak mengambil Sijil Pentauliahan Suruhanjaya Tenaga ataupun nak ambil Sijil Pentauliahan Sijil Kemahiran Malaysia yang mana saya percaya nanti.. akan datang ni INPENS akan buat penjadualan semual *fee* untuk *course* Suruhanjaya Tenaga ni.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bukan nanti dia kalau-kalau tidak ada kompromi ditemui..maknanya double la...yuran yang ditanggung oleh Kerajaan kepada pelajar IKYS apabila berpindah..maknanya...dulu ...sekarang ni we talking about enam ribu tujuh ribu setahun..kan..pindah ke INPENS jadi double..dua belas ribu..Jadi macam mana nak selaraskan itu.

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: *If may I interrupt*..di dalam perbincangan kita dan persetujuan bersama di antara INPENS dan juga Yayasan Selangor *because* nak menyerapkan pelajar-pelajar IKYS kepada INPENS, jadi kos atau yuran termasuk sara hidup mestilah sama seperti mana mereka nikmati di IKYS. Jadi pihak INPENS bersetuju. Ok. Kemudahan-kemudahan pinjaman *students*, pelatih-pelatih tersebut mestilah sama dan tidak berubah. Maknanye mereka boleh dan itu memang kami laksanakan. Pentauliahan Sijil mesti adalah sama seperti mana ada di IKYS dan juga di INPENS. Dan itu sememangnya ada dan juga penyerapan staf-staf akademik kepada INPENS mestilah segala kemudahan, gaji dan juga apa berkenaan semasa kenikmatan..kemudahan yang mereka nikmati di Yayasan Selangor mestilah sama dan tidak boleh kurang walaupun satu sen. Dan malah jika mereka...saya difahamkan mereka ditawarkan sekurang-kurangnya lagi satu peringkat gaji..satu gaji...apabila mereka diserapkan ke INPENS tetapi kakitangan-kakitangan pentadbiran akan kembali kepada Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi, dia..penyerapan ini akan berlaku secara bertahap..jadi dia akan melibatkan berapa tahun sehingga tidak ada lagi pengambilan IKYS. Jadi IKYS tak ada intake lagi la..sekarang

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Tak ada..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi berbaki seratus sembilan puluhla..pelajar yang akan diserapkan secara bertahap ke INPENS...ye..tetapi dia akan menimbulkan implikasi kewangan bebanan kewangan.. kerugian dari segi akaun la INPENS dan dia akan cari jalan macam mana untuk menampung perbezaan tu..*the gape*..walaupun dia setuju tapi dia dari segi akaun..dari segi *actualnya* mesti perbelanjaannya akan menanggung satu *amount* kerana dia punye *rate* dua belas ribu setengah setahun..kalau dia terima bayaran separuh pelajar walaupun seratus lebih tapi bilangan itu akan membebankan akaun dia..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Tidak Y.B. sebab apa sijil kami ada sijil Suruhan Tenaga, ST jadi *fees nya sama because the student* semua tu pilih kursus-kursus daripada ST *jadi the fees will be the same*..INPENS tidak akan *incured* satu sen pun lebih daripada yang Yayasan Selangor *incured. Because* di INPENS ..err.. pentauliahan dia adalah daripada Sijil Kemahiran Malaysia, kita bukan Sijil Kemahiran Malaysia..kita Suruhanjaya Tenaga..jadi sekarang INPENS pun akan mengadakan...gabung dengan kita...ST...Suruhanjaya

Tenaga..pentauliahan daripada Suruhan Tenaga. Jadi tidak ada...dan perbincangan kami dengan mereka tidak ada mengatakan bahawa mereka akan rugi atau untung...sama jugak..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Keputusan ini di minitkan atau keputusan tak formal...

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Minit, kami ada minitkan, kami memang ada perbincangan dan minited antara Yayasan Selangor ehh dengan INPENS.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : INPENS ye..

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: INPENS dan Yayasan Selangor..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Siapa yang pengerusikan mesyuarat tu?

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Arr..Presiden, Dato' ..Yang Berbahagia Dato' Maidin dan Dr Aziz, Yang Berbahagia Doktor Aziz..Yang Berbahagia Tuan Haji Ilham, saya dan juga kakitangan daripada INPENS dan kakitangan daripada IKYS termasuk juga Puan Azah, Puan Nasha..Encik Nasharuddin...En Saiful...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Boleh bekalkan kepada Urusetia Cabutan Minit tu

Y. BHG. DATIN SABARIAH AHMAD: Boleh..boleh..boleh..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ada apa-apa lagi?..Y.B. Hannah..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Haa..Jawatankuasa berminat untuk membuat lawatan ...boleh..

TUAN ILHAM MARZUKI : Boleh di atur..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Boleh kita atur ye...pergi daripada Dewan la..hari apa yang sesuai?.

TUAN ILHAM MARZUKI : Kalau nak makan tengahari...kene lepas puasa la..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tak ada masalah, kami musafir...jauh berjalan ..

TUAN ILHAM MARZUKI : Hari apa pun boleh Y.B..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kalau sembahyang boleh jamak maknanya puasa pun.

TUAN ILHAM MARZUKI : Hari apa pun boleh..beritahu jela Y.B. nanti kita *arrange*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ok Baik...Jadi Jawatankuasa mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Haji Ilham dan Datin Sabariah di atas penerangan-penerangan dan penjelasan yang telah diberi..semoga apa yang telah dibuat akan kami rakamkan, rekodkan sebagai Penyata di Dewan Negeri nanti..selepas mendengar keterangan lain.. terima kasih.

TUAN ILHAM MARZUKI : Terima kasih.

(Pendengaran Sesi Pertama Tamat)

PENDENGARAN TERTUTUP BERHENTI SEKETIKA

PENDENGARAN TERTUTUP

ISU PERPINDAHAN INSTITUT KEMAHIRAN YAYASAN SELANGOR

KE KOLEJ INPENS

Tarikh	:	18 Ogos 2010
Tempat	:	Bilik Mesyuarat, Pejabat Dewan Negeri Selangor.

Kehadiran:

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib	-	Pengerusi
Y.B. Tuan Lau Weng San	-	Ahli
Y.B. Tuan Muthiah a/l Pillay	-	Ahli
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan	-	Ahli

SESI KEDUA: 11.50 PAGI HINGGA 2.25 PETANG

Jemputan:

Puan Norazah binti Asari, Eksekutif Kanan IKYS;
Encik Nasharuddin bin Baba, Ketua Pegawai Latihan IKYS;
Encik Idrus bin Mohamed Noor, Pegawai Latihan Kemahiran IKYS;
Encik Mohd. Sallehuddin bin Sumiran, Pegawai Latihan Kemahiran IKYS;
Encik Mohd Saiful Faizal bin Arbain, Pegawai Latihan Kemahiran IKYS.

Y.B TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,* salam sejahtera, selamat pagi. *Bismillahhirrahmannirrahim.* Pendengaran Tertutup tentang keputusan perpindahan Institut Kemahiran Yayasan Selangor ke INSPENS *International College* diteruskan. Untuk makluman yang hadir Puan Norazah Asari, Eksekutif Kanan, Tuan Nasharuddin Baba, Ketua Pegawai Latihan, Tuan Idrus Bin Mohamed Noor, Pegawai Latihan Kemahiran, Tuan Mohd Sallehuddin Bin Sumiran, Pegawai Latihan Kemahiran, Tuan Mohd Saiful Faizal Arbain. Terima kasih kerana hadir. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun, dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor ini ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor untuk membantu pentadbiran Kerajaan Negeri melalui pemantauan Anak-Anak Syarikat, Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri cara yang lebih berkesan dan pertemuan kita sesi Pendengaran Tertutup kali ini khusus tentang perpindahan IKYS ke INPENS yang merupakan satu kepentingan awamlah..jadi *Public Interest* kerana telah digembar-gemburkan dengan satu pandangan dan satu pendekatan yang cukup *high impact,* jadi kita nak dapat satu pandangan yang lebih lurus, lebih tepat, lebih telus dan lebih benar. Jadi tujuannya adalah agar Jawatankuasa ini boleh meneliti cara *first hand* secara langsung daripada keterangan-keterangan yang didatangkan daripada pihak yang terlibat secara langsung dan untuk kami kemukakan sebagai penyata, syor, cadangan dan usul kalau perlu ke Dewan Negeri untuk membantu Kerajaan Negeri memperbaiki perjalanan anak-anak syarikat dan agensi-agensi di bawahnya. Jadi pada pagi tadi kita telah memanggil Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar Pendidikan, Tuan Ilham Marzuki dan Datin Sabariah untuk memberi

keterangan dan sebelum saya teruskan, adakah Eksekutif Kanan dan ini adalah dalam kategori apa? Eksekutif Kanan? Sebelum kita mulakan.

PUAN NORAZAH ASARI : *Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.* Saya Norazah Binti Asari, saya merupakan Eksekutif Kanan di IKYS dalam kategori sokongan.

Y.B TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sokongan ya, maknanya *management*lah bukan dalam *training staff*?

PUAN NORAZAH ASARI : Bukan *Training Staff*

Y.B TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kalau Ketua Pegawai Latihan?

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya ikut gred N41 dan sokongan juga.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang pegawai-pegawai latihan yang lain, kemahiran lain?

PUAN NORAZAH ASARI : Sama

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sama gredlah? Sokongan?

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Grednya tak..

PUAN NORAZAH ASARI : Cuma Encik Nasharuddin dia seorang di peringkat Eksekutif.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih ya... jadi kita perlu.. maknanya tiada masalah memberi keterangan serentak?

PUAN NORAZAH ASARI : Bagi kami tidak ada masalah

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tidak ada masalah ya. Takut silap tekniklah. Kita nak biar ada ketelusan. Rasa maknanya bebas memberi pendapat, pandangan, termasuk pandangan peribadi bebas tapi bertanggungjawab kerana setiap keterangan adalah dibuat di bawah sumpah. Jadi kalau selesa kita boleh teruskan. Jadi tak apa lima-lima orang?

PUAN NORAZAH ASARI : Lima orang saja

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Boleh? Serentak ya? Jadi masing-masing dengar kalau nak..nak tak setuju itu kena beritahulah.. masa peluang bercakap. Jadi kita mulakan dengan setiap seorang mengangkat sumpah.

PUAN NORAZAH ASARI : *Bismillahirrahmannirrahim.* Bahawasanya saya Norazah Binti Asari dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar, bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih.

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Bahawasanya saya Nasharuddin Baba dengan sesungguhnya bersumpah, bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR: Bahawasanya saya Idrus Bin Mohamed Noor dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih.

ENCIK MOHD SAIFUL FAIZAL ARBAIN : Bahawasanya saya Mohd Saiful Faizal Bin Arbain dengan sesungguhnya bersumpah bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih

ENCIK MOHD SALLEHUDDIN SUMIRAN: Bahawasanya saya Mohd Sallehuddin bin Sumiran dengan sesungguhnya bersumpah, berikrar bahawa segala keterangan yang saya berikan di hadapan Jawatankuasa ini adalah benar tiada yang tidak benar melainkan benar belaka.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jawatankuasa minta mana-mana memberi penjelasan tentang latar belakang IKYS dan program-program yang telah dijalankan oleh IKYS sehingga kini.

PUAN NORAZAH ASARI : Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin memperkenalkan Institut Kemahiran Yayasan Selangor. Institut Kemahiran Yayasan Selangor merupakan satu institut yang dikendalikan di bawah Yayasan Selangor bermakna Institut Kemahiran Yayasan Selangor adalah kepunyaan Yayasan Selangor. Pada peringkat awalnya Institut Kemahiran Yayasan Selangor ini sebenarnya dikenali dengan nama Pusat Latihan Yayasan Selangor. Operasinya bermula pada tahun 1998 dan peringkat awalnya dikenali sebagai INPENS. Sebelum dikenali sebagai Pusat Latihan Yayasan Selangorlah dan pada peringkat permulaan INPENS...semasa di bawah nama INPENS institut ini menjalankan kursus-kursus *francais* iaitu kursus-kursus asasi sains Universiti Malaya, kemudian diikuti oleh kursus pra-sains UiTM. Dua kursus itu adalah kursus-kursus *francais* pada masa itu bila pengurusan Yayasan Selangor mengambil inisiatif untuk menjalankan kursus-kursus *francais* ini tapi kursus ini tidak lama kerana selepas Kementerian Pendidikan mengambil alih semua kursus-kursus matrikulasi dan *francais* ini maka tidak lagi dijalankan kursus-kursus ini. Kemudian mulalah dengan kursus yang dijalankan di Pusat Latihan Yayasan Selangor iaitu Kursus Pendawai Elektrik pada tahun 2000. Pada tahun 2000 tersebut ada satu sahaja kursus yang dijalankan di Pusat Latihan Yayasan Selangor iaitu Kursus Pendawai Elektrik yang mendapat pentauliahan daripada Jabatan Bekalan Elektrik iaitu nama yang dulu dan sekarang dikenali sebagai Suruhanjaya Tenaga. Pusat Latihan Yayasan Selangor ini beroperasi pada awalnya di rumah kedai di Bandar Baru Kuala Selangor kemudian pada tahun 2003 kita berpindah ke bangunan atau Kompleks Balai Polis Lama Kuala Selangor sehingga kepada tahun 2005. Di situlah bermulanya Pusat Latihan Yayasan Selangor yang hanya menjalankan Kursus Pendawai Elektrik di bawah JBE tadi. Kemudian pada tahun 2005 bangunan balai polis lama di Kuala Selangor itu kita tinggalkan dan berpindah ke Institut Keusahawanan di Bandar Baru Kuala Selangor. Di situ kita mula menggunakan... Institut Kemahiran Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Namanya.. bukan Kompleks Belia?

PUAN NORAZAH ASARI : Bukan..dia Kompleks Belia Keusahawanan. Bangunan tu kompleks tu.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa sekali lagi?

PUAN NORAZAH ASARI : IKKS

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya institut itu wujud?

PUAN NORAZAH ASARI : Pada awalnya memang wujud

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Institut wujud?

PUAN NORAZAH ASARI : Tapi tidak digunakan, bangunan sahaja dia tidak ada....

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oh namanya dipanggil institut?

PUAN NORAZAH ASARI : Dipanggil Institut Keusahawanan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kompleksnya Kompleks Belia?

PUAN NORAZAH ASARI : Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Teruskan.

PUAN NORAZAH ASARI : Ok daripada situ.. sebab bangunan itu tidak digunakan jadi Yayasan Selangor diberi kebenaran mengambil alihlah bangunan tersebut untuk diuruskan dan di situlah bermulanya Institut Kemahiran Yayasan Selangor dan Kursus Pendawaian Elektrik yang kita buat diteruskan di bangunan IKKS tersebut... sehinggalah pada tahun 2008. Jun 2008 berpindah lagi ke Kompleks Pembangunan Desa Bagan Terap.. pada Jun 2008 sehinggalah kepada sekarang. Itu daripada segi sejarah awal pergerakan perpindahan Institut Kemahiran Yayasan Selangorlah. Ok..bermula daripada Jun 2008 itu juga kita mulakan dengan tambahan kursus yang kedua iaitu Kursus Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara yang mendapat pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia. Dan kita menjalankan kursus untuk tahap satu dan tahap dua. Sementara Kursus Pendawai Elektrik... IKYS mendapat pentauliahan daripada Suruhanjaya Tenaga. Pada masa sekarang ini... bermula pada Jun 2008 sehinggalah kepada waktu ini hanya ada dua kursus saja yang dijalankan oleh IKYS. Tetapi kita juga ada merancang kursus-kursus yang lain cuma tidak sempat dijalankanlah kerana bila ada perubahan kepada pengambilan pelajar yang bermula pada sesi Julai 2010 ini di mana pelajar-pelajar baru dipindahkan kepada Kolej INPENS di Kuala Selangor. Itu serba sedikitlah latar belakang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sejak tahun 2000 hingga 2008 ada empat lokasi termasuk yang sekarang ya. Kemudian boleh jelaskan kepada Jawatankuasa jumlah keseluruhan pelajar sejak tahun 2000 yang telah masuk keluar dan telah *graduate* daripada IKYS termasuk... sejak nama dia Pusat Latihan YS. Kalau ada faktanya setiap tahun.. ada butiran bilangan pelajar setiap tahun? *Graduate* berapa ramai setiap tahun.

PUAN NORAZAH ASARI : Dari segi data *enrollment* pelatih bagi tahun 2000 hingga 2010 kita mengambil kira 2010 sehingga kepada *intake* untuk Januari, kita sudah mempunyai 1407 orang pelatih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Seribu.....

PUAN NORAZAH ASARI : 1407 pelatih yang telah menamatkanlah latihan untuk *enrollment* yang kita ada.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang lepasan pertama bila? Tahun berapa?

PUAN NORAZAH ASARI : Lepasan pertama pada tahun 2001.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya setahun jelah. Setahun masuk...

PUAN NORAZAH ASARI : Dua tahun.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dia mula...

PUAN NORAZAH ASARI : Akhir 2001 lah. Disember

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *The first intake* Januari 2000 lepas itu tamat belajar Disember 2001

PUAN NORAZAH ASARI : Ini disebabkan Kursus Pendawai Elektrik yang kita jalankan adalah untuk pelatih-pelatih yang memang *zero knowledge about electric.* Jadi bermakna daripada lepasan sekolah *so* mereka perlu mengikuti kursus ini selama dua tahun penuh. Tahun pertama, enam bulan yang pertama, enam bulan yang kedua berada di dalam institut, enam bulan ketiga di luar menjalani latihan praktikal, industri dan enam bulan yang keempat itu berada di dalam kampuslah sebagai semester yang terakhir.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi sejak penubuhan dia tahun 2000 hingga 2008 hingga kini tidak lebih daripada 2000 pelatih?

PUAN NORAZAH ASARI : Mengikut *enrollment* kita 21407

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Itu yang dah lepas.. yang masih baki lagi ada 100 lebihkan?

PUAN NORAZAH ASARI : Baki sekarang?

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sekarang...

PUAN NORAZAH ASARI : Ya 130 ada

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi 130 campur 1437

PUAN NORAZAH ASARI : 1437 dan 130 itu hanya untuk jumlah pelajar yang berada di Sabak Bernam sahaja tidak termasuk pelajar yang berada di INPENS.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang dah pindah ke INPENS itu dah....

PUAN NORAZAH ASARI : Kita tidak kendalikan lagi jadi kita tak masukkan dalam *enrollment* kitalah

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang 130 berbaki ini.. bila dia akan selesai semua?

PUAN NORAZAH ASARI : Kita melihat kepada pelajar yang paling muda di situ adalah pelajar semester dua. Pelajar semester dua ini akan berakhir pada bulan Jun 2011.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jun 2011

PUAN NORAZAH ASARI : *Sorry* Disember 2011. Minta maaf

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya setahun setengah lagi.. setahun lebih sikit. Berapa orang itu sem dua?

PUAN NORAZAH ASARI : Sem dua ada 29 orang

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi yang 101 orang lagi?

PUAN NORAZAH ASARI : Sem tiga yang sedang menjalani latihan loji dan juga semester empat pelajar semester akhir sekarang ini yang berada di Bagan Teraplah

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sem tiga akan berakhir...selesai bila?

PUAN NORAZAH ASARI : Sem tiga akan selesai pada bulan Disember 2010.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oh tinggal berapa bulan lagilah.

PUAN NORAZAH ASARI : Hujung bulan ni ...dan pada Januari 2011 dia akan masuk semester empat,akhir

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oh sem empat bila akan akhir?

PUAN NORAZAH ASARI : Sem empat sekarang akan habis pada Disember 2011 ..ehh 2010.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sem tiga dan sem empat akan habis sama?

PUAN NORAZAH ASARI : Sem empat akan habis pada Disember 2010. Sem tiga sekarang, latihan loji akan habis pada Disember 2010 tapi bila masuk sem empat bermakna ada enam bulan lagi *so* dia kena habis pada Jun 2011.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bilangan tenaga pengajar atau *instructorkan* dipanggilkan.. adakah sejak tahun 2000 hingga sekarang bilangannya tidak bertambah ataupun orangnya itu saja?

PUAN NORAZAH ASARI : Ok dia bertambah, kalau dikira semenjak 2000 dia bertambahlah.. sebab sehingga kepada Mei 2008 bilangannya tidak bertambah, 6 orang saja tapi bila masuk kepada Jun 2008 bilangannya bertambah. Untuk tenaga pengajar bertambah 2 orang lagi iaitu untuk tenaga pengajar hawa dingin.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berapa kos operasi bulanan IKYS?

PUAN NORAZAH ASARI : Ini berdasarkan kepada perbelanjaan yang dikemukakan oleh Bahagian Kewangan sehingga Mei 2010. Kos operasi untuk IKYS di sini dicatatkan 164, 687.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Untuk?

PUAN NORAZAH ASARI : Kos operasi sahaja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Setahun?

PUAN NORAZAH ASARI : Kos operasi daripada.. sehingga Mei 2010 lah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sehingga?

PUAN NORAZAH ASARI : Ya sehingga Mei 2010

Y.B TUAN LAU WENG SAN : 140?

PUAN NORAZAH ASARI : 164, 687 ia berdasarkan kepada yang saya dapat daripada Bahagian Kewanganlah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pecahannya apa ini? perbelanjaan. Maknanya sejak tahun 2000?

PUAN NORAZAH ASARI : Tidak, tidak..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tahun ini?

PUAN NORAZAH ASARI : Saya rasa ini kalau ikut di sini hanya sehingga Mei 2010 bermakna tahun 2010 sahaja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Januarilah

PUAN NORAZAH ASARI : Ya

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bagi 1437 pelajar yang dah lepas itu.. dimanakah mereka hari ini?

PUAN NORAZAH ASARI : Sebahagian besarnya sudah bekerja. Ada juga yang bekerja sendiri, ada yang bekerja dengan majikan dan ada juga yang bekerja tetapi bukan dalam bidang yang mereka ambil semasa belajarlah.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Berapa lingkungan umur mereka?

PUAN NORAZAH ASARI : Untuk pelajar-pelajar yang mendaftar pada kita lingkungan umur daripada umur 17 sehinggalah umur lebih kurang umur 25 tahunlah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ada yang *fresh intake* umur 25 tahun pun ada juga?

PUAN NORAZAH ASARI : Ada juga.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi umur dah 30 lebihlah sekarang ini.

PUAN NORAZAH ASARI : Mereka masuk atas dasar mereka dah ada kerja tetapi mereka tidak ada sijil jadi dia masuk seperti pelajar-pelajar yang lepasan sekolahlah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bagi lepasan awal yang baru bekerja, berapa agaknya pendapatan bayaran gaji kalau kerja dengan majikan?

PUAN NORAZAH ASARI : Kalau *basic* RM800 ada

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Boleh dapat?

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Boleh dengan puratanya apabila memegang perakuan itu ini purata di antara Selangor iaitu 950...RM950. Puratanyalah.. Di sekitar Klang dan Shah Alam.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kebanyakannya bekerja di Selangor ataupun keluar Selangor?

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Kebanyakannya Selangor. Kebanyakkannyala...tapi ada segelintir yang ada di Johor dan ada di Melakalah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi kenapa.. harga pasarannya ada? Nilai di pasaran pekerjaannya ada, bagi lepas setahun, dua tahun dah boleh dapat pekerjaankan? Kenapa bilangan pelajar yang masuk tidak meningkat sejak tahun 2000 hingga sekarang tidak melebihi 200 orang setahun? tidak pernahkan..

PUAN NORAZAH ASARI : Untuk pengambilan pelajar kita terikat dengan pentauliahan yang diperolehi. Bagi pentauliahan Kursus Pendawai Elektrik jumlah maksimum pelajar yang dibenarkan diambil bagi setiap satu pengambilan ialah 25.. untuk yang.. 24 *sorry*. Tapi kita sudah gandakan kepada 48 maknanya dua kali ganda di situ untuk setiap pertambahan pelajar mengikut syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga tidak ada masalah untuk pengambilan berapa ramai orang pelajar *as long as* kita boleh menampung kapasiti pelajar itu setara dengan segala kelengkapan yang ada, sama ada kelengkapan dari segi praktikal dan juga kelengkapan dari segi kelas teori. Jadi, di situ kelengkapan yang IKYS ada boleh menampung untuk 48 orang pelajar elektrik pada satu masa. Untuk pelajar-pelajar air-cond pula 25 orang untuk satu sesi pengambilan tapi kita juga gandakan untuk 50 orang.. tidak ada masalah untuk satu masa. Jadi di situ dari segi pengambilan pelajar untuk setiap kali pengambilan kita memang perlu mengikut kuota yang dibenarkan oleh pihak yang memberi pentauliahan kepada IKYS.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tapi kelengkapan kemudahan yang ada sekarang melebihi bilangan itu.. yang ada di Bagan Terap sekarang? Berapa maksimum kapasiti yang boleh ditampung?

PUAN NORAZAH ASARI : Itu dah mencapai maksimum kapasitilah untuk satu masa pembelajaran.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya Suruhanjaya Tenaga tidak ada halangan untuk pentauliahan berapa ramai 200, 300, 400 semua bolehkan?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Minta maaf, saya cuba bagi penambahan penjelasan. Bagi kursus elektrik yang ditauliahkan oleh Kementerian Tenaga ini atau Suruhanjaya Tenaga ini.. di institusi kami dibenarkan pengambilan 48 orang, maknanya yang kita terima daripada tahun 2000 pentauliahan pengambilannya hanya 48 orang satu sesi. Cuma bengkel..er pengajian ini dia 2 tahun. Jadi pelajarnya ada semester satu, ada semester dua dan semester empat yang ada di dalam. Semester tiga dia menjalani latihan loji. Jadi dia punya kemudahan.. maknanya bengkel untuk pelajar itu menjalani latihan untuk semester satu

kita kena sediakan untuk 48 orang kelengkapan penuh. Semester dua pun 48 juga punya kemudahan termasuk dengan semester empat pun 48 juga. Maksudnya begitu. Memang kalau ikut keseluruhan kita punya tempat latihan untuk pelajar itu kita ada 96, tapi itu bukanlah bermaksud kita boleh ambil pelajar 96 orang. Sebab.. pihak Suruhanjaya Tenaga dia akan tengok semester satu berapa *you* punya tempat yang yo*u* boleh isi. Maknanya kalau 48 seperti mana yang kita mohon dahulu maknanya 48. Maknanya bila pelajarnya pergi semester dua yang boleh masuk dalam semester satu itu hanya 48 sahaja. Bukanlah kata ianya boleh ambil sampai 200 ke 300 orang. Di lain-lain institusi juga seperti Institut Kemahiran MARA ataupun Institut Latihan Perindustrian, pentauliahan yang diterima oleh pihak mereka hanya 30 orang sahaja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Siapa yang tetapkan 48?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Suruhanjaya Tenaga.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kerana kemudahan dan kelengkapan yang ada?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : *Yes* waktu itu.....

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sekiranya kelengkapan itu boleh menampung 100 maknanya Suruhanjaya boleh memberi 100?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Dia akan tengok keseluruhan peralatan, tempat latihan, bengkel dia itu, *bay* dia itu mesti lengkap... *complete* baru dia boleh bagi

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kita nak faham dari perspektif begini pula ya. Maknanya adakah Yayasan IKYS tak tambah itu kerana kurangnya permohonan ataupun keterbatasan kewangan perbelanjaan setiap tahun.. mana satu?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Ok dia kalau buat penambahan itu maknanya penambahan dari segi guru perlu ada kalau ikut *rasio* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga mulai daripada tahun 2006, satu guru: 30 orang pelajar sahaja tapi apa yang kita buat di sana ialah kita ada dua guru untuk setiap satu semester dengan 48 orang pelajar. Jadi satu guru dia akan ajar 48 orang itu tapi dia ada dua orang dia akan bergilirlah dari segi PNP nya begitu.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi sambutan tidak ada masalahlah. Maknanya kalau ada keupayaan daripada pihak IKYS untuk membuka pada *enrollment* yang lebih besar maknanya tidak ada masalah untuk mendapat *enrollment* daripada pelatih... begitu?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Setakat ini kemasukan pelajar semasa kami di Kuala Selangor purata kemasukan pelajar ini pada sekitar yang kita dapat pentauliahanlah.. kadang-kadang kita ambil sampai 55 orang.. maknanya pelajar ini ada yang berhenti, ada yang masuk lepas dua minggu dia berhenti, atas faktor dia mendapat tawaran lain dia memilih-milih jadi kita biasanya pelajar itu berkurangan pada 48 juga. Kemudian bila kita berpindah ke Bagan Terap ini, kita bermula balik jadi orang tak tahu kita pindah ,kita buat balik promosi, kita pergi ke pejabat-pejabat ADUN, taklimat kepada ketua-ketua kampung.. kemunculan kami di sana. Jadi dengan sesi yang terbaru ini kita dapat penambahan-penambahan pelajar itu balik seperti mana kami di Kuala Selangor dulu. Jadi dengan bilangan kalau ikutkan pengambilan itu masih 48 campur 25 lah itu air-cond. 73 orang pengambilan dalam satu sesi. Jadi kita ada 2 sesi dalam satu tahun banyak itu jugalah boleh kita ambil.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Encik Idrus berapa tahun di IKYS?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Lapan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sejak awallah? Sejak mula-mula?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Yang mula-mula Cikgu Salahuddin.. tahun 2000

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sejak mula IKYS beroperasi.. sudah mula? Jadi tadi sebagaimana yang Puan Norazah jelaskan sehingga kini dah ada 4 lokasi. Dan setiap kali lokasi itu dia bertambah besarkan? Daripada rumah kedai di Taman Melawati..

PUAN NORAZAH ASARI : Dari segi keluasan.. ya

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maksudnya dia boleh menampung lebih ramai. Adakah maksudnya dia boleh menampung lebih ramai pelatih? Jadi kita kalau boleh nak penjelasan itu dari segi dah lapan tahunkan, sejak awal jadi boleh nampak dia punya rasional, jadi apa pula sebabnya kalau pindah itu maknanya boleh menampung lebih besar kenapa masih terbatas kepada 48 kemasukan?

PUAN NORAZAH ASARI : Di sini sebenarnya kami apa yang kami fikirkan.. pertama sekali bila kami dipindahkan ke Bagan Terap.. seperti kita bermula semulalah.. seperti yang Encik Idrus tadi sebutkan kita bermula semula nak memperkenalkan diri. Tetapi untuk nak memperkenalkan diri pun kita hanya dapat mempromosikan 2 kursus sahaja. Jadi di situ pilihan kursus itu tidak banyak pilihan. Kita ada juga merancang kursus-kursus yang lain dan kursus-kursus ini seperti kursus *charge-man* tetapi ditangguhkan pula. Dan untuk kursus-kursus ini sebenarnya kita lebih menganggap bahawa lebih banyak alternatif itu lebih baik berbanding dengan ramai..ada kuantiti yang ramai tetapi pilihan kursusnya sedikit sahaja. Contohnya ada 2 kursus saja tadilah. Jadi permintaan-permintaan daripada pihak luar selalunya itulah yang ditanyakan. 2 kursus sahaja ke? Jadi itu sebab kita juga ada merancang contohnya kursus *charge-man* itu tetapi bila ditangguhkan maknanya kita masih tertakluk kepada 2 kursus sahajalah. Untuk menampung jumlah yang ramai pada kawasan yang sedia ada sekarang dari segi kapasiti tempat menginap, pembelajaran sebenarnya tidak ada masalah. Tetapi lebih baik sekiranya ada lebih banyak kursus yang dijalankan supaya lebih banyak pilihan itu dapat kita lakukan.. dapat dipilih oleh pihak-pihak pemohon, jadi dengan itu lebih banyaklah sebenarnya kelebihan dia. Jadi saya rasa untuk kursus yang 2 ini saja, kita tertakluk kepada pengambilan 48 orang itu sahaja tetapi kita juga ada memohon sebenarnya untuk mendapat lebih daripada itu tetapi seperti yang disyaratkan oleh Suruhanjaya Tenaga sekiranya kita mampu dari segi tenaga pengajar.....

PUAN NORAZAH ASARI : ...Itu yang tak dapat dilakukan bermakna pengambilan kita terpaksa yang sedia ada sekarang ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Nak tentukan nak tambah kursus-kursus itu, bidang kuasa yang mana membuat keputusan..peringkat yang mana buat keputusan..

PUAN NORAZAH ASARI : Ok di peringkat IKYS kita mencadangkan.. kepada pihak pengurusan tertinggi, pihak pengurusan tertinggi akan membawa perkara itu kepada *board* Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Siapa Pihak Pengurusan Tertinggi

PUAN NORAZAH ASARI : Pengurusan Tertinggi terdiri daripada Pengurus Besar, Timbalan Pengurus Besar dan Pengurus-pengurus Bahagian.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bagaimana cara nak disampaikan cadangan-cadangan itu.

PUAN NORAZAH ASARI : Ok biasa..kalau yang dulu setiap bulan ada mesyuarat pengurusan tertinggi jadi di situ lah... di peringkat IKYS kita buat kertas cadangan, jadi Pengurus Bahagian iaitu di IKYS Pengurus IKYS akan membawa kertas cadangan tersebut dibincangkan di Mesyuarat Pengurusan Tertinggi.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Siapa yang mengetuai *team* di Bagan Terap

PUAN NORAZAH ASARI : Untuk...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Untuk mengadakan mesyuarat dan mendapat pandangan dan cadangan-cadangan kepada *team* di Bagan Terap .

PUAN NOR AZAH ASARI : Pengurus Bahagian

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pengurus Bahagian...siapa Pengurus Bahagian?

PUAN NORAZAH ASARI : Sekarang ini tak ada Pengurus Bahagian, Pengurus Bahagian bersara bermula 1 Julai

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : 1 Julai

PUAN NORAZAH ASARI : 2010

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Baru Sahaja

PUAN NORAZAH ASARI : Baru Sahaja

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi siapa yang memangku

PUAN NOR AZAH ASARI : Tidak ada pemangku

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bagaimana nak menguruskan mesyuarat bahagian... mesyuarat apa semua

PUAN NOR AZAH ASARI : Ok pada peringkat sekarang memandangkan saya adalah yang paling kanan jadi saya diminta untuk mengetuai tetapi tidak ada sebarang lantikan sebagai Pemangku atau sebagainya

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Diminta oleh

PUAN NOR AZAH ASARI : Diminta oleh pihak pengurusan yang tertinggi

Y.B. TUAN SAARI SUNGIB : Secara lisan

PUAN NOR AZAH ASARI : Secara lisan jelah

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tidak ada cara pelantikan bersurat... memang buka prosedur biasa apabila ada kekosongan jawatan yang tidak dilakukan pelantikan segera.. sebelum ini ada pengalaman begitu.. di mana Pengurus..Pengurus Operasi

PUAN NOR AZAH ASARI : Pengurus Bahagian

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pengurus Bahagian ...er..lepas Pengurus Bahagian di panggil executive kanan

PUAN NOR AZAH ASARI : Ye..Eksekutif kanan lepas itu eksekutif seterusnya peringkat bawahan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kalau Ketua Pegawai Latihan.. Pegawai Latihan sebagai apa

PUAN NOR AZAH ASARI : Eksekutif

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi... tapi Puan Norazah bukan *instructer* ye

PUAN NOR AZAH ASARI : Bukan..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang lain semua *instructer*? termasuk Encik Nasha... mengajar

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Saya..sebelum ini mengajar. Pada tahun 2008, saya memegang jawatan Ketua Pegawai Latihan ..saya banyak kepada pengurusan..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi maknanya *team* kalau hari ini *team* yang ada IKYS eksekutif ini untuk eksekutif kanan ada berapa orang?

PUAN NOR AZAH ASARI : Eksekutif kanan saya seorang ..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yelah..peringkat eksekutif berapa orang..

PUAN NOR AZAH ASARI : 2 orang sahaja... sekarang tinggal 2 orang sahaja..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pegawai latihan..

PUAN NOR AZAH ASARI : Pegawai latihan ada 6 orang. Pada peringkat awal ada 8 tapi dengan perpindahan pelajar semesta satu ke INPENS, 2 orang sudah diserapkan ke INPENS dan tinggal 6 orang sahaja..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apakah syor yang telah dibuat oleh pasukan IKYS kepada Pihak Pengurusan Tinggi tentang kursus-kursus yang akan dikendalikan sebelum inilah.. maknanya sekarang ni *just* nak *maintain* ..nak habiskan saki baki pelajar...sebelum ini apa cadangan-cadangan pernah dikemukakan.

PUAN NORAZAH ASARI : Yang terbaru adalah kursus *charge-man* AOA1...tapi ditangguhkan... tapi bila IKYS tiada lagi nampaknya ... saya rasa tak ada langsunglah..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Ini bukan apa...baru, I nampak dari tahun 2000 sampai 2010 *everagenya* 130 orang sahaja belajar di institut. Bila you duduk di Kuala Selangor, bangunan itu besar semua *facilities* ada... memang ada bukan... semua *facilities* ada.. boleh muat lebih kurang 2,000 orang...2,500 orang boleh belajar di sana tapi masa itu pun 90, 100 orang sahaja belajar sana. Apa p*roblem*nya nak dapatkan lebih penuntut..bukan tak boleh dapat ke..apa.. boleh buka semua *course*..sekarang di ambil oleh institut apa.. INPENS, dia dah cari jalan.. dia ada lebih kurang 2,000 orang 1,000 ke 2,000 orang... dia ada.. dia duduk *course make upke*..apa-apa pun lah.. *training skills* kenapa sepuluh tahun tak buat..*you consentret elektrikal* sahaja.. kata 48 orang sahaja boleh.. *introduce* mekanikal motor ..*vehicle repair ..wiring.. motor rewinding..* banyak ada, seribu lebih perkara ada. Apa sebabnya tak dapat jalankan cara itu? Itu yang saya nak tahu.

PUAN NORAZAH ASARI : Sebelum ok.. bagi saya kita mencadangkan tetapi tidak membuat keputusan bermakna kursus-kursus yang di cadangkan sebelum ini tidak diluluskan, jadi itu sebabnya kita tak dapat pertambahan kursus.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Kenapa tidak diluluskan.. *what is the reason behind it*

PUAN NORAZAH ASARI : Untuk alasan itu, saya tidak dimaklumkan oleh pihak ataslah.. atas alasan apa?

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Prosesnya maknanya *team* di IKYS buat diskusi perbincangan, buat cadangan lepas itu kemukakan atau *present* dalam *meeting* Pihak Pengurusan Atasan.

PUAN NORAZAH ASARI : Aa.. begitu lah

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Buat pembentanganlah.. tapi apabila pembentangan dibuat maknanya setakat itu lah maknanya tak ada perbincangan hingga menanti satu bentuk keputusan

PUAN NORAZAH ASARI : Dari segi pembentangan itu, biasanya yang terlibat... akademik dan latihanlah.. bila da sebarang kertas cadangan, kertas cadangan itu dibincangkan di peringkat IKYS kemudian bila di peringkat atasan seperti yang saya sebutkan tadi Pengurus Bahagian yang membawa kertas cadangan tersebut. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa yang menjelaskan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi hanyalah Pengurus Bahagian, *so* tenaga pengajar apa semua ..di Peringkat Bahagian itu sahaja, bila membuat kertas cadangan. Tapi di peringkat atasan maknanya adalah menjadi tugas kepada Pengurus Bahagian untuk menjelaskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi tentang cadangan-cadangan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Maknanya bila pembentangan di Peringkat Bahagian dia tak sampai ke kepada Pengurus Besarlah..sampai di Pengurus Bahagian.

PUAN NORAZAH ASARI : Pengurus Bahagian yang akan menjelaskan kepada Pengurusan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sejak IKYS diwujudkan Pengarah.. Pengurus Besar IKYS Yayasan Selangor hanya 2 orangkan.. Haji Takril dan hari ini Haji Iham... ada lagi?

PUAN NORAZAH ASARI : Semenjak IKYS...Di peringkat awal penubuhan.. Dato Zulkarnain..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ooo ada tigala..

PUAN NORAZAH ASARI : Ada tiga

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Lepas itu.. berapa orang Pengurus Bahagian?

PUAN NORAZAH ASARI : Pengurus Bahagian... untuk IKYS... untuk IKYS ke untuk keseluruhan pendidikan..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Keseluruhan..

PUAN NORAZAH ASARI : Keseluruhan pendidikan bermula daripada Tuan Haji Ishak Joned, itu semasa IKYS dah adalah Tuan Ishak Joned, kemudian diikuti oleh Encik Kasmuni ,selepas Encik Kasmuni dah tak ada dah..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang Datin Sabariah ini apa?

PUAN NORAZAH ASARI : Datin Sabariah.. dulu seingat saya dia kewangan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ia lah sekarang ini dia kan

PUAN NORAZAH ASARI : Sekarang Timbalan Pengurus Besar Pendidikan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Timbalan Pengurus Besar Pendidikan ...maknanya dia yang *incharge* tentang IKYS..

PUAN NORAZAH ASARI : Ye saya.. maknanya di bawah Bahagian Pendidikanla..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa lagi pendidikan... aktiviti pendidikan selain daripada IKYS

PUAN NORAZAH ASARI : Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor untuk pengambilan pelajar tingkatan satu ke asrama-asrama pusat dan asrama-asrama daerah..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tingkatan satu sampai tingkatan lima kan?

PUAN NORAZAH ASARI : Pengambilan tingkatan satu sahaja dan tingkatan empat selepas PMR

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ok, itulah satu dengan IKYS, dua aktiviti pendidikan..

PUAN NORAZAH ASARI : Pendidikan...Kem Bina Semangat lebih kepada program- program perkembangan pembinaan insan

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Itu tidak bawah pendidikan?

PUAN NORAZAH ASARI : Sekarang di bawah pendidikan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi tigalah... bagaimana proses membuat keputusan di Yayasan Selangor dalam konteks IKYS

PUAN NORAZAH ASARI : Proses membuat keputusan.. kalau berkaitan dengan IKYS bermakna sekiranya ada apa-apa perkara isu atau sebagaimananya masalah akan dibawa di peringkat Mesyuarat Bahagian bermakna mesyuarat kakitangan IKYS, kemudian daripada situ setiap bulan kita ada laporan bulanan IKYS dan laporan bulan ini akan disampaikan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi melalui pengurus bahagian. Dan di situ kiranya ada apa-apa isu masalah atau sebagainya berkaitan dengan IKYS akan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan keputusan nya dibuat oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi dalam perspektif.. dalam bahagian pengurusan yang ada ini unjuran ke depan sebelum keputusan dibuat, adakah IKYS ini dua institut yang berpotensi untuk terus berkembang pada masa-masa yang akan datang?

PUAN NORAZAH ASARI : Bagi kami.. ya

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa alasan-alasannya?

PUAN NORAZAH ASARI : Kita sudah mula dikenali dan ini dapat dibuktikan dengan pengambilan terbaru sesi Julai, kita 78 orang yang masuk untuk semesta pertama. Di situ lah kita mula mengambil pelajar-pelajar yang dengan bilangan yang lebih ramai dan kita cuba menyusun..menyusun dari segi tenaga kakitangan dan sebagainyalah. Jadi di situ *feedback* yang kita dapat daripada masyarakat juga amat baik walaupun dalam tempoh 2 tahun kami berada di Sabak Bernam, *respond* dan maklum balas yang kita dapat daripada kawasan persekitaran sangat memberangsangkan. Jadi kami rasa kami ada potensi sebenarnya untuk berkembang tetapi ini patut di susul juga dengan pertambahan-pertambahan kursus yang lain sebagai satu alternatif yang lebih meluaslah kepada pemohon – pemohon untuk masuk ke IKYS. Dan satu lagi kekuatan kita adalah kursus yang kita tawarkan mendapat pentauliahan daripada Suruhanjaya Tenaga untuk kursus elektrik dan kursus air- cond daripada kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Bangunan Kemahiran jadi itu kekuatan yang kita ada. Selama ini rekod yang kita perolehi daripada pelajar-pelajar kita terutamanya lepasan-lepasan Kursus Pendawaian Elektrik di bawah Pertauliahan Suruhanjaya Tenaga amat baik dan IKYS sebenarnya sebagai satu Pusat Bertauliah. Pusat Bertauliah bermakna daripada mula kursus itu dijalankan sehingga kepada sama ada secara teori, amali dan sebagainya sehingga kepada peperiksaan, semua di jalankan di IKYS. Jadi itu lah kekuatan yang kita ada dan di situ saya rasa kalau diteruskan InsyaAllah dia akan berkembang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bagaimana pandangan Pegawai Latihan. Kalau boleh kita minta setiap yang hadir bagi pandangan.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Bismilalahirahamnirahim, yang pertama pada pandangan saya lah, selama 8 tahun berkhidmat di Institut kemahiran dan antara lain tugas saya juga ialah membawa pelajar semesta akhir melawat dan saya kerap sebenarnya melawat

institusi-institusi lain di seluruh Semenanjunglah. Apa yang saya lihat bagaimana sebuah institusi ini di*managekan*, kursus-kursus ini dia akan di tengok kesesuaian mengikut pasaran kerja. Apa yang dinasihatkan sama ada daripada Kementerian Sumber Manusia. Jadi kursus itu dibentuk dan dibina di Peringkat Kementerian Sumber Manusia dan dinamakan dan diberi kepada Pusat Bertauliah yang untuk menjalankan bagi melahirkan tenaga mahir tadi dan kami di institut kemahiran sebenarnya apa yang ada ialah dua penyusunan.. maksud saya satu *management* Institut Kemahiran, yang kedua ialah tenaga-tenaga pengajar bagi kursus-kursus. Dan kami bagi yang ada ni sentiasa cuba membantu walaupun kami memang tugas hakiki kami mengajar pelajar bagi jurusan elektrik tapi walau apa sekali program, apa sekali benda yang diminta pandangan kami akan bagi mengikut.. jadi ada kelemahan juga dari segi kaedah macam mana kita nak memulakan kursus tersebut. Dari segi kos bahan, kesesuaian, keperluan peralatan mengikut pentauliahan, jadi daripada dulu kita juga ada mencadangkan untuk satu-satu jawatankuasa atau pun ahli lembaga di peringkat institusi-institusi itu sendiri yang terdiri daripada tenaga-tenaga pakar dalam bidang industri untuk di bangunkan... tapi sayang suara ni tak..tak sampai ke peringkat atas atau pun sampai tapi tak jelas seperti mana dengan pengurusan yang dulu, setiap kali di tanya kenapa IKYS tak ambil 100 orang pelajar, kita jelaskan pentauliahan 48, jadi di samping itu saya cuba nak menambah pegawai saya kepada Tuan IR Muthiah, 10 tahun mengapa tak tambah kursus. Sebenarnya kursus ini kira mencadangkan tak tahu kertas kerja yang ke berapa kami buat bersama maksudnya, hantar... tapi kami tak pasti penyampaian itu kepada Pihak Pengurusan Tertinggi itu.. maknanya pertama kita apa yang kami boleh buat ialah mencadangkan kursus di peringkat kami kemudian kami perlukan *out source* pihak luar untuk menasihatkan macam mana kursus itu kita nak buat... sama ada kita cuba minta tenaga –tenaga pelajar di institusi lain menjadi salah seorang kita punya panel atau pun orang yang mahir dalam bidang tersebut kemudian kita boleh minta... tapi tak sampai benda itu. Jadi kita boleh cadangkan kita nak buat kursus contoh, macam tuan kata *repair* motosikal. Itu yang ...yang..tapi kami nak buat, kami cuba dapatkan *related market*. Apa yang kesesuaian tenaga mahir, kita tak nak buat nanti dia menjadi lambakan dalam pasaran, tak ada kerja, jadi tak potensi pergi kursus jadi kursus ini kita cuba nak cuba-cuba tapi nampak tak capai sampai hari ini. Jadi itu sebab kemahiran walaupun umurnya dah 10 tahun kursusnya masih lagi dua. Jadi pada saya Institut Kemahiran ni seperti mana kalau yang tuan tengok di INPENS dia ada sebelas kursus dan INPENS ni juga asalnya ialah Kolej INPENS Yayasan Selangor. Mula ditubuhkan pada tahun 96 kemudian tahun 2000 di *separatekan* kerana pentauliahan kursus elektrik yang diterima kepada Yayasan Selangor.. dia tak boleh diberi kepada Kolej INPENS. Jadi oleh sebab itu kursus elektrik ini masih kekal bawah Yayasan, satu yang tinggal..yang lain itu kursus masa itu kursus pra-sains..jadi dia boleh bawak kursus itu tak ada masalah tapi yang kami ini tak boleh bawa sebab pentauliahan tadi diberi pada Yayasan, Kolej INPENS tak boleh bawa. Jadi menambah jugak jawapan tuan tadi ialah empat kali pindah, kami di bandar baru tu dulu, sewa bangunan rumah kedai, jadi bagi mengurangkan kos tadi, Yayasan Selangor menerima Kompleks DiBalai..Balai Polis lama Kuala Selangor. Kami pindah ke sana..pindah ke sana setelah agak uzur bangunan tersebut yang berumur 100 tahun, reput, anai-anai, kos nak membaikinya agak tinggi, jadi Kerajaan Negeri menawarkan bangunan IKK atau di panggil dulu asal penubuhan Institut Kemahiran Keusahawanan. Jadi Yayasan menerima tempat tersebut dan kita berpindah ke sana pada tahun 2005. Dan waktu itu pun kita mencadangkan macam-macam kursus juga tapi sehingga ada robotik kita mencadangkan, ada kertas kerja ada MOU dengan satu syarikat KU, dia adalah salah satu pemegang lesen robotik yang dikeluarkan daripada Korea dan Jepun ataupun vendor kepada Proton dan Perodua tapi

saya tak nampak kenapa kursus tu tak berjalan, apa masalah di situ, cuma waktu itu konsep yang digunakan ialah konsep royalti.. waktu itu dipakai, pengurusan bersetuju membayar royalti bermaksud ada usaha sama yang pihak kedua ini perlu memberi apa bentuk *equipment* untuk latihan dan beberapa lagi perkara yang dijanjikan dan royalti bayar berdasarkan yuran pengajian pelajar .. tak silap saya ada tujuh kursus yang diluluskan sehingga dalam *board meeting* pada tahun tersebut. Tapi sampai hari ini tak jalan juga, jadi kami sebenarnya di institut kemahiran tak nampak sebenarnya yang menjadi kekangan, adakah di waktu itu dengan masalah kewangan tak cukup ke atau pun... tapi kita tak dimaklumkan dan kami kekal terus berjalan dengan kursus yang ada dan bila datang pengurusan yang baru, Encik Ilham, dia kata kami mengalami kerugian Institut kemahiran operasi deposit 60,000 sebulan, tanpa kami ditunjuk apa benda, di panggil untuk diberi penjelasan dan Pengurus Besar juga ada meminta Encik Nasharuddin bersama dengan kami ini semua buat kertas kerja kemudian Encik Nasharuddin sendiri yang pergi untuk membuat beberapa unjuran berkenaan dengan institut kemahiran ni supaya benda itu boleh jadi *break even*, tapi sedihnya dalam mesyuarat *board* yang dibawa itu, dia mencadangkan untuk kemahiran ditutup dalam mesyuarat *board* tersebut. Dan bila mesyuarat *board* itu saya tak pasti jawapannya ada 2 satu kata kaji satu lagi kata tutup.. itu setakat itu saya punya pandangan .

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Encik Saiful.

ENCIK MOHD SAIFUL FAIZAL ARBAIN: Assalamualikum dan salam sejahtera. Saya sebagai pengajar di kursus penyaman udara setakat ini tempoh kursus ini masih baru lagi, baru setahun *start* mula pindah nya di Bagan Terap bermula tambahan kursus iaitu kursus *air-cond* di bawah pentauliahan Jabatan Permohonan Kemahiran di bawah di Kementerian Sumber Manusia yang menawarkan kursus tahap dan tahap dua di mana tenaga pengajar, saya salah seorang pengajar yang untuk sem satu dan juga sahabat saya untuk sem dua. Untuk kapasiti *time* itu, bilangan sesi pertama lebih kurang 14 orang, *first* baru buka. Kemudian apabila *in take* tahun ini.. baru naik bilangan itu bertambah.. tapi malangnya dah berpindah pelajar tersebut ke Kolej INPENS. Itu setakat ini dan untuk permintaan kursus air-cond *majority yang first batch ni* baru gred majoriti semua dah bekerja dan salah seorang dah buka *workshop* sendiri...so 14 orang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Encik Saiful tentang potensi-potensi kursus di IKYS?

ENCIK MOHD SAIFUL FAIZAL ARBAIN: Potensi untuk IKYS, untuk maklum kita dapat lagi pentauliahan di bawah CIDB. Dapat tambah lagi IKYS ada 3 pentauliahan, so perjalanan untuk pergi ke depan itu sangat cerah sebenarnya di mana sijil yang kita keluarkan di IKYS contohnya kursus *air-cond* boleh dalam tempoh yang sama dua sijil yang dikeluarkan di bawah Kementerian Sumber Manusia,JPK dan juga CIDB iaitu sijil kecekapan kemahiran. Itu salah satu market sebenarnya, akan datang kementerian di mana pelajar-pelajar tersebut yang ada pentauliahan sijil JPK boleh menyambung diploma..diploma itu sendiri di mana baru-baru ini saya itu pergi seminar di CIAST di mana kerajaan mengurangkan buruh–buruh yang ada ini untuk gantikan pelajar-pelajar yang ada kemahiran di mana satu tahun nanti dia akan ada lesen makna bengkel ada lesen. Itu sijil kemahiran, itu kita banyak sebenarnya di IKYS ini saya lihat.. walaupun saya baru lagi, saya tengok banyak kita membantu pelajar-pelajar yang susah.. tak ada *choice* untuk ke mana tapi kita membantu di mana saya dah mencuba untuk 14 orang yang di *first batch* ini hasilnya market tak sampai habis dah ada syarikat menawarkan dia kerja... itu

menunjukkan potensi untuk IKYS membangun lebih ke depan sangat cerah. Itu sahaja.. terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Encik Sallehuddin silakan

ENCIK MOHD SALLEHUDDIN SUMIRAN: *Bismillahrohmanirrohim.* Assalamualikum dan Salam Sejahtera pada semualah. Pada saya.. cadangan saya lah, sekiranya IKYS mempunyai satu seperti Kolej-kolej lain seperti R&D ataupun bahagian untuk pengambilan, *research* apa-apa jenis kursus.. dia akan nampak lebih ke depan dengan *fasilities* yang ada tetapi tempat kita sendiri..macam IKYS itulah staf tenaga pengajar.. itulah untuk promosi membantulah dari segi promosi dan sedangkan kakitangan di situ untuk Bahagian Promosi hanya.. tak silap saya hanya satu atau pun dua orang sahaja. Itupun termasuk Bahagian HEP. Yang saya nampak sebab saya sendiri turun padang untuk Bahagian Promosi pada tahun lepas, di Kuala Langat, di Kuala Langat saya berjumpa dengan Ketua-Ketua Kampung dan Penghulu yang ada di sana.. di daerah sana lebih kurang dalam enam puluh lebih dan mereka macam terkejut yang mana bila ada sepuluh tahun baru dia orang nak..tahu ada IKYS ni dan apabila ada di antara anak-anak Ketua Kampung atau Penghulu atau pun wakil daripada kampung-kampung tadi mendapat *benefit* yang lebih daripada orang yang lebih...orang biasalah. Contohnya orang yang tak ada SPM dengan yang ada SPM ...macam di IKYS ni kita ambil pelajar yang senang cakap.. gagal daripada SPM kita *develop* daripada dia gagal.. daripada dia tak boleh pergi ke mana-mana kita *developkan* dia jadi manusia yang boleh pergi dan ada kualiti dan ada hargalah.. senang cakap. Sebab apa..sebab.. saya setiap kali pergi ke latihan loji, *student-student* saya pergi latihan loji,saya akan pergi dan saya akan tanya kontraktor yang ambil dia sebagai pelatih dan saya tanya kalau misalnya kata pelatih-pelatih saya ni keluar.. nak tak dia ambil dan majoriti..majoritinya akan ambil pelajar IKYS berbanding lebih daripada pelajar poli ke pelajar mana-mana institusi lain.. sebab yang saya tanyalah secara personal dengan kontraktor-kontraktor tadi kenapa saya tanya..sebab pelajar daripada IKYS ini lebih minat banyak yang buat kerja berbanding institusi lain sebab institusi lain dia kata sebab kalau suruh buat.. tak tahu.. suruh buat.. tak tahu.. kita *train* daripada semesta satu sampai semesta empat benda yang sama, benda yang sama untuk pergi bekerja bukan untuk pergi pada bidang yang semata-mata untuk tahu sahaja.. di sana kita ada benda yang teknikallah... lagi satu yang saya nampaklah, sebelum-sebelum ini pertambahan kursus sebenarnya ada.. kita ada buat permohonan daripada *staff,* daripada kakitangan.. banyak yang buat cadangan termasuk pernah satu ketika itu kita ada cadangkan untuk *joint venture* dengan Zul Design tahun 2007 kalau tak silap saya dan Zul Design dah datang, dah tengok tapi masalahnya dia nak jadikan tu yang kita tak tahu kenapa... macam bahagian sayalah.. sebab bahagian saya hanya semata-mata untuk mengajar dan bahagian yang untuk mengendalikan tu pihak atasanlah. Macam saya sendiri memang tak tahu lah kenapa di tak boleh jadi.. macam K A U tadi, Encik Tuan Haji Idrus pun dah terangkan dan tak tahu juga kenapa tak boleh jadi dan semasa daripada saya masuk sampai sekarang ini.. masa pemerintahan Menteri Besar yang lamalah.. saya pernah tengok dia kata kita tumpu dulu untuk elektrikal.. kita jadi kan dulu untuk elektrikal.. kita ambil dulu untuk budak-budak gagal ini tadi.. kita *develop* budak-budak yang boleh pergi mana-mana maksudnya kita bagi dia *sair-condd chance*, peluang yang dua supaya dia jadi macam orang lain juga dan Alhamdulillah setakat ini kita berjayalah... macam sekarang ini ada juga yang jadi kontraktor, ada yang pergi *off-show*, pergi luar negeri pun ada... yang boleh sambung ke USM pun ada.. daripada nak masuk USM tak boleh tapi masuk IKYS.. tengok CGPA ok.. boleh masuk UNISEL boleh masuk USM. Kita adalah contoh-contoh pelajar-pelajar yang macam itu

jadi pada saya kalau kita bangunkan dan kita kekalkan sebenarnya ada lebih elok dan bertambahan kursus itu sebenarnya bukan tak pernah mohon tetapi layan atasan.. kita tak tahu macam mana yang dia orang fikirkan.. itu sahaja lah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pelajar-pelajar ini siapa yang biayai?

PUAN NORAZAH ASARI : Majoriti mendapat pinjaman daripada Yayasan Selangor tapi dalam konteks pinjamla. Ada juga sebahagian kecilnya tak sampai pun 10% di taja oleh Pusat Zakat Selangor iaitu bergantung kepada kelayakan merekalah dan Yayasan Raja Muda Selangor ada juga membantu pelajar-pelajar miskin dari segi memberi elaun makan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Semua pinjaman dan elaun-elaun ini adakah untuk Bumiputera sahaja ataupun tanpa kira.

PUAN NORAZAH ASARI : Tak kira..ada juga pelajar yang bukan Bumiputera pun mendapat juga..cuma satu keistimewaan pelajar-pelajar IKYS bagi Yayasan Selangor, tidak kira Bumiputera atau tidak... mereka boleh mendapatkan pinjaman Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Pinjaman ke *scolarship?*

PUAN NORAZAH ASARI : Pinjaman. Ok baru ini baru *first batch* yang baru *grad* pada 29 Julai yang lalu. Pelajar-pelajar yang mendapat purata nilai gred kumulatifnya 4.0.. pinjamannya ditukarkan kepada biasiswa.. 4.0. Kami sebenarnya dalam kertas kerja.. saya yang kemukakan sebenarnya di situ kertas kerjanya.. kita berperingkat...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *I'm not asking that ...but I see every student coming in the government support and give some 100 dolar to cover the expences. They sign the aggrement on..* pinjaman I tak tahulah.. I difahamkan bukan begitu

PUAN NORAZAH ASARI : Saya kurang faham di situ...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Bukan dia bagi satu tahun berapa... satu *student..* kalau 5000 , 5000 belanja untuk dia ..dapat dari Kerajaan Negeri..

PUAN NORAZAH ASARI : Tak ada...tak ada..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *Maybe I'm wrong...*

PUAN NORAZAH ASARI : sebelum ini memang ada satu *batch* yang dah keluar.. yang lepas *batch* ketujuh belas.. mereka ini ditaja oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, UPEN, Kerajaan Negeri itu ada.. tapi satu *batch* sahaja lepas itu tak ada dah...baru tamat pelajar tersebut dan untuk..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *You.. tadi kata there is potencial to..all that tapi dalam sepuluh tahun ini.. income.. if my reading of the account is right income from this Januari generated 5 million ... operating cost 14 billion..* kerugian dari itu juga Sembilan *million..* so satu tahun satu *million* lost ini.. selain daripada *capital cost... capital cost* sebelas ke dua belas million dah belanja..ini saya berasa kerana nombornya kecil ..kalau *you* dah jalankan institusi dengan seribu orang tak kan jadi begitu..that why.. pandangan sayala.

PUAN NORAZAH ASARI : Kita bersetuju dengan itu.. dengan pertambahan pelajar bermakna boleh menambahkan pendapatan.. tapi kita perlu juga melihat dari segi kos ini.. pendidikan yang kita beri adalah pendidikan kemahiran. Saya rasa dia ada perbezaannya dengan pendidikan sekolah. Jadi pendidikan kemahiran memang kosnya tinggi sebab dari segi peralatan, dari segi bahan guna habis, memang *costly*. Bahan itu sendiri pun kalau kita lihat dalam tempoh 2 minggu pun boleh bertambah harga. Jadi itu saya rasa.. itu satu... sebab mengapa kos itu tinggi dan payah untuk kita.. *break even*..pernah juga kami membuat lawatan di institusi-institusi kemahiran yang lain dan mereka mengakui ini. Nak *break even* memang payah.. *at least 20 years.. at least 20 years..* jadi di sini ditambah pula dengan IKYS yang senarionya asyik berpindah.. jadi keadaan ini offcourse lah akan berlaku dan itu yang kita lihat dari segi.. di sini saya perhatikan bahawa sekiranya ada alternatif lain contohnya pertambahan kos dan sebenarnya kita juga berusaha untuk mendapatkan tajaan-tajaan daripada badan-badan atau agensi-agensi yang memberi tauliah kepada kursus-kursus kemahiran yang ada. Contohnya CIDB. Kalau JPK SKM dia berbentuk pinjaman juga. Tabung kemahiran dan berbentuk pinjaman jadi isunya sama walaupun dari segi prosedur pembayaran dan sebagainya berbeza-beza tetapi dari segi.. sekarang ini yang dilihat dari segi tajaan dari segi kos dan majoriti di kalangan pemohon yang mereka tanyakan bila memohon itu dapat elaun ke tak?.. *free* ke tak?.. jadi di IKYS memang tidak ada.. kalau Yayasan Selangor pun dia pinjaman tapi kita juga berusaha contohnya macam tadi yang kita dapat pentauliahan daripada CIDB. Tujuannya seperti inilah nak mendapatkan dana supaya pelajar itu masuk tanpa melibatkan kos yang tinggi. Bermaknanya di situ mereka belum lebih belajar tanpa memikirkan soal kewangan.. itu pandangan sayalah..

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kita berpindah kepada isu.. perpindahan IKYS ke INPENS.. bila Bahagian Pendidikan IKYS dapat maklumat.. tahu berita itu?

PUAN NORAZAH ASARI : Ok saya ingin merujuk kepada Minit Mesyuaratlah ye. Ok berdasarkan kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi kita dimaklumkan tetapi di sini Pengurus Bahagian masih ada.. Encik Kasmuni... pada mesyuarat kali ke 100 Mesyuarat Pengurusan Tertinggi ada dinyatakan.. dimaklumkan bahawa pengoperasian IKYS menunjukkan kerugian setiap tahun 60,000 ribu ringgit sebulan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bila tarikh itu?

PUAN NORAZAH ASARI : Tarikh mesyuarat..ok..pada 18 Mei 2010. Ok dan.. di situ dimaklumkan sehingga tahun 2009 IKYS mencatatkan kerugian terkumpul sebanyak 8.7 juta.. jadi di situ pihak pengurusan IKYS diminta menyediakan kertas cadangan.. menerangkan kedudukan status pelaksanaan IKYS sama ada diteruskan sebagai IKYS atau cadangan alternatif yang lain sebagai Kem PLKN. Saya merujuk kepada Minit Mesyuarat tersebutlah, jadi di sini Pengurus memaklumkan kepada staff.. cuma pada masa itu saya tidak berada di sini kerana saya sedang mengikuti kursus di INTAN tetapi ada dimaklumkan bahawa IKYS perlu menyediakan kertas cadangan tersebut. Jadi IKYS sudah menyediakan kertas cadangan tersebut dan pada malam itu jugak, saya difahamkan rakan-rakan tenaga pengajar sehingga lewat malam menyediakan kertas cadangan tersebut dan saya di INTAN juga melalui telefon pun bermesyuarat jugalah tapi tidak secara terus dan telah dikemukakan kertas cadangan tersebut untuk dipertimbangkan oleh Pihak Pengurusan. Tetapi saya difahamkan semasa saya tak ada pada keesokan hari... dia.. bermakna kalau mesyuarat pada 18 Mei, 19 Mei lah.. ok dah dikemukakan tetapi saya difahamkan kertas cadangan itu diemailkan terlebih dahulu kepada

pihak Pengurus Besar. Di situ kita ada mencadangkan beberapa kursus dan juga sebab dan akibat sekiranya IKYS diteruskan ataupun di tutup dan di situ... daripada kertas cadangan itu.. dengan itu Pihak Pengurusan Tertinggi saya rasa di situ mungkin yang banyak terlibat adalah Pengurus Besar sendirilah... untuk melihat kertas cadangan itu dan *feedback* yang di perolehi melalui email yang diserahkan... yang dihantar kepada saya.. email yang dihantar oleh Encik Ilham kepada saya pada 1 Jun...boleh saya bacakan.. *YS can consider this appeal provided IKYS management* dan disini Encik IlHam menyatakan *drop the courses approved by ST which proved to be expensive or anuneconomical. Pursue courses approved by MLVK or SKM only. Convince Yayasan Selangor that IKYS will not incur monthly cost overrun by prepairing and submitting a comprehensive cash- flow. They can start with the cash- flow for the month of June to December 2010. The July 2010 intake should be up to the maxisum capasity with no additional teaching staff or equipment with courses under MLVK/ SKM not ST. Get the necessary approval now!.* ini email yang saya terima pada Encik Ilham sendiri lah yang berkaitan dengan... bagi saya feedback daripada kertas kerja yang dicadangakan. Dan satu yang terakhir..yang saya rasa amat sedihlah *otherwise I will bury IKYS. This is not a threat but a promise.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sekali lagi..

PUAN NORAZAH ASARI : *otherwise I will bury IKYS. This is not a threat but a promise.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Bury..*

PUAN NORAZAH ASARI : *Yes..*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kambus..tanam..ok..Saya berminat... Jawatankuasa berminat untuk tahu tadi kenyataan pada Mesyuarat 18 Mei tahun inikan.. siapa yang mempengerusikan mesyuarat tersebut

PUAN NORAZAH ASARI : 18.. Encik Ilham

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Encik Ilham sendiri.. dimana

PUAN NORAZAH ASARI : Encik Ilham Marzuki sebagai Pengerus Besar sebagai Pengerusi di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 18 Menara Yayasan Selangor .

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Masa itu sudah jelas pilihan sama ada dalam minit tadi..yang dibacakan untuk kekal IKYS ataupun PLKN...boleh jelaskan?

PUAN NORAZAH ASARI : ...atau cadangan alternatif yang lain sebagai kem PLKN

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Siapa yang melontarkan

PUAN NORAZAH ASARI : Saya tak pasti siapa yang melontarkan... di sini tidak menyatakan siapa yang melontarkan idea PLKN tersebut... di sini pun masa itu tidak mesyuarat ini Pengurus yang hadir dan kami di kalangan *staff* hanya dimaklumkan yang nak diganti PLKN *so we have to fight* sama ada nak tutup atau nak terus itu yang sehingga lewat malam staff...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Alasan yang paling utama yang dinyatakan dalam mesyuarat adalah kerugian..

PUAN NORAZAH ASARI : Yes..Yang disebut yang 60,000 ribu ringgit sebulan.. 8.79 juta

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Bila ada..bila Bahagian Pendidikan membuat cadangan balas adakah di situ di letakkan perancangan bagaimana nak mengurangkan atau menghapuskan mendeposit tu.

PUAN NORAZAH ASARI : Saya tak nampak Bahagian Pendidikan memberi maklum balas.. hanya IKYS sahaja memberi maklum balas berdasarkan kepada apa yang minta dibuat lah itu sahaja

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : IKYS ada membuat cadangan *cash-flow*?

PUAN NORAZAH ASARI : Saya tidak membuat cadangan *cash flow* tersebut sebab bila buat dalam waktu yang segera macam itu memang saya tak boleh nak berfikir dan saya rasa dah *honestly* bila melibatkan RM...saya tak dapat jawab yang itu.. tapi saya ada mengemukakan selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Insan... Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Insan Yayasan Selangor yang dipengerusikan oleh YB Dr Halimah Ali selepas daripada sehari selepas mesyuarat tersebut, saya ada mengemukakan unjuran untuk 5 tahun tetapi termasuk kepada program *charge-man* yang kita plankan tetapi di situ nampaknya tidak diterimalah oleh pihak Pengurus Besarlah... dia melihat kepada 60,000 yang rugi sebulan..

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Apa pandangan *you* berkenaan dengan *you merge with* atau *merge with the INPENS*?

PUAN NORAZAH ASARI : *Motivatief inpact?*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *You merge with INPENS..*

PUAN NORAZAH ASARI : *Oo merge..*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: So, jadi satu badan untuk pendidikan or *technical training centre* bukan dua pihak buat *training*.. apa pandangan you ?

PUAN NORAZAH ASARI : Ok saya rasa ini ada berkaitan dengan *statement* yang dibuat di mana selepas isu IKYS agak besar timbul di surat khabar atau sebagainya. *Statement* yang dibuat ialah berkaitan dengan adanya pertindihan kursus di antara INPENS dengan IKYS.. dan kedua-duanya disebut sebagai di bawah Kerajaan Negeri. Dari segi pendidikanlah, saya melihat perkara ini.. antara INPENS dan IKYS memangnya ada berbezaan. Saya tak perlu... saya rasa kita tak perlu lihat kepada jauh cukup sijil yang ada.. sijil yang ada di IKYS ialah sijil yang di tauliahkan oleh Suruhanjaya Tenaga, satu untuk kursus elektrik dan satu lagi ialah kursus air- cond yang di tauliahkan di bawah JPK bermakna ada SKM tahap satu tahap dua... di situ sahaja kalau kita *compare* dengan kursus yang sama.. elektrik .. air-cond di INPENS. Dia ada perbezaan. Pertama sekali kita boleh lihat dalam sijil itu ialah kodnya, IKYS berdaftar dengan Kementerian Pendidikan di bawah Institut Pengajian Tinggi Awam sementara itu INPENS tidak. Kodnya... kalau kami kod K tapi INPENS kod L. Kekuatan kami di situ bila kita

kod K, pelajar kita.. lepasan kita... boleh bertugas sektor awam dan juga swasta. Tetapi bila kod L *seem* kepada swasta sahaja. Itu satu dan kalau kita lihat juga antara INPENS dan Yayasan Selangor, IKYS ini..sijil ini satu dan yang keduanya soal *merge*...bagi tafsiran saya, *merge* itu berbeza sebab kami mendapat pentauliahan sebagai Pusat Bertauliah, INPENS juga mendapat pentauliahan sebagai Pusat Bertauliah tetapi kalau kedua-duanya menjalankan kursus elektrik, kursus elektrik di INPENS di bawah pentauliahan JPK bermakna dia kursus Sijil Kemahiran Malaysia. Di Yayasan Selangor pulak kita Suruhanjaya Tenaga, jadi Suruhanjaya Tenaga dengan JPK itu pun kita nampak perbezaannya di situ so, bila... soal merge..atau gabungkan kita tidak boleh kata kita gabungkan semudah itu kerana sebenarnya kita membawa IKYS itu dari segi Pusat Bertauliah tadi, tidak boleh ada 2 Pusat Bertauliah dalam satu bumbung.. itu syarat daripada Suruhanjaya Tenaga dan dari segi SKM itu sendiri pun kalau elektrik, kalau air-cond kita jalankan kursus air-cond, INPENS juga jalankan kursus air-cond tetapi Kursus air-cond di INPENS walaupun kedua-duanya SKM ... perbezaannya tadi satu L satu K. Dia berbeza..dia berbeza, jadi di situ dari segi pasarannya sebenarnya berbeza.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi pelajar yang pindah.. sem...sem satu dia mula dengan K ditauliah dengan L lah

PUAN NORAZAH ASARI : Itu persoalannya sekarang ini sepatutnya kita selesaikan terlebih awal.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Boleh satu Sem K, tiga Sem L?

PUAN NORAZAH ASARI : Tidak boleh. Dia soal Pentauliahan tuan. Pentauliahan itu sebenarnya macam INPENS, sebenarnya mengikutlah...mengikut surat yang dikemukakan kepada pihak kami, untuk Kursus Elektrik Suruhanjaya Tenaga memberi kebenaran menjalankan kelas intensif untuk calon peperiksaan kekompetenan PW4 dan PJA1...PJA1 bermakna Penjaga Jentera Elektrik A1. Jadi di situ bermakna untuk pelajar-pelajar kami yang mengikuti Kursus Pendawai Elektrik PW2 Suruhanjaya Tenaga, tidak ada di INPENS dan kursus.. menjalankan kelas intensif ini bermakna hanya untuk difokuskan kepada nak menduduki peperiksaan. Paling mudah kita faham membuat kelas tuisyen... untuk...seperti membuat kelas tuisyen untuk periksa tetapi berbeza dengan IKYS, IKYS daripada mula sehingga habis, mendaftar, belajar, tamat, grad, semua di IKYS. Itu bezanya maknanya Pusat Bertauliah dengan kebenaran menjalankan kelas intensif. Kalau kelas intensif bermakna INPENS boleh jalankan kelas intensif peperiksaan tetapi calonnya dianggap sebagai calon persendirian yang akan menduduki peperiksaan di mana-mana pusat, bukannya di INPENS. Kita bukan sahaja Pusat Bertauliah itu menjalankan kursus dan latihan tetapi sebagai pusat peperiksaan. *That's the different between INPENS and IKYS.*

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Kalau tak silap, *your intake students, you put higher conditions* bukan? *Your selecting the better group then INPENS.* Kalau saya tak silap 5 kredit di SPM untuk *Electrical Course.*

PUAN NORAZAH ASARI : Di IKYS?

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: IKYS. Betul ke? Tapi INPENS dia fleksibel sedikit.

PUAN NORAZAH ASARI : Ok, kalau mengikut syarat untuk kemasukan dalam promosi kami. Pertama, warganegara Malaysia, keutamaan rakyat Negeri Selangor. Kedua, SPM.. maknanya ada SPM atau tamat Tingkatan 5. Di sini pihak Suruhanjaya Tenaga

sebenarnya untuk kursus elektrik, yang penting tamat Tingkatan 5. Tak ada sijil SPM pun tak apa maknanya kalau dia gagal SPM pun *its no problem.*

Y.B.TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY : Bukan 5 kredit dia minta, tak ada?

PUAN NORAZAH ASARI : *No.* tak ada. Sihat tubuh badan, mental, emosi dan lain-lain. Tidak cacat penglihatan, pendengaran dan anggota. Tidak rabun warna. Tiada rekod jenayah atau dadah. Syarat tambahan untuk Pendawai 1 Fasa PW2, untuk *part-time students*, berpengalaman bekerja dengan kontraktor elektrik berdaftar dengan ST selama 2 tahun, memiliki sijil SKM tahap 2, buku log yang lengkap. Untuk PW4, *part-time* pemegang perakuan kekompetenan PW2 sekurang-kurangnya 1 tahun, berpengalaman bekerja dengan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST melebihi 1 tahun, dan berdaftar sebagai orang kompeten, memiliki penyata KWSP, memiliki buku log yang lengkap. Ini adalah syarat-syarat kita bermakna tiada satu pun syarat yang menyebut mesti 5 kredit.

Y.B.TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *I tought you are taking better quality student. I understand.* Sekarang *I understand your course is value..*itu memang ada..*I understand.*

PUAN NORAZAH ASARI : Untuk pengetahuan Ahli Jawatankuasa, kita menerima pelajar-pelajar yang ada juga yang 9 semua dalam peperiksaan SPM. Kita menerima mereka dengan rasa bahawa mereka nak belajar dan satu lagi mengikut syarat ST itu, dia tamat Tingkatan 5. *So,* itu yang penting. Jadi sekarang ni bermakna kita nak bagi peluang kepada pelajar-pelajar ini untuk berilmu kemahiran dan mereka boleh buat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Syarat INPENS.. ada sama yang macam itu?

PUAN NORAZAH ASARI : Syarat di INPENS. Ok, ini *pamplet* yang diberi kepada sayalah. Syarat INPENS...syarat..kelayakan pernah menduduki SPM/SPVM, warganegara Malaysia, berusia 17 tahun hingga 45 tahun dan disahkan sihat tubuh badan. *That's all* syarat kelayakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oh, itu lebih tinggilah. Pernah menduduki...

PUAN NORAZAH ASARI : Maknanya ia lebih umumlah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : tak...perlu menduduki, yang ini... satu bulan Tingkatan 5 pun cukup.

PUAN NORAZAH ASARI : Ye..tak...dia tamat Tingkatan 5.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ohh, tamat Tingkatan 5. Lebih umum...Mungkin dia tak pi *exam.*

PUAN NORAZAH ASARI : *Yes*, dia mungkin tak ambil *exam*, betul. Tapi dia tamat.

Y.B.TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Untuk *electrical wiring*, bukankah dia mintak juga 4 kredit, tak ada?

PUAN NORAZAH ASARI : Tiada, tidak ada.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Saya tambah sikit tuan, syarat yang tuan sebut tadi itu ialah syarat untuk memasuki Institut Kemahiran Mara, untuk memasuki Institut Latihan

Perindustrian, untuk memasuki Institut Kemahiran Belia Negara. Itu mesti ada 4 kredit. Bagi kursus yang sama yang kita jalankan di Institut Kemahiran Yayasan Selangor. Kursus sama tapi pelajar itu belajar di Institut Kemahiran Mara atau ILP atau IKBN.. percuma. Ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan dan termasuk dengan elaun bulanan mereka sebanyak RM100. Tapi di Yayasan Selangor kita buat kursus yang sama, sijil yang sama di bawah Kementerian yang sama tapi pelajar itu pinjaman dan dia boleh masuk pula dengan tamat Tingkatan 5 sahaja. Ada beza.. maknanya dia habis SPM atau dia tamat Tingkatan 5 dia nak ambil lesen ini tapi di IKM tapi dia tak layak sebab tak ada 4 kredit tadi tapi di tempat kita, kita ambil sebab kena lihat asas penubuhan pusat latihan kemahiran ialah membantu anak-anak Negeri Selangor yang mempunyai keputusan peperiksaan SPM/PMR/SRP dulu.. yang dikategorikan tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran. Itu asas penubuhan Institut Kemahiran Yayasan Selangor.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Puan, boleh saya tanya. Jika Puan merupakan Pengurus Besar Yayasan Selangor, apakah tindakan lain yang Puan akan lakukan selain daripada memindahkan mereka kepada INPENS memandangkan kos yang sangat tinggi RM60,000 sebulan.

PUAN NORAZAH ASARI : Ok, saya teringat kepada lawatan Pengurus Besar di IKYS kali pertama. *I said to him,* apa yang IKYS perlukan adalah *will power.* Jadi di sini kalau sebagai Pengurus Besar pun *will power* itu penting bermakna di situ ada kemahuan, di situ ada jalan. *So,* kalau berkaitan dengan kos, dan kita kaitkan dengan bidang pendidikan, memang payah.. kita nak mencari keuntungan dengan pendidikan. Pendidikan ini satu pelaburan, bukan satu perniagaan dan kita nak menjadikan orang pandai. Dengan menjadikan orang pandai itu kita melihat... nak faham erti pendidikan itu bagi saya ialah kita nak menjadikan orang pandai. Bukannya kita yang tunjuk pandai. Jadi di situ saya dapat lihat bahawa kalau nak dikaitkan dengan RM dalam bidang pendidikan memang payah. Bila disebut soal kos yang tinggi, salah satu yang saya terfikir adalah...yang tadilah.. yang saya sebutkan tadi. Kita mengadakan banyak-banyak kursus, ada alternatif lain dan kita cuba mendapatkan seberapa banyak kursus-kursus yang kosnya rendah tapi *marketable* dan kita boleh dapat ramai *student.* Itu pada pandangan sayalah tetapi apa yang penting di sini, kalau nak dikaitkan pula dengan isu perpindahan.. *merge* IKYS dengan INPENS ini dengan *havoc* yang berlaku sebelum ini saya melihat kepada isu yang pertama ialah pengurusan itu sendiri. Bagaimana soal *merging* ini diuruskan. Saya tidak pernah terfikir pun sehingga kepada tahap ini. Bermakna saya tidak terfikir pun bahawa isu *merging* IKYS dengan INPENS ini hingga kepada saya boleh hadir pada hari ini.. di sini. Sebab bagi saya ia satu perkara mudah sekiranya dibuat penelitian lebih awal se *detail* yang boleh kerana bagi kami yang orang-orang lama di IKYS, awal penubuhan IKYS itu kami dah ada, kami rasa tidak salah kalau pandangan kami diterima, pandangan kami didengar tapi malangnya itu tidak berlaku... malangnya itu tidak berlaku. Jadi itu sebab perkara-perkara seperti ini berlaku lah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tak berlaku dalam masa kepimpinan Yayasan yang baru atau yang lama?

PUAN NORAZAH ASARI : Kepimpinan, kalau nak dikaitkan dengan kepimpinan yang lama, soal yang tadi lah yang kami semua timbulkan. Kursus yang banyak kita kemukakan, cadangan banyak kita kemukakan tetapi dia habis macam itu sahaja. Macam di IKYS sendiri salah satu daripada kursus lain daripada kursus-kursus yang rakan saya sebutkan tadi ada juga kursus-kursus lain contohnya kursus kimpalan yang melibatkan *international* dan saya sendiri sudah berbincang dengan TWI iaitu agensi yang menjalankan kursus kimpalan sehingga kepada *international* tetapi ia habis di peringkat atas, isunya dana, isunya apa...jadi kami pun sebenarnya kecewa...kecewa bila perkara-perkara yang kita cuba usahakan ia habis macam itu sahaja dan tiada sebarang... alasan yang kukuh. Kenapa kita tidak boleh jalankan

kursus-kursus yang lain. Kalau tak mungkin perkara seperti perpindahan daripada Kuala Selangor ke Bagan Terap dan sekarang tidak akan berlaku. Itu pandangan saya lah dan paling yang saya rasa perlu kita lihat di sini isu pendidikan tidak boleh diukur dengan *dollar and cents.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tadi keterangan daripada Puan Norazah belum habis lagi kan cuma 1hb 6 email tadi. Dalam mesyuarat mana keputusan dibuat untuk menamatkan IKYS.

PUAN NORAZAH ASARI : Dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi yang ke-100 tadi disebutkan status perlaksanaan pengoperasian IKYS tetapi isinya ialah menunjukkan kerugian RM60,000 tadi. Kemudian pada mesyuarat yang ke-101 pada 8 Jun 2010, ini saya sendiri yang hadir sebagai wakil Pengurus Bahagian yang tidak dapat hadir pada hari tersebut, di situ dalam perkara 3.4... agenda 3.4 perkara 4.8.2, mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah telah memutuskan IKYS ditutup sebagai sebuah institusi yang menjalankan Program Latihan Kemahiran. Program Latihan Kemahiran IKYS akan diserahkan kepada Kolej INPENS. Mesyuarat meminta Mesyuarat Penyelarasan dibuat dengan Pihak Pengurusan Kolej INPENS bagi membincangkan proses pengambilalihan program dan cadangan penyerapan kakitangan teknikal atau akademik. Kompleks IKYS sedia ada akan dijadikan sebagai kem PLKN. Itu pemberitahuan atau makluman yang disampaikan kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi dan ini susulan daripada... saya rasa keputusan ini adalah keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Lembaga Pemegang Amanah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar?

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Mesyuarat yang ke-101 mesyuarat apa?

PUAN NORAZAH ASARI : Mesyuarat Pengurusan Tertinggi. Yang ke-101 tadi adalah Mesyuarat Pengurusan Tertinggi. Di situ dimaklumkan...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pengurusan Tertinggi dipengerusikan oleh Pengurus Besar?

PUAN NORAZAH ASARI : Encik Ilham, ya saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi dia sampaikan saja?

PUAN NORAZAH ASARI : Ok..dalam mesyuarat tersebut.. kalau saya ingat kembali senarionya sebab saya hadir untuk isu yang melibatkan IKYS ini. Pada peringkat awal Pihak Pengurus Besar menyatakan dia tak tahu macam mana nak sampaikan tapi selepas itu disampai oleh Encik Saifuluddin yang sekarang Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan). Dia yang menyampaikan bahawa itu keputusan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dia bacakan atau pun dia...

PUAN NORAZAH ASARI : Dia sampaikan sahaja dan soalan pertama apa yang saya timbulkan di situ adakah itu keputusan atau cadangan? Peringkat awal Encik Saifuluddin sebut cadangan tetapi dibetulkan oleh Pengurus Besar dan yang lain itu keputusan.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Mesyuarat 17 Jun di INPENS?

PUAN NORAZAH ASARI : Ya.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY : Ada berapa perkara-perkara yang.. di dalam mesyuarat itu?

PUAN NORAZAH ASARI : 17 Jun. Mesyuarat 17 Jun 2010 hari Khamis di INPENS International College di Kuala Selangor. Kehadirannya adalah Presiden INPENS sendiri Y.Bhg. Dato' Maidin, Dato' Aziz sebagai Timbalan Presiden, Encik Ilham, Datin Sabariah, saya, Encik Nasharuddin dan Encik Idrus. Ok..dalam mesyuarat tersebut, saya membuat kesimpulan bahawa mesyuarat itu adalah untuk... sebagai kata pembukalah untuk menyerahkan program dan pelajar IKYS kepada INPENS.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Boleh saya tambah...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ya, sila.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Tuan Ir...yang bertanya tentang mesyuarat 17 hari bulan enam tu, kami dipanggil tanpa surat, melalui arahan lisan. Itupun melalui Ketua Pegawai Latihan, Encik Nasharuddin. Memaklumkan tentang mesyuarat tersebut dan saya dipanggil selaku Ketua Jabatan saya memanggil saya untuk bersama dia untuk menghadiri mesyuarat dan waktu tersebut Puan Norazah cuti, pun Encik Nasharuddin minta hadir. Dan apa yang berlaku dalam mesyuarat itu ialah sesi ramah mesra, perkenalan. Maknanya kesediaan selepas daripada keputusan Mesyuarat Lembaga, dia umum dalam Mesyuarat Tertinggi Yayasan dan langkah seterusnya ialah sebagai pelawaan kepada pihak INPENS tentang penggabungan Institut Kemahiran Yayasan Selangor dengan INPENS. Itu sahaja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oh, istilahnya penggabungan?

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Ya, disebut di situ penggabungan. Maknanya IKYS itu pihak Yayasan bersetuju untuk menyerahkan pelajar, kakitangan dan peralatan kepada pihak INPENS. Itu yang berlaku pada 17 hari bulan enam punya perjumpaan. Pihak INPENS juga mengalu-alukan tentang cadangan tersebut sepertimana yang disebut dalam mesyuarat itu lah. Dan habis, dia banyak bercerita tentang sejarah, bagaimana IKYS keluar pada tahun 2008 pindah Bagan Terap. Apa yang berlaku, dia kena *repair* sana, *repair* sini, betulkan sana, betulkan sini itu saja ceritanya, ada tayangan video sikit apa yang dah dia buat setelah 2 tahun dan dia bawak kami pergi melawat bengkel-bengkel dia, jamuan, balik. Itu sahaja.

Y.B.TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *You don't raise your objection's there.*

PUAN NORAZAH ASARI : Tujuan utama...

Y.B.TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *You didn't raise la?*

PUAN NORAZAH ASARI : Kami tidak. Semua di bincangkan walaupun kami hadir di situ tetapi yang lebih banyak membincangkannya adalah Pengurus Besar sendiri, Datin Sabariah dan juga Presiden Dato' Maidin.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi dalam mesyuarat 8 Jun, Pengurusan Pihak Tertinggi kat situlah dimaklumkan.

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dan dinyatakan bahawa itu adalah keputusan daripada Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah.

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang diadakan pada.... Ada tarikh Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah.

PUAN NORAZAH ASARI : Sehari sebelum... 7 Jun.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dalam mesyuarat itu ada berapa agenda?

PUAN NORAZAH ASARI : Ya?

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dalam mesyuarat 6 Jun, ada berapa perkara dalam agenda kerana agenda ini 3.1 kan?

PUAN NORAZAH ASARI : 6 Jun tak ada, 8 Jun.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : 8 Jun. Ada berapa *item* dalam agenda.

PUAN NORAZAH ASARI : Keseluruhan mesyuarat? 7 agenda, eh, *sorry* 7 termasuk Penangguhan. Ada 6 agenda besarlah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Apa dia?

PUAN NORAZAH ASARI : Ok..Agenda pertama, Ucapan Pengerusi. Macam biasa, agenda kedua, menerima dan meluluskan minit mesyuarat. Agenda ketiga perkara berbangkit, maklum balas mesyuarat kali ke-100. Agenda empat, kertas kelulusan dan laporan bahagian-bahagian.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kertas kelulusan bahagian-bahagian ini memang agenda tetap dalam setiap mesyuarat?

PUAN NORAZAH ASARI : Biasanya bahagian-bahagian akan mengemukakan laporan dan kalau ada apa-apa yang perlu mendapat kelulusan akan dibincangkanlah. Agenda kelima, Keputusan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah dan agenda keenam adalah hal-hal lain.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Baik, satu perkara barula dalam mesyuarat itu, Keputusan Lembaga Pemegang Amanah.

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Isu LPKN...PLKN tak timbul?

PUAN NORAZAH ASARI : Ya?

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Isu PLKN.

PUAN NORAZAH ASARI : PLKN.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ada ditimbulkan tak dalam mesyuarat itu.

PUAN NORAZAH ASARI : Sefaham saya, isu PLKN ini masih lagi dalam konteks cadangan tapi setakat untuk kertas cadangan ataupun permohonan dan sebagainya bagi proses mendapatkan status sebagai Pusat Latihan Khidmat Negara tersebut diminta... Pihak Pengurusan meminta Kapten Shamsudin untuk membuat atau menguruskan perkara tersebut. Mungkin dari segi kertas cadangan dan sebagainya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Selain daripada alasan kos dan kerugian yang ditanggung dalam menjalankan IKYS, ada alasan-alasan lain?

PUAN NORAZAH ASARI : Saya melihat itu adalah isu utama. Alasan-alasan lain..bila kerugian itu dikaitkan dengan pengambilan pelajar yang sedikit.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tak pernah ditimbulkan isu 2 agensi Institusi yang berlainan menjalankan kursus ataupun benda yang sama.

PUAN NORAZAH ASARI : Sepanjang saya menghadiri mesyuarat-mesyuarat, tidak timbul isu itu.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Gambarannya INPENS buat benda yang sama, IKYS pun buat benda yang sama, *why should* benda *under state* ia gabungkan. Tak pernah timbul isu itu?

PUAN NORAZAH ASARI : Yang setakat saya hadir mesyuarat isu itu tak pernah ditimbulkanlah. Tapi mungkin isu itu ditimbulkan semasa mesyuarat *board* yang saya tidak hadirlah. Pada peringkat awalnya saya diminta hadir tetapi tiga hari sebelum itu saya tidak dikehendaki hadir dalam mesyuarat *board*.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi kalau.. menurut keputusan yang telah dibuat, semua yang ada di bilik ini, 5 orang akan jadi staf INPENS lah?

PUAN NORAZAH ASARI : Hanya tenaga pengajar sahaja. Yang Pengurusan Pentadbiran masih kekal di bawah Yayasan Selangor. Tetapi pada masa ini 2 orang tenaga pengajar yang dipindahkan ke INPENS atas dasar dipinjamkan. Cuma di sini berdasarkan kepada surat. Kalau diikutkan ada beberapa konflik yang kita..pihak IKYS nampak di sini ialah dari segi pelajar dan dari segi tenaga pengajar ataupun staf. Dari segi pelajar, pelbagai isulah yang timbul berkaitan dengan proses perpindahan *merging* atau apa-apa istilahnyalah. Dari segi tenaga pengajar tadi bila dipindahkan tetapi dalam konsep dipinjamkan. Cuma dalam masa yang sama Bahagian *Human Resource* meminta tenaga pengajar ini pula menyerahkan tugas. Jadi di situ sebenarnya ada kekeliruan yang timbul.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tapi kalau menurut mesyuarat...minit mesyuarat yang diadakan pada 17 Jun, mengarahkan...memutuskan dan mengarahkan pengambilan alih operasi pengendalian bagi semua program serta pelajar dan penyerapan kakitangan akademik IKYS ke INPENS International. Penyerapan, ia tiada istilah pinjaman-pinjaman tak timbullah.

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, itu yang menjadikan kekeliruan. Sebenarnya di sini bila isu penyerapan ini timbul kakitangan sebenarnya tidak diberi penjelasan yang khusus. Penyerapan itu maksudnya yang macam mana. Kemudian saya sendiri mengambil inisiatif menemukan antara HR Yayasan Selangor dengan HR INPENS, macam mana yang nak dikatakan konsep serapan ini. Dan di situ disebabkan perkara ini masih lagi *hanging* dengan isu pelajar pentauliahan yang masih lagi tak diperolehi oleh INPENS, jadi dengan mengambil kira perkara-perkara tersebut kita mencadangkan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi yang staf ini

dalam konteks dipinjamkan dulu. Kemudian keluar surat yang meminta staf yang terlibat iaitu staf tenaga pengajar yang mengajar pelajar-pelajar semester 1 dipindahkan pula. Surat yang dikeluarkan ialah dipindahkan dengan konteks dipinjamkan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Pelajar ke?

PUAN NORAZAH ASARI : Tenaga pengajar. Pelajar diserapkan, tenaga pengajar dipinjamkan. Bermakna tenaga pengajar itu masih lagi di bawah syarat, terma skim perkhidmatan Yayasan Selangor tetapi dalam konteks pembayaran gaji, sehingga kepada bulan 8 sahaja Yayasan Selangor akan membuat pembayaran gaji untuk staf ini. Bermula daripada September, pembayaran gaji akan dibuat oleh INPENS ...walaupun dia masih di bawah Yayasan Selangor. Saya ada bertanyakan kepada pihak HR adakah itu yang dikatakan dipinjamkan itu caranya macam itu. *Sorry,* saya bertanya kepada Datin Sabariah dan Datin Sabariah kata itu konteks pinjamkan. Peringkat HR saya tidak dapat sebarang jawapan. Jadi sebenarnya di sini bila isu penyerapan staf, surat yang keluar dipindahkan, diminta serah tugas pula. Jadi di sini dari segi tenaga pengajar itu dia akan jadi konflik. Konflik sebenarnya masih dipinjamkan, bila diserah tugas bermakna tidak lagi bertugas atau tidak lagi berada di bawah Yayasan Selangor. Dan pernah juga saya timbulkan di sini di bahagian HR, apa sebenarnya status staf ini nanti bila dipindahkan kepada INPENS. Adakah status seperti VSS, diberhentikan, diserapkan atau sebagainya tapi tiada jawapan daripada HR. Perkara itu bermakna tidak dibincangkan secara meluas. Apa usaha yang dapat saya buat ialah menemukan antara HR Yayasan dengan HR INPENS untuk nak selaraskan mereka ini bila masuk ke INPENS macam mana dan akhirnya dikeluarkan surat dipindahkan dengan istilah dipinjamkan sehingga pihak INPENS mendapat pentauliahan daripada Suruhanjaya Tenaga.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ada minitnya itu?

PUAN NORAZAH ASARI : Saya bukan minit. Saya *base* kepada surat..

ENCIK MOHD SALLEHUDDIN SUMIRAN: Daripada saya, surat yang saya terima, ia bertulis, dimaklumkan bahawa tuan ditukarkan secara pinjaman ke Kolej INPENS, Kuala Selangor berkuat kuasa 01 Ogos 2010 sehingga sijil pentauliahan Suruhanjaya Tenaga di perolehi oleh pihak INPENS. Maksudnya dia tak dapat lagilah yang pada saya kat sini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Panjang cerita ya. Mungkin panjang lagi ni.

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, memang panjang. Setakat ini INPENS memang belum mendapat pentauliahan Suruhanjaya Tenaga.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berapa lama proses kalau nak dapat.

PUAN NORAZAH ASARI : Kami dulu nak mendapatkan sebagai Pusat Bertauliah bila dia orang dapat pentauliahan bermakna dia akan jadi Pusat Bertauliah. Pusat bertauliah seperti yang saya sebutkan tadi lah. Menjalankan kursus, peperiksaan dan tamat di situ. Kami dulu nak mendapat pusat Pentauliahan itu setahun setengah ada..sebab syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapat pentauliahan itu pelbagai dari segi peralatan, dari segi kelengkapan, tenaga pengajar. Tenaga pengajar yang perlu ada mestilah berdaftar dan berdaftar sebagai orang yang kompeten bukan setakat ada sijil sahaja tetapi dia mesti berdaftar. Setakat ini di IKYS tenaga pengajar kita semua sudah berdaftar dan kompetenlah maknanya . Berdaftar sebagai orang kompeten.

Y.B.TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Tuan Pengerusi, *when I see in so call merger and all that, terms of employment cannot put this type on condition there. You must*

except and the terms and employment of this must be implementto them. You cannot introduce until I get this certificate that certificate... I don't see any logic in there... I think it's not applicable on the implement law also.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tadi email tadi boleh bekalkan kepada Urusetia. Email tadi.

PUAN NORAZAH ASARI : Email Encik Ilham, boleh.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Lepas itu.. surat tadi. Surat pinjaman tadi.

PUAN NORAZAH ASARI : surat yang dipinjamkan.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Tuan Pengerusi saya nak tambah sedikit tadi. Tuan tanya berkenaan dengan jika ada 2 institusi di bawah satu tempat dalam Kerajaan Negeri Selangor. Pada pandangan saya Tuan.. sekarang ini bila ada 2, maknanya peluang untuk belia di bawah Negeri Selangor ini lebih kalau di INPENS boleh masuk 30 orang, tempat kami boleh masuk 48 orang maknanya ada 78 orang boleh masuk dalam satu sesi. Tapi bila digabungkan maka tinggal 1, jadi bila tinggal satu maknanya boleh masuk 30 orang sahaja. Benda ini makin mengecil. Apa yang sepatutnya pada pandangan saya berlaku ialah bertambahnya cawangan. Kalau kata INPENS tadi dia ada lagi satu *sub*, patutnya begitu. Maknanya ruang ini dibuka lebih luas untuk anak-anak Negeri Selangor yang keputusan peperiksaan dia itu kurang baik maknanya ruang itu lebih besar. Bukannya dikecilkan atas alasan kerugian RM60,000 maknanya kalau maksud RM60,000 ini daripada tahun 2000 lah. RM60,000 seperti yang tuan sebut tadi hampir RM9 juta.. kerugian tapi sebenarnya perkara ini saya rasa boleh diatasi dengan penambahan kursus sebenarnya. Penambahan kursus ini berlaku benda ini akan selesai tapi malang sekali kami sebenarnya dengan keadaan sekarang tak diberi peluang bercakap, tertutup. Masa kejadian berlaku pun kami cuba beri penjelasan tapi ditutup terus. Dia tanya saya...you faham apa maksud *load end barrel*? Saya pun malas nak jawab, kami diam saja sehinggalah perkara yang macam ini berlaku. Jadi maksud saya tadi kalau tuan tanya bergabung tinggal satulah maknanya makin kecil bukan makin besar.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Tujuan saya tanya tadi sebab itu kita dengar antara alasan yang diberikan oleh Pengurusan Pihak Tertinggi maknanya apa guna 2 institusi yang berbeza buat benda yang sama. Itu kita nak dengar pernah tak dijadikan alasan tapi Puan Norazah tadi telah cuba untuk buktikan bahawa tak sama pun. Dua benda yang berbeza pun, satu K, satu L.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Tapi kedua-duanya pun boleh diadakan di INPENS juga bukan?

PUAN NORAZAH ASARI : Tidak boleh. Tidak boleh ada 2 Pusat Bertauliah di bawah satu bumbung. Ia ada beza...

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: Beza K dan L, satu untuk swasta dan satu untuk...

PUAN NORAZAH ASARI : Tapi ia berada di bawah satu bangunan, itu tidak boleh.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Puan Norazah, soalan pertama. Saya nak tanya INPENS merupakan satu Institusi Swasta, jadi kodnya L.

PUAN NORAZAH ASARI : *Yes.*

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Jadi graduan daripada INPENS dalam masa sekarang tidak boleh diterima bekerja dengan Sektor Awam, betul? Ataupun JPA, maknanya dia tidak boleh bekerja dengan mana-mana kerajaan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Sektor Awam lah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Hanya sektor swasta sahaja.

PUAN NORAZAH ASARI : Kalau dari segi sijil betul.. tapi dari segi tidak boleh bekerja saya rasa saya tidak dapat bagi jawapan... tidak boleh bekerja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sijil itu tidak diiktiraf tidak diterima oleh sektor awam.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Maksud Puan tadi adalah begini Tuan, kalau di JPA, Institusi ini mesti berdaftar. Institusi-institusi awam, walaupun dia awam pun mesti berdaftar. Apa lain kalau dia swasta lah. Jadi maksudnya tadi ialah apabila dia dapat sijil dari kolej INPENS dia masuk ke jawatan sektor awam, potensi dia untuk mendapat kerja itu agak rendah berbanding dia datang daripada potensi institusi K ataupun kerajaan. Sebenarnya kita cuba *explain* dengan Datin Sabariah dulu, apa yang dia tanya pada kami ialah apa bezanya diploma akaun kalau dikeluarkan daripada UiTM, daripada UM ataupun universiti yang lain. Kami pun tak jawab sebenarnya tapi hari ini saya mungkin saya nak jelaskan sedikit kalau antara universiti sendiri pun ada perbezaan dari segi *ranking* universiti. Maksud saya bila satu pelajar ini dia habis, dia tamat, dia dapat sijil, nak minta kerja. Majikan akan tengok dia daripada mana, *you graduate* mana, di situ pun ada perbezaan walaupun diploma yang sama. Itu maksud kami. Jadi macam kes kami ini kursus *air-cond* ini Penyaman Dan Penyejukbekuan SKM Tahap 1 Dan Tahap 2. Di INPENS pun sama Kursus Penyaman Dan Penyejukbekuan SKM Tahap 1 Dan Tahap 2. Sijil yang sama, bentuk yang sama cuma di bawah itu ada kod yang berbeza, kod L dan kami punya K. Jadi persoalan ini bukanlah setakat kami menimbulkan, ibu bapa pun menimbulkan. Ramai yang menyeberang jambatan Kuala Selangor sanggup sampai ke Sabak Bernam walaupun tempat kami ini terletak jauh ke dalam daripada bandar, 13km daripada Pekan Sungai Besar. Berbanding dengan kolej INPENS, yang duduk di pekan.. tapi ibu bapa kata dengan kami, kami sanggup. Datang daripada Klang, daripada Kuala Lumpur, daripada Kuala Langat, kami seberang jambatan ni.. tak apa kerana tempat tersebut satu, kerana sijilnya kedua. Satu dia kata tempat ini jauh daripada masalah sosial sebab keliling kami pokok kelapa sawit, tak ada pusat hiburan yang ada parit. Itu saja yang ada. Jadi itu faktor berbanding kalau kursus elektrik tadi dia kursus SKM 1 dan 2, kami punya Suruhanjaya Tenaga, jadi berbeza. Ramai ibu bapa kata kami sanggup jauh... tak apa.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Maknanya sijil graduan daripada IKYS lebih laku kalau dengan perkataan yang lebih ringkas.. lebih laku daripada graduan daripada INPENS.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOR : Dia punya nilai sijil itu lebih tinggi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ok, yang kedua.

PUAN NORAZAH ASARI : Bukan soal lebih laku, nilai sijil itu lebih tinggi... nilai sijil itu lebih tinggi ...Soal laku atau tidak..dan secara jujurnya kami juga mempunyai pelajar-pelajar yang datang daripada kolej INPENS sendiri yang menyambung pengajian di tempat kami. Alasan yang mereka berikan kepada tenaga pengajar ialah.. kami tak dapat kerja.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Dah habis di INPENS, dia sambung...

PUAN NORAZAH ASARI : Dia masuk ke IKYS.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Masuk sekali lagi, satu *round* lagi.

PUAN NORAZAH ASARI : Ye.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan saya satu ialah tentang apakah pendapat Puan Norazah tentang kesesuaian Pusat Pertumbuhan Ekonomi Desa di Bagan Terap ini untuk dijadikan sebagai tempat latihan IKYS sebab ada juga satu soalan yang timbul bahawa tempat itu sebenarnya bukan untuk Institusi Kemahiran dan ia bukan satu pusat yang langsung berbeza.

PUAN NORAZAH ASARI : Kalau kita melihat dari segi beberapa aspek lah. Pertama yang selalunya menjadi isu ialah lokasi. Itu pada peringkat permulaan kami pindah ke sana. Jauh ceruk, dalam ceruk, kampung, datang pun dengan tengok sawah padi sahaja. Lepas itu datang-datang tengok keliling kelapa sawit, tiada apa. Tidak ada sebarang.. walaupun di situ tujuan utama kompleks tersebut dibina adalah untuk pembangunan Kompleks Pembangunan Desa. Jadi di situ kalau melihat pada peringkat awal, memang kami semua pun dah *down* dah *motivator* kami, *motivate* kami memang dah turun dah bila dipindahkan ke Bagan Terap sebab bukan apa...kami rasa letih dengan perpindahan. Yang keduanya terpaksa bangun balik, buat balik. Dah kali ke 4 berpindah bermakna 4 kali lah berulang perkara yang sama. Memperkenalkan, membuat itu ini, membuat promosi, habis masa di situ dan paling malang ialah Yayasan Selangor sendiri tidak ada Unit Pemasaran. Saya sudah timbulkan perkara itu dalam Perancangan Strategi Yayasan Selangor, mesti ada Unit Pemasaran. Kalau diikutkan di peringkat kami sebenarnya 98%, saya berani menyatakan 98%.. pemasaran IKYS dijalankan oleh warga IKYS sendiri. Daripada Peringkat Pengurus sampailah Peringkat Pekerja Am. Kami buat semua. Di peringkat atasan, sangat kurang.. untuk mempromosikan IKYS. Dan ini terbukti bila kami datang ke Pejabat SUK, kakitangan SUK sendiri yang pernah berurusan dengan Kakitangan Tertinggi Yayasan Selangor, dia kata Pengurusan Tertinggi tak pernah cakap pun IKYS itu. Tapi ini..kami tak kisah lah perkara tersebut sebab kami rasa tanggungjawab bersama. Kita bergerak secara *collective,* membuat promosi di setiap 9 daerah di Selangor. Jadi soal promosi itu kita terpaksa mula balik. Bila masuk ke Bagan Terap tahun pertama itu memang agak sakit sebab kita nak memperkenalkan diri dan sebagainya tetapi alhamdulillah dalam tahun yang kedua dan saya rasa kita boleh buktikan yang tahun pengambilan yang ini, dah mula naik. Dan *Feedback* yang kita dapat daripada agensi-agensi tempatan juga sangat memberangsangkan. Malah dalam Mesyuarat Peringkat Daerah, IKYS diminta dijadikan sebagai contoh dari segi program-program sahsiah, disiplin dan pengurusan. Jadi itulah, tapi..kami rasa baru nak naik tiba-tiba bila semua ini berlaku kami *down* balik, *honestly*. Bukan sahaja tenaga pengajar dan kakitangan tetapi sebenarnya pelajar juga. *So*, di peringkat awal bila pengumuman berkaitan dengan perpindahan pelajar-pelajar semester satu, kamilah juga yang merasai peritnya berhadapan dengan masyarakat. Sebab *feedback* kalau pun pelajar-pelajar yang masuk ke IKYS itu adalah pelajar-pelajar yang kita boleh golongkan dalam golongan yang tak pandai tapi mereka juga mempunyai ahli keluarga yang bijak pandai dalam mempersoalkan tentang perpindahan ini kami pun kalah dengan pengetahuan yang mereka ada. Tetapi mereka menunjukkan maklum balas bahawa sebenarnya mereka menyokong IKYS. Itu situasi yang berlaku lah. *So*, sekarang ini kekeliruan pun timbul dari segi pelajar, dari segi tenaga pengajar. Itu masalah kesan-kesan daripada yang kita dapat lihat dan kita hadapi sekaranglah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Kalau ada yang mengatakan bantahan daripada ibu bapa itu hanyalah satu permainan politik? Bagaimana ulasan Puan Norazah. Tadi ada katakan yang ibu bapa yang tau ...faham....

PUAN NORAZAH ASARI : Saya melihat senario hari pertama bila pengumuman itu dibuat. *Actualy* pada 15 Julai, pelajar baru mendaftar pada 12 Julai. Di situ ada 77 orang yang sudah mendaftarkan diri pada 12 Julai. Kemudian pada 15 hari...semenjak bermulanya pendaftaran mereka terpaksa menjalani program minggu orientasi, suai kenal lah. Jadi bermakna 15 Julai itu baru 3 hari mereka menjalani orientasi, suai kenal untuk IKYS dan juga sesama pelajar dan kakitangan. Pada 15 Julai, pengumuman berkaitan dengan perpindahan pelajar ini dibuat oleh Timbalan Pengurus Besar, Datin Sabariah dan bersama juga dengan Presiden INPENS, Dato' Maidin.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Oh, sekali.

PUAN NORAZAH ASARI : Ya, sebab kita bermesyuarat dahulu. Jadi di situ...

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Berapa hari selepas suai kenal?

PUAN NORAZAH ASARI : 3 hari.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : 3 hari.

PUAN NORAZAH ASARI : Pada hari Khamis, 15 Julai dan di situ pelajar tidak pula kita bercakap apa-apa.. sebab kami pun mengetahui nak diumumkan pada hari tersebut. 15 Julai.. sedangkan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi ada sebut perpindahan ini seawalnya Julai, selewatnya Disember. Tetapi pada 15 hari bulan kami diberitahu 1 Ogos...mulai 1 Ogos dan saya sendiri bila disebut nak diumumkan kepada pelajar.. saya sendiri menyebutkan bahawa supaya diberi masa untuk mengeluarkan notis kepada pelajar dan juga *parents,* sebab kita boleh jangkakan apa yang *respond* yang akan kita dapat. Jadi benar-benar berlaku lah. Pelajar memang menolak, dalam tempoh 3 hari sebenarnya.. kami rasa kami berbangga sebab dalam tempoh 3 hari pelajar sudah boleh menerima dan menyayangi IKYS. Dan sebenarnya sebelum mereka mendaftar pun saya sendiri menerima beberapa panggilan daripada ibu bapa yang menyatakan kenapa dia orang pilih IKYS. Pada masa tersebut saya juga sudah tahu bahawa IKYS ini nak ke mana sudahnya tetapi disebabkan arahan untuk pengambilan Julai diteruskan, *we have no choice.* Kita mengikut arahan dan kita melaksanakan arahan tersebut. *So,* di situ bila dah diumumkan, pelajar mula bertanyalah.. kenapa dan automatik pelajar semua berasa kecewa. Sebenarnya bukan setakat pelajar, kami pun... sangat kecewa.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Seluruh warga IKYS kecewa dan boleh Jawatankuasa buat kesimpulan bahawa warga IKYS tidak bersetuju dan tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat.

PUAN NORAZAH ASARI : Dalam soal sekarang Tuan Pengerusi, saya rasa bukan setuju atau tidak setuju sebab perkara itu telah diputuskan tetapi soal cara ia diuruskan. Cara ia diuruskan maksudnya di sini ialah tidak ada satu penyelesaian tentang status pelajar ini bila dia sampai ke INPENS yang paling penting soal pentauliahan itu. Soal pentauliahan daripada Suruhanjaya Tenaga, INPENS itu tak ada lagi dan kami dikuatkan dengan surat yang tadi yang saya bacakan daripada INPENS mengenai kelas intensif. Jadi di sini bila pengurusan itu tidak nampak *smooth* perkara-perkara ini *ofcourse* lah akan berlaku tambahan pula bila diumumkan pada waktu yang sangat tidak sesuai..sangat tidak sesuai.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *I don't see why can't they not said merge, use different term, i choose to different term we got INPENS. Because they got the certification, IKYS have it as another associate company or what, operate under the same roof. Just like* macam IPT semua. Dia akan ada universiti New Zealand ke, universiti Australia di bawah satu saja. Dia boleh duduk dua-dua *open. You know, under different..different parking* lah. Boleh ke tak boleh?

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Nanti dalam Jawatankuasa nanti kita buat rumusan.

Y.B. TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY: *I mean, look at other alternative.. I know one problem the student that shortage.... Second, employmet condinity of empoyed... I think they agreedble to them.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Y.B. Lau?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : *No more question.*

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ok, sebagai penghujungnya ada apa-apa ulasan, permintaan ke, rayuan terakhir yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh Jawatankuasa untuk dikemukakan ke Dewan.

PUAN NORAZAH ASARI : Mungkin kita boleh *around table* lah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : *Round table, round table.*

PUAN NORAZAH ASARI : Mungkin boleh dipecahkan kepada pendapat-pendapat mengikut individu masing-masing. Sebab macam Encik Sallehuddin, dia adalah orang yang dipindahkan. Jadi di sana pun kita perhatikan ada banyak konflik berlaku. Konflik pelajar itu sendiri dan konflik tenaga itu sendiri. Encik Saiful yang berkaitan dengan saya rasa banyak dengan pentauliahan dan Encik Idrus sebagai tenaga pengajar yang mengajar pada tahun akhir bermakna di sini ada juga konflik, sebenarnya konflik banyak timbul di kalangan pelajar itu sendiri. Pelajar yang sedia ada bila dipindahkan tapi belum tamat, sekarang kita ada 3 *batch* yang masih lagi berada di bawah IKYS bahagian terap, semesta 2, semesta 3 dan semesta 4, semesta 2 walaupun sekarang berada di sini pada dasarnya akan dipindahkan juga ke INPENS bermula pada Januari pada masa tersebut dia akan menjalani latihan biologi *so* di sini ada konflik pula, lepas ini kami hendak ke mana? Kalau ditanya kepada pelajar saya rasa seratus peratus lah bersetuju tak nak ke INPENS, kadang-kadang kami pun hairan, mereka sendiri kadang-kadang lebih tahu INPENS berbanding dengan kami, kami tidak hendak memburukkan mana-mana institusi sebab kami rasa kami ada kekuatan tersendiri tetapi bila pelajar sendiri memberi *feedback* , bila ibu bapa sendiri memberi *feedback*, kita boleh nampak bahawa mereka banyak tahu dan ibu bapa sekarang bukan nya seperti ibu bapa dulu walaupun mereka bukan dari kalangan terpelajar tetapi dalam soal pendidikan *they* area *very strike, the are very strike* dan saya sendiri menghadapi ibu bapa di mana memberi amaran kepada saya, pertama, puan jangan nak tipu saya, puan jangan nak bohong saya, saya tahu siapa INPENS dan saya sudah pergi ke sana sudah risik sudah apa, dan saya terdiam sebab saya tidak boleh menafikan yang itu dan ada juga ibu bapa yang datang bahawa mereka menyatakan bahawa mereka masih menyukai IKYS dan masih menaruh harapan, ini di suarakan sendiri oleh pelajar-pelajar dan ibu bapa penduduk tempatan pun masih juga bercakap tentang perkara tersebut walaupun sudah sebulan berlalu, jadi di situ kita dapat lihat bahawa IKYS ini sebenarnya dikenali di kalangan masyarakat dan kami di sini sebenarnya kalau nak kata sedih sebagai orang-orang yang mula-mula mengoperasi kan kursus-kursus di IKYS memanglah sangat sedih la bila semua perkara ini berlaku, soal tutup atau tidak itu sudah tidak menjadi isu lagi sekarang tetapi

soal pengurusan itu yang masih lagi diceritakan sehingga sekarang, kerana ada banyak konflik yang berlaku selepas semua ini dari segi pelajar, dari segi ibu bapa, dari segi kepercayaan, dari segi integriti Yayasan Selangor sendiri di mana ramai yang menyatakan dah tidak percaya dengan Yayasan Selangor. Jadi itu yang kita rasa perlu di lihat semula la bagi saya perlu di lihat semula perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan ini supaya selepas ini tidak lagi berlaku perkara-perkara seperti ini la.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Ya, Encik Nash.

ENCIK NASHARUDDIN BABA : Ya tuan, ar....*part* saya tuan secara jujurnya tuan kita lihat dari senario macam ini dari pada *start* Mei sehingga sekarang ini yang menjadi mangsa adalah pelajar kami sebenarnya, jadi pendapat saya, saya menyatakan bahawa kalau bolehlah dikekalkan IKYS di Bagan Terap, kalau boleh la tuan itu sahaja terima kasih.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : *Bismillahhirrahmannirahim.....*saya nak tambah sikit tadi tuan tanya tentang demonstrasi, demonstrasi itu di dalangi oleh siapa, dia sebenarnya bila hari Khamis pihak pengurusan tertinggi Yayasan mengumumkan kepada pelajar, maka pelajar ini menghubungi ibu bapa jadi hari Jumaat itu penuh la di sana, jadi dia orang tanya tentang status apa kebenaran benda ini berlaku, dan waktu itu kita tidak dapat hendak mengemukakan surat jaminan daripada pihak Yayasan ataupun Institut Kemahiran kepada ibu bapa sekadar jaminan lisan berkenaan perkara-perkara itu dan sebagai ibu bapa ini mempunyai pelbagai latar belakang jadi ada yang pergi-pergi jumpa dengan pimpinan-pimpinan parti, macam-macam partilah dari PAS, dari PKR dan dari UMNO sekali, dan saya lihat dekat situ tindakan daripada parti yang memerintah sekarang pada PAS atau PKR tidak dibuat kerana maklumat yang diterima daripada pihak pengurusan Yayasan ialah menutup atas alasan 60,000.00 ringgit, saya sebenarnya tidak mempertikaikan benda itu, rugi tersebut kalau dari segi perniagaan maknanya benda itu besar dan banyak benda lain boleh buat sebenarnya kalau dengan rugi 60,000.00, itu tidak menjadi masalahlah kami sebagai kakitangan kalau dia kata nak tutup tutup, nak gabung gabung, nak pindah pindah itu kami, kami terima apa nak kata tapi bila benda ini di bawak kepada pimpinan parti lain dia jadikan poli tikal benda itu, menutup institusi pendidikan dia tidak tanya 60,000.00 dia boleh kata zaman dia pegang dia tidak pernah tanya 60,000.00 rugi, kenapa bila sekarang timbul satu perkara ditimbulkan, jadi bila ibu bapa ini pergi jumpa dengan Doktor Ahmad Yunus jumpa dengan Doktor Halimah itu jawapan yang di bagi. Jadi ibu bapa ini kecewa dan mereka menyertai bersama dengan kumpulan yang datang ini bersama-sama demonstrasi, dan kebetulan kawasan Institut Kemahiran ini berada di bawah DUN Sungai Panjang. Iaitu di bawah Khir Toyo la. Jadi ibu bapa ini membuat bantahan ada rasional, apabila setelah secara peringkat pergi jumpa buat bantahan secara itu tidak berjalan maka mereka akan memikirkan cara lain macam mana hendak dibuat maka dekat situ saya nampak demonstrasi ini panggil pihak akhbar pihak media untuk di war-war kan dan satu Malaysia sudah tahu cerita ini. Yang saya nampak ibu bapa ini tidak berpuas hati kerana keputusan untuk memindahkan pelajar ini tanpa jaminan kolej INPENS ini ada persijilan yang sama, ibu bapa yang marah di situ ada yang baling fail bukan kata dekat saya, Puan Norazah, Encik Nasharuddin kami yang jadi mangsa keputusan yang dibuat pengurusan Ibu Pejabat Yayasan Selangor, tapi kami ditinggalkan dia orang langsung tidak turun, dia datang buat keputusan 15 hari bulan lepas itu dia balik lepas itu kami yang kena lontar, kena serang, kena baling fail kena maki hamun dalam telefon, saya rasa ini tidak bertanggungjawab dia berani bercakap tapi kami kata datanglah ke mari buat penjelasan kepada ibu bapa sebab mengikut perjalanan pergerakan pelajar kita mintak mereka berkumpul balik pada hari ahad 18 hari bulan jam 2.30 petang, demonstrasi bermula jam 10.30 pagi dan tamat jam 11.30 pagi atas arahan polis suruh

bersurai. Kami nak halang bagaimana ibu bapa ini, setelah mereka menyuarakan pergi sana pergi sini tidak boleh buat jadi itu alternatif yang mereka ada nak kata macam mana dengan mak bapak kami tidak menyuruh tidak suruh buat pun kami tunggu di dalam kawasan pagar, jadi mereka membuat demonstrasi membantah perkara ini tidak setuju sebab jaminan tidak ada, dan bila benda ini berlaku, yang amat berhormat hantar setiausaha dia doktor Razali Bin Bohli bagi mententeramkan keadaan menangguhkan perjalanan ini pada hari Rabu....

PUAN NORAZAH ASARI : Ahad.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Hari rabu....

PUAN NORAZAH ASARI : Ahad kepada Rabu.

ENCIK IDRUS MOHAMED NOOR : Hari Ahad itu patutnya 2.30 tu patutnya kita dah sediakan bas apa semua tetapi tidak jadi, sebab kemarahan ibu bapa itu tidak dapat diredakan sebab tidak ada surat, jaminan tidak ada, apa jaminan budak ini pindah sana nanti boleh ke tidak jadi benda ini kita pun tidak boleh bagi jaminan walaupun disuruh nak bagi jaminan macam mana surat pun tidak ada cakap mulut cakap mulut kebetulan ada pula seorang kakak di kalangan pelajar itu ialah pegawai khas kepada YB Noriah iaitu Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, dan sekurangnya tenaga ini berada di bawah kementerian tersebut, dia rujuk terus kepada kementerian kata tidak ada dan itu yang puan Norazah kata jangan menipu saya tahu dia kata jadi kami rasa kami ini diperbodoh bodohkan dekat sana maki hamun kena marah kami tahan, ada yang balik lupa simpang jalan balik pun ada lupa bukak lampu pun ada langgar kereta orang pun ada, sebab tekanan kami dibiarkan di dalam keadaan tekanan, jadi saya nampak pada hari rabu tersebut situasinya sama, walaupun kita ada surat waktu itu menyatakan Yayasan menjamin tentang pentauliahan apa semua tapi dengan keadaan yang berlaku hari ini saya tidak nampak pentauliahan ini INPENS boleh dapat, dan jika tidak dapat saya mencadangkan kepada pihak jawatankuasa mencadangkan kepada Yayasan apa keputusan hendak buat, sebab kita ada lagi kalau sekarang ini pelajar ini dengan bilangan yang mendaftar ada 82 orang ada dengan kami setelah pindah 36 orang berhenti tidak bersetuju, kita pulangkan balik duit penuh pendaftaran 700 ringgit kerana tidak mahu jawab apa-apa lagi soalan tidak sanggup rasanya jadi apa yang kita bagi makan pakaian kita terpaksa tanggung semuanya percuma benda itu kita pulangkan penuh, 36 orang berhenti yang tinggal dekat sana ada 46 orang mereka ini pergi atas jaminan, walaupun kita bagi surat atas jaminan guru dia ada menahan sabar tunggu kami uruskan sabar kami uruskan, tapi kalau pentauliahan tidak dapat masalah ini akan timbul sekali lagi akan berlaku lagi sekali *havoc* sekali lagi tidak tahu apa dia nak demo apa pulak selepas ini, jadi untuk makluman jawatankuasa saya rasa perkara ini pun perlu sekiranya INPENS tidak dapat pentauliahan kalau kami dulu pun satu tahun setengah tapi kalau dia mungkin ada usaha ada jalan macam mana nak mempercepatkan seperti yang saya bagi tahu tadi benda ini sudah jadi isu politik, kalaulah tidak dapat apa kita nak buat pelajar-pelajar ini kena balik balik ke sini dulu kita mencadangkan kalau betul pihak pengurusan nak tutup, benda ini bincang INPENS mohon dulu pentauliahan dapat baru bergerak, bukannya tidak dapat lepas itu bergerak lepas itu nak bagi jaminan jadi timbul banyak masalah sekarang ini jadi kami datang ke sini hari ini, jadi kami rasa pada waktu itu kalau lah pengurus besar kami tuan pengerusi rasa mudah kita bermesyuarat hari ini, ikhlas saya kata kalau itulah Datin saya rasa mudah kami memang cuba bagi tahu tetapi dia tidak mahu terima apakan daya kami ni timun dia orang itu jentolak, sekali dilenyek habis kami semua sekali tidak boleh di cakap tidak boleh di lawan kami ikut sebenarnya arahan kata suruh tangguh kami tangguh, jadi saya

berharap sebenarnya tuan IKYS ini diberi peluang sekali lagi untuk bangun, untuk bangun dan ada satu jawatankuasa yang sanggup membantu sama ada kepakaran-kepakaran teknikal diwujudkan untuk membangunkan IKYS, di situ saya lihat bukannya isu kerajaan negeri mempunyai dua tempat, kerajaan negeri mempunyai dua tempat ruang untuk anak negeri Selangor untuk belajar kemahiran bukannya dikecilkan sepatutnya dibesarkan jadi bertambah cawangan lagi sama ada di belah Bukit Beruntung, itu yang sepatutnya berlaku bukannya di kecikkan ditutupkan, itu saya rasa keputusan yang salah sepatutnya 60,000.00 yang rugi dia kata setiap bulan difikirkan cara macam mana nak dijimatkan, macam mana nak dikurangkan itu yang sepatutnya berlaku bukannya rugi 60,000.00 tutup, tutup pulak institut kemahiran dia akan jadi satu isu yang besar sekarang ini jadi saya rasa dengan kerjasama dengan pihak INPENS jugak boleh perkara ini diatasi, ada sebahagian kursus-kursus di INPENS dia boleh beri khidmat nasihat kepakaran untuk kita pulak menambah kursus, makna kalau dia jalan, kita pun jalan boleh masuk 60 orang, satu tahun pelajar SPM ada setengah juta tidak tertampung sebenarnya dengan apa yang ada kerajaan yang sedia ada, tapi kalau dikecikkan lagi makin tidak ada la jadiknya, itu pandangan saya sekian, *assalamualaikum....*

Y.B. TUAN SAARI SUNGIB : Terima kasih, ada apa-apa tambahan, Encik Saiful?

ENCIK MOHD SAIFUL FAIZAL ARBAIN: *Assalamualaikum*, ikut pandangan saya untuk kita sedia maklum dalam program kemahiran ini lebih kurang banyak kos sebenarnya yang telah dibangunkan oleh banyak pihak Kementerian Sumber Manusia di bawah Jabatan Penyeliaan Kemahiran di mana banyak lebih kurang seratus lebih program yang dijalankan oleh JPK, cuma kami ini bilangan yang kecil ada kepakaran masing-masing yang bidang itu sahaja yang kita boleh, cuma kita nak mintak daripada pihak pengurusan ataupun Yayasan Selangor kita wujudkan jawatankuasa untuk tambah program bukannya ditutup, kerana pendidikan adalah satu modal insan sebenarnya yang menjamin masa depan keluarga, saya pun tergolong dalam golongan yang susah tapi saya ambil bidang kemahiran, bidang kemahiran di mana saya diberikan rezeki dan dapat menyara hidup keluarga saya sendiri, malang sekali dalam pentadbiran terkini untuk tutup bidang kemahiran dan menutup peluang-peluang kedua kepada belia-belia, sedia maklum IKYS juga ada jawatankuasa penasihat teknikal yang diwakili oleh industri sebenarnya di bawah penyeliaan JPK dia banyak membantu sebenarnya, tetapi kita orang bawah sahaja sampai orang atas tidak dapat menerima itu yang tekanan, saya masuk IKYS saya dengar macam-macam program, proposal di war-warkan atau dikeluarkan tetapi setakat ini itu sahaja lah saya dimaklumkan, saya minta penasihat jawatankuasa ini memilih satu jalan yang terbaik untuk IKYS itu sahaja, *assalamualaikum.*

YB TUAN SAARI B SUNGIB : Terima kasih, ya, Encik Sallehuddin.

ENCIK SALLEHUDDIN SUMIRAN : Assalamualaikum semua, pada pandangan saya lah, selama hampir sepuluh tahun dengan IKYS, daripada mula-mula penubuhan sampai sekarang, saya di antara tenaga pengajar yang pertama lah sebab tenaga pengajar yang lagi satu meninggal dunialah tinggal saya dan saya cuba usahakan apa yang telah diarahkan oleh ketua saya, biasa kita jadikan satu kolej yang boleh dikenali daripada dia punya cadangannya hanya untuk belajar 3 bulan celik elektrik dan boleh diaplikasikan pada sehingga jadi penjaga jentera, *wireman* ataupun peringkat yang lebih tinggi dari situ dan sekarang ini *alhamdullillah* nampak dia punya perubahan la ya cadangan tadi tu mula-mula 3 bulan tetapi dah dijadikan sehingga boleh dapat lebih daripada 4 ataupun *wire minute* ya, daripada sini cadangan saya la sebaiknya diteruskan dan saya sendiri banyak bertanya kepada *student* yang semester satu la

sebab saya memang jaga daripada semester satu dan apa akan jadi kepada dia orang kalau saya tidak ada, andai kata misal kata INPENS *offer* saya, yayasan buang saya masuk ke INPENS saya ajar dia orang tetapi dia orang masih mempertikaikan status dia punya pentauliahan yang mana pada 26 Julai saya diarahkan melalui sms je lah suruh datang dan saya pun terkejut tak pe saya cakap saya ikut *rules no one* lah, apa-apa pun bos yang betul la saya cakap kalau bos arahkan saya pergi ya, sebab saya memikirkan saya masih lagi makan gaji dekat situ ya ataupun berkhidmat dengan satu-satu agensi la dan 26 Julai saya pergi berdaftar di sana saya di ajukan satu soalan ada bawak surat tak daripada Yayasan ada tak daripada HR ke apa, saya cakap tidak ada arahan hanya semata-mata daripada *forward meseg* bos dapat bagi dekat saya balik daripada INPENS, *so* daripada situ saya mintak penangguhan sebab sewaktu itu ada berlaga dengan majlis konvokesyen IKYS *so* saya pun terlibat untuk majlis tadi dan saya mintak tunda pada awal Ogos 3 Ogos la sebab 1,2 Sabtu Ahad *so* 3 Ogos hari pertama saya masuk dan sewaktu saya masuk pun tidak dapat lagi surat daripada HR dan bila sampai di sana *student* bertanya kan saya tentang status dia orang boleh kekal dekat sini ataupun boleh balik lagi ke IKYS di Bagan Terap, dan saya tanya secara rambang la kalau di bagi pilihan nak duduk lagi dekat sini ataupun di IKYS, mereka lebih sanggup belajar di IKYS dan saya tanya kenapa? Ada salah seorang menjawab saya pun dulu pelajar INPENS dan bila saya belajar saya keluar saya tidak boleh buat apa-apa dan saya tengok kawan saya yang sama *batch* dengan saya, sama baya dengan saya masuk di IKYS sudah bekerja dan sudah ada bidang yang dia dapat, jadi dekat situ dia ada dua perbezaan, itu yang pelajar-pelajar mintak la kemudian pada 26 Julai saya mendaftar di sana, saya hanya diberi tugas supaya dapat *convene* kan budak-budak ini atau dapat yakinkan budak-budak ini di mana INPENS ini sudah ada sijil pentauliahan dan bila saya dapat surat pada 6 Ogos saya baru dapat surat ini tadi yang bertarikh pada 30 Julai yang dapat di tangan saya pada 6 hari bulan sebab saya masa itu dah di INPENS tidak ada di IKYS la bila dapat surat ini saya terkejut yang mana bila dapat tahu la sehingga sijil pentauliahan suruhanjaya tenaga diperoleh, dekat situ sekiranya lah saya mengikut apa yang Doktor Aziz suruh saya buat beritahu kepada *student* yang mana sijil semua sudah ada, pentauliahan semua sudah ada tidak perlu risau dan satu hari nanti bila suruhanjaya sendiri tidak dapat meluluskan impak nya akan jadi pada saya, bukan pada yang ada di Bagan Terap atau pun di Yayasan ataupun Doktor Aziz sendiri impaknya ada pada saya, *so student* sendiri akan cakap saya lah dia punya apa yang dipanggil dia punya perancang la, sebab saya yang menyampaikan, kalau telus benda ini sebenarnya dia orang yang sampaikan dan sewaktu mesyuarat pada 15 hari bulan saya rasa macam tidak berpuasa hati la apabila pengerusi menyatakan kenapa baru sekarang nak mintak pertambahan kursus sedangkan kalau ikutkan saya tidak penah nampak pun dia *join meeting* untuk pertambahan kursus ke dalam bidang yang ada sekarang ini dia tidak pernah ada tetapi bila dia cakap macam itu saya rasa macam kami yang salah, kami yang tidak pernah mintak benda-benda ini sedangkan kertas-kertas kerja semua sudah ada pernah bagi, *so* dia dalam bidang lain pada masa itu dan bila masuk sini dia mungkin ada rasa macam tindakan tadi itu macam dendam la atau marah dekat IKYS ini tadi, kenapa dia nak bagi tahu kita kenapa sekarang baru tanya nak tambah kursus kenapa tidak dulu kita buat benda itu sebab dah jadi benda ini jangan tanya kena ikut sahaja, jadi kita ikutlah macam saya pun saya ikut sampai sekarang la dah pergi ke INPENS dan saya tengok *student* yang ada dekat sana dia lebih lagi berminat masih lagi berminat ke IKYS, yang mana satu *group* dari Kuala Krai daripada Doktor Hatta punya ni la bawak masuk 30 orang *student* daripada Kelantan dan bila sampai situ dia tanya nak masuk INPENS ataupun IKYS, dia kata masuk IKYS tapi bila sampai sini masing-masing macam senang cakap boikot la

tak nak masuk kelas, terpaksa dipujuk bagi tahu kenapa bila saya tanya dia punya *leader* ataupun dia punya ketua yang datang yang pernah bekerja dengan Doktor Hatta ni tadi kenapa Azlan yang lain tak nak ikut? Sebab kami ini di tipu, kata dia. Di sana di war-war kan kami ni datang belajar *free* daripada sini kalau misal kata datang sini kami kena mohon belajar kena bayar baik kami balik toreh getah lagi elok dia kata, saya cakap dengan dia tidak apa belajar *free* ada bahagian dia, nak belajar yang ini kita kena bayar saya bagi tahu dia punya bayaran apa semua, saya terangkan dia orang pun sudah faham dan boleh terima la dan ada satu bahagian pulak panggil lagi sekali bagi tahu bayaran tidak sama macam yang kita terangkan tadi, ha jadi dia dah mula rasa macam ditipu, dia kata dekat sana *free* dekat sini kena bayar cikgu kata kena bayar yang ini, yang sini kata kena bayar yang ini pulak, kita cerita yang betul-betul la yuran kita 13,000.00 sana dia kata 8,000.00, bila 8,000.00 tadi dia orang terima dan sampai satu tahap kena buat pinjaman sekali lagi dengan Yayasan untuk pertambahan kekurangan yuran tadi, *so* bila di total kan dia lebih pada yang sedia ada, jadi dekat situ dia orang tertipu sekali lagi dan tidak dapat di komis dia orang balik terus, yang budak-budak dari Kelantan itu tadi *so* daripada 52 orang tinggal 46 dan sekarang ini ada lagi yang akan keluar dan jumlah terakhir yang saya dapat tinggal lebih kurang 43 orang. Daripada 43 orang tadi tu yang kekal dan masih lagi mengharap untuk belajar di Bagan Terap IKYS nanti. Saya cakap kenapa dia kata dia punya macam sijil apa yang dia orang sudah dapat dan pernah rasa pengalaman dia orang, pengalaman daripada kawan-kawan berbeza, saya tidak tahu kenapa daripada segi nama ataupun sijil tadi tu, ya ha itulah daripada saya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Baik, terima kasih, jawatankuasa ingin mengucapkan terima kasih kepada yang hadir mewakili warga IKYS, cuma kita hendak tahu adakah pandangan yang sama daripada yang tidak hadir, ada 3 orang pensyarah lagi yang tidak hadir kan? Ada 6 orang lagi?

PUAN NORAZAH ASARI : Ada 3.....

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Yang di IKYS

PUAN NORAZAH ASARI : Sekarang ini kalau yang keseluruhan termasuk yang di INPENS tu ada 8, maknanya yang hadir hari ini 3, ada 5 lagi la.

Y.B. TUAN SAARI SUNGIB : Adakah mereka akan menyuarakan pandangan yang sama?

PUAN NORAZAH ASARI : Saya rasa ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Seluruh warga bersatu.

PUAN NORAZAH ASARI : Sebenarnya rata-rata tidak berpuas hati la.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Jadi kami mengucapkan terima kasih kerana input yang telah diberikan rasanya, dewan di samping membuat catatan kena ada penyata. Kerana butiran-butiran yang Puan Norazah beri itu perlu untuk kami teliti sekali lagi. Terima kasih kita tutup dengan surah *Al-Ash*

(Pendengaran Sesi Kedua Tamat)